



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 18

Selasa

9 April 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 9)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 34)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019	(Halaman 36)
Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019	(Halaman 56)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 35)
Menyerah Rang Undang-undang Kepada Jawatankuasa Pilihan	(Halaman 190)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 9 April 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa kos untuk rawatan IVF di hospital kerajaan dan jumlah kelahiran bayi hasil rawatan IVF yang direkodkan oleh empat hospital kerajaan iaitu Hospital Sultanah Bahiyah Kedah, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas, Sabah dan Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu setakat ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ipoh Timur. Dikurniakan cahaya mata dan zuriat adalah hampir-hampir segala kebahagiaan hidup sebuah rumah tangga.

Perkhidmatan *Assisted Reproductive Technology (ART)* seperti IVF, perubatan reproduktif dan tabung uji ini merangkumi prosedur lengkap dari siasatan makmal sehingga rawatan ubat serta prosedur di dewan bedah termasuk kaunseling. Ubat-ubat mendapat subsidi penuh dari kerajaan, manakala prosedur-prosedur akan dikenakan caj. Jumlah caj yang dikenakan untuk satu kitar sama ada *In Vitro Fertilization (IVF)* dengan izin, ataupun *Intracytoplasmic Sperm Injection (ICSI)* dengan izin, adalah sekitar RM4,500 hingga ke RM5,000 tidak termasuk ubat-ubatan kerana kos ubat-ubatan ditanggung seluruhnya melalui subsidi oleh kerajaan.

Jumlah pesakit yang telah menjalani rawatan IVF di empat hospital kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar pada tahun 2018 adalah seramai 262 orang;
- (ii) Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 2018 adalah seramai 339 orang;
- (iii) Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas, Sabah pada tahun 2018 adalah seramai 224 orang; dan
- (iv) Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu adalah seramai 151 orang pada 2018.

Jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak 685 kes pada tahun 2016, 1,039 pada tahun 2017 dan 976 kes dalam tahun 2018.

Peratus kejayaan pesakit yang menjalani prosedur IVF ini secara purata sekitar 19 peratus hingga 28 peratus, Tuan Yang di-Pertua. Kadar kejayaan ini bergantung kepada beberapa faktor seperti umur wanita tersebut, jangka masa ketidaksuburan wanita, masalah kesihatan yang sedia ada pada ketika itu dan juga termasuk kualiti sperma pasangan dan termasuklah juga berat badan ibu andainya kalau *obese* dan *overweight*.

Daripada jumlah pesakit yang dinyatakan di atas, pesakit yang berjaya hamil setelah menjalani rawatan IVF pada tahun 2016 adalah seramai 197 orang, pada tahun 2017 adalah seramai 207 orang dan pada tahun 2018 adalah seramai 189 orang. Tuan Yang di-Pertua, begitu sahaja dahulu. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya meninjau angka yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah sebanyak 685 dari empat hospital kerajaan. Sememangnya angka pesakit yang memerlukan rawatan ini adalah jauh lebih tinggi daripada angka ini. Kita sedia maklum bahawa ada klinik-klinik swasta yang membekalkan rawatan ini. Apakah usaha kerajaan sekiranya boleh untuk membantu mereka yang memerlukan rawatan untuk mendapatkan rawatan selanjutnya di klinik-klinik swasta, sama ada ada apa-apa bantuan ataupun insentif akan diberikan?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Salah satu daripada pendekatan dan bagi mengembangkan penghantaran servis perkhidmatan kesihatan di negara ini telah saya uar-uarkan untuk sekian kalinya akan kolaborasi swasta dan awam. Saya kira walaupun saya belum mengambil apa-apa tindakan secara lebih konkrit atas isu *Assisted Reproductive Technology (ART)* ini secara lebih khusus, tetapi saya kira ia juga dalam rangka usaha saya untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama pihak swasta.

Terus terang saya katakan kalau saya perhatikan, semalam saya berkesempatan untuk - saya di Alor Setar semalam dan menyambut 10 tahun bayi tabung uji ini dengan apa yang kita istilahkan dengan *Assisted Reproductive Technology* ini, menyambut 10 tahun pelaksanaan tabung uji ini di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

■1010

Saya dapati memang *waiting time* ataupun masa menunggu itu sangat lama. Namun, ada juga saya perhatikan di Hospital Sultanah Bahiyah ini mempunyai cara untuk mempercepatkan proses dan *cycle* pusingan itu antara lainnya untuk mendapatkan pesakit membeli juga ubat-ubatan. Itu satu cara yang saya kira agak inovatif dan kreatif kerana semua mahu dibantu. Semua mahu cepat. Semua mahu diberikan peluang.

Apa pun, saya kira begitu juga senarionya, situasinya di pihak swasta. Jadi, dalam hal ini, saya merasakan agak sukar khususnya dalam sistem reproduktif teknik ini untuk mendapatkan bantuan daripada pihak swasta kerana sama-sama sesak, sama-sama sarat dengan permintaannya. Adapun daripada pendekatan dan kerja perkhidmatan yang lain, saya

kira kalau ada *facilities* yang tidak digunakan di pihak swasta, mungkin saya boleh adakan kerjasama dengan pihak swasta. Akan tetapi, sistem reproduktif teknik ini saya tahu awam dan juga swasta sama mendapat permohonan yang agak *intent*, yang agak sesak dan sarat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kali pertama setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur untuk minta pihak kerajaan dan juga swasta dalam mengadakan program CSR bagi rawatan IVF ini.

Saya mencadangkan atau ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri ada usaha-usaha untuk mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan supaya pelepasan cukai diberikan kepada majikan swasta di mana pekerjaannya ada masalah untuk mendapatkan rawatan IVF? Atau pesakit atau ibu atau bapa yang memerlukan rawatan IVF ini diberikan pelepasan cukai majikan dan juga orang ramai yang memerlukan rawatan IVF ini diberikan pelepasan cukai.

Juga, kenapakah berlaku peningkatan rakyat Malaysia ini memerlukan rawatan IVF ini? Adakah kerana pemakanan atau sebagainya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Saya memandang soalan itu adalah soalan yang baik dan cadangan yang baik. Mungkin saya boleh angkat agenda ini untuk dipertimbangkan. Ini kerana saya telah tegaskan lebih awal tadi betapa bagi sebuah rumah tangga suami dan isteri untuk mendapatkan zuriat itu adalah hampir-hampir segala-galanya daripada kerukunan dan kesejahteraan hidup mereka dan sangat kita memahami bagi mereka yang lama menunggu untuk mendapat bayi atau mendapat cahaya mata ini.

Apa pun, saya boleh menyebutkan di sini akan sebab mengapa, itu satu. Saya sebutkan tadi ada dua teknik. IVF dan ICSI. IVF, kalau bagi sebabnya, adalah kerana suami. Maka, ia sukar untuk dilakukan dengan IVF, maka *it has got to be introduce* suntikan sperma itu langsung kepada 'oocyte' itu. Itu yang dikatakan *the intracytoplasmic sperm injection*. Apa pun, kedua-dua teknik IVF ataupun ICSI ini punya kelebihan dan juga kekurangannya masing-masing.

Apa yang lebih penting untuk saya sebutkan adalah dari sudut kesuburan. Ia nyata mutakhir akhir zaman ini kesuburan sama ada daripada pihak lelaki iaitu suami ataupun wanita, antara lainnya, telah saya juga bayangkan, kadang kala berat atau pun *overweight*, kegemukan isteri dan juga kekurangan suami kedua-duanya dikenal pasti punya kelemahan. Sama ada ia berbentuk *immunological* hormon, sama ada ia berbentuk struktural dari sudut— apa pun sebabnya, *fallopian tube*-nya tersumbat kah dan sebagainya. Juga, saya yakin juga adalah hasil daripada pemakanan-pemakanan yang telah cuba Yang Berhormat bayangkan tadi.

Jadi, di sini adalah sangat mustahak kaunseling dilakukan, nasihat diberikan oleh pakar-pakar. Dengan itu, untuk meningkatkan kesuburan dan andainya kalau tidak punya lain cara untuk mendekati isu ini, maka kita pergi kepada *assisted reproductive technic* ini dengan menggunakan sama ada salah satu IVF mahupun ICSI ini. Terima kasih Yang Berhormat.

2. **Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk menurunkan pengangguran dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia, pengangguran terkini pada suku tahun keempat 2018 mencatatkan kadar 3.3 peratus.

Bagi menurunkan kadar pengangguran negara, kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha berikut. Di antaranya—

Pertama, menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, menarik taraf sistem portal pekerjaan *JobsMalaysia* merupakan salah satu projek pembangunan Kementerian Sumber Manusia.

Kedua, menganjurkan program penempatan pekerjaan yang merangkumi karnival kerjaya dan temu duga terbuka yang telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari ke Disember 2018, program ini telah berjaya menempatkan seramai 168,677 orang pencari kerja.

Ketiga, mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan lain-lain dengan UTC.

Keempat, memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri seperti Skim *Protege* yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft skill and on the job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan.

Kerajaan yakin semua langkah yang telah dilaksanakan dapat membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dan mencapai sasaran mengekalkan kadar pengangguran pada tahap guna tenaga penuh iaitu *full employment* di bawah empat peratus.

Dasar Kerajaan Pakatan Harapan masih mengutamakan peluang pekerjaan kepada warganegara. Kebenaran untuk mengajikan pekerja asing hanya di sektor dan sub sektor tertentu bagi pekerjaan kategori asas sahaja. Semua permohonan penggajian pekerja asing diwajibkan dibuat secara *online* dengan mengemukakan melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx). Setiap permohonan yang dibuat akan disiasat oleh pegawai-pegawai JTK bagi memastikan kesahihan majikan, keperluan sebenar mengikut kelayakan, usaha mendapatkan pekerja tempatan, pemantauan undang-undang pemburuan dan penyediaan perumahan pekerja.

Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan di semua kategori pekerjaan. Majikan juga perlu menghadiri temu duga melalui *one stop center* di kementerian KDN. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Laporan Bank Negara Malaysia 2018 menyatakan peluang pekerjaan yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi adalah tidak mencukupi. Justeru, bagi mengelakkan ketidaksepadanan antara kerja yang ditawarkan dengan tahap pendidikan anak muda ataupun lepasan graduan, apakah langkah yang khusus yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka yang berkemahiran tinggi setimpal dengan tahap pendidikan?

Kedua, bilakah janji kerajaan untuk mewujudkan satu juta peluang pekerjaan? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih soalan ini. Yang Berhormat, nombor satu, usaha sedang dibuat secara *skilling* dan *up skilling* yang dibuat oleh TVET dan macam-macam institusi supaya anak kita mendapat pekerjaan yang baik dan pada masa itu juga mendapat pendapatan yang lumayan. Itu nombor satu.

■1020

Nombor dua, janji yang dibuat iaitu sasaran sebanyak 1 juta itu tidak menjadi masalah. Saya hendak bagi angka yang terkini yang menunjukkan bahawa dalam tempoh lebih kurang lapan bulan, kita telah pun mencapai peluang pekerjaan sebanyak 130,000 orang, iaitu pada Jun 2018 kita ada angka bilangan pekerja di negara ini 14,806,000 juta orang yang bekerja. Sekarang pada bulan Disember, sudah meningkat kepada 14.93 juta, menunjukkan peningkatan 130,000 orang.

Jadi, kita ada semestinya setiap bulan peningkatan akan berlaku dan juga di kementerian kita telah mewujudkan di mana pekerjaan hijau '*green jobs*' di mana anggaran bilangan yang akan disediakan untuk bekerja adalah sebanyak 250,000 orang dalam jangka masa lima tahun dan kita percaya bahawa inisiatif-inisiatif yang dibuat oleh kerajaan baharu di mana ada kepercayaan yang lebih selepas penukaran kerajaan memberi peluang kepada anak-anak kita untuk bekerja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, apakah betul ada kepercayaan lebih kepada kerajaan sekarang?

Tuan M. Kulasegaran: Semestinyalah Yang Berhormat. Kalau tengok angka yang saya beri, menunjukkan kalau tidak ada kepercayaan, bukan menunjukkan penurunan bilangan pekerja, peluang pekerjaan. Ini menunjukkan lebih dari itu. Kita percaya bahawa 1 juta ini satu angka yang semestinya boleh dicapai, terima kasih. Percayalah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Untuk soalan tambahan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, ada beberapa industri di negara kita yang sebenarnya sudah berkembang maju dan sekiranya dimajukan industri itu ke *downstream*, boleh menurunkan pengangguran. Akan tetapi banyak yang tidak turun ke *downstream*, sebagai contoh metanol di Labuan yang sudah beroperasi selama 30 tahun tetapi ia cuma eksport metanol. Adakah ini kegagalan Dasar

Pembangunan Sumber Manusia ataupun dasar-dasar lain dalam menggalakkan pelaburan di dalam *downstream* tersebut?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Yang Berhormat saya percaya seperti yang saya telah beritahu bahawa seperti *green jobs*, di mana sebanyak 250,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan tetapi *downstream* itu adalah mustahak. Saya rasa itu satu perkara yang perlu diambil kira supaya lebih peluang diberikan.

Saya telah berjumpa dengan Yang Berhormat baru-baru ini di ILP di Labuan dan di mana beberapa penukaran pemikiran di antara industri *players* di sana dan kita percaya bahawa usaha-usaha yang sedang dibuat dapat lebih berjaya.

Akan tetapi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat akan diambil kira dan kita akan memberi galakan yang lebih kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk *downstream*. Saya setuju bahawa *downstream* adalah perkara yang mustahak sekarang ini kerana ia akan memberi bukan sahaja keuntungan kepada syarikat-syarikat tetapi lebih peluang pekerjaan di negara ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan kepada pertanyaan Menteri yang kedua...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Soalan tambahan satu sahaja, mustahak Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua masa masih ada, mohon satu soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Ya, hanya 30 minit sahaja. Saya minta Yang Berhormat Bukit Bendera untuk mengemukakan soalan kepada Menteri seterusnya. Sila.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua selamat pagi. Sebelum saya mula saya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan dari Parlimen Padang Serai dari negeri Kedah. *[Tepuk]* Selamat datang ke Parlimen. *[Tepuk]*

3. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pencapaian *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2019* dan apakah sumbangan LIMA terhadap Dasar Pertahanan Negara.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Syukur *Alhamdulillah*, *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2019* yang telah diadakan pada 26 hingga 30 Mac 2019 telah berjalan dengan jayanya. Pameran LIMA '19 telah menarik penyertaan seramai 409 syarikat dari dalam dan luar negara yang terlibat secara langsung dalam segmen udara dan maritim bagi sektor pertahanan dan komersial.

Selain itu, pameran LIMA turut menerima penyertaan daripada 105 pesawat pertahanan dan komersial serta 104 aset maritim yang terdiri daripada kapal perang, bot tempur, kapal peranginan dan lain-lain. Penyertaan aset-aset ini menunjukkan sokongan pihak industri

pertahanan tempatan dan luar negara terhadap pameran yang dianjurkan oleh kerajaan serta menunjukkan Pameran LIMA diiktiraf sebagai satu platform untuk mempromosikan aset-aset milik yang negara yang terlibat.

Untuk makluman, Pameran LIMA '19 telah mencatatkan rekod kehadiran seramai 42,030 pelawat perdagangan dan 237,114 pelawat awam. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan penganjuran pada tahun sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, penganjuran LIMA '19 amatlah penting bagi mempromosikan Malaysia sebagai hab serantau bagi industri aeroangkasa dan *shipbuilding and ship repair* bagi industri maritim.

Bagi menarik pelaburan dari dalam dan luar negara, seminar industri aeroangkasa dan SBSR dijalankan dengan penyertaan daripada pemain-pemain industri global dan tempatan. Maklumat-maklumat terkini perkembangan industri dikongsi secara terus oleh panel-panel yang merupakan peneraju industri dan pakar dalam berbagai bidang tertentu.

Program ini telah dapat sokongan daripada MITI dan juga Kementerian Pengangkutan. Projek pelaburan bernilai RM1 bilion bagi industri aeroangkasa pada 2019. Penganjuran LIMA '19 adalah signifikan dan selari dengan pertahanan negara. Pembangunan industri pertahanan negara merupakan medium yang terbaik dalam melahirkan keupayaan pertahanan yang berdikari melalui penganjuran LIMA, industri pertahanan tempatan turut berpeluang melihat sendiri perkembangan aset dan teknologi pertahanan semasa.

Di samping itu, industri pertahanan negara turut dapat mempromosikan keupayaan dan teknologi yang dihasilkan dari dalam dan luar negara contoh industri tempatan, Syarikat ATSC dalam melaksanakan pembaikan *maintenance repair* dan *overhaul* telah berjaya menerbangkan kembali Sukhoi tanpa perlu menghantar kapal terbang itu ke luar negara, terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri menjawab soalan ini dan tahniah dan syabas kerana mencatatkan begitu ramai pelawat 200,000 lebih dan soalan saya sepanjang LIMA 2019 ini, berapakah nilai kontrak dan MoU yang telah ditandatangani melibatkan Kementerian Pertahanan, agensi kerajaan yang lain, syarikat industri tempatan dan luar negara serta butiran kerjasama tersebut? Itulah soalan saya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebanyak lima suratnya. Sepuluh surat setuju terima, tujuh kontrak dan enam MoU yang melibatkan MINDEF dan agensi kerajaan bersama agensi kerajaan yang lain, syarikat industri tempatan dan syarikat luar negara bernilai RM3.67 bilion telah diserahkan dan ditandatangani semasa majlis menandatangani MoU kontrak LIMA 2019.

Selain itu, terdapat juga pelbagai MoU ditandatangani oleh syarikat industri tempatan dan syarikat luar negara semasa 2019 yang dianggarkan antara *business-to-business* RM620 juta lebih kurang. Maka jumlah nilai kontrak dan memorandum pertahanan MoU yang telah ditandatangani melibatkan MINDEF, agensi kerajaan yang lain, syarikat industri tempatan dan syarikat luar negara sepanjang LIMA 2019 adalah bernilai RM4 bilion. [Tepuk]

■1030

Secara ringkasnya *Letter of Intent (LOI)* sebanyak lapan, *Letter of Acceptance (LOA)* sebanyak 10, MoU ada enam tapi belum kita dapat angka yang sebenarnya lagi, kontrak tujuh,

maka jumlahnya 31. Adapun nama-nama syarikat yang menandatangani, saya akan bekalkan secara bertulis kepada yang bertanya kerana ia panjang. Kalau hendak baca kesemua, ia mengambil masa lebih kurang dalam empat minit. *[Ketawa]* Saya bekalkan jawapan bertulis hal ini.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya. Daripada jumlah RM4 bilion yang disebut di MoU dan juga tandatangani, adakah semuanya yang telah di-belanjawan-kan ataupun ada pembelian luar belanjawan yang dibuat di dalam LIMA 2019.

Tuan Mohamad bin Sabu: Belanjawan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk menguruskan LIMA itu. Adapun jumlah RM4 bilion disebut itu adalah tandatangan perjanjian di antara syarikat-syarikat Malaysia dengan luar negeri dan syarikat Malaysia dengan Malaysia dan sebagainya. Jadi, soal belanjawan yang RM15 juta itu tidak termasuk dalam belanjawan yang dikemukakan itu.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Maksud saya pembelian-pembelian itu, adakah semuanya adalah yang – adakah pembelian yang luar daripada yang di-belanjawan-kan, pembelian itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Di luar—ada yang di luar, ada yang berkeupayaan dalam, dan kita akan berbincang soal belanjawan itu dari semasa ke semasa.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Luar bajet, ia ada yang di dalam bajet, ada yang di luar bajet.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu jawapan dia tadi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau ada peruntukan yang sedia ada, cukup bajet kita akan kemukakan bajet itu. Luar bajet kita akan minta belanjawan tambahan pada masa akan datang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi, kita melihat di sini bahawa dari segi—memang dia membawa satu industri yang bermodal yang masuk begitu banyak daripada industri luar negara, bukan hanya di dalam pertahanan tetapi juga dalam bidang maritim, ini yang cukup penting. Semuanya ini adalah untuk mewujudkan pekerjaan dan sebagainya dan bajet ini, kalaulah kita kata sains *agreement* antara swasta dengan swasta, itu bajet mereka. Kalau dengan kerajaan, kita melihat dari sudut perbelanjaannya iaitu dari semasa ke semasa. Bagi kita, LIMA ini cukup penting. Sama ada Kerajaan Pakatan Harapan memerintah, LIMA akan diteruskan, sama ada Barisan Nasional jadi pembangkang pun LIMA akan diteruskan. *[Dewan Ketawa]*

Barisan Nasional memerintah pun LIMA terus, Barisan Nasional pembangkang pun LIMA terus. Mana satu pun tak apa.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tahniah kerana iktiraf program Barisan Nasional.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri masih tak faham soalan saya. Tujuan soalan ini untuk mengetahui sebab pembelian-pembelian *defence* ini adalah pembelian yang besar. Selalunya berlaku

kemungkinan pembelian yang dibuat *in situ*, maksudnya benda ini tidak dirancang terlebih dahulu. Saya hendak tanya soalan itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah jawab sudah, sila. sudah jawab sudah tadi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dah jawab tadi. Kalau pembelian itu didapati bahawa tidak mencukupi, kita akan kemukakan kepada kerajaan. Kalau antara syarikat dengan syarikat, mereka bincang untuk membawa industri dan membinanya sahaja di situ. Dia fleksibel di sini, tetapi yang ditandatangani sudah RM4 bilion.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Itu yang perjanjian LIMA itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Satu lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak boleh, saya tidak benarkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]** minta Menteri Industri Utama menyatakan sama ada kerajaan ada perancangan untuk menggantikan tanaman kelapa sawit kepada buah-buahan yang boleh dieksport kepada negara lain memandangkan kelapa sawit berada dalam keadaan "*Supply Over Demand*".

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Sayangi Sawitku. Izinkan saya menjawab soalan ini, dengan soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Merbok di soalan nombor 17 pada hari ini yang menyentuh mengenai perkara yang sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan tahap kebergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit terutamanya apabila harga turun, pilihan terbaik bagi pekebun kecil adalah dengan melaksanakan integrasi tanaman atau ternakan. Pelbagai jenis tanaman bernilai dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa telah dikenal pasti seperti nanas, tembikai, pisang dan betik.

Tanaman selingan yang boleh membuahkan hasil dalam masa yang singkat adalah sesuai untuk ditanam di ruang-ruang kosong antara barisan sawit muda yang berusia kurang daripada tiga tahun. Manakala bagi tanaman jangka masa panjang yang sesuai untuk diintegrasikan adalah lada hitam, salak dan koko. Strategi penggunaan tanah secara maksimum ini dapat menjana pendapatan awal yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membangunkan sistem tanaman sawit yang dikenali sebagai Sistem Tanaman Sawit Dua Baris Kembar, yang dapat

meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang. Integrasi tanaman yang boleh dilaksanakan untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit melalui sistem tanaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Merbok pada soalan 17, tanaman getah juga boleh diintegrasikan dengan pelbagai jenis tanaman sama ada jangka pendek, sederhana dan panjang. Bagi jangka pendek, integrasi yang digalakkan adalah pisang, betik dan nanas. Pokok buah salak pula lebih sesuai bagi jangka sederhana. Bagi sistem tanaman getah pelbagai pula, integrasi tanaman seperti durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah atau kita kata *honey bee* dan kelulut ataupun *stingless bee* juga berpotensi untuk diusahakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan untuk membantu pekebun kecil. Soalan tambahan saya, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyarankan supaya setiap rakyat Malaysia mengamalkan pengambilan sesudu minyak sawit sehari. Apakah faedah berbuat demikian kerana masih ramai tidak mengetahui mengenai kebaikan minyak sawit ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Menteri sudah minum kah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau atas soalan yang tepat pada masa dan bijak. Kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merupakan satu mesej yang jelas. Jika setiap orang daripada kita mengamalkan pengambilan sesudu minyak sawit merah sehari, nescaya dia akan lebih sihat tenaga. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, minyak sawit telah terbukti kaya dengan pelbagai khasiat, terutamanya vitamin E *tocotrienol*. Ia juga mengandungi asid lemak tepu dan tak tepu yang seimbang dan paling sihat untuk dimakan.

Jadi, mengikut kajian terdapat lebih daripada 20 jenis kumpulan karotina yang terkandung dalam minyak sawit merah. Itu sebabnya ia berwarna merah berbanding minyak sawit biasa. Minyak sawit merah mengandungi 50 miligram karotina bagi setiap 100 gram minyak yang terdiri daripada jenis beta-karotina dan alpha-karotina.

Tuan Yang di-Pertua, minyak sawit kita ini juga bersifat anti-oksida dan bebas daripada lemak trans. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Tuan Yang di-Pertua dan para pegawai kerajaan dijemput melawat pameran sawit MPOC di *MP's Lounge* pada hari ini dan menikmati kelazatan minyak sawit merah. Pada petang ini semua Ahli Yang Berhormat akan diberi satu botol minyak sawit merah...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hebat. *Power, power.*

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...Dan juga *sample* vitamin E *tocotrienol*, semua akan dapat. Supaya semua jadi awet muda seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga seperti Tuan Yang di-Pertua dan juga saya. Sekian, terima kasih.

[*Dewan Riu*h]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Buluh, buluh.

■1040

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan antara cadangan empat tanaman alternatif iaitu nanas, tembikai, betik dan pisang. Bagaimana dengan cendawan? Itu satu. Seterusnya soalan tambahan saya, adakah selain daripada saranan, inisiatif berbentuk bantuan geran bawah RM1,000 atau RM2,000 untuk penanam kecil bagi mereka memulakan cadangan untuk tanaman lain?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sebenarnya cadangan yang saya sebutkan itu adalah daripada senarai yang kita terima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Hal ini kerana mengikut Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pisang, tembikai, betik dan nanas sebenarnya ia mempunyai nilai eksport yang sangat tinggi. Jadi oleh sebab dengan nilai eksport yang tinggi, misalnya saya hendak tunjukkan macam tembikai, yang pada tahun 2018, nilai eksportnya adalah RM95 juta, bagi pisang pula adalah RM33.9 juta, nanas RM27.8 juta dan betik eksportnya adalah RM30.9 juta. Jadi, itu sebabnya kita cadangkan kepada pekebun kecil sawit kalau mereka hendak adakan integrasi tanaman, tanamlah tanaman-tanaman ini kerana nilai eksportnya yang tinggi. Bagi kerajaan, mengikut Rancangan Malaysia Kesebelas, RM48 juta telah diperuntukkan kepada integrasi tanaman dan ternakan untuk lima tahun. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniahlah, awet muda selepas minum minyak kelapa sawit. Okey. Soalan saya, apakah kajian terperinci dibuat oleh kementerian Yang Berhormat apabila mencadangkan tanaman integrasi ini? Hal ini disebabkan oleh pengalaman yang lepas, peneroka FELDA misalnya, tidak menanam tanaman untuk integrasi ini kerana ia memberikan kesan bukan sahaja kepada pokok yang ditanam tadi, tetapi juga kepada kelapa sawit yang sedia ada. Ini dari segi pembesaran kelapa sawit, dari segi pengeluaran buah kelapa sawit berkurangan akibat daripada tanaman sulam iaitu istilah yang dipanggil oleh peneroka FELDA ini. Hal ini bermakna, dari segi buktinya telah jelas bahawa ia akan merugikan kerana memberi kesan kepada tanaman yang sedia ada iaitu sawit itu apabila dibuat tanaman integrasi dan sebagainya.

Jadi, adakah kajian dibuat secara terperinci mengenai perkara ini dan tanaman-tanaman yang diperkenalkan seperti buluh dan sebagainya? Buluh dan nanas, tidak kiralah yang diperkenalkan ini, adakah kajian dibuat terperinci dari segi pasaran misalnya? Masalah yang dihadapi oleh petani-petani terutamanya pekebun kecil ialah masalah pemasaran produk mereka yang selama ini tidak mampu dipasarkan. Akhirnya, kita galakkan mereka menanam selepas mengeluarkan hasil, tidak mampu untuk dipasarkan. Adakah kajian dibuat secara terperinci mengenai perkara ini? Begitu juga dari segi pendapatan. Berapa jumlah peningkatan pendapatan mereka seekor misalnya? Jadi kajian terperinci, adakah dibuat yang menyeluruh seperti ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat perlu makan lebih minyak sawit merah supaya lebih cerdik dan juga awet muda. *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat, jawapan saya bukan daripada saya...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Itu menghina itu. Tarik balik. Tarik balik. Bergurau boleh, saya puji.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa itu? Saya bergurau. Okey Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Di MPOB, di bawah Unit Integrasi Tanaman...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bergurau lain boleh, yang tadi tarik baliklah ya. Kalau hendak bergurau, yang lain-lainlah boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak apa, tarik balik kerana Yang Berhormat tidak suka makan minyak sawit merah. *It's okay.*

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: "Tidak cerdik" itu. Perkataan "tidak cerdik".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Di bawah MPOB, kita ada satu Unit Integrasi Tanaman dan Ternakan yang mana 23 teknologi telah berjaya dihasilkan. Mengikut kajian kita, memang tidak ada kesan negatif kepada tanaman kelapa sawit sekiranya kita ada integrasi tanaman. Sebenarnya di bawah unit MPOB ini, kita juga menggalakkan pekebun kecil juga menternak kambing dan juga lembu untuk menambahkan pendapatan mereka.

Mengikut kajian, kalau pekebun kecil menternak kambing, ia boleh mendapatkan pendapatan RM1,115 hingga RM2,500 bagi penternakan 30 ekor kambing di kawasan 10 hektar...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, kambing tidak sesuai, rosak pokok sawit itu. Kambing tidak sesuai, rosak pokok kelapa sawit tersebut. Itu dah pun lari. Ini tidak cerdik langsunglah jawapan ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak semestinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini adalah kajian dari MPOB. Bagi penternakan lembu, pekebun kecil akan mendapat RM2,158 hingga RM2,540 bagi penternakan 100 ekor induk lembu di kawasan 400 hektar sawit. Semua ini adalah kajian. Semua ini telah pun dilakukan di beberapa syarikat perladangan yang besar. Jadi Yang Berhormat kalau berminat, kita boleh bincang lagi. Mungkin boleh ternak lembu, tanam nanas dan sebagainya di kawasan perladangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Buluh. Buluh, buluh.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Buluh, buluh.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong namakan syarikat-syarikat yang telah melaksanakan. Saya hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, ini sesi pertanyaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apabila saya pergi ke Sabah, sawit di Kota Kinabalu, memang ternak banyak ekor lembu di perladangan sawit mereka. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Yang Berhormat Menteri...

2. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah panjang dan bajet jalan kampung serta paip air di semua negeri pada tahun 2017, 2018 dan perancangan 2019. Apakah perancangan lama dan baru untuk meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar serta laporkan kejayaannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Yang Berhormat Pontian, saya tunggu izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Program Jalan Perhubungan Desa, sepanjang 892.65 kilometer jalan kampung telah berjaya dibina di seluruh negara yang melibatkan peruntukan berjumlah RM504 juta bagi tempoh tahun 2017 sehingga 2018. Manakala pada tahun 2019, Program JPD telah diluluskan peruntukan berjumlah RM95.43 juta dengan sasaran pembinaan jalan kampung sepanjang 225 kilometer. Jumlah ini merupakan baki daripada peruntukan secara keseluruhan di RMKe-11. Di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar pula, bagi tahun 2017 sehingga 2018, sebanyak RM569.02 juta telah diperuntukkan yang telah memberi manfaat kepada 7,344 buah rumah di seluruh negara. Manakala pada tahun 2019 pula, sebanyak RM726.85 juta telah diperuntukkan dengan sasaran sebanyak 4,500 buah rumah di seluruh negara.

Bagi soalan yang kedua, untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan "Luar Bandar Sejahtera". Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi lima tahun yang akan datang iaitu tahun 2018 sehingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini meliputi enam teras iaitu:

- (i) prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- (ii) ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- (iii) keusahawanan yang melibatkan pemerksaan usahawan di luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- (iv) modal insan yang melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- (v) memperkasakan wanita luar bandar; dan
- (vi) sistem penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

Enam teras ini meliputi 29 strategi dan 94 program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema “Luar Bandar Sejahtera” tersebut. Di antara program baharu yang diperkenalkan oleh kementerian adalah Program Desa Harapan yang merupakan satu inisiatif kolaborasi antara pihak kerajaan dan swasta yang memberi fokus kepada usaha-usaha pemerkasaan ekonomi desa. Selain itu, kementerian juga akan melancarkan inisiatif Desa Digital yang bertujuan untuk menaik taraf kemudahan capaian internet di Pusat Komuniti Desa (PKD) yang akan dapat dinikmati oleh penduduk di luar bandar.

■1050

Di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar juga, kementerian akan memberi tumpuan untuk membangunkan 28 daerah di Malaysia yang termiskin dengan purata pendapatan bulanan terendah termasuk di negeri Sabah dan Sarawak. Sekali gus mengurangkan jurang daerah-daerah terpinggir tersebut dengan daerah-daerah yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat, tujuh daerah itu adalah di Kelantan, dua di Kedah, satu di Pahang dan bakinya adalah di Sabah dan Sarawak.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, kementerian akan terus melaksanakan program-program pembangunan ekonomi luar bandar sedia ada yang melibatkan pembangunan usahawan, pembiayaan dan modal insan seperti Program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE) di bawah MARA, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Sehubungan dengan itu, kementerian berkeyakinan bahawa pelaksanaan segala perancangan dan program di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini akan dapat menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dengan memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Di Malaysia ini, ada sekitar 22,000 buah kampung dan ekonomi kampung sekarang ini berada dalam keadaan suram. Harga getah dan sawit turun, belia berhijrah ke bandar, sekolah kurang murid.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menetapkan berapa sasaran pendapatan akibat daripada Desa Harapan dan juga program-program yang dilaksanakan itu? Adakah kementerian bercadang untuk membina premis perniagaan di lokasi-lokasi strategik di kawasan luar bandar? Seterusnya, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu kampung 10 produk, satu keluarga seorang usahawan, satu keluarga semua graduan? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian atas tiga soalan tambahan itu yang sebenarnya agak umum juga, tidak apa. Sebenarnya, senarai kampung di kementerian ialah lebih kurang 17,000 ya, bukan 22,000. Itulah senarai ...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 22,000 termasuk kampung rangkaian, Yang Berhormat. Kampung rangkaian. 17,000 kampung utama.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tidak apa, tidak apa. Biar saya habis. Jangan mencelah. Biar saya habis jawapan ya. Yang Berhormat Pontian tahu peraturan mesyuarat. Silalah ikut ya.

Okey, senarai di bawah kementerian ialah lebih kurang 17,000. Jadi itulah senarai yang kita akan gunakan.

Premis perniagaan memang, ya lah, satu program yang berterusan. Yang Berhormat Pontian sedar dan agensi-agensi khususnya seperti MARA dan juga Lembaga Kemajuan Wilayah— kita ada lima— mereka akan terus melaksanakan ini.

Lain semua ialah memang dia macam slogan. Tidak payah. Ini slogan daripada kerajaan lama. Kita kerajaan sekarang, kementerian sekarang di bawah kerajaan baharu akan tumpu kepada *actual delivery*, dengan izin, untuk memastikan hidup luar bandar ini memang akan terus sejahtera dan akan meningkat berbanding dengan dulu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa reformasi yang menyeluruh dalam sektor pertanian moden adalah langkah penting yang perlu diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat di luar bandar? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang, rakan seperjuangan yang lama atas soalan yang memang cukup tepat dan relevan.

Kita setuju, kita tidak pertikai keadaan ekonomi khususnya di peringkat luar bandar dan di kampung perlu dipertingkatkan. Pendekatan yang boleh saya katakan pendekatan utama seperti yang tertera dalam Pelan Harapan kita juga ialah pada infrastruktur. Infrastruktur yang kualitinya bagus atau baik sangat penting. Ini isu utama dan itulah jadi tumpuan kita untuk memastikan infrastruktur yang baik. Maksudnya, akses jalan yang baik mesti ada untuk setiap kampung, air yang terawat mesti ada, bekalan api 24 jam mesti ada.

Yang Berhormat dan Dewan ini perlu tahu, masih ada banyak kampung yang masih belum dapat ini. Jadi inilah yang akan jadi tumpuan. Walaupun dulu di bawah kerajaan lama, berbilion-bilion ringgit sudah dibelanjakan di atas nama pembangunan luar bandar tetapi masih ada ratusan kampung di Sabah, Sarawak, juga di Semenanjung, yang masih belum dapat kemudahan asas ini.

So, inilah akan dijadikan tumpuan kepada kerajaan baharu di bawah Pakatan Harapan untuk memastikan pembangunan di negara kita ini adil dan disampaikan kepada semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Timbalan Menteri.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Kalau ada soalan tambahan seminit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak. Pertanyaan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Hari ini kita akan meminda Artikel 1(2),

Soalan saya nombor tiga.

3. **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan status pelaksanaan "PeKa B40" untuk golongan berpendapatan rendah dan juga jumlah orang yang telah layak di bawah skim ini di seluruh Malaysia termasuk Sarawak. Adakah ini akan menambahkan kesesakan di hospital kerajaan dan bagaimana kerajaan bercadang untuk menangani masalah ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching.

Seperti yang telah saya tegaskan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40 (bawah 40 peratus) yang dikenali sebagai PeKa B40 yang bermatlamat untuk mempertingkatkan saringan kesihatan penyakit tidak berjangkit dengan pendekatan pencegahan sesuai dengan apa yang telah ditegaskan oleh Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam menangani NCD ataupun penyakit tidak berjangkit ini dengan pendekatan "*Prevention, prevention, prevention*". Tiga kali beliau ulangi dalam pertemuan Rantau Pasifik Barat Menteri-menteri Kesihatan 37 buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, PeKa B40 menawarkan empat pakej manfaat iaitu:

- (i) saringan Kesihatan;
- (ii) bantuan alat perubatan seumpama *stent* untuk jantung, *pacemaker*, kanta mata *intraokular*, kerusi roda dan alat terapi pernafasan *oxygen concentrator* dan sebagainya;
- (iii) insentif melengkapkan rawatan kanser RM1,000; dan,
- (iv) insentif tambang pengangkutan untuk mereka ulang-alik ke klinik.

PeKa B40 akan dilaksanakan sebagai projek perintis (*pilot project*) bermula pertengahan April ini dalam kalangan penerima Bantuan Sara Hidup dan pasangan mereka yang berdaftar berumur 50 tahun dan ke atas. Itu *pilot*-nya dari sudut projek perintis umur 50 tahun ke atas.

Buat masa ini, KKM sedang memuktamadkan semua perincian pelaksanaan termasuk menjalankan pelbagai promosi dan publisiti sama ada di media cetak, elektronik dan media sosial serta sesi penerangan secara *town hall*, dengan izin, secara bersemuka untuk menggalakkan penyertaan pengamal perubatan am dan swasta sebagai Klinik PeKa B40 di samping menggalakkan rakyat kumpulan B40 untuk menyemak kelayakan mereka sebagai penerima PeKa B40.

Merujuk kepada data Bantuan Sara Hidup (BSH) 2018, terdapat seramai 3.94 juta jumlah penerima manfaat PeKa B40 di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, seluruh Persekutuan. Berdasarkan peruntukan permulaan sebanyak RM100 juta yang diperuntukkan sebagai projek perintis, adalah dianggarkan seramai 800,000 penerima akan mendapat manfaat projek perintis PeKa B40 melalui konsep siapa cepat, dia dapat, *first come, first serve*, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, jumlah keseluruhan penerima BSH yang berumur 50 tahun ke atas di negeri Sarawak adalah seramai 416,582 orang. Bagi projek perintis ini, diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk seluruh negara. Maka dianggarkan

kurang lebih seramai 84,537 orang rakyat negeri Sarawak berpeluang menjadi penerima manfaat PeKa B40 ini, Tuan Yang di-Pertua. Begitu dulu, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih atas jawapan tadi, Yang Berhormat Menteri.

Pendapat saya, jika kita benar-benar hendak menjayakan skim ini dan juga mengurangkan *congestion* di hospital kerajaan, dengan izin, *we need to get the buy-in and a corporation from the private sector* termasuk klinik-klinik swasta yang ada. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dan mungkin insentif yang diberikan kepada mereka? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pendekatan kami sebenar-benarnya. Pelaksanaan PeKa B40 ini sebenarnya secara rata-ratanya akan dikendalikan oleh pihak swasta, klinik swasta.

Setakat ini, permohonan yang dibuat oleh klinik-klinik GP swasta adalah sebanyak 715. Permohonan yang telah kita proses adalah sebanyak 704, yang telah kita luluskan adalah sebanyak 598, ditolak empat permohonan dan yang telah juga menandatangani surat penerimaan LoA adalah sebanyak 373, Yang Berhormat.

■1100

Saya yakin inilah caranya untuk kita yang kerap saya sebutkan tentang kerjasama kolaborasi *synergy public* ataupun awam dan swasta. Di sini dengan cara begitu kita juga tidak akan membebankan fasiliti-fasiliti awam yang sudah pun terbeban lalu kita *dicongest*, dengan izin kita mengelakkan kesesakan itu dalam fasiliti-fasiliti awam dengan kita libatkan pihak swasta yang telah pun kita adakan *townhall*, perbincangan dan dialog. Lalu inilah dia setakat ini penerimaan dan permohonan dan yang mereka buat. Kita mengharapkan perkara ini akan dapat kita terus laksanakan segera dengan baik seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Menteri. Program Peka yang berdasarkan *first come first serve basis* ini sesuatu yang memungkinan ada keciciran. Jadi, kalau dibajetkan hanya 800 orang untuk tahun ini, katalah dengan peruntukan RM100 *million*. Saya hendak minta kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, adakah klinik-klinik swasta yang diberikan pengendalian ini mengenakan caj-caj yang berlebihan tanpa kawalan dan juga patutkah ini diberikan perhatian yang serius kerana yang melibatkan caj ini ialah golongan M40 atau B40. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara yang saya yakin juga mengikuti perkembangan pelaksanaan Peka B40 ini. Memang kita telah tetapkan caj yang standard bagi semua dan kita tidak akan mengizinkan penambahan caj. Semua itu adalah satu yang sifatnya standard, formatnya sama dan saringannya pun sama, *test-test*, ujian-ujianya pun sama. Lalu perkara ini telah kita rundingkan dengan klinik-klinik swasta dan kami yakin andainya kalau peruntukan untuk tahun hadapan dan juga mungkin setelah habis RM100

juta ini, saya akan memohon *supplementary budget* untuk memastikan kita akan dapat peruntukan yang agak selesa, munasabah jumlahnya untuk kita laksanakan.

Saya sebutkan tadi 3.94 juta adalah jumlah yang sewajarnya mendapat saringan itu tetapi kita hanya mampu buat 800 ribu kerana kita hanya punya peruntukan RM100 juta. Saya yakin atas kepentingan menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit ini seperti yang ditegaskan oleh WHO seperti yang saya sebutkan lebih awal tadi, saya yakin kita akan *moving forward* dengan izin kita untuk tahun hadapan akan mendapat peruntukan yang lebih baik supaya tidak ada yang tercicir seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

4. Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah Jalan Tuanku Abdul Rahman bermula dari Jalan Esfahan berhampiran Sogo hingga ke Jalan Melayu, akan ditutup kepada semua kenderaan persendirian kecuali bas awam dan pelancongan dan apakah signifikan dan jaminan kementerian penutupan jalan ini akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas serta tidak menjejaskan para peniaga di sekitar kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Tapah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menutup buat pertama kalinya Jalan Tuanku Abdul Rahman dari persimpangan Jalan Esfahan hingga ke persimpangan Jalan Melayu kepada kenderaan persendirian (*private vehicles*) pada 6 April hari Sabtu hingga 7 April 2019 hari Ahad.

Penutupan ini dikecualikan kepada kenderaan seperti bas, teksi dan kenderaan kecemasan. Masa penutupan adalah bermula dari 12.01 pagi atau tengah malam hari Sabtu hingga 12.00 tengah malam pada hari Ahad selama 24 jam termasuk hari kelepasan am. Tempoh percubaan ini akan terus dijalankan selama sebulan di sepanjang bulan April 2019. Tindakan penutupan separa atau *partial* ini adalah selaras dengan penggalakan aktiviti berjalan kaki serta mempertingkatkan landskap di bahagian jalan supaya menjadi lebih menarik kepada para pengunjung, para pembeli-belah, para pelancong selaras dengan kejayaan laluan pejalan kaki khusus *partial closure for pedestrian mall*, dengan izin di negara-negara maju di dunia.

Hal ini secara tidak langsung telah mengurangkan kemasukan bilangan kenderaan persendirian untuk memasuki di sekitar lokasi penutupan tersebut. Di samping itu juga, ia dapat menggalakkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan LRT yang sedia ada untuk menuju ke lokasi-lokasi CBD di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Pelaksanaan penutupan ini juga telah mendapat sambutan dari orang ramai dan juga pemilik-pemilik perniagaan dengan bertambahnya aktiviti-aktiviti pejalan kaki, aktiviti membeli-belah, *window shopping*, bersiar dan sebagainya yang dapat mempertingkatkan aktiviti-aktiviti perniagaan dan membeli-belah di sekitar lokasi penutupan tersebut.

Daripada pemerhatian DBKL, penutupan pertama pada 6 hingga 7 April 2019 pada minggu yang lalu mendapati bahawa pergerakan lalu lintas berjalan dengan baik, keluar masuk kenderaan ke *parking* ataupun tempat letak kereta di pusat-pusat kompleks perniagaan membeli-

belah berjalan dengan lancar tanpa kesesakan yang luar biasa. Secara amnya, pengunjung di lokasi tersebut amat mengalu-alukan penutupan yang telah dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan berharap aspirasi untuk melahirkan *shopping street* di Kuala Lumpur akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita lihat Kuala Lumpur tiga kawasan penting untuk membeli-belah ataupun pusat perniagaan yang terdiri daripada satu ialah di Little India, Brickfields. Begitu ramai pelancong asing daripada India. Satu lagi Petaling Street yang merangkumi peniaga-peniaga daripada masyarakat Cina, di Chinatown. Yang ketiganya ialah satu-satu kawasan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Melayu merupakan sebahagian besar ataupun hampir 90 peratus adalah peniaga-peniaga masyarakat Melayu.

Akan tetapi dari segi perniagaan, kalau kita lihat Little India dan Chinatown begitu ceria sehingga mereka boleh berniaga sehingga lewat malam. Akan tetapi kawasan yang merangkumi hampir semuanya ialah peniaga-peniaga Melayu, selepas pukul 8 tak ada aktiviti. Maka, adakah apa-apa rancangan daripada pihak kementerian untuk menambah peluang-peluang perniagaan ataupun menceriakan kawasan itu supaya menarik lebih ramai pelancong.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Tapah. Seperti mana yang disebutkan tadi, kawasan-kawasan seperti Brickfields dan juga Petaling Street merupakan kawasan-kawasan yang boleh dikatakan meriah dan ceria hingga ke larut malam. Bagi kawasan-kawasan di Jalan TAR dan Jalan Melayu, beberapa rancangan dijalankan, kalau kita lihatkan seperti wujudnya aktiviti pasar malam di kawasan atau di lorong TAR yang kita jalankan telah dapat menarik begitu ramai pengunjung-pengunjung daripada tengah hari hinggalah ke larut malam. Mungkin itu salah satu daripada perkara-perkara yang juga akan kita fikirkan supaya kita akan benarkan lebih banyak lagi aktiviti perniagaan hingga ke larut malam. Mungkin itu salah satu perkara yang dapat kita fikirkan. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian telah mengambil kira bantahan pekedai-pekedai yang mendapat kesan negatif dari penutupan Jalan Tuanku Abdul Rahman di kawasan Bukit Bintang ini dan bagaimanakah kementerian dan DBKL untuk menangani? Terima kasih.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Sebenarnya yang saya sebutkan tadi bahawa pelaksanaan penutupan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai termasuklah juga dengan peniaga-peniaga. Walau bagaimanapun sebelum kita melaksanakan tempoh percubaan untuk menutup jalan TAR ini, kita telah membuat *engagement* ataupun bermesyuarat dengan mereka terutamanya dari segi persatuan-persatuan penjaja dan juga bersama dengan pemilik-pemilik premis di kawasan TAR.

■1110

Kemudiannya barulah kita mengambil kesimpulan bahawa kita membuat penutupan jalan tersebut. Daripada segi yang saya sebutkan tadi, para peniaga amat mengalu-alukan daripada soal selidik dan *interview* yang kita jalankan. Para peniaga begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Puas hati.

Timbalan Menteri Wilayah [Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh]: ...Teruja dengan bertambahnya para pengunjung ke kedai-kedai mereka. Terima kasih.

5. **Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah status peperiksaan Bahasa Inggeris MUET (Malaysian University English Test) sama ada akan dikaji semula atau diteruskan dan nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, ujian *Malaysian University English Test* (MUET) akan diteruskan sebagai pra syarat kepada pelajar yang memohon kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan untuk mengikuti pengajian ijazah pertama. Ini adalah sejajar dengan tujuan MUET diperkenalkan pada tahun 1999 iaitu untuk mengisi jurang kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua pada peringkat pra universiti untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan kebolehan Bahasa Inggeris pelajar peringkat pra universiti serta untuk mengurangkan beban sumber pihak universiti dalam memperkukuhkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajarannya supaya mereka dapat berfungsi dengan berkesan terutamanya dalam hal membuat rujukan dan kajian daripada pelbagai sumber yang kebanyakannya ditulis dalam Bahasa Inggeris.

Tambahan pula, kini MUET telah disejajarkan, *align* dengan izin dengan *The Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dengan izin dan telah diterima pakai sebagai syarat kemasukan oleh beberapa universiti luar negara sama kedudukannya dengan ujian *International English Language Testing System* (IELTS) dengan izin dan *Teaching English as a Foreign Language* (TEFL) dengan izin. Memandangkan MUET telah mula diterima pakai di peringkat antarabangsa, maka Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa MUET wajar dikekalkan untuk syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan dan ber-*graduate entry and assist* dengan izin. Malah kita sepatutnya berbangga dengan produk jenama Malaysia ini. Sekian, jawapan saya.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada situasi di mana kebanyakan kursus-kursus di universiti awam tempatan ini mensyaratkan pelajar-pelajar mesti mendapat sekurang-kurangnya kelulusan *Band 4* untuk MUET, barulah mereka boleh layak dipertimbangkan mengikuti kursus ijazah. Namun begitu, ada sesetengah kes di mana pelajar-pelajar ini semasa asasi ataupun Tingkatan 6 mereka begitu cemerlang tetapi apabila mereka terpaksa menduduki peperiksaan MUET, mereka tidak dapat mencapai *Band 4* tersebut menyebabkan mereka tidak layak untuk memohon ke peringkat ijazah tersebut.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Menteri tentang keadaan ini di mana keadaan ini boleh merugikan pelajar-pelajar yang berpotensi. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih ahli Yang Berhormat Tasek Gelugor atas soalan tambahan tersebut. Syarat minimum yang ditetapkan oleh KPM adalah *Band 2*. Akan tetapi untuk universiti-universiti Senat mereka memang mempunyai autonomi untuk menetapkan syarat minimum untuk kursus-kursus yang tertentu seperti untuk kursus-kursus seperti undang-undang ataupun perubatan ataupun kursus yang terlibat yang perlu banyak menggunakan pakai bahasa Inggeris, ada universiti yang menetapkan syarat minimum tahap empat, tahap lima ataupun tahap enam. Ini memang berlaku.

Akan tetapi saya rasa apabila pihak universiti menetapkan satu syarat minimum sama ada *Band 4*, *Band 5* ataupun *Band 6* adalah kerana memang ada keperluan untuk tujuan PDP, Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Seperti yang saya sebut tadi, kebanyakan bahan rujukan adalah dalam bahasa Inggeris. Sekarang di dalam universiti banyak kursus sebenarnya dijalankan dalam bahasa Inggeris juga. Jadi saya rasa apabila universiti tentukan satu syarat minimum untuk bahasa Inggeris, itu adalah sebenarnya untuk kebaikan pelajar-pelajar kita.

Sekarang MUET ini kita ada ujian ataupun seseorang pelajar boleh menduduki MUET pada setiap bulan kerana sekarang kita ada *MUET on demand*. Jadi setiap bulan mereka boleh duduki. Macam untuk tahun ini kecuali bulan Mei, Jun dan juga Disember, setiap bulan pelajar itu boleh menduduki MUET. Jadi saya rasa itu adalah satu cara untuk kita bantu pelajar untuk mereka menyediakan diri dan menduduki MUET. Sekian, jawapan saya, terima kasih..

Dato' Seri Haji Idris Jusoh [Besut]: Dua tahun yang lalu, kementerian juga telah melancarkan *Malaysia English Assessment* (MEA) juga dengan kerjasama *Common European Framework of Reference* dan juga dengan *University of Cambridge*. Apakah status MEA masa kini?

Puan Teo Nie Ching: Saya pohon maaf kerana saya tidak ada maklumat terperinci tentang MEA ini. Akan tetapi saya hendak jelaskan di sini adalah MUET sekarang kita hendak disejajarkan dengan CEFR. Jadi untuk sekarang, untuk *Band 6* kita mendapati bahawa dia memang serupa dengan CEFR C2. Jadi untuk *Band 5* dia memang setaraf dengan CEFR C1 dan juga untuk *Band 3* dan *Band 4* adalah setaraf dengan CEFR B2. Jadi kita sekarang...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh [Besut]: Tidak apalah, mungkin boleh dijawab secara bertulis.

Puan Teo Nie Ching: Boleh, boleh, saya pohon maaf.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh [Besut]: Terima kasih.

6. **Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah pematuhan majikan terhadap perintah gaji minimum RM1,100 yang bermula awal tahun ini dan adakah terdapat mana-mana majikan yang telah memohon untuk membuat penangguhan akibat ketidakmampuan mereka melaksanakan perintah gaji minimum ini.

Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan persoalan daripada Yang Berhormat Rembau, berkaitan dengan isu pematuhan kepada pelaksanaan gaji minimum RM1,100. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan seluruh Ahli Dewan, pihak Kementerian Sumber Manusia

melalui JTK menjalankan aktiviti penguatkuasaan seperti pemeriksaan berkanun. Pemeriksaan berkanun adalah suatu aktiviti seperti mana lawatan ke tempat kerja oleh pegawai-pegawai di JTK bagi memastikan memeriksa aspek-aspek pematuhan undang-undang yang berkaitan dengan perundangan buruh oleh majikan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Ahli Dewan semua, bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 28 Februari 2019, JTK telah menjalankan 7,695 pemeriksaan berkanun. Didapati sebanyak 98 peratus daripada 7,695 majikan telah mematuhi Perintah Gaji Minima 2018 iaitu RM1,100. JTK juga dalam masa yang sama membuat siasatan tuntutan kes buruh yang difailkan oleh para pekerja berhubung dengan kegagalan majikan membayar gaji minimum daripada 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019 sebanyak 95 tuntutan kes buruh difailkan oleh pekerja yang mana 66 kes telah diselesaikan manakala 28 kes masih dalam tindakan JTK.

Selain itu aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di JTK mulai 1 Januari 2019 sehingga 28 Februari 2019 ialah sebanyak 78 aduan dan 61 aduan telah diselesaikan serta 17 kes masih dalam tindakan JTK.

Dari segi penangguhan, tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan penangguhan kecuali pada pelaksana awal dulu tahun 2012 iaitu penundaan iaitu satu perintah interim. Itu sahaja yang dibenarkan. Sehingga sekarang tidak ada peruntukan dan tidak ada penangguhan yang dibuat. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan juga pemantauan yang rapi berkenaan dengan pelaksanaan gaji minimum. Laporan Tahunan Bank Negara 2018 yang dikeluarkan baru-baru ini mendapati bahawa gaji permulaan bagi lepasan universiti tempoh tahun 2010 hingga tahun 2018 menunjukkan trend penurunan selepas mengambil kira faktor inflasi dan juga produktiviti yang meningkat. Jadi selain daripada dasar gaji minimum, apakah instrumen dasar, polisi instrumen yang ada pada kerajaan untuk menggalakkan pembayaran gaji untuk lepasan universiti yang lebih tinggi yang menepati produktiviti mereka.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini bergantung, itu hak untuk menentukan kadar gaji itu untuk ditentukan oleh pihak majikan sendiri dan juga penerimaannya oleh pihak pekerja itu sendiri. Namun, di peringkat kementerian saya percaya Yang Berhormat Maran yang pernah duduk di kerusi saya ini pun mengetahui tentang kita hanya boleh menyediakan garis panduan sahaja iaitu antaranya kita menyediakan garis panduan gaji permulaan bagi 160 pekerjaan terpilih berasaskan kepada kemahiran. Garis panduan untuk majikan menentukan kadar gaji.

■1120

Juga kita mengeluarkan baru-baru ini iaitu apa yang dinamakan Indeks Gaji Kebangsaan iaitu berasaskan kepada trend gaji semasa dan untuk menjadi panduan kepada pihak majikan dan juga pekerja membuat rundingan bagi menentukan tahap permulaan gaji. Itu sahaja yang mampu kita buat. Kita hanya *mandatory* dari segi pelaksanaan gaji minimum.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah pihak kerajaan juga mempertimbangkan cadangan yang pernah dikeluarkan oleh Bank Negara tentang *living wage* iaitu kadar gaji yang lebih tinggi daripada gaji minimum untuk membantu mengatasi masalah gaji rendah. Ini kerana sebagaimana disebut tadi oleh Yang Berhormat Rembau, sekiranya kita ada gaji minimum RM1,100 pun tetapi bagi banyak sektor pekerjaan, ia masih lagi rendah. Jadi, adakah kita boleh melihat opsyen-opsyen kerangka seperti *living wage* yang ada dilaksanakan di negara lain sebagai rujukan dan pernah dicadangkan oleh Bank Negara.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya, kita sentiasa terbuka untuk mendapatkan pendapat dan pandangan dan Majlis Gaji Negara sedia untuk mempertimbangkan cadangan-cadangan yang seperti ini. Akan tetapi sudah tentulah bahawa dalam menentukan kadar ini, ia mesti ditentukan oleh secara bersama, perundingan kesemua pihak dalam Majlis Gaji Negara yang membabitkan majikan dan juga kesatuan sekerja.

7. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah dasar dan garis panduan kementerian terhadap syarikat-syarikat telekomunikasi, terutamanya Telekom Malaysia mengenai pemasangan kabel dan infrastruktur komunikasi ke kawasan-kawasan perumahan atau perniagaan yang baru diperbangunkan dan siapakah yang patut membiayai kos tersebut.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan infrastruktur komunikasi di kawasan pembangunan perumahan atau perniagaan yang baru dibangunkan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Kos bagi pemasangan kabel dan infrastruktur komunikasi ditanggung oleh syarikat pemaju yang dilantik dan keperluan teknikal bagi mendapat khidmat kepakaran syarikat telekomunikasi yang berlesen. Kos bagi pengaktifan langganan ditanggung oleh pemilik premis atau pengguna atau pelanggan perumahan tersebut tertakluk kepada perjanjian antara pihak berkenaan. Sekian.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengenai dengan kos infra Unifi yang perlu ditanggung oleh pengguna terutamanya di kawasan pembangunan yang baharu. Pengguna yang pertama, mereka terpaksa mengganggu kos infra setinggi sehingga RM40,000. Apabila mereka bayar, ramai terpaksa bayar untuk mendapat perkhidmatan. Mereka bayar RM40,000, mereka *apply* untuk lapan talian dengan tujuan apabila ada pelanggan yang kedua dan ketiga masuk, mereka boleh meminta supaya pelanggan kedua, ketiga untuk menanggung kos RM40,000 tersebut.

Apa berlaku hari ini ialah contohnya jika lapan talian tidak digunakan dalam masa satu tahun, maka ia akan di-*forfeited* dengan izin. Apabila pelanggan yang baharu masuk, mereka terpaksa bayar lagi kos infra. Jadi dengan cara amalan daripada TM hari ini, ini tidak munasabah

dan ini menindas pengguna Unifi. Jadi, persoalan saya ialah untuk mengatasi amalan sedemikian yang tidak adil kepada pengguna, adakah kerajaan ada rancangan supaya kita wujudkan satu syarikat baharu untuk bersaing dengan TM. Hari ini ialah monopoli. Jadi, TM boleh buat sesuka hati mereka. Sudah tiba masanya untuk kerajaan mengizinkan, memberikan *license* satu lagi kepada syarikat baharu supaya mereka boleh bersaing dan akhirnya yang menerima manfaat ialah pelanggan dan pengguna.

Jadi saya hendak tanya, sebelum ini projek rintis bagi Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCCP) yang dibangunkan oleh kerajaan dengan kerjasama TNB, apakah *the latest* status tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Banyak persoalannya itu. Ada beberapa cadangan saya percaya pecahan. Akan tetapi untuk soalan dan juga pandangan berkenaan pandangan untuk mewujudkan satu syarikat lain sebagai persaingan yang sihat kepada Telekom, itu adalah perkara baik yang boleh dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, berkenaan isu kos infra tadi, ia dua perkara yang berbeza Yang Berhormat. Kalau kita bercakap tentang infra, itu adalah tanggungjawab yang perlu disediakan oleh pemaju, kontraktor. Ini adalah keperluan selaras dengan ketetapan yang dibuat di dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan Ke-64, menetapkan bahawa adalah wajib untuk pemasangan komunikasi oleh pemaju-pemaju perumahan sebagai kemudahan asas. Ini yang ditetapkan. Akan tetapi, itu tidak bermakna yang pengguna atau pemaju tidak mempunyai pilihan. Unifi itu hanyalah sebahagian daripada pilihan tawaran perkhidmatan yang dibekalkan. Sekiranya ada pilihan lain yang lebih murah dan jimat, pemaju boleh mengemukakannya kepada PBT yang berkenaan untuk kelulusan. Sekian.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, sejauh manakah usaha kementerian bagi menggesa syarikat telekomunikasi swasta dalam membantu Telekom Malaysia untuk turut sama mengeluarkan modal membangunkan infrastruktur telekomunikasi di Malaysia dan tidak hanya mengambil kesempatan dan mengaut keuntungan atas usaha TM sebagai GLC. Apakah kementerian bercadang untuk menyediakan sebuah garis panduan yang baharu untuk memastikan semua telekomunikasi menyumbang kepada pembangunan optik fiber di Malaysia?

Tuan Eddin Syazlee Shith: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menangkap soalan tadi sebab dia agak sedikit bercelaru dan kabur. Kalau boleh Yang Berhormat *rephrase* balik, dengan izin.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tidak dapat jawablah itu. Saya ulang lagi.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Saya boleh jawab *insya-Allah*. Akan tetapi kalau diperjelaskan, *insya-Allah* saya cuba jawab.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Okey saya baca sekali lagi. Sejauh mana usaha kementerian bagi menggesa syarikat telekomunikasi swasta dalam membantu Telekom Malaysia untuk turut sama mengeluarkan modal membangunkan infrastruktur telekomunikasi di Malaysia dan tidak hanya mengambil kesempatan dan mengaut keuntungan atas usaha TM sebagai GLC.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Pertama ini dikatakan sejauh mana usaha kerajaan untuk menggalakkan syarikat telekomunikasi membantu syarikat Telekom Malaysia. Ini saya keliru peranan dari segi tanggungjawab ini. Akan tetapi walau bagaimanapun, kerajaan hari ini dan KKMM khususnya sentiasa menggalakkan pelaburan dan juga segala usaha-usaha untuk memajukan telekomunikasi di negara ini. Ini termasuklah pelancaran NFCP yang akan dibuat dalam tempoh yang terdekat, *insya-Allah*.

8. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan langkah yang diambil bagi memperhebatkan lagi promosi Gunung Jerai yang telah diwartakan sebagai Geopark Kebangsaan baru-baru ini.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensi di bawahnya iaitu Tourism Malaysia (TM) sentiasa berusaha untuk mempromosikan produk-produk pelancongan negara yang berdaya saing serta mampu untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung ke Malaysia.

■1130

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian melalui TM untuk mempromosikan Gunung Jerai dan kawasan sekitarnya yang telah diwartakan sebagai *Geopark* Kebangsaan adalah seperti berikut.

Pertama, penganjuran acara Larian *Estate Run 2.0 2019* yang bertaraf antarabangsa dengan kerjasama Pejabat Daerah Yan di Kampung Teroi, Bukit Yan pada 26 Januari 2019. Acara ini telah menarik penyertaan seramai 800 peserta dari Malaysia, lima orang peserta dari Kenya, 40 orang peserta dari Taiwan dan 25 orang peserta dari Thailand. Secara tidak langsung, acara ini turut mempromosikan Gunung Jerai serta *Geopark* Jerai yang lokasinya terletak di antara sempadan Kuala Muda dan Yan. Selain itu, pakej *Discover Kuala Muda* dan *Yan Tour Packages* turut dilancar sempena dengan program ini yang mana sehingga 26 Februari 2019, sebanyak 80 pakej pelancongan telah dijual.

Kedua, bekerjasama dengan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan syarikat swasta dalam menganjurkan beberapa acara yang lain bagi mempromosikan Gunung Jerai seperti *Jerai Geopark Run 2018* di Pusat Rekreasi Titi Hayun Yan pada 17 November 2018 dan program *Jerai on Fun Run* di kaki Gunung Jerai pada 30 November 2018.

Ketiga, mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, program penyediaan Pakej Agropelancongan Kawasan Muda dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di hotel The Jerai pada 30 Januari 2019.

Keempat, membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran di hotel The Jerai untuk mempromosi produk pelancongan yang

terdapat di sana. Sebagai contoh, penggambaran Program Travelog Makanan *Viral, Fuhhh Beratur* oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 10 hingga 11 Januari 2019.

Kelima, menyertai misi jualan dan promosi pemasaran yang menyediakan platform pertemuan di antara penggiat industri tempatan dari seluruh negara

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan, Yang Berhormat. Panjang lagi kah?

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, mungkin boleh jawab dengan jawapan bertulis.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ekspres sikitlah, Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Satu jam lagi kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebab ada soalan tambahan lagi.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Bertulislah, bertulis.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Baki jawapan ini saya akan buat secara bertulis kepada Yang Berhormat yang bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jerai, baik.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi laluan untuk soalan tambahan yang pertama, sila Yang Berhormat Jerai. 30 saat.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain promosi, sudah pasti untuk kita menarik pelancong, kita mesti pastikan segala prasarana telah lengkap dan teratur. Apakah Yang Berhormat Menteri telah merangka kelengkapan prasarana yang lengkap seperti laluan masuk dengan melebarkan jambatan atau melebarkan jalan-jalan naik ke Gunung Jerai dan menarik minat penduduk setempat untuk sama-sama meraih pendapatan tambahan dengan pengisytiharan Gunung Jerai yang diwartakan *Geopark* Kebangsaan? Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Jerai. Sila Yang Berhormat Menteri, satu minit sahaja.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terlalu singkatlah Tuan Yang di-Pertua untuk jawab. *[Dewan ketawa]* Terima kasih banyak Yang Berhormat Jerai. Kementerian ini mengalu-alukan sebarang idea dan rancangan oleh Yang Berhormat bagi membangunkan Gunung Jerai sebagai tempat tarikan pelancongan negara.

Sehubungan dengan itu, cadangan Yang Berhormat boleh dikemukakan melalui UPEN Kedah yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan projek pembangunan di Kedah seterusnya diangkat untuk perhatian MoTAC dan EPU. Itulah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Dan di samping itu, ini hanya sambungan sedikit sahaja. Saya akan nanti melawat kawasan Jerai.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Maklum dekat Jerailah, *insya-Allah*.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Saya akan panggil Ahli Yang Berhormat ini dan bincang dengan saya apa patut yang dibuat untuk kemajuan tempatan.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Boleh, boleh. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nak naik ke Gunung Jerai itu dua jalan Yang Berhormat Menteri, satu di kaki Bukit Gurun dan satu lagi di Yan, di Daerah Yan. Di Daerah Yan telah pun dikenal pasti sebagai satu daerah yang termiskin di Malaysia oleh Kementerian Luar Bandar.

Jadi, bolehkah Kementerian Pelancongan cuba bangunkan yang *entry point* nak naik ke Gunung Jerai yang 1000 anak tangga yang dibina oleh Bekas Menteri Besar dahulu supaya boleh menjana ekonomi penduduk setempat. Terima kasih.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mintalah Yang Berhormat ini kalau boleh tulis surat kepada saya, nyatakan betul-betul apa yang perlu untuk kita majukan di tempat itu, [*Dewan ketawa*] supaya semua rakyat di tempat ini boleh menikmati pembangunan dan kemajuan. [*Tepuk*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini Menteri luar biasa ini.

9. **Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah kerangka ekonomi atau model ekonomi baharu khususnya kepada bumiputera yang telah dirangka di bawah Kerajaan Malaysia Baharu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memberi komitmen bahawa strategi pembangunan Bumiputera akan terus menjadi agenda nasional yang penting tanpa meminggirkan segmen masyarakat lain di negara ini. Melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSPRMKe-11), kerajaan telah memberi keutamaan dan penekanan baharu termasuk strategi di bawah Tonggak 2 bagi memperkukuh komuniti ekonomi bumiputera melalui beberapa inisiatif termasuklah:

- (i) memperkukuh keberkesanan institusi dan program di mana tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan institusi bumiputera akan dipertingkatkan;
- (ii) memperkasa pendidikan dan modal insan bumiputera dengan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan termasuk TVET bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam tenaga buruh terutamanya dalam pekerjaan bergaji tinggi;
- (iii) meningkatkan kawalan efektif dan kemapanan dalam pemilikan ekuiti korporat. Ini termasuk menggalakkan lebih banyak penyertaan

bumiputera dalam pelaburan strategik dengan pulangan yang lebih tinggi;

- (iv) meningkatkan pemilikan kekayaan bumiputera termasuklah meningkatkan aset bukan kewangan dalam bentuk hartanah komersial, industri dan kediaman di lokasi utama dan strategik; dan
- (v) membina komuniti ekonomi bumiputera yang berdaya tahan dan mapan. Dalam hal ini, kerajaan telah pun memberi penekanan supaya sebarang insentif kepada mereka iaitu usahawan bumiputera dibuat berdasarkan merit dan pertimbangan perniagaan secara telus dan adil.

■1140

Tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan dan pemantauan inisiatif-inisiatif tersebut. Selain itu, penekanan turut diberi terhadap penerapan nilai moral dan etika yang baik seperti bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin dan berdikari dalam meningkatkan status isu ekonomi serta memastikan kejayaan komuniti bumiputera akan terus dipergiat untuk mendepani cabaran semasa kerajaan sedang merangka satu pendekatan ekonomi yang holistik berdasarkan pertumbuhan, menjamin kesaksamaan serta perkongsian kemakmuran.

Pendekatan ini akan mencerakinkan semangat *inclusivity* dan nilai keadilan yang akan menyumbang kepada kekayaan untuk dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia. Ia penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat berdasarkan prinsip kemakmuran bersama atau *shared prosperity*. Keberhasilan strategi bumiputera akan terangkum dalam setiap teras pendekatan ini. Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara terus membangun dan berkembang dengan utuh dan kukuh.

Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan *shared prosperity*, kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin antara wilayah dan antara kaum akan dapat dirapatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia dan negara akan mencapai kemakmuran bersama. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dinafikan Dasar Ekonomi Baru yang berjalan lebih daripada 30 tahun telah berjaya mengangkat martabat bumiputera Melayu dan bumiputera tetapi pada masa yang sama masih kita lihat kadar kemiskinan tegar umpamanya masih dalam lingkungan 50,000 di seluruh negara miskin 100,035 maknanya dan sebahagian 50 peratus daripada kadar kemiskinan ini berlaku didapati di Sabah dan Sarawak.

Apakah yang dipelajari oleh kerajaan daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan dasar baru bumiputera dan Melayu ini lebih-lebih lagi terhadap bumiputera yang berada di Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kedatangan Wanita Keadilan Sabah, selamat datang ke Dewan. [Tepuk] Menjawab soalan Yang Berhormat

Beluran, ya seperti mana kita sedia maklum DEB ada menyumbang kesan positif, banyak kesan positifnya tetapi salah satu kelemahan yang jelas daripada apa yang berlaku adalah dari segi pelaksanaannya.

Polisi yang baik bila tidak dilaksanakan dengan baik tidak mencapai matlamat yang harus dicapai dan inilah seperti mana yang saya sebut tadi inilah penekanan yang kita berikan bahawa pelaksanaan itu perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh, telus, bebas dari sebarang amalan rasuah dan ketirisan supaya kumpulan sasar yang sepatutnya menerima manfaat daripada dasar dan polisi tersebut dapat menerimanya termasuklah mereka di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan bahawa Malaysia baharu ini kita mengamalkan prinsip iaitu inklusif tidak meminggirkan kaum bukan bumiputera. Apakah perancangan secara spesifik atau kerangka ekonomi untuk golongan bukan bumiputera kerana kita sepatutnya terlebih inklusif, kita hendak lihat masyarakat bumiputera maju dan pada waktu yang sama kita hendak masyarakat bukan bumiputera juga sama-sama maju.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Itulah yang saya sebutkan tadi bahawa satu pembangunan yang inklusif di mana kita bina ekonomi negara secara keseluruhannya dan apabila ekonomi ini berkembang, hasilnya akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak tanpa mengira kaum. Inilah peranan kerajaan dalam memastikan jurang-jurang yang ada antara wilayah, antara kaya dan miskin dan juga antara kaum dapat dirapatkan. Sekian, terima kasih.

10. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta Perdana Menteri menyatakan kesediaan kerajaan untuk mengaplikasikan kaedah e-undi di dalam sistem pilihan raya dan apakah aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan serta jaminan kerajaan bahawa sistem tersebut selamat daripada sebarang manipulasi oleh pihak tertentu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Padang Terap. Soalan berkaitan dengan e-voting.

Yang Berhormat, sebelum saya menjawab itu saya ingin quote di sini keputusan Mahkamah Tinggi India, mahkamah Delhi tentang e-voting ini. Dalam kes Dr. Subramaniam, *Swamy versus Election Commission of India*, antaranya dia mengatakan, '*the introduction of...* dengan izin, *...of the electronic voting also known as e-voting is usually driven by one or a combination of the following factors.* Ada lima faktor iaitu:

- (i) *anticipated cost savings;*
- (ii) *fraud reduction;*
- (iii) *increased accuracy and speed of results tabulation;*
- (iv) *voting anywhere in constituency; dan*
- (v) *improved accessibility for voters with disabilities and for remote/ overseas communities and the lure of new technology.*

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) belum membuat ketetapan mengenai kaedah pengundian secara elektronik ataupun e-undi kerana penggunaan kaedah tersebut memerlukan kajian yang teliti dan mendalam. Penggunaan kaedah tersebut melibatkan implikasi kewangan itu di peringkat yang pertama dan tahap penerimaan yang berbeza oleh pemegang *tower* ataupun *stakeholder* yang terlibat.

Pada masa ini SPR sedang meneliti dan mengkaji kebaikan serta kesesuaian penggunaan kaedah tersebut dan akan mencadangkan kepada kerajaan jika didapati sesuai untuk dilaksanakan pada pilihan raya akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebut ini kerana ada kenyataan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengeluarkan kenyataan berhubung dengan sistem e-voting ini ataupun pengundian ini.

Sekiranya kerajaan belum bersedia, sebenarnya untuk melaksanakan, saya kira Suruhanjaya Pilihan Raya patut tidak perlu tergesa-gesa untuk mengeluarkan kenyataan yang barangkali pengundi ataupun rakyat biasa di bawah itu sukar untuk SPR melaksanakan sebab jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menunjukkan bahawa pada waktu ini belum *ready* untuk mengadakan dan kita tahu apa yang berlaku apabila sebuah parti politik mengadakan undian pada tahun lepas melalui sistem e-voting ini, berlaku kecelaruan dan kekeliruan dan banyak ada yang saya tengok di *YouTube* itu masalah bergaduh antara kumpulan 'A' dengan kumpulan 'B' dalam parti itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia Baharu ini kita tidak ada halangan untuk mana-mana pihak untuk memberikan pandangan. Ini kebebasan demokrasi dan kebebasan bersuara tetapi tidak bermakna setiap yang dikatakan itu mesti kita ikuti dan kita boleh laksanakan dalam masa yang singkat.

Untuk makluman Yang Berhormat, e-voting ini ataupun penggunaan elektronik ini bagi sayalah ini adalah satu benda yang proses. Sama ada kita suka tidak suka, pada suatu masa itu kita mungkin akan menuju ke arah itu. Sebagai contoh sekarang ini *banking*, sekarang ini macam di mahkamah *e-filing*. Jadi, ini semua kita sudah bergerak ke arah itu. Jadi, sebenarnya ini bagi saya suatu hari nanti kita mungkin akan menyukai itu. Jadi kalau saya rasa, kalau Pengerusi SPR untuk makluman Yang Berhormat melalui *interview* dalam *Berita Harian* itu, dia menyuarakan pandangan peribadi dia tetapi dari segi hendak melaksanakan itu akhirnya pergi kepada Kabinet dan perlu diluluskan oleh Kabinet terlebih dahulu. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan saya ialah berdasarkan kepada jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa e-voting ini masih lagi dalam kajian dan juga mungkin memerlukan masa untuk pelaksanaannya.

Persoalan saya ialah bagaimana proses pilihan raya yang dilaksanakan ini lebih telus, efisien dan mampu mengurangkan kos perbelanjaan yang kita lihat sekarang ini agak besar dan juga untuk memastikan bahawa kewibawaan SPR itu dapat dipertingkatkan.

■1150

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tampin. Dari segi kewibawaan SPR ini, saya rasa sekarang ini orang boleh dapat melihatlah perbezaan yang nyata antara SPR di zaman Barisan Nasional dengan SPR di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. [*Dewan riuh*] Kecuali kita memejamkan mata lah, tidak nampak. Itu lain. Jadi, saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa kita memang peka dari segi isu mengurangkan kos ini. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, antara punca lah, antara juga yang menyebabkan kenapa suara-suara mengenai *voting* ini wujud.

Antaranya ialah kerana kos pencetakan adalah begitu tinggi dari segi menggunakan cara manual ini. Jadi, ini salah satu kenapakah kos ini antara isu yang dibincangkan dalam pelaksanaan e-voting ini. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, saya hendak beritahu juga, pada asalnya saya bagi contoh, macam mana cara kita hendak mengurangkan kos ini. Pada pilihan raya kecil asalnya, kita bersetuju dengan permintaan daripada pemegang taruh ini ialah kita berkempen selama tiga minggu. Tiba-tiba SPR mendapati bahawa ada pihak-pihak merasakan tiga minggu terlalu panjang.

Maka, telah ada perubahan. Maka, kita telah kurangkan kepada lebih kurang dua minggulah. Itu juga bagi mengurangkan kos. Jadi, SPR sentiasa terbuka untuk menerima mana-mana pandangan. Jadi, saya harap mana-mana pihak yang merasakan bahawa kalau pilihan raya ini didapati mungkin ada kekurangan dan sebagainya sila lah berikan pandangan kepada SPR. SPR sedia terima. Kita bukan kerajaan dahulu yang takut untuk menerima pandangan. Sekian, terima kasih. [*Dewan riuh*]

11. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik minat khususnya golongan lepasan universiti ke dalam dunia keusahawanan; dan
- (b) strategi kerjasama yang dijalankan bersama pihak universiti dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar universiti.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya telah mengambil pelbagai langkah untuk menarik minat khususnya golongan lepasan universiti dalam dunia keusahawanan sebagai pilihan selain memohon pekerjaan melalui industri atau pun *job seeking* profesional.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah mengembangkan fungsi yang sedia ada atau pun kita baru-baru ini telah pun *overhaul* SL1M dan telah menjenamakan sebagai

Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) dengan memberi pendekatan kepada latihan keusahawanan. Mengadakan program *boot camp* seperti Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera oleh SME Corp dan juga PROTÉGÉ Entrepreneurship Boot Camp. Bagi mempersiapkan usahawan muda dan golongan belia dengan menanam minat untuk menjadi usahawan dan merealisasikan perniagaan mereka.

Nombor tiga, memberi pendedahan dan inspirasi tentang keusahawanan, kepentingan inovasi dan perkongsian pengalaman dalam dunia keusahawanan melalui program komuniti dan jerayawara atau pun *road show*, dengan izin seperti SPARK, Idea Lab dan *Startup Weekend* turut disasarkan kepada golongan lepasan universiti dan penuntut tahun akhir institusi pengajian tinggi.

Agensi-agensi di bawah MED juga turut bekerjasama dengan pihak universiti dalam usaha menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar melalui program-program seperti berikut.

Program SME *University Internship* dilaksanakan oleh SME Corp bagi meningkatkan prestasi dan produktiviti perniagaan PKS yang disertai oleh pelajar universiti. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh kemahiran penting dalam persekitaran perniagaan yang sebenar. Sejak diperkenalkan tahun 2008 seramai 1,870 pelajar daripada 16 institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai pusat atau unit keusahawanan dan 369 PKS telah terlibat dan mendapat manfaat melalui program ini.

Selain itu, MaGIC turut menjalinkan kerjasama dengan universiti awam dan swasta sebagai sasaran untuk mendapatkan penyertaan bakal usahawan. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah ceramah, pertandingan inovasi perniagaan, gerai pameran dan kaunter khidmat nasihat. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) juga telah merancang kursus asas keusahawanan khusus untuk pelajar-pelajar IPT yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensi Institut Koperasi Malaysia bekerjasama dengan universiti menganjurkan *boot camp convention* bagi menarik minat graduan untuk menjadi usahawan. Sebagai contoh, pada 30 April 2019 IKM akan menandatangani memorandum bersama dengan Universiti Teknologi Mara dan menganjurkan konvensyen keusahawanan belia berfokus kepada graduan UiTM tahun akhir. Melalui konvensyen, graduan akan menjalani sesi saringan antaranya menduduki ujian psikometrik untuk melayakkan peserta menjalani bimbingan dan latihan keusahawanan daripada pihak IKM.

Kumpulan graduan yang melepasi saringan dan yang benar-benar layak akan diberikan dana khas bagi memulakan perniagaan. Selain UiTM, pihak IKM juga dalam proses menjalankan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, jelas nampak kelihatan bahawa banyak program-program yang telah dilaksanakan dan penambahbaikan telah dilakukan seperti penjenamaan dan susunan balik program-program tersebut. Cuma pertanyaan saya kepada Menteri, bagaimana untuk kita pastikan mahasiswa atau pun mereka yang melalui program-program ini

benar-benar menjadi sebagai seorang usahawan? Adakah kementerian membuat penetapan bahawa ada KPI dan sebagainya supaya kita tahu akhirnya program-program ini benar-benar melahirkan usahawan muda? Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Dalam usaha kita untuk *overhaul* segala bentuk latihan yang telah pun kita rancang dan separuhnya sedang dilaksanakan yang penting adalah kita mahu menyuntik budaya baru kepada pelajar-pelajar. Kalau contoh hari ini, kalau kita lihat graduan-graduan keluaran universiti mengambil masa lebih kurang enam bulan untuk mendapat pekerjaan sebab mereka masih menunggu-nunggu peluang pekerjaan.

Akan tetapi dengan adanya peningkatan atau pun penggunaan teknologi terkini yang ada hari ini, kita lihat peluang pekerjaan kalau tanpa dilatih dengan *specific skill, soft skill* maka mereka tidak mendapat peluang. Jadi kita menyalurkan mereka kepada aktiviti-aktiviti keusahawanan yang boleh mengguna kepakaran mereka. Di situ lah kita mewujudkan berbagai modul-modul tertentu, mengadakan program-program tertentu di bawah PROTEGE yang kita wujudkan dan kita menggunakan modul-modul yang telah diguna pakai oleh *successful economies* untuk menjamin mereka ini yang keluar universiti mendapat pekerjaan tetapi lebih kepada melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Itu adalah cabaran yang amat besar bagi kami sebab pengubahan minda itu perlu dibawa kepada anak-anak muda dan juga para-para graduan. Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan apa yang dijelaskan tadi banyak program telah dibuat sama ada melalui agensi kerajaan, GLC dan sebagainya. Soalan yang saya ingin tahu ialah apakah pencapaian terhadap pelaksanaan tersebut melalui konvensyen yang telah dibuat, seminar, kursus dan sebagainya. Jadi, boleh bagi contoh terhadap pencapaian yang telah dilaksanakan tersebut? Mungkin boleh sebut ikonnya di kalangan graduan yang telah pun dilatih oleh pihak kerajaan melalui program ini. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sebagai contoh kalau kita lihat hari ini, Program TUBE amat berjaya di kalangan anak-anak muda. Hari ini kita telah menerima permohonan oleh kerana *the success story* itu banyak, kita telah menerima permohonan sebanyak 25,000. Kita pun dalam peringkat perancangan ataupun dalam permohonan untuk mengadakan bajet yang cukup untuk kita menerima yang 25,000 permohonan itu untuk dilatih dalam Skim TUBE contoh.

Nombor duanya, *success story* termasuk baru-baru ini kita membangunkan usahawan yang telah melibatkan diri dalam *e-commerce* contohnya yang mana seorang usahawan telah pun mencapai matlamat yang kita sasarkan dalam masa lapan bulan untuk meningkatkan jualan mereka atau jualan kumpulan ini lebih kepada 100 juta.

■1200

Ini merangsang kami untuk membina usahawan-usahawan yang mahu menggunakan kepakaran mereka sendiri dan juga menggunakan kaedah-kaedah teknologi yang terkini untuk

meningkatkan usahawan mereka dan seterusnya, menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Boleh Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan bertulis kepada saya untuk senarai-senarai?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2016; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran cap dagangan berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan dan untuk melaksanakan triti yang berkaitan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.02 tgh.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 10 April 2019”.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Peraturan Mesyuarat 83(4). Saya minta Dewan ini menggunakan Peraturan Mesyuarat 83(4) untuk merujuk laporan SUHAKAM yang membuat kesimpulan bahawa Polis Diraja Malaysia terlibat dalam kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri. Memandangkan laporan SUHAKAM itu amat serius dan dakwaannya sungguh bahaya, saya berasa siasatan lanjut haruslah dijalankan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk putus.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sibu dengan sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita akan aturkan dalam peraturan mesyuarat kemudian.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sebab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibu itu memang satu isu yang serius, di mana seramai empat orang telah hilang paksa. Mengikut laporan daripada SUHAKAM, ia melibatkan *Special Branch* daripada PDRM. Jadi, ini satu hasil siasatan yang amat mengejutkan seluruh rakyat Malaysia dan ia sepatutnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Jadi saya minta ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya dibuat secara bertulis. Yang Berhormat Sibu minta tulis kepada Tuan Yang di-Pertua. Teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEVI PELEPASAN 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pengenaan levi selepas pelepasan ke atas orang yang meninggalkan Malaysia dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019 yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan levi pelepasan ke atas penumpang keluar negara selaras dengan pengumuman Belanjawan 2019. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019. Rang undang-undang ini mempunyai 11 bahagian yang terdiri daripada 64 fasal seperti berikut:

Fasal 1 bertujuan menyatakan tajuk ringkas dan menjelaskan kuasa Menteri Kewangan bagi menetapkan tarikh efektif untuk mengenakan dan melewikan levi pelepasan di bawah akta.

Fasal 2 bertujuan menjelaskan penggunaan akta ini yang terpakai di dalam dan luar negara.

Fasal 3 bertujuan menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta terutamanya takrifan berkaitan pengendali pengangkutan.

Bahagian II, bahagian ini adalah berkaitan dengan pentadbiran levi pelepasan oleh pihak yang diberi kuasa di bawah akta ini. Di antaranya melibatkan:

- (i) kuasa Ketua Pengarah untuk membuat pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan levi pelepasan tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri;
- (ii) semua pegawai yang menjalankan tugas berkaitan levi pelepasan adalah penjawat awam; dan
- (iii) keperluan bagi pegawai untuk memperkenalkan diri dalam melaksanakan kewajipan mereka.

Fasal 7 bertujuan menjelaskan peruntukan berkaitan kerahsiaan maklumat pegawai yang dilantik dalam menjalankan tugas yang tertakluk dalam akta.

Fasal 8 bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menghantar atau menyampaikan apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau pengisytiharan atau apa-apa yang terkandung dalam dokumen kepada Jabatan Perangkaan Malaysia atau kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

Bahagian III, bahagian ini berkaitan pengenaan dan skop levi pelepasan yang mana Fasal 9 menyatakan levi pelepasan akan dikenakan ke atas mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia dengan menggunakan apa-apa pembawa yang disediakan oleh seseorang pengendali itu, hendaklah memungut levi pelepasan dengan kadar yang akan ditetapkan oleh Menteri.

Fasal 10 bertujuan memperuntukkan bahawa levi yang dikenakan adalah genap masa dengan izin, *due* apabila penumpang meninggalkan Malaysia.

Fasal 11 bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menetapkan kadar levi pelepasan.

Fasal 12 bertujuan mengadakan peruntukan bagi pembayaran balik levi pelepasan dan kuasa Ketua Pengarah untuk mengurangkan atau tidak membenarkan pembayaran balik levi pelepasan.

Bahagian IV, bahagian ini adalah berkenaan keperluan pendaftaran bagi pengendali sebagai orang berdaftar.

Fasal 13 bertujuan untuk menetapkan pengendali berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan permohonan pendaftaran perlu dibuat 30 hari sebelum menjalankan operasi perkhidmatan pengangkutan penumpang keluar negara. Kegagalan untuk berdaftar adalah merupakan suatu kesalahan.

Fasal 14 bertujuan menyatakan bahawa pengendali asing yang tidak mempunyai *establishment* di Malaysia boleh melantik agen untuk bertindak bagi pihak mereka.

■1210

Fasal 15 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mendaftarkan pengendali atau ejen pengendali asing berkuat kuasa dari hari pertama permulaan operasi untuk membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia.

Fasal 16 bertujuan untuk menghendaki orang berdaftar memaklumkan kepada Ketua Pengarah sekiranya berniat untuk menghentikan operasi sebagai pengendali atau ejen 60 hari dari tarikh pemberhentian.

Bahagian V. Bahagian ini menerangkan perkara berkaitan rekod, penyata, taksiran dan peruntukan bagi mendapatkan balik levi pelepasan.

Fasal 17 bertujuan memperuntukkan tanggungjawab untuk menyimpan rekod yang lengkap dan betul dan rekod tersebut perlu disimpan selama tempoh tujuh tahun.

Fasal 18 bertujuan memperuntukkan bahawa rekod yang disimpan hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding.

Fasal 19 bertujuan memperuntukkan kewajipan untuk mengakaun dan menghantar penyata sama ada terdapat atau tidak terdapat levi pelepasan yang perlu dibayar atau tidak.

Fasal 20 bertujuan memperjelaskan tanggungjawab orang berdaftar untuk mengakaunkan levi dan membayar levi yang genap masa bagi tempoh sebulan dan menghantar penyata dalam tempoh 30 hari selepas tempoh tersebut. Penalti sehingga 40 peratus perlu dibayar oleh orang berdaftar yang gagal membayar levi dalam masa yang ditetapkan jika tiada pendakwaan dimulakan.

Fasal 21 bertujuan menjelaskan bahawa pendakwaan bagi suatu kesalahan bagi kegagalan membayar amaun levi pelepasan boleh dimulakan selepas habis tempoh 90 hari.

Fasal 22 bertujuan membenarkan Ketua Pengarah untuk mentaksir amaun levi pelepasan yang perlu dibayar jika pengendali gagal mendaftar, gagal mengemukakan penyata, atau mengemukakan penyata yang tidak lengkap atau tidak tepat.

Fasal 23 bertujuan membenarkan Ketua Pengarah mentaksir amaun levi pelepasan yang melebihi taksiran terdahulu dan membuat taksiran tambahan tertakluk kepada taksiran tersebut tidak boleh dibuat melebihi masa enam tahun daripada levi pelepasan genap masa dan kena dibayar.

Fasal 24 bertujuan membenarkan Ketua Pengarah mentaksir amaun levi pelepasan jika didapati terdapat apa-apa bentuk *fraud* atau keingkaran yang telah dilakukan.

Fasal 25 bertujuan untuk menghendaki orang berdaftar untuk membayar amaun levi pelepasan dan penalti yang telah ditaksir apabila diberitahu.

Fasal 26 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah membuat apa-apa perubahan kepada mana-mana taksiran yang dibuat.

Fasal 27 bertujuan untuk menghendaki orang yang berhutang wang kepada orang berdaftar untuk membayar kepada Ketua Pengarah sekiranya orang berdaftar itu berhutang levi pelepasan dan penalti apabila satu notis mengenainya telah dibuat kepada orang itu.

Fasal 28 bertujuan membenarkan Ketua Pengarah untuk mendapatkan balik levi pelepasan atau penalti yang tersilap dibayar balik dalam masa enam tahun dari tarikh pembayaran itu dibuat.

Fasal 29 bertujuan mengadakan peruntukan bagi mendapatkan balik apa-apa levi pelepasan atau penalti yang genap masa sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada kerajaan.

Fasal 30 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan pengarah syarikat, pegawai pematuhan perkongsian liabiliti terhad, pekongsi firma, pemegang jawatan pertubuhan atau orang yang bertanggungjawab untuk apa-apa levi pelepasan atau penalti yang kena dibayar oleh syarikat perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang itu.

Bahagian VI. Bahagian ini menerangkan perkara berkaitan pengecualian peremitan dan pembayaran balik levi pelepasan.

Fasal 31 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pengendali daripada kehendak untuk berdaftar atau mengecualikan mana-mana orang dalam hal tertentu daripada pembayaran atau pengenaan keseluruhan atau mana-mana bahagian dalam levi pelepasan.

Fasal 32 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk meremit sebahagian atau keseluruhan amaun levi.

Fasal 33 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi membenarkan mana-mana orang yang telah terlebih atau terkhalaf membayar levi untuk membuat tuntutan bayaran balik daripada Ketua Pengarah.

Fasal 34 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah membayar balik levi pelepasan atau penalti jika telah berpuas hati bahawa pembayaran lebih itu telah berlaku.

Bahagian VII. Bahagian ini adalah berkaitan kuasa pegawai kastam berhubung tindakan penguatkuasaan pemeriksaan dan penyiasatan.

Bahagian VIII. Bahagian ini menjelaskan peruntukan berkaitan kesalahan antaranya melibatkan kesalahan berkaitan menghalang tugas pegawai kastam, penghantaran penyata yang tidak betul, pelarian levi dan *fraud*, amaun denda dan penalti serta tempoh hukuman penjara termasuk penalti am juga diperuntukkan di dalam bahagian ini.

Bahagian IX. Bahagian ini memperihalkan perbicaraan dan prosiding mahkamah, sebagai contoh berkenaan hal:-

- (i) pendakwaan;
- (ii) beban pembuktian;
- (iii) obligasi kerahsiaan;
- (iv) perlindungan pemberi maklumat;
- (v) penyampaian saman;
- (vi) kompaun; dan
- (vii) perintah mahkamah.

Bahagian X. Bahagian ini menjelaskan peruntukan pelbagai antaranya melibatkan:-

- (i) penghantaran notis;
- (ii) penggunaan perkhidmatan elektronik;
- (iii) permohonan semakan; dan
- (iv) pemberian notis dan penyediaan bayaran levi perkhidmatan oleh pelikuidasi syarikat yang digolongkan.

Bahagian XI. Bahagian ini menetapkan perkara berkaitan semasa tempoh peralihan yang mana fasal 63 menetapkan peruntukan keperluan pendaftaran awal sebelum tarikh kuat kuasa dan fasal 64 pula memperuntukkan berkenaan layanan semasa tempoh peralihan iaitu ke atas pembayaran yang telah dibuat sebelum tarikh kuat kuasa ditetapkan mana-mana bahagian atau keseluruhan bayaran yang telah dibuat oleh penumpang sebelum 1 Julai 2019 adalah tidak dikenakan levi pelepasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan levi pelepasan ke

atas orang yang meninggalkan Malaysia dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera, selepas itu Yang Berhormat Pontian. Setiap orang 10 minit. Sila. Selepas itu Yang Berhormat Pasir Gudang.

12.18 tgh.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019.

Saya mendengar dengan teliti dan juga membaca rang undang-undang ini dan mengambil maklum bahawa rang undang-undang ini juga terpakai untuk di dalam dan di luar Malaysia dan antara seksyen yang— seksyen 9(1), "*Mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia hendaklah membayar levi pelepasan*" yang kena baca bersama dengan seksyen 31, "*Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik levi*".

Beberapa persoalan yang saya ingin bangkitkan ialah tentang persoalan dan juga pertanyaan daripada *industry player* dan juga kalangan-kalangan penduduk. Kita sedia maklum— saya ingin membangkitkan isu tentang *ASEAN Tourism Agreement* tahun 2002.

■1220

ASEAN Tourism Agreement ini ditandatangani di Phnom Penh, Cambodia pada 4 November 2002. Dalam perjanjian itu ditandatangani oleh 10 buah negara ASEAN, kesemua 10 buah negara ASEAN dan termasuk Malaysia. Dalam perjanjian *ASEAN Tourism Agreement 2002* ini, ada 12 artikel dengan tujuan untuk menggalakkan *intra-ASEAN travel*, pelancongan ataupun lawatan di kalangan Ahli-ahli ASEAN. Pada satu artikel yang saya rasa saya kena baca, yang penting iaitu artikel tentang sebuah artikel tentang enam poin *facilitation, Recalling the Manila Declaration 1987*, poin nombor tiga iaitu *phasing out travel levies and travel taxes on ASEAN Members States travelling to other ASEAN Members states*.

Perjanjian ini bahasa Inggeris iaitu dalam enam poin *facilitation* ini. Satu poin *important* ialah tentang *travel levies and travel taxes* kena *phasing out*. Kena keluar secara, kena kurangkan, kena hapuskan *travel taxes and travel*, cukai levi ini di kalangan negara ASEAN secara berperingkat-peringkat. *Phasing out*, perkataan yang digunakan ialah *phasing out*, dikurangkan secara berperingkat dan dihapuskan pada akhirnya.

Untuk kita yang selalu melawat ke luar negara, kita masih ingat beberapa tahun lalu apabila kita tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta di Jakarta. Apabila kita keluar daripada *Soekarno-Hatta Airport*, kita kena bayar *departure levy* beberapa tahun lalu. Akan tetapi sekarang negara Indonesia telah hapuskan levi tersebut sejajar dengan *agreement* ataupun *ASEAN Tourism Agreement 2002*.

Oleh itu, saya ingin menanyakan sama ada kita memikirkan terhadap aspek ini? Apakah tindakan kita apabila terdapat *reciprocate effect* daripada negara-negara ASEAN lain? Apabila

kita kenakan kepada *departure levy* ini, adakah negara-negara lain akan juga mengenakan levi tersebut ke atas pelancong-pelancong Malaysia yang keluar daripada lapangan terbang negara-negara tersebut? Itu soalan saya.

Saya rasa kita sedia maklum bahawa pelancong-pelancong membuat banyak bayaran selain daripada tambang kapal terbang. Kalau kita buat *booking* hendak terbang ke sebuah negara asing, dalam tiket tersebut, dalam resit tersebut selain daripada tambang kapal terbang yang kita bayar kepada syarikat MAS, kepada syarikat AirAsia, syarikat-syarikat penerbangan ada tambahan lagi *airport tax* yang kita kena bayar. Ada tambahan lagi MAVCOM *fees* yang kita kena bayar. Tambahan lagi kalau diluluskan levi pelepasan ini, tambahan levi pelepasan. Ini juga akan memberikan impak kepada golongan mereka yang selalu *travel*.

Saya rasa tentang seksyen 91 ini saya perlu penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana, "*Mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia hendaklah membayar levi perlepasan.*" Dalam *legislative terms* ini, ia amat luas sekali. Kalau orang Pulau Pinang yang selalu pergi ke Thailand, sempadan Thailand pada hujung minggu, adakah mereka tertakluk kepada cukai ini? Walaupun mereka menggunakan kereta sendiri, mereka berjalan kaki ke Bukit Kayu Hitam dan sebagainya. Adakah kerana *intention legislation* ini amat luas. Ia bukan sahaja kepada kapal terbang tetapi kepada kenderaan pejalan kaki. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana ramai orang Kedah, orang-orang Perlis, orang-orang Penang melancong ke Thailand, sempadan Thailand setiap hari minggu.

Saya rasa satu perkara yang ingin saya bangkitkan juga...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, yang Singapura ke Johor, Johor ke Batam itu macam mana itu? Yang main golf itu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya wakil utara, yang selatan itu mungkin boleh *debate* nanti.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Ya lah.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Okey, saya wakil rakyat utara okey. So, tentang *statistic tourism growth*. Saya ingin memetik satu statistik tahun 2017 terdapat negara-negara ASEAN lain mencatatkan pertumbuhan yang positif dari segi pelancong Singapura tambahan enam peratus, Filipina 11 peratus, Vietnam 29 peratus, Thailand sembilan peratus, Indonesia 22 peratus dan Malaysia minus *three percent in terms of international tourist arrival*, kadar pertumbuhan pada tahun 2017.

Saya khuatir bahawa sekiranya kita mengenakan *departure levy tax* yang terlalu tinggi akan menyebabkan Malaysia kurang menarik dari segi pelancongan. So, apakah usaha-usaha, apakah kita gunakan *departure levy* ini untuk kegunaan ini? Adakah ia apabila kita kutip berjuta-juta wang ini, ia akan juga disalurkan balik kepada *tourism industry* untuk memperbaiki infrastruktur ataupun menaik taraf tempat peranginan ataupun membuat lebih banyak publisiti ataupun *promotion* dan sebagainya. Saya perlu satu penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya rasa Rang Undang-undang Levi Pelepasan ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Satu *enabling act*...[Disampuk] Boleh, nanti *join* dalam *debate* sendiri. Ini *floor* saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Sikit, sikit. Saya hendak menyokong ini. Saya menyokong.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Nanti, nanti, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau tidak, dia tidak beri laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Nanti boleh *debate* sendiri.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sesama utara itu, sesama utara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya hendak sokong Yang Berhormat sebab saya hendak cakap tajuk yang sama.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Boleh, boleh. Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau jangan buat [Tidak jelas] lebih. Sila duduk, ini laluan dia kecuali dia bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya sokong dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bagi laluan tidak?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak sokong. Kalau saya tidak sokong, saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dia bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya sokong, ucapan Yang Berhormat cukup cantik. Apakah kita hendak cadangkan supaya rang undang-undang ini tidak dibincang pada hari ini? Kita mansuhkan. Oleh sebab kita mendapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Hendak sokong tetapi...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Duduk, duduk, duduk. Boleh ucap nanti, boleh ucap nanti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya tahu. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak mahu disokong tidak gunalah, rugi lah. Ini kita hendak menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Menyokong itu maksud rang undang-undang.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Oleh itu seperti saya bangkitkan beberapa cabaran dan juga kekhawatiran yang ditimbulkan. Oleh itu saya barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan lebih lanjut supaya *departure levy* ini apabila dikenakan nanti dapat menggunakan levi ini dengan baiknya untuk memperbaiki infrastruktur kita, untuk membuat lebih banyak promosi terhadap pelancongan dan jadikan Malaysia satu tempat

yang menarik dan juga dari segi tarikan terhadap pelancong. Saya rasa inilah, terima kasih atas peluang kepada saya untuk menyertai *debate* terhadap Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian, 10 minit. Sila.

12.28 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cukai kepada rakyat. Ini yang perlu diketahui rakyat di luar sana. Setiap hari rakyat kena cukai. Semalam diluluskan iaitu Cukai Digital Perkhidmatan Luar Negara, rakyat pun kenalah. Hari ini satu lagi cukai kepada rakyat. Ini bukan cukai untuk pelancong ya. Ini adalah cukai kepada rakyat. *[Disampuk]* Apabila disebut perkataan levi, orang kampung memanglah tidak faham levi itu apa. Akan tetapi untuk bahasa mudah kepada makcik, pakcik dan juga rakyat di luar sana di Sabah dan Sarawak, ini adalah cukai tambahan kepada rakyat. Itu perkara pertama yang perlu diperjelaskan. Maksud levi itu ialah cukai. Semalam kena cukai baharu, hari ini pun kena cukai baharu. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya baru sahaja dapat ini Tuan Yang di-Pertua, di atas meja pagi ini. Ini rang undang-undang baharu tahun 2019 Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Baru dapat. Ini bukan pindaan, ini baru ini. Menunjukkan ketidakcekapan Kementerian Kewangan di bawah Yang Berhormat Bagan. Silakan.

■1230

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Yang Berhormat Pontian, apabila akta ini dibentangkan, ramai rakyat menghubungi saya dan saya nampak dalam media sosial. Apakah ini lagi yang diletakkan oleh kerajaan? Ini bermakna, siapa-siapa sahaja rakyat Malaysia yang hendak keluar negara kena bayar! Sejak beberapa puluh tahun merdeka, mereka kena bayar! Jadi kita pun tidak tahu berapa levi, berapa bayaran di kenakan ini. Boleh Yang Berhormat Pontian jelaskan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, mungkin RM1,000? Oleh sebab tidak ditulis, mungkin RM50?

[Ketawa]

Oleh sebab tidak ditulis di sini maka kita tidak tahu berapa jumlah cukai yang dikenakan. Notis yang terlalu amat singkat. Kita pun tidak dapat untuk meneliti keseluruhannya, Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi, saya juga sebagaimana Yang Berhormat Kinabatangan ingin bertanya berapa kadar permulaan cukai kepada rakyat in?

Kedua, saya ingin tanya bila dia akan dimulakan? Pun saya tidak nampak ada tarikhnya. Mungkin minggu depan atau bulan depan atau bulan 10. Tidak ada tarikhnya.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Pontian, Kapit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, sila.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya jauhlah dari pedalaman Sarawak, tidak faham dengan cukai ini. Saya hendak tanya soalan yang begitu *simple* sahaja. Tolong jelaskan adakah cukai ini nanti iaitu levi ini, cukai ini nanti akan membebaskan kami di luar bandar juga yang selalunya keluar juga pergi keluar negara dan seperti orang lain, adakah kami kena juga?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Semua orang kena.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kalabakan pun kalau pergi Indonesia kena juga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Akan tetapi, saya ingin mencadangkan supaya negara-negara ASEAN dikecualikan. Bererti rakyat Malaysia yang pergi ke negara ASEAN dikecualikan. Jika tidak, berapa ratus ribu orang yang pergi ke Singapura hari-hari kena bayar cukai ya.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ini untuk *air flight* sahaja. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apa dia? Ini dengan semua kenderaan ya. Yakni yang saya faham dengan semua kenderaan bukan hanya guna udara, tetapi juga guna darat dan laut, semua kena bayar. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan dikecualikan untuk negara-negara ASEAN. Satu lagi, kanak-kanak dikecualikan. Tidak akan kanak-kanak pun kena bayar? Satu lagi warga emas dikecualikan. Satu lagi, OKU dikecualikan. Satu lagi pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di luar negara dikecualikan. Satu lagi mereka yang pergi umrah dikecualikan. Satu lagi yang mereka pergi haji dikecualikan.

Seorang Ahli: Apa lagi ya?

[Dewan Ketawa]

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ibu tunggal.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, ibu tunggal.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian, satu lagi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Dan lain-lain.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu sebab kita baru dapat. Jadi kita bercakap sahajalah. Setakat mana yang ada dalam kepala kita.

[Ketawa]

Kemudian, pelancong— pelancong ini apabila hari itu GST ditukar kepada SST pelancong ini apabila zaman GST dia boleh *claim* balik cukainya. Sekarang ini zaman SST, dia tidak boleh *claim* balik. Itu satu perkara. Satu lagi ialah pelancong apabila keluar daripada Malaysia pun kena bayar lagi cukai pelepasan. Saya malas hendak sebut levi. Levi ini orang tidak faham, jadi saya— cukai pelepasan ini ya. Perkataan '*meninggalkan Malaysia*' ini pun mengelirukan. Macam meninggal dunia itu, tidak balik lagi ke dunia.

[Ketawa]

Kalau meninggalkan Malaysia ini tidak balik lagi ke Malaysia kah? Jadi terminologinya itu pun tidak berapa tepatlah menyebut perkataan '*meninggalkan Malaysia*' itu. Kemudian, saya beranggapan dia akan memberikan kesan yang negatif kepada sektor pelancongan dan saya juga mengharapkan agar perkara ini ditangguhkan dahulu pelaksanaannya. Saya juga ingin tahu, kalau dilaksanakan, berapa banyak dapat? RM 100 juta kah? berapa juta kah?. Berapa anggaran. Saya juga ingin tahu berapa ramai pada tahun sudah, pada tahun 2018 rakyat Malaysia yang keluar negara. Itu saya ingin angka itu. Kedua, pada tahun lepas berapa ramai pelancong yang datang ke Malaysia. Daripada situ agaknya kita boleh dapat anggaran dan kalikan dengan jumlah levi ini. Kita juga tidak tahu Yang Berhormat Kinabatangan berapa jumlah levi yang akan dikenakan. Cuma sebagai rumusan saya ingin menyatakan untuk rakyat di luar sana... [Disampuk]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pontian, levi ini atau cukai yang dikenakan ini mungkin perlu dilihat secara lebih rasional sebab kebimbangan kita, Malaysia ini bukanlah sebuah tempat yang menarik pelancong begitu ramai. Akan tetapi, mungkin sebab kita tidak ada kenakan apa-apa, maka ramailah pelancong yang akan datang. Mutakhir ini pun pelancong-pelancong daripada luar negara berkurangan. Jadi, apakah Yang Berhormat Pontian melihat dengan adanya cukai atau levi ini dikenakan lagi maka mungkin pelancong tidak akan lagi datang beramai-ramai ke negara kita dan akan menjejaskan lagi pendapat negara itu sendiri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya betul, apabila di campur tolak, campur tolak, serupa tidak perlu ada levi. [Ketawa] Betul apa yang disebut oleh Kinabatangan itu. Kemudian tadi, ada yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kena daftar dahulu. Kita hendak pergi ke luar negara hendak daftar dengan siapa? Hendak daftar dengan Kastam kah apakah? Ini tidak jelas. Lepas itu, apabila kita berada di *airport* kita hendak bayar dengan siapa? Adakah ada satu lagi kita kena hendak beratur kepada pegawai kastam kutip— kutip duit. Sudahlah beratur hendak masuk ke *airport* itu satu hal. Sudahlah beratur untuk hendak ke imigresen. Ini hendak beratur dekat satu lagi kaunter kastam kah apa kah? Tidak jelas, tidak jelas. Kabur sahaja tentang perkara ini. Ada lagi kah kawan-kawan hendak bagi pandangan?

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Pengalaman di Indonesia. Apabila kita terlewat hendak pergi membayar imigresen dan juga tiket, kita terpaksa bayar cukai pelepasan. Ini kita terlepas kapal terbang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ha, itu pengalaman Yang Berhormat Tenggara, dia pernah terlepas kapal terbang kerana beratur— kalau tidak tentunya resit agaknya kena tunjuk kepada *airlines* yang kita gunakan itu. Tidak ada resit itu, maka kita tidak boleh...[Disampuk]

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Pontian, sekali lagi Kapit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya hendak suarakan golongan Kapit. Kapit ini ramai orang dari Kapit ini bekerja di luar negara. Dia kerja di industri *oil and gas* dan sebagainya, ramai. Jadi, mereka ini dia berulang-alik dalam satu tahun, kontrak dia dua-tiga bulan, dia balik dia pergi lagi. Memang kerap kali keluar negara, saya kluatir golongan ini macam terkena juga, dibebankan. Ini memang tidak baiklah untuk mereka ini. Ini saya bersuara untuk mereka ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya betul, masukan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kapit itu dalam ucapan. Ada lagi kawan-kawan?

Seorang Ahli: Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Gerik duduk sempadan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kalau kita melihat rang undang-undang ini dibentangkan pada hari ini, kita tidak tahu, kita cuba menyusahkan rakyat. Suasana negara sudahlah gawat dengan pelbagai perkara. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Pontian, bolehkah kita tangguh dahulu rang undang-undang ini dan kita bincang bersama supaya tidak menyusahkan rakyat, tidak menyusahkan kita. Kalau kita lulus pada hari ini, rakyat akan maki kita sampai bila-bila kerana mengenakan cukai yang tidak berpatutan.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Cukai zalim ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Gerik punya ucapan masuk dalam ucapan saya juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kalabakan selalu pergi ke Indonesia khabarnya ya. Itu juga patut Yang Berhormat Kalabakan tidak menyokong perkara ini.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya naik feri laut sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kinabatangan kena juga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Feri pun kena juga.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ini untuk kapal terbang sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Feri pun kena juga.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Tidak! Tidak kena. Tidak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kubang Pasu selalu masuk Bukit Kayu Hitam misalnya ya, itu. Sefaham saya lah, sefaham saya. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya negara-negara ASEAN dikecualikan, itu cadangan. Terima kasih dan ia membebaskan rakyat. Betul, ini cukai yang membebaskan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Pontian, terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

12.38 tgh.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, lepas ini Arau?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Levi Pelepasan. Saya ingin menimbulkan kesan yang cukup jelas iaitu jika kita luluskan Rang Undang-undang Levi Pelepasan ini, pertama yang akan terjejas dengan begitu ramai sekali iaitu jemaah haji yang melakukan haji dan umrah bermula bulan Julai dan Ogos akan datang ini.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan. Saya hendak sokong rang undang-undang ini, tetapi ada syarat. Jadi, tentang jemaah haji ini, selama ini sejak merdeka sebelum merdeka rakyat mengerjakan haji umrah tidak kena cukai pelepasan kapal terbang itu.

Seorang Ahli: Betul-betul.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Kenapa tiba-tiba sekarang? Saya malu lah macam ini.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Teruk daripada dahulu.

[Dewan Tepuk]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Berat lah Pakatan Harapan ini. Dengan MP sendiri pun tidak runding.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Lompat katak marilah.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Teruk daripada dahulu.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya, jadi ini Yang Berhormat Menteri fikir baik-baik. Fikir baik-baik rakyat di luar sana tidak kira apa agama atau kaum.

■1240.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya sokong, Yang Berhormat Pasir Gudang ini. *[Tepuk]*

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu pun sokong.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Takkanlah setahun kita jadi kerajaan ini, ini hadiah kita hendak bagi kepada rakyat Melayu. *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Buah tangan, buah tangan. Cantiklah. *[Dewan riuh]*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ini saya sokong ini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Pergi luar negara boleh makan angin. *[Dewan riuh]*

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Okey, jadi begini.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Inilah berani Pakatan Harapan bersuara bukan macam dulu duduk diam sahaja di situ.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah wakil rakyat yang kita mahu.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ada jalan keluar. Saya faham bahawa kerajaan perlukan kewangan, perlukan hasil tetapi ini cadangan saya Yang Berhormat Menteri, Bahagian VI iaitu pengecualian saya mohon supaya dikecualikan jemaah-jemaah haji, jemaah-jemaah yang mengerjakan umrah bagi orang Islam dan juga orang bukan Islam pun ada keluar negara melakukan *pilgrimage* di India.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Pasir Gudang, hidup Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Jadi pengecualian ini kerana di bawah Perlembagaan hak yang sama kita guna pakai bagi umat Islam, umat bukan Islam kita yang mengerjakan urusan agama, *pilgrimage* itu dikecualikan. Kalau ini dipersetujui saya akan sokong rang undang-undang ini.

Kedua, takkanlah kita hendak bagi Tabung Haji yang hendak bayar levi ini. Tabung Haji masalah sekarang kewangan. Kalau kita kata tidak apa Tabung Haji bayar untuk orang-orang miskin, jemaah yang miskin, jemaah yang kaya kena bayar levi ini. Ini sudah bercanggah dengan Fasal 8 Perlembagaan Persekutuan – Hak sama rata rakyat di bawah undang-undang.

Jadi maknanya jangan bebankan Tabung Haji hendak bayar levi yang kita buat ini, luluskan ini. Caranya kecualikan untuk urusan jemaah haji, umrah dan urusan agama bagi penganut-penganut agama yang lain. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Putih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Limbang.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Selepas itu Kinabatangan.

12.42 tgh.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila dengar dan hormat apabila Ahli Yang Berhormat itu berucap. Sila.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Jadi saya tujukan kepada kementerian. Perkara ini betul-betul tidak relevan untuk Sarawak, Sabah sebab kita ada Brunei tengah-tengah, buat pengetahuan Menteri..

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Seluruh Malaysia.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ini khusus untuk di sebelah kami di Borneo. Rekod yang melintasi sempadan *almost* dua juta satu tahun yang melintasi sempadan untuk tujuan suka-duka, kekeluargaan, perniagaan, pelancongan, melawat orang suka dan duka lah meninggal, orang kahwin dan sebagainya. Ini yang sedang berlaku di sana. Ini bukan hanya untuk orang Limbang, Sabah, Sarawak, Brunei, orang-orang kekeluargaan itu ada dan kalau ini dibuat memang betul rakyat akan marah sungguh.

Jadi kita tengok sebelum ini kita ada pasport terhad ini kerajaan sebelum inilah. Dahulu pasport biru terhad RM150.00 tetapi *because* memandangkan keadaan, kepayahan melintas ini sebab Brunei ini tengah-tengah. Kalau ia di hujung Singapura, Thailand tidak kisah, kita bergerak secara *free* dalam ini tetapi di Pulau Borneo *hook or by crook you have to pass* Brunei. Walaupun Menteri Kerja Raya kata hendak buat jalan melintasi sempadan dia masih masuk Lawas, mesti *go through* sempadan juga, tidak boleh.

Ini pun hendak bina jalan ini empat tahun, lima tahun saya yakin baru dapat buat. *It is not an easy right?*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Marah sangat Yang Berhormat Limbang ini. *[Dewan ketawa]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Jadi saya minta ditangguhkan dahulu cukai ini, ditangguhkan kalau betul-betul *you can really have a bypass*, dengan izin untuk melintasi negara Brunei Darussalam. Akan tetapi ini Tuan Yang di-Pertua, juga tentang pelancongan masa ini rakyat Brunei yang membawa peruntukan...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Yang Berhormat Limbang, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat hendak mencelah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: ...Kepada untuk kita di Malaysia ini khususnya di Sarawak dan Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Limbang hendak bagi tidak?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Orang Brunei *shopping* di Sabah itu, tanya orang Sabah berapa juta, yang pergi Miri jutaan, *business flourishes because of this* tetapi bila sudah ada cukai ini dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Hulu Langat hendak mencelah.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Limbang, Puncak Borneo minta laluan sedikit.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Minta maaf dahulu, saya ini dahulu cerita Limbang dahulu ini.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sedikit sahaja saya hendak sokong.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *No, no sokong tidak sokong, sokong supaya cukai ini di tangguh itu saya setuju. Jadi perkara ini kita right on the spot. [Tepuk]* Perkara ini saya memang betul terkesanlah kerana kita kena lihat geografi kita. Dahulu sama juga *argument* saya fasal pasport terhad hendak dimansuhkan. Di hujung Thailand, di Kedah, di Johor tidak apa orang *free go in between*.

Akan tetapi akhirnya kerajaan menimbang pasport terhad ke Brunei dikekalkan dengan harga yang murah supaya keperluan rakyat begitu juga dengan hal levi ini. Hari-hari orang Limbang, orang Miri, orang Sabah, orang Labuan yang bekerja di Brunei hari-hari ini *is a day trip fare*. Jadi kita kena lihat semua ini Yang Berhormat Menteri. Kena kaji habis-habis, Singapura tidak usah ceritalah sehari berapa puluh ribu yang melintasi Tambak Johor.

Jadi perkara ini saya minta kepada kementerian untuk melihat dari segi *rationalized* dalam segi pelancongan, hal-hal sosioekonomi dan juga kesenangan untuk rakyat melalui tempat-tempat ini dan saya ingin bertanya juga apakah levi ini *per head, per vehicle?* Tadi Yang Berhormat Kalabakan kata untuk kenderaan tidak ada tetapi fahaman saya Yang Berhormat Kalabakan yang disebut di sini mengendalikan apa-apa kenderaan untuk membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia. *[Dewan riuh]*

Bukan kapal terbang tidak tahulah mungkin kena perincikan lagi. Kalau kapal terbang / *have no problem*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Naik basikal pun kena woo...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Pergi Limbang pun tidak payah, pergi Brunei pun tidak payah pakai kapal terbang.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Basikal tidak kena ini kapal terbang sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri untuk memperincikan hal ini. Kena ambil sebab Yang Berhormat Menteri di Limbang itu, di Miri itu, di Lawas itu, di Labuan itu rakyat Malaysia pun gantung gambar Yang di-Pertuan Agong Malaysia tahu bukannya orang di sana itu.

Jadi saya minta...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Apa dia Yang Berhormat Pendang? Satu lagi untuk pengetahuan iaitu betul juga disebut oleh Yang Berhormat Pendang tadi. Orang Limbang sakit hantar ke Miri, hantar ke Sabah kalau sudah di Limbang tidak boleh rawat. Oleh sebab itu kita minta mati-mati hendak dapat klinik pakar, hospital diperbaiki. Orang meninggal *go through*, orang jenazah ini *almost* hari-hari melintas, kena jugakah? orang mati pun hendak kah? *[Dewan ketawa]*

Bukan apa, bukan hendak perli bukan hendak apa tetapi *this is the people is asking me right now because* hari ini pun saya baru tengok undang-undang ini. Akan tetapi rakyat tidak tahulah macam mana dia orang tahu awal ya. *They call me, they taxes me everything* kena tanya semua ini. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri untuk melihat semula. Brunei, Limbang

is a unique case, satu-satunya daerah di mana ada negara asing di tengah-tengah dalam negara Malaysia tidak sama, tidak ada sama, tidak ada dua tempat di Malaysia ini seperti Limbang kedudukannya.

Oleh sebab itulah ianya mesti dilihat melintasi Brunei *is a lifeline*. Orang tidak semua boleh naik kapal terbang. Kata orang mungkin katalah naik kapal terbanglah, tidak boleh harga mahal. Hendak melintas Limbang naik kapal terbang ke Miri, RM159 per trip.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Itu pun kalau pakai *credit card*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Limbang sedikit.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Kalau beli pakai kaunter dekat RM180.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Limbang boleh sedikit?

Seorang Ahli: Ini macam tol lah Yang Berhormat Paya Besar, macam tollah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Hendak cerita Limbang kah cerita di utara?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak, tidak hendak cerita dekat Limbang ini.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Okey, sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Yang Berhormat Limbang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Limbang, adakah yang Yang Berhormat Limbang beritahu tadi pergerakan melalui Brunei itu merupakan, adakah levi ini cukai ini merupakan tol alaf baru, kerajaan baharu?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Hendak minta penjelasan? Minta penjelasan, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Saya perkara ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Minta penjelasan. Perkara ini hanya untuk kapal terbang sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Minta maaf, tidak apa, tidak apa. *You don't get* penjelasan *from me, you get* penjelasan *from* Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *Flight* sahaja dan bukan..

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *That is why* saya hendak sini diperincikan sebab disebut di sini mengendalikan apa-apa kenderaan. [*Dewan riuh*] Kereta kah, basikal kah, motosikal kah, kapal terbangkah dan sebagainya? Ini kena lihat semula ini, *it is write here, it is write here, mention* apa-apa kenderaan. Itu yang bagi kami di Limbang ini risau ini sedikit.

Jadi tadi fasal tol ini *it is not a matter of toll or not toll, it is about money*. Cerita duit sahaja ini, kita keluar masuk kena bayar. Di Limbang pergi balik ada orang pergi Limbang ini orang Brunei *daytrip* sahaja. Dia hendak makan KFC di Limbang, hendak makan KFC di Miri tetapi bagi kita sendiri tetapi ini pelancongan untuk kita, untuk peniaga-peniaga kita. Orang *shopping* dekat Limbang dekat Miri, jadi ini kena lihat untuk peniaga-peniaga kita juga, untuk orang-orang kampung yang berjual tanam-tanaman yang dia bawa daripada kampung ke bandar dan orang asing datang masuk beli semua ini.

■1250

Akan tetapi kalau dia kira-kira harga tol sudah berapa, harga cukai levi sudah berapa, ini beli berapa, entah tidak tahu lah macam mana jadinya. Jadi, saya minta lah Menteri, ya. Kena timbang balik lah perkara ini ataupun ada Limbang belum lama ini saya dengar ada kena war-war kan cukai bebas. Kalau betul, boleh juga. Akan tetapi kena perincian juga. Jadi, rasanya itu sahalalah apa yang saya hendak sampaikan. Yang Berhormat Petrajaya, silakan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Sebelum Yang Berhormat Limbang duduk. Jadi, adakah sebenarnya Yang Berhormat Limbang hendak mencadangkan bahawa ditambah takrifan kenderaan di dalam fasal ini supaya kenderaan ini hanya terhad kepada kapal terbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *Actually everybody wants to know that especially* saya Limbang, Yang Berhormat Petrajaya. Kalau betul itu hanya kapal terbang, *alhamdulillah* lah, ya. Orang yang hendak naik kapal terbang itu tidak banyak untuk keluar daripada Limbang. Orang Brunei pakai darat ke Miri. Orang Limbang ini semua menggunakan darat lah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Limbang, macam mana kalau kereta-kereta terbang? Kena juga tidak? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Itu belum siap lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Menteri sila jawab nanti, Yang Berhormat Menteri. Macam mana kereta terbang ini pula lah. Ini benda baharu ya. JPJ pun kena keluarkan jenis kereta punya geran yang baharu untuk *this* kategori lah. Jadi, saya merayu kepada kerajaan supaya satu, memperincikan kenderaan apa supaya tidak timbul kerisauan pada rakyat. Keduanya ialah kalau boleh ditangguhkan dahulu sehingga betul-betul ada jalan raya yang boleh melintasi Brunei untuk rakyat kita. Ketiganya, saya minta supaya – 13 saat lagi. Tidak apa lah.

Dato' Seri Tiong King [Bintulu]: Yang Berhormat Limbang, tengok macam mana pandangan daripada kita. Ini perlembagaan atau rang undang-undang kata masuk keluar, domestik masuk tidak sekali?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, masa sudah tamat.

Dato' Seri Tiong King [Bintulu]: Kalau domestik masuk sekali, macam mana ini PH kata hendak bela nasib orang-orang daripada kawasan luar bandar. Ini macam mahu kasi mati itu kawasan luar bandar tau. Memang *kongkalikung*. Ini macam saya punya rakyat mahu pergi tengok dia punya anak-anak sekolah di Kuala Lumpur mati lah, barai dia. Kalau pulang balik mahu kena bayar.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Guna bahasa Melayu yang betul lah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Jadi saya minta lah Menteri kalau boleh ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Limbang, masa sudah tamat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: ...timbang semula, kaji semula untuk Sarawak khususnya Sabah, Sarawak, Labuan dan wilayah negara Brunei. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu, sila.

■1253

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bangkit setengah isu yang saya rasa pembangkang di sini sengaja mengelirukan Dewan. Mengelirukan Dewan kenapa? Tadi yang *kongkalikung* itu dia cakap yang levi ini kutip untuk yang domestik *flight* kan. Akan tetapi kalau kamu lihat, kamu baca perkara 9 "...mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia hendaklah membayar levi pelepasan." Meninggalkan Malaysia sila baca. Jangan *kongkalikung* sahaja.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Dia tidak ada faham.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Okey, kedua bukan Malaysia sahaja yang mengutip ini levi. Kamu tengok ini Brunei, *Egypt*, Guyana, Iran, Palau semua pun ada kutip. So, yang kepentingan kita mengutip yang levi ini untuk tambah *revenue* daripada pelancong-pelancong asing. Saya rasa sebagai satu destinasi yang menarik untuk pelancong-pelancong daripada China. Sabah merekodkan kedatangan *tourist* yang begitu banyak dan ini akan menambah hasil kepada Kerajaan Malaysia.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, tanya satu soalan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Boleh.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Macam mana seluruh dunia mengguna GST, fasal apa Malaysia tidak ikut.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Fasal kita ada seorang bekas Perdana Menteri yang pandai menguruskan negara. Sampai GST pun kita kena mansuhkan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: [Tidak jelas] Aduh.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Saya juga ingin membangkit satu lagi ini keprihatinan untuk di mana yang kutipan levi ini untuk semua orang yang melepaskan daripada Malaysia. Sepatutnya di bawah kuasa menteri untuk ...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh guna bahasa Malaysia yang lurus? Bukan melepaskan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Jangan main di parlimen macam main di kasino.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan, ini melepaskan. Eh, Yang Berhormat, ini tidak betul lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta kebenaran sebelum berucap.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Okey, sekarang saya sedang berucap. *This is my floor.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan, sila minta kebenaran sebelum berucap.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Duduk, duduk, duduk.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya nampak Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan sila hormat dewan. Minta kebenaran dahulu. Ini, terpulanglah kepada dia. Ini hak laluan dia. Sekiranya dia bagi boleh lah.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Okey, sekarang saya hendak sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tengok seksyen 31. Perkara 31 ini kuasa menteri untuk mengecualikan dan membayar balik. Saya ingin mengatakan sini, kita ada buat satu taklimat yang dikendalikan oleh ini Kementerian Kewangan, amat jelas Menteri cuma hendak mengutip daripada orang yang meninggalkan Malaysia dengan kapal terbang dan dia dengan kuasa untuk pengecualian ini untuk mengecualikan sesiapa yang meninggalkan Malaysia dengan cara-cara yang lain supaya kutipan levi ini tidak terkena oleh orang-orang yang selalu ulang-alik daripada ini yang Limbang kah, Brunei kah, mana-mana kah dengan cara kenderaan yang darat. Dengan begitu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh.

12.56 tgh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Empat minit sahaja ya.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin membahaskan rang undang-undang levi ini. Di mana bagi pandangan

saya yang secara jujur, saya mengatakan bahawa undang-undang yang dibawa ini tidak perlu dibawa pada masa sekarang. Ini kerana peraturan yang kita kenakan yang kita namakan sebagai levi ini pada zahirnya dia memberi satu pulangan kewangan kepada kerajaan.

Namun di sebalik daripada itu sebenarnya kita menghalang pelabur asing datang, pelancong-pelancong daripada negara luar yang datang dan dalam waktu yang sama kita seolah-olah menyekat penduduk-penduduk di kawasan sempadan dengan negara yang lain yang sentiasa berurusan niaga secara harian. Bahkan kalau di sebelah Rantau Panjang dan seumpamanya keluar masuk mereka ini ada yang lebih daripada 10 kali satu hari.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sedar kah bahawa akta ini akta baharu? Saya percaya tidak ada konsultasi di antara kerajaan dengan wakil-wakil rakyat yang di sana sebab akta ini rakus. Akta ini dilihat menindas rakyat dan menghalang mereka-mereka yang hendak keluar negara. Bukan semua negara ada levi ini. Satu dua negara sahaja yang ada. Akan tetapi kenapa kerajaan pada hari ini letakkan akta yang baharu ini tanpa ada perundingan. Minta penjelasan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, terima kasih dan saya harap ucapan ini di masuk sebahagian daripada ucapan saya. Keduanya, yang ingin saya sebut iaitu levi yang akan dikenakan ini seolah-olah kaca mata dunia melihat kita kerajaan yang memerintah yang baharu ini seolah-olah tidak ada idea yang lain untuk mencari sumber kewangan. Ini kerana cara yang dibuat ini dengan maaf kalau sedikit terkasar, ibarat lanun yang moden. Dia akan mengemis siapa sahaja yang lalu dan cara yang hendak diambil ini adalah cara yang senang dan yang mudah.

Ini saya bimbang takut-takut gambaran daripada masyarakat luar dan sekali kita tengok sebagaimana yang saya sangat setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Bendera. Bagaimana kita ada perjanjian *Asian Tourism* yang pernah dibuat pada tahun 2002 memang ke arah untuk memacukan sistem pelancongan yang ada dalam negara-negara di Asia supaya dia lebih maju dan dia lebih ke hadapan. Tiba-tiba bila kita meletakkan negara kita ini yang negara lain telah mula menghapuskan sistem levi ini, tiba-tiba kita hendak mewujudkan semula sistem levi untuk Malaysia. Tentunya kita kena tengok, pelancong dia datang dalam negara kita paling kurang dia membelanjakan duit dia paling kurang RM1,000, paling kurang. Levi kalau kita ambil saya yakin pihak kerajaan tidak akan kenakan levi lebih daripada RM1,000.

Jadi, dalam waktu yang sama kalau kita hendak duit yang kecil tiba-tiba kita seolah-olah menghalang pelabur ataupun pelancong-pelancong daripada luar, pelancong Malaysia yang hendak keluar. Ini adalah satu tindakan yang saya kira sangat tidak berpatutan dan memang saya setuju sekiranya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Puteh, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam parlimen menunjukkan pukul 1. Saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019 akan disambung semula

setelah perbahasan usul Kertas Putih Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, FELDA dibahas dan diputuskan yang dijadualkan pada hari rabu 10 April 2019.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perlembagaan Pindaan 2019 akan dibahaskan pada hari Selasa 9 April 2019 jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.35 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Peraturan Mesyuarat 54(1).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya ada menghantar usul bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua : Sila cakap kuat sedikit.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya ada menghantar usul bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua pada hari Isnin, minta supaya rang undang-undang ini sebelum bacaan kedua, perlu kita rujuk sahaja kepada Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya minta *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, saya ulang lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya telah menimbangkan usul yang dicadangkan itu melalui suratnya dengan agak teliti dan saya juga telah melihat amalan Dewan Rakyat setakat ini. Sebenarnya Peraturan Mesyuarat 54(1) itu adalah amat kabur dan adalah menjadi amalan di Dewan Rakyat untuk menggunakan Peraturan Mesyuarat 54(2) yang bermakna bahawa usul untuk merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan hanya akan diambil selepas perbahasan. Itu menjadi amalan setakat ini.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Peraturan, perhatian yang sama iaitu 54(1) iaitu saya sedia maklum apa yang telah diperjelaskan oleh Tuan

Yang di-Pertua. Akan tetapi perkara perubahan pada Perlembagaan ini adalah perkara yang amat penting sekali. Pada hari kelmarin, Yang Berhormat Menteri JPM telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa ada pertukaran atau pindaan kepada usul yang asal itu dan ini mencerminkan bahawa pihak kerajaan sendiri belum berapa kemas dari segi sebenarnya yang ingin dibawa ke Dewan untuk perubahan. Maka ini menekankan Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus dirujuk untuk input yang lebih luas daripada kerajaan negeri dan juga kerajaan-kerajaan di peringkat Persekutuan.

Jadi dalam perkara ini, yang asas adalah mengutip input yang luas dan merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas adalah *in order* dan tak payahlah kita tergopoh-gapah untuk sesuatu yang kerajaan sendiri pun belum berapa kemas dari segi hati dan perasaan untuk apa yang saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya faham apa yang sedang diujahkan oleh Yang Berhormat. Tugas saya sebagai Tuan Yang di-Pertua ialah untuk memakai atau menggunakan peraturan mesyuarat yang berkenaan dan saya telah pun membuat *ruling* tadi petua bahawa mengikut peraturan mesyuarat kita dan melalui amalan setakat ini, yang terpakai ialah Peraturan Mesyuarat 54(2) yang bererti bahawa usul untuk merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan akan diambil, bukan tidak akan diambil. Akan diambil selepas pembacaan kedua, iaitu selepas proses membahar. Itu petua saya ya selepas bahas. Sebelum pengundian sudah tentulah ya. [*Dewan riuh*]

Bukan biasanya selepas perbahasan, akan diusulkan supaya diundi tetapi sebelum itu, usul untuk merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan akan diambil. Itu peraturan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Perlu bahas?

Tuan Yang di-Pertua: Perlu bahas. Perlu bahas. Kalau?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kita sudah bahas, kemudian selepas itu baru hendak rujuk kepada Jawatankuasa, *then no point of perbahasan anymore*. Sebab apa sebelum, dia mesti buat sebelum.

■1440

Tuan Yang di-Pertua: Saya merujuk kepada Peraturan 54(2). Lebih baik saya baca ya supaya tidak ada apa-apa kekaburan. "*Setelah dibacakan rang undang-undang kali yang kedua, maka rang undang-undang itu akan terserah kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis kecuali jika Majlis mengeluarkan usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan. Usul ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu tetapi mestilah dibuat sebaik-baik sahaja dibacakan rang undang-undang itu kali yang kedua*".

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itulah. Sila lihat Peraturan Mesyuarat 55(2) - "*Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu rang undang-undang selepas bacaan kali yang kedua tidak boleh membahaskan dasar rang undang-undang tersebut tetapi hanya butir-*

butirnya sahaja". Bermakna bahawa, kita perlu membahaskan dasar terlebih dahulu sebelum rujukan dibuat. Itu *ruling* saya ya. Silakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

2.41 ptg.

Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu rang undang-undang bernama Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi dengan berteraskan keluhuran Perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan menjadi asas pembentukan negara ini dan merupakan landasan kepada pembinaan negara ini, yang mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Perlembagaan Persekutuan telah digarap berasaskan harapan, pertimbangan, rundingan dan kompromi yang dicapai antara pelbagai pihak daripada Kerajaan British sehinggalah pemimpin-pemimpin tempatan yang diberi mandat untuk mewakili dan membawa suara rakyat di tanah air yang kita kenali hari ini sebagai Malaysia. Kompromi yang dicapai pada masa itu telah menjadikan Malaysia sebagai suatu negara berteraskan prinsip *federalisme*.

Antara ciri-ciri *federalisme* yang diamalkan di Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan adalah jaminan terhadap institusi Raja Berperlembagaan dan hak asasi kesemua rakyat yang tidak boleh dicerobohi dengan sewenang-wenangnya. Dalam pelaksanaan prinsip ini, hak dan kedaulatan semua negeri juga dijamin, di mana semua negeri mempunyai hak dan bidang kuasa masing-masing berkenaan dengan hal-hal dalam urusan negeri, *local matters* dan juga hal-hal bersama negeri lain bagi perkara yang melibatkan negara secara keseluruhan.

Di bawah sistem *federalisme* yang diamalkan di Malaysia, kuasa pentadbiran negara dibahagikan kepada badan eksekutif, legislatif dan kehakiman. Dalam hal ini, tiada satu badan pun yang boleh menjalankan kuasa secara mutlak dan menyeluruh. Kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi yang mengamalkan prinsip *federalisme* ini adalah juga berteraskan kepada kedaulatan undang-undang, *the rule of law* dengan izin.

Selaras dengan prinsip ini, Kerajaan Pakatan Harapan yang telah diberi mandat oleh rakyat di Malaysia amat peka dan prihatin terhadap suara dan kehendak rakyat Malaysia, terutamanya daripada negeri Sabah dan Sarawak. Kehendak dan desakan rakyat di negeri Sabah dan Sarawak telah diberi perhatian dan menjadi salah satu perkara utama yang diambil serius oleh pihak Pakatan Harapan sejak sebelum Kerajaan Pakatan Harapan ini dibentuk setelah memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 lagi. Berpandukan kepada kehendak ini, Pakatan Harapan telah mengemukakan janji untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan Perjanjian Malaysia 1963, sebagaimana yang disebut di bawah Janji 40, Teras Keempat dalam *Buku Harapan: Membina Negara Memenuhi Harapan*. [Tepuk]

Melihat kepada landskap perundangan negara pada masa ini, suatu pindaan yang wajar perlu dibuat demi memenuhi keperluan dan kehendak rakyat di negeri Sabah dan Sarawak.

Perlembagaan Persekutuan yang merupakan suatu *living document* dengan izin, hendaklah sentiasa perlu dikemas kini mengikut keperluan dan peredaran masa. Meniti kembali lembaran sejarah, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda beberapa kali sejak kelahirannya dan pindaan yang terakhir sekali adalah dibuat pada tahun 2007. Setelah 12 tahun berlalu sejak pindaan terakhir tersebut, didapati terdapat banyak peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang perlu dipinda agar selaras dengan kehendak dan keperluan negara.

Namun, ia tidak dibuat oleh kerajaan terdahulu. Oleh yang demikian, ini merupakan titik permulaan dan masa yang sangat sesuai bagi Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengambil langkah pertama dan merealisasikan kehendak rakyat di negeri Sabah dan Sarawak, selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963. *[Tepuk]* Dalam hal ini, Kerajaan Pakatan Harapan mengorak langkah untuk membuat pindaan yang perlu dan wajar kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kehendak semasa dan keperluan yang saya nyatakan tadi, kerajaan mencadangkan pindaan kepada fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan bagi memperuntukkan semula peruntukan mengenai negeri-negeri Persekutuan, sebagaimana kedudukan peruntukan tersebut semasa Persekutuan Malaysia dibentuk dengan pengubahsuaian yang perlu. Cadangan pindaan ini merupakan suatu keputusan yang wajar dalam usaha kerajaan merealisasikan tuntutan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang dikemukakan dan dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Persekutuan dan wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang termasuklah Ketua Menteri Sabah dan Sarawak telah memutuskan bahawa kerajaan bersetuju untuk meminda fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan, supaya diperuntukkan semula peruntukan yang sama sebagaimana dalam tahun 1963 dengan pengubahsuaian yang perlu. *[Tepuk]*

Pindaan ini dilaksanakan sebagai memenuhi tuntutan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang mahukan agar kedudukan negeri Sabah dan Sarawak di bawah fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan, dikembalikan kepada kedudukan peruntukan tersebut semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963, selaras dengan semangat dan hasrat Perjanjian Malaysia 1963. *[Tepuk]* Selain itu, pindaan ini juga adalah selaras dengan ucapan yang telah saya sampaikan semasa sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2018 yang lalu, di mana semasa pembentukan Malaysia yang termeterai secara rasmi pada 16 September 1963.

■1450

Dalam Perjanjian Malaysia 1963, keempat-empat wilayah ini bergabung sebagai *equal partners* ataupun rakan yang seangkatan. *[Tepuk]* 'Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah'. *[Tepuk]* Walau bagaimanapun, Singapura telah keluar Malaysia pada tahun 1965. Tahun-tahun berikutnya telah juga menukar status Sabah dan Sarawak dari rakan sekutu kepada negeri-negeri di dalam Malaysia. Malaysia Baharu dan Kerajaan Pakatan Harapan mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan mengembalikan status rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak.

[*Tepuk*] Ini adalah sebahagian dari proses yang akan dilaksanakan setelah kajian Perjanjian Malaysia 1963 disiapkan. Ini merupakan langkah pertama yang dilaksanakan dalam hal ini.

Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Jawatankuasa Khas Kabinet ini masih dalam proses perbincangan dan rundingan mengenai isu-isu yang melibatkan pelaksanaan hak-hak negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 tersebut. Rundingan ini akan berterusan sehingga suatu persetujuan, konsensus dan kompromi dapat dicapai dan diterima baik oleh semua pihak. Selanjutnya, setelah cadangan pindaan kepada fasal (2) Perkara 1 ini dipersetujui, pindaan-pindaan lain yang wajar akan menyusul hasil daripada rundingan yang dijalankan. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, huraian mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini adalah sebagaimana berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan untuk menyatakan semua negeri yang membentuk Persekutuan dengan mengembalikan, dengan ubahsuaian kedudukan fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Pindaan ini dibuat selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia yang dimeterai pada tahun 1963. Pindaan ini memenuhi aspirasi harapan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan semua rakyat Sabah dan Sarawak. Pindaan ini dalam apa-apa cara, tidak mengubah fungsi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri di bawah sistem *federalisme* yang diamalkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari hasrat dan tuntutan rakyat negeri Sabah dan Sarawak agar kedudukan seperti mana yang telah dipersetujui semasa Perjanjian Malaysia dimeterai dan Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963 dapat dizahirkan semula. Tuntutan negeri Sabah dan Sarawak termasuklah antaranya tuntutan agar peruntukan fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada dikembalikan kepada peruntukan asal pada tahun 1963 tanpa sebarang ubahsuaian dengan mengambil kira bahawa Singapura telah meninggalkan Persekutuan Malaysia pada tahun 1965.

Walau bagaimanapun, melalui pindaan yang dicadangkan ini, kedudukan peruntukan fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan semua negeri komponen dalam Persekutuan Malaysia sebagaimana pada tahun 1963 akan dikembalikan dengan sedikit ubahsuaian yang perlu.

Pertama, dengan memotong frasa "*Negeri Singapura*" memandangkan Singapura telah meninggalkan Malaysia pada tahun 1965 selaras dengan peruntukan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1966 yang berkuat kuasa pada 9 Ogos 1965.

Kedua, dengan memotong frasa "*the State of Malaya*" dengan rujukan kepada "*Negeri-negeri Tanah Melayu*" tidak lagi digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan, memandangkan negeri-negeri tersebut merupakan entiti sendiri yang telah berintegrasi sebagai negeri komponen dalam Persekutuan Malaysia.

Ketiga, dengan memotong frasa “*Borneo States*” memandangkan frasa “*Negeri-negeri Borneo*” telah digantikan dengan frasa “*Negeri Sabah dan Sarawak*” di mana ia terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan seperti mana yang telah dipinda oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976 [Akta A354] dan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981 [Akta A514]. Pada masa ini, rujukan kepada frasa “*Negeri-negeri Borneo*” tidak lagi digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Istilah “*Negeri-negeri Borneo*” digantikan dengan frasa “*Negeri Sabah dan Sarawak*” pada masa itu sebagai mengemas kini yang antara tujuannya adalah bagi mengelakkan anggapan bahawa Sabah dan Sarawak merupakan suatu provinsi dalam Indonesia. Sehubungan itu, kedua-dua negeri tersebut dikenali dengan nama negeri Sabah dan Sarawak sahaja dan bukannya negeri-negeri Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan dalam menggubal Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 turut mendengar pandangan dan buah fikiran daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi memastikan kedudukan Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan Akta Malaysia 1963 tetap kekal dan terpelihara.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan dengan ini akan mencadangkan pindaan dalam jawatankuasa bagi menambah baik Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019. Cadangan yang akan dicadangkan dalam jawatankuasa ialah agar peruntukan semasa dikembalikan kepada peruntukan asal pada tahun 1963 tanpa sebarang ubahsuaian dengan mengambil kira bahawa Singapura telah meninggalkan Persekutuan Malaysia pada tahun 1965.

[Tepuk]

Oleh itu dicadangkan fasal (2) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini dipinda seperti berikut.

Pindaan Perkara 1(2) - Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Perkara 1 dengan menggantikan fasal (2) dengan fasal yang berikut: (2) - Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada negeri-negeri Tanah Melayu iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu dan negeri-negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak.

Amendment of Article 1, the English version.

■1500

2. *The Federal Constitution, dengan izin, is amended in Article 1 by substituting the Clause (2), the following Clause:*

- “(2) *the States of the Federation shall be –*
- (a) *the states of Malaya namely Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Terengganu, Penang, Perlis, Selangor and Terengganu; and*
 - (b) *the Borneo states namely Sabah and Sarawak.”*

Selain itu, terdapat juga cadangan supaya huraian terhadap Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 di ayat terakhir iaitu "*Pindaan ini, dalam apa-apa cara, tidak mengubah fungsi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri di bawah konsep federalisme*" atau dalam bahasa Inggerisnya, "*This amendment does not, in any way, alter the functions of the Federal and state governments under the concept of federalism*" juga dipotong. Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa perkara ini boleh dilaksanakan dan akan mencadangkan pindaan yang sewajarnya dalam peringkat jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga menyedari bahawa dalam mencadangkan pindaan pada fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan ini, terdapat juga banyak cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak agar pindaan turut dibuat kepada tafsiran *the Federation* atau Persekutuan di bawah fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, izinkan saya untuk memberikan sedikit penjelasan berkenaan dengan tafsiran *the Federation* ataupun Persekutuan di bawah fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa, "*In this Constitution, unless the context otherwise requires, the following expressions have the meanings hereby respectively assigned to them, that is to say- "the Federation" means the Federation established under the Federation of Malaya Agreement 1957"*.

Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mencadangkan agar tafsiran tersebut hendaklah diselaraskan memandangkan ia masih merujuk kepada Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Dalam hal ini, ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan merupakan peruntukan yang mentafsirkan ungkapan-ungkapan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, tafsiran bagi ungkapan-ungkapan yang dinyatakan dalam fasal (2) Perkara 160 tersebut mempunyai erti sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut. Ungkapan "*the Federation*" ditafsirkan di bawah fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan sebagai Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Ungkapan "Persekutuan" juga terdapat dalam fasal (1) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Persekutuan dinamai Malaysia dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris.

Dalam hal ini, tafsiran dalam fasal (2) Perkara 160 tersebut digunakan dalam konteks yang berlainan daripada peruntukan dalam fasal (1) Perkara 1 yang merujuk kepada Malaysia sebagai sebuah Persekutuan. Tafsiran dalam fasal (2) Perkara 160 tersebut mempunyai tujuan lain iaitu antaranya bagi menjelaskan maksud "Persekutuan" ataupun "*The Federation*" pada masa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 untuk tujuan peruntukan sementara dan peralihan di bawah Bahagian VIII Perlembagaan Persekutuan semasa negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Antara contoh peruntukan di mana istilah "*the Federation*" tersebut disebut adalah dalam fasal (3) Perkara 166 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai pewarisan harta sebelum merdeka, fasal (3) Perkara 162 mengenai undang-undang sedia ada sebelum merdeka dan juga fasal (7) Perkara 167 mengenai hak liabiliti dan obligasi yang ditanggung oleh Persekutuan sejak sebelum hari merdeka.

Dalam konteks umum pula, "Persekutuan" bermaksud Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal (1) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan. Tafsiran ungkapan "*the Federation*" di bawah fasal (2) Perkara 160 tidak menjejaskan kedudukan negeri Sabah dan Sarawak sebagai satu komponen dalam Persekutuan Malaysia.

Oleh itu, kerajaan tidak bercadang untuk meminda tafsiran ungkapan "*the Federation*" di bawah fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan kerana tafsiran yang sedemikian dihasratkan untuk digunakan dalam beberapa peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan yang masih berkuat kuasa.

Dalam hal ini, hendaklah ditekankan bahawa pindaan kepada fasal (2) Perkara 1 ini tidak dalam apa-apa cara sekalipun mengubah fungsi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri di bawah konsep Persekutuan atau dikenali sebagai *Federalism* seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Negeri Sabah dan Sarawak akan terus menikmati hak-hak istimewa sedia ada... [*Tepuk*] yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan seperti yang perlu dilaksanakan di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Kedudukan ini juga tidak akan mengubah hak-hak negeri yang lain dalam Persekutuan Malaysia ini.

Selaras dengan sistem *federalism* yang diamalkan di Malaysia, pembahagian kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri diperuntukkan dengan jelas dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang asas bagi negara kita ini. Setiap entiti dan setiap institusi di negara ini menjalankan kuasa masing-masing berlandaskan perkara yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Kuasa perundangan Parlimen bagi Kerajaan Persekutuan disenaraikan dalam Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan, sementara kuasa perundangan Dewan Undangan Negeri bagi kerajaan negeri pula disenaraikan dalam Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Kedua-dua Parlimen dan Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa perundangan secara bersama bagi perkara yang dinyatakan dalam senarai bersama.

Sebagai tambahan, negeri Sabah dan Sarawak turut menikmati hak-hak istimewa yang lain daripada yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dalam pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang termasuklah pemberian khas kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta peruntukan khas bagi menjamin kepentingan Sabah dan Sarawak berhubung dengan beberapa perkara. Antaranya seperti tanah, kedudukan istimewa anak negeri di Sabah dan Sarawak, kuasa perundangan ke atas perkara-perkara yang lebih banyak kepada negeri Sabah dan Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain melalui senarai tambahan kepada Senarai Negeri dan senarai tambahan kepada Senarai Bersama di bawah Senarai Perundangan (*Legislative List*) dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

■1510

Walau apa pun yang dicadangkan dalam pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan melalui Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini, seperti yang saya maklumkan Dewan yang mulia ini, pindaan yang dicadangkan terhadap fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan tidak akan sama sekali mengubah usaha rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang sedang giat diadakan pada masa ini melalui Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak Perjanjian Malaysia 1963. Usaha rundingan tersebut masih dan akan diteruskan sehingga suatu kata sepakat yang dapat memuaskan hati semua pihak dapat dicapai.

Sehubungan ini, ingin saya tegaskan bahawa Malaysia hendaklah dilihat sebagai satu entiti tanpa memisahkannya kepada Malaysia Timur dan Malaysia Barat di mana kekayaan dan keuntungan yang diperolehi oleh Malaysia perlu diagihkan kepada semua negeri di Malaysia secara adil dan saksama mengikut keperluan. *[Dewan tepuk]* Perpaduan negara hendaklah menjadi agenda utama semua pihak yang membentuk Malaysia bagi memastikan Malaysia dapat terus maju dan berdiri teguh, sebaris dengan kuasa-kuasa besar di dunia.

Akhir kata, pindaan yang dicadangkan ini merupakan satu langkah dan usaha murni kerajaan sebagai pembuka jalan kepada reformasi undang-undang demi mencapai hasrat semua rakyat Malaysia. Apa-apa tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan hanya dibuat selepas mempertimbangkan implikasi dan kesannya kepada Malaysia secara keseluruhan dan bukanlah merupakan satu tindakan yang dibuat secara terburu-buru untuk memenuhi kehendak mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Dewan tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong? Silakan.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *[Dewan tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat untuk memulakan perbahasan, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 dihadkan masa seperti berikut:

- (i) Wakil Ketua Pembangkang atau Ketua Pembangkang – 20 minit, mencukupi;
- (ii) Ahli Yang Berhormat Port Dickson sebagai mewakili pihak Pakatan Harapan – 20 minit; *[Dewan tepuk]*
- (iii) Kemudian diikuti oleh Ahli Yang Berhormat dari parti Warisan sebagai wakil daripada Sabah dari pihak kerajaan – 20 minit; *[Dewan tepuk]*
- (iv) Ahli Yang Berhormat dari parti Gabungan Parti Sarawak (GPS) – 20 minit; *[Dewan tepuk]*

- (v) Ahli Yang Berhormat daripada parti PAS pun 20 minit; dan [*Dewan tepuk*]
- (vi) Bagi Ahli Yang Berhormat yang lain 10 minit.

Seterusnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menggulung pada jam 8.30 malam. Sekian, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kinabatangan, dipersilakan. [*Dewan riuh*]

3.15 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga di atas pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi. Daripada pembentangan-pembentangan tadi, sebetulnya kita selaku mewakili rakyat Sabah, kita bukan sahaja rakyat Malaysia di Sabah ataupun Sarawak, bahkan rakyat Malaysia seluruh negara menanti-nanti akan implementasi untuk mengembalikan martabat Sabah dan Sarawak itu seimbang dan setaraf dengan di Semenanjung Tanah Melayu. [*Dewan riuh*] Jadi sebab itu - Tuan Yang di-Pertua, boleh tak yang lain ini kita bercakap, dia orang diam. Kalau tidak, dia orang cakaplah. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sila berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Justeru itu, dalam keadaan begini, roh ataupun penterjemahan untuk meletakkan negeri Sabah dan Sarawak ini seimbang harus dilihat secara yang lebih luas, secara lebih saksama. Memang kita berhasrat, saya pun dah lama menunggu cadangan ini dan ia perlu direalisasikan dengan lebih meluas. Sebentar tadi rakan saya daripada Tuaran telah mengesyorkan kalau kerajaan ini benar-benar ikhlas, perkara ini harus dibawa di *Select Committee* dan kita wakil-wakil parti-parti daripada pemimpin-pemimpin seluruh penjur, boleh turut serta membahas dan membincang apa juga keperluan-keperluan demi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak.

Jadi kalau kita cuma implementasi perubahan Perkara 1(2), meletakkan iaitu seperti dalam *agreement* MA63 yang lalu, pada saya ia bukanlah satu perkara yang diinginkan 100 peratus oleh Sabah dan Sarawak. Yakni yang diperlukan adalah untuk inti patinya, *content* dia, apa yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Mana yang boleh dilaksanakan, mana yang tidak boleh dilaksanakan. Kalau tidak boleh, bermakna kedua-dua pemimpin, ketiga-tiga pemimpin berunding. Ini mungkin kita tangguhkan. Di mana yang boleh kita laksanakan, kita laksanakan. Ini yang penting. [*Dewan riuh*] Jadi, sebab itu kita bukan menentang tetapi banyak pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri kesempatan pada Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak semut di luar ini. *Steady* lah, kita waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentang, kita tenang. Malulah sikit

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada. Nanti pilihan raya akan datang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bagi tanding baru tahu. *[Dewan riuh] Steady* lah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Justeru itu, sebetulnya memang inilah rakyat Sabah dan Sarawak khususnya, kita hendakkan ketelusan itu lebih *transparent*. Beri kita peluang duduk dalam *Select Committee* sebab *Select Committee* dalam Parlimen ini pun merupakan Agenda Transformasi Pakatan Harapan dalam manifestonya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, sekejap. Jadi pada saya, inilah masanya yang sesuai untuk kita bincang pindaan Perlembagaan ini dalam *Select Committee* Parlimen ini. Apabila Parlimen ini telah merumuskan sesuatu, kita dengan rela hati, dengan terbuka, menerima apa juga keputusan *Select Committee* itu untuk kebaikan kita bersama. Inilah yang diharap-harapkan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kepada Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Saya ada kepentingan sedikit dalam ini kerana isteri pertama saya orang Sarawak ya. *[Dewan riuh]* Isteri kedua tidak ada ya. *[Dewan ketawa]*

Setuju tak Yang Berhormat Kinabatangan pada cadangan saya bahawa apabila perkara ini dijadikan pindaan supaya Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak diberikan 20 peratus royalti petroleum daripada pengeluaran, bukan 20 peratus daripada keuntungan. Itu soalan saya yang pertama ya supaya rakyat negeri Sarawak dan Sabah mempunyai... *[Dewan riuh]* Eh! Senyaplah.

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Supaya rakyat negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kewangan yang cukup untuk membangunkan negeri Sabah dan Sarawak. Itu yang pertama Yang Berhormat Kinabatangan.

Kedua, disebut dalam teks Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya meneliti satu persatu ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut pindaan ini dalam apa-apa cara, tidak mengubah fungsi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri di bawah konsep *Federalisme*.

■1520

Itu dalam teks asal tetapi kemudian Perdana Menteri menyebut perkara itu dipotong daripada pindaan Perlembagaan. Saya kira ada perkara teknikal daripada teks yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perkara yang ketiga yang akhir, adakah perkara ini perlu dibawa ke Majlis Raja-raja? Saya hanya ingin tahu, adakah perkara-perkara ini sebab dalam fungsi Majlis Raja-raja di antaranya ialah boleh menimbang teliti soal-soal mengenai dasar negara. Perkara 38(6)

Perlembagaan Persekutuan fungsi Majlis Raja-raja memperkenankan atau tidak memperkenankan undang-undang yang mengubah sempadan. Memang sempadan tidak diubah tetapi ia mengenai dasar negara. Adakah ia perlu dibawa terlebih dahulu ke Majlis Raja-raja? Saya ingin tanya kerana saya tidak tahu. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta pencilahan. Boleh, boleh, sikit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya cuma hendak tanya pandangan Yang Berhormat, adakah Kerajaan Pakatan Harapan setelah menunjukkan keikhlasan dengan menubuhkan *Special Cabinet Committee* di mana semua *interests* ataupun hak-hak yang kita hendak memang kita sokong.

Akan tetapi semua itu telah dibincangkan dalam *Special Cabinet Committee MA63* dan pada hari ini kita ada satu peluang, peluang keemasan untuk melakarkan sejarah dan melangkah langkah pertama. Dalam bahasa Inggeris, *the journey of a thousand miles begins with the first step* dan pada hari ini kita ada peluang untuk melakukan langkah pertama itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya tertarik mendengar adik saya, adik kah? Anak itu? mengatakan *first step, we have to start with the first step*. Bagi saya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita hendak memulakan dengan *first step, it has to be the very right step*.

Beberapa Ahli: [Dewan riuh]

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. *First step* ini kita telah balik ke roh asal, roh asal Perjanjian Malaysia 1963.

[Dewa riuh]

Seorang Ahli: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching, sila duduk, sila duduk. Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya terima kasih, menampakkan kerancangan. Bermakna minat itu ada di situ Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh. Saya hendak sedikit. Ini tadi dia kata *must be the right first step*. Bagi kami ini mungkin *mis step* sebenarnya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa, tidak apa. Itu pelbagai. Duduk, duduk.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jadi, Perjanjian MA63 itu *mis step* kah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching, sila duduk, sila duduk.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Adakah ini, adakah pertanyaan tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Apa ini tidak minta...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat akan memberi dan akan mendapat peluang. Ya silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mukadimah utama saya. Niat yang baik, niat kerajaan memang baik tetapi niat yang baik, pelaksanaan kurang baik tidak akan menzahirkan kebaikan itu. Jadi kalau niat yang baik itu diterjemah lagi baik, memang *best*. Tidak apa, tidak ada yang perlu dibimbang. Kita rungkai bersama. Sebab ini untuk membentuk Malaysia Baharu, mengangkat Sabah dan Sarawak ke arah mercu seimbang dengan Tanah Melayu dengan Persekutuan.

Jadi, rasa saya tidak rugi untuk kerajaan yang baharu ini saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maklum tuntutan Sabah dan Sarawak, bukan hanya royalti 20 peratus, bukan hanya hasil cukai 40 peratus yang telah dimeteraikan tetapi banyak lagi saya rasa Yang Berhormat Bandar Kuching belajar. *You're still young man, so learn. Don't make mistakes from the first step.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi kita pun ada dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata dia memang kata Malaya, Sabah, Sarawak kita semua sama, duduk pun sama, kita pun kalau berdiri pun sama, tinggi sama rendah.

Kita ada setujukah tidak, kita sekarang dalam tukar Perlembagaan, kita mesti mahu ada satu formula. Betul-betul kita melihatkan *we are the state status or equal partner?* Kalau tiada, hari-hari kalau kita cerita ini, saya kata akhir sekali kita pun tidak mencapai, kita apa Sabah Sarawak. Contoh atas belanjawan, nampaknya kita Sabah, Sarawak masih lagi kata ketinggalan. Apa pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat Bintulu, sebab itu mukadimah awal-awal saya, saya telah meminta supaya kerajaan mengkaji, kalau boleh dengan seboleh-bolehnya kita bincang dengan secara lebih meluas supaya inspirasi ataupun roh yang dituntut oleh Sabah dan Sarawak itu memang menjadi realiti dan berpaksikan dengan kenyataan dan rakyat tidak akan lagi mengeluarkan suara-suara sumbang pada masa-masa akan datang. Apa yang kita tentukan pada hari ini akan menentukan masa depan negara kita, menentukan hala tuju anak bangsa. Ini, ini yang kita buat, hari ini bukan untuk kita, hari ini kita buat untuk beribu-ribu tahun lagi untuk anak-anak muda kita, anak cucu kita.

Sebab itu kalau boleh kita duduk bincang, kita perhalusi kenapa tergesa-gesa dalam menentukan satu masa depan yang lebih baik kepada anak bangsa kita. Ini yang perlu kita lihat. Sebab itu saya meneliti sebab ada juga hujah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

bahawa perubahan ini tidak akan merubah fungsi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Ini pun menjadi tanda tanya kepada rakyat apa inti pati? apa huraian tidak mengubah fungsi? Bermakna ada *something* yang perlu diperdebatkan dengan ungkapan-ungkapan yang sedemikian.

Pada saya, sebab itu pada saya, saya lebih rela melihat agar pindaan ini, kalau boleh kita letakkan dengan *Select Committee*. Ini sebab *Select Committee* kita boleh pilih Ahli-ahli Parlimen yang bijaksana, 'bijaksini', 'bijaksitu' untuk menentukan hala tuju kita, apa yang rakyat Sabah mahu, apa yang rakyat Sarawak mahu. Mungkin dua negeri ini berlainan inspirasi dia, berlainan tuntutan dia. Di Sabah ini kita dikenali sebagai rakyat yang berbilang kaum, lain. Kita di sana. Di Sarawak lain, budaya dia lain, cara dia lain. Kita di Sabah lain. Kita lebih— bukan Sarawak tidak *friendly* tapi Sabah ini *more friendly*. Kita lebih dikenali sebagai hubungan kaum itu lebih...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Minta, minta jalan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...lebih erat, lebih mesra.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Keningau minta jalan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di manakah di dalam pindaan ini, dalam pandangan Yang Berhormat Sabah dan Sarawak akan *equal partner*, sama taraf dengan Malaya? Dan kalau tidak terdapat apa komen Yang Berhormat apa yang perlu lagi untuk ditambah supaya akan memenuhi aspirasi Sabah dan Sarawak terutama sekali dari segi pembahagian kuasa autonomi dan peruntukan dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Keningau ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Keningau, ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Keningau, akta yang dipinda ini nampak kecil, tetapi apa yang rakyat Sabah lihat *content* dia. Apa yang boleh ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan. Mungkin tuntutan 40 peratus, macam contohnya Sabah minta daripada royalti itu. Kalau kita kira-kira royalti cukai negeri Sabah yang dipungut tahun ini lebih kurang RM4 bilion. Kalau 40 peratus, bermakna negeri Sabah mendapat RM1.72 bilion tambahan. Bermakna Ketua Menteri Sabah boleh mengguna duit itu untuk membangun negeri Sabah. Akan tetapi kalau tuntutan itu pula dikira daripada awal-awal perjanjian, sudah tentu Kerajaan Persekutuan tidak dapat memenuhinya sebab ia terlalu banyak kalau dikira.

Justeru itu, sebab itu lebih baik walaupun kita hormati ada *Committee* yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, ada Teknikal *Committee* dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ada *Committee* dipengerusikan oleh Menteri Ekonomi tetapi lebih baik Parlimen ini kita perkasakan, kita *transform* Parlimen ini seperti yang diuarkan-uarkan oleh Ahli Parlimen daripada Port Dickson dan juga daripada Permatang Pauh. Jadi kita realisasikan supaya kita sama-sama boleh menterjemahkan ilham kita.

Suara anak muda juga perlu kita dengar. Mungkin tuntutan dalam MA63 ini perlu melibatkan anak-anak muda. Ini kerana anak-anak mudalah akan menentukan hala tuju, untung nasib bangsa negara kita pada masa-masa akan datang. Saya rasa Yang Berhormat Muar pun setuju. Dia sudah angguk-angguk, bermakna dia setuju untuk kebaikan. Kita jangan bertelagah di sini. Dewan ini bukan untuk kita bertelagah atau berbalah tetapi untuk kita...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta jalan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Keningau, sila.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa walaupun hak Sabah, hak Sarawak termaktub di dalam Perlembagaan dan kita angkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan, namun selama 56 tahun ini tidak terlaksana. Apakah komen Yang Berhormat?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, seperti awal-awal kita tahu bahawa Perlembagaan negara kita telah diubah banyak kali. Perjanjian 63 telah diubah tahun 1976. Saya pun tidak tahu apa yang mendorong perubahan itu.

Dalam Manifesto Barisan Nasional pilihan raya yang lalu pun, ada kita letak untuk menyelesaikan MA63. Bukan kita mencari siapa salah, siapa yang betul. Kalau ada yang salah tidak apa, tetapi kita inilah. Kalau bukan sekarang, kalau bukan kita, siapa lagi yang kita tunggu?

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita ini meletakkan supaya dia betul. Jadi ini yang perlu kita bincang. Kalau kita asyik menyalahkan orang itu, orang ini, kita tidak akan ke hadapan. Untuk maju ke hadapan, kita harus melihat ke hadapan, *big picture*. Jangan fikir daripada teropong yang kecil sebab ia akan memesongkan pemikiran kita.

Justeru itu, saya mohon kepada Majlis pada hari ini, berilah kepercayaan kepada Dewan Rakyat untuk membentuk satu *Select Committee* supaya kita semua berpuas hati. Wakil Sabah ada, wakil Sarawak ada, wakil bangsa Johor ada, daripada Kelantan ada, Terengganu ada, Perlis ada. Jadi, kita puas...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Mohon penjelasan terakhir. Terakhir, terakhir, penjelasan. Cuma hendak tanya sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Wrong step. So, big people.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya cuma hendak penjelasan, *last one, last one.*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tadi cakap hendak bagi ...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *No more second step. [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Nak bagi, nak bagi suara anak muda, kena bagi lah *chance*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tunggu giliran Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sudah hendak habis.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Cepat sahaja, 30 saat, 30 saat. Boleh, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberikan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah nak habis. Sebagai penggulungan Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Sabah memang mengalu-alukan supaya perubahan ini diterjemahkan mengikut cita rasa orang Sabah, mengikut cita rasa rakyat. Cukuplah kita...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat menyebut perkataan bangsa Johor, saya tidak pernah jumpa lagi. Ada bangsa Johor? *[Ketawa]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak boleh jawablah. Tuan Yang di-Pertua, selaku wakil rakyat daripada Sabah, kita memang ingin melihat perubahan dalam perjanjian MA63 ini dapat direalisasikan. Oleh sebab ini terlalu ramai wakil rakyat daripada Sabah, pemimpin-pemimpin NGO daripada Sabah mengadakan berbagai-bagai forum, berbagai-bagai mesyuarat, perbincangan, penerangan termasuk di luar negara supaya kerajaan menitik berat tentang masalah ini.

Jadi masanya sudah tiba, masanya sudah sampai untuk kita sama-sama meletakkan sesuatu yang terbaik. Kalau hendak putus yang terbaik, kita bincang secara terbaik. *Insyallah* kalau kita sama-sama ikhlas, sama-sama reda, Allah SWT akan memberkati apa juga usaha kita. Ini yang penting. Bukan soal siapa salah, siapa betul. Pada saya, kerajaan sudah membuat satu langkah yang baik. Maka, susulilah dengan penyusunan-penyusunan yang baik seperti yang kita minta untuk kerajaan lakukan. Kita bincang dalam *select committee*, *contents* dan keperluannya supaya tidak akan ada lagi suara-suara anak Sabah, anak Sarawak menuntut macam-macam dengan Kerajaan Persekutuan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Port Dickson. Silakan Yang Berhormat. *[Tepuk]*

3.35 ptg.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan terhadap usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminda fasal (2) Perkara 1. Cadangan ini cadangan yang bersejarah, bermakna kepada rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diujahkan sekian lama dan kita telah mendengar keluhan dan rintihan terutama rakyat Sabah dan Sarawak. Hari ini Perdana Menteri memegang kepada janji dan dengan berani mempertahankan semangat Perlembagaan. Tidak ada pelanggaran semangat Perlembagaan, hanya mengesahkan apa yang telah disepakati oleh bapa-bapa kemerdekaan kita pada tahun 1963. *[Tepuk]*

Saya tidak faham mengapa langkah bermakna ini dipertikai. Ada yang mengatakan ini langkah yang mungkin tidak berkesan tetapi sekurang-kurangnya di bawah Pakatan Harapan, Perdana Menteri telah mengorak langkah bermakna. *[Tepuk]* Setengah abad berlalu dan Barisan Nasional tidak mengorak langkah pun! *[Tepuk]* Ada yang bawa soal, ini soal pindaan asas.

Saya tidak pertikai cadangan membawa kepada Jawatankuasa Pilihan kalau ada peruntukan-peruntukan lain yang hendak dibawa. Akan tetapi dalam fasal (2) Perkara 1 ini, perkara yang asas iaitu kedudukan negeri-negeri Sabah dan Sarawak sama dengan Semenanjung. Apa yang hendak dipertikaikan soal itu? Soal royalti, soal hak, soal yang lain, itu akan dibincangkan setelah Laporan Jawatankuasa Kabinet Perkara MA63 itu dibentangkan dan bila perlu kalau dipinda, saya tidak ada masalah sama sekali untuk dibawa kepada *Select Committee*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minta laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Port Dickson.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Port Dickson, bagi siapa dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ketereh dahulu. Yang Berhormat Ketereh, silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih. Saya fikir isu yang sedang kita bincang ini adalah isu yang asasnya dipersetujui kedua-dua pihak. Ada dalam kedua-dua manifesto pilihan raya yang lepas. Tadi Yang Berhormat Port Dickson menyatakan 50 tahun di bawah kerajaan dahulu tidak dilakukan apa-apa. Apakah Yang Berhormat Port Dickson bersetuju sebahagian besar daripada 50 tahun itu berada di bawah Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Port Dickson sendiri? *[Tepuk]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, memang. Akan tetapi perkara kesedaran rakyat Sabah dan Sarawak itu memuncak dalam lapan tahun, 10 tahun yang lalu. Hanya orang yang tidak mendengar atau istilah kasarnya pekak yang tidak boleh merasakan. *[Dewan riuh]* Oleh sebab itu, dalam manifesto sejak Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan dari awal apabila Yang Berhormat Langkawi memimpin Pakatan Harapan, perkara ini adalah di antara yang pertama yang dimasukkan dalam perbincangan kita.

Oleh yang demikian, sebelum...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Port Dickson, boleh bagi peluang sekejap?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Biar saya habis dahulu. Sebelum pindaan yang dikemukakan sekali pun, sejak awal Perdana Menteri telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet berbincang MA63 bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang tentunya akan mengambil kira semua perkara lain yang berkaitan.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kota Kinabalu, Hari Malaysia tahun lalu, perkara-perkara ini telah dicerakinkan. Jadi untuk dipertikai sekarang oleh pembangkang, saya fikir tidak munasabah. Memang benar dimasukkan dalam Manifesto Barisan Nasional 2018, tetapi perkara ini telah dibawa oleh kami pembangkang sejak tahun 2004 terutama tahun 2008 tetapi diperkukuh dalam Manifesto Pakatan Harapan. Apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk menepati janji yang jelas kepada rakyat Malaysia, Semenanjung, Sabah dan Sarawak bahawa kedudukan negeri-negeri ini harus disamakan sesuai dengan semangat Perjanjian 1963.

■1540

Hanya satu perkara sebelum itu. Dibangkitkan apakah perlu pindaan-pindaan seperti ini dibawa kepada Majlis Raja-raja. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini hanya menekankan apa yang tidak dilakukan susulan daripada Perjanjian Persekutuan Malaysia. Tidak langsung melibatkan suatu perkara yang baharu. Tidak ada orang yang waras dan munasabah boleh pertikai bahawa perjanjian, sejak Suruhanjaya Cobbold yang membangkitkan dan kemudian Perjanjian Malaysia 1963, menekankan kedudukan negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kita hanya membetulkan apa yang kita anggap satu kekhilafan dalam sejarah yang kita betulkan dalam pindaan Perlembagaan sekarang. Yang Berhormat Batang Sadong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batang Sadong, silakan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Saya mewakili Sarawak, jadi roh itu terasa oleh orang Sarawak sendiri bagaimana Yang Berhormat Port Dickson menyatakan tadi, kita bersetuju dengan pindaan ini. Kami tidak pernah mengatakan kami tidak bersetuju. Cuma, kami minta supaya ianya diberi peluang untuk kami.

Jadi sama ada Yang Berhormat Port Dickson bersetuju kah tidak kerana pada masa ini, Jawatankuasa Kabinet yang tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sedang membincangkan perkara-perkara di bawah MA63. Adakah wajar untuk kita menunggu sahaja dulu keputusannya? Kerana itu tidak mengambil masa yang lama. Kemudian barulah kita mengemukakan pindaan kepada Perkara 1(2) ini.

Saya nak perbetulkan juga Yang Berhormat Port Dickson. Saya bersama dengan Yang Berhormat Kimanis, kami berdua telah dilantik untuk menjadi pengerusi bersama dalam satu jawatankuasa bernama *Devolution of Power* untuk membincangkan apa yang seharusnya diberi kepada Sarawak dan Sabah yang selama ini tertunggak dari tahun 1969 di bawah Artikel 112D. Kami tidak menerima apa-apa daripada geran yang seharusnya geran yang *direview*, geran khas

direview di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sehingga hari ini, daripada tahun 1969, tidak adapun direview, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Kalau dah setuju, luluskan ini dulu. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Sadong itu, soal pinda Perlembagaan, itu dirujuk dalam ucapan Perdana Menteri, perkara-perkara yang akan diputuskan susulan daripada pindaan pertama yang menjadi asas. Ini perkara fasal (2) Perkara 1 ini awal dalam Perlembagaan iaitu hanya menjelaskan kedudukan negeri-negeri.

Kita juga pertahankan prinsip Persekutuan dan dalam menentukan bidang kuasa yang telah termaktub dalam Perlembagaan yang dipertikai, dituntut, semua itu dibincangkan dalam jawatankuasa yang melibatkan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Mengapa tidak boleh kita luluskan yang pertama ini? Untuk memberikan mesej yang jelas bahawa kita telah tunaikan melalui pindaan Perlembagaan ini dan kita akan tunaikan janji seperti mana yang termaktub dalam manifesto dan janji kepada rakyat. Jadi, mari kita mula capai muafakat ini secara sepakat dan tidak pertikai.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya nak tanya, yang dipertikaikan itu apa? Yang kita bersetuju hari ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini yang kita bersetuju. Dulu disebut negeri-negeri, sekarang satu Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dan ini yang disebut dalam Perjanjian 1963.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Kalau ini yang menjadi prinsipnya, mengapa nak dipertikai? Yang nak dipertikai ialah langkah-langkah susulan. Perdana Menteri telah beri pengakuan bahawa perkara ini masih dalam tindakan. Jadi sebab itu, kita ada permulaan. Rakyat termasuk Sabah dan Sarawak akan tahu bahawa di Malaysia, di bawah pimpinan Pakatan Harapan dan Perdana Menteri, ada komitmen yang jelas yang telah tidak dilakukan sebelum ini... *[Tepuk]*

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Keningau minta laluan. Silakan Yang Berhormat Keningau.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Port Dickson bersetuju bahawa Perlembagaan Malaysia harus dihormati dan dilaksanakan? Selama ini, Perlembagaan Malaysia tidak dihormati. Jadi saya nak tanya, apakah jaminan Yang Berhormat Port Dickson bila mana pindaan ini dibuat, semua hak-hak dan kewajipan Kerajaan Pusat kepada negeri Sabah dan Sarawak ini akan dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Ini Kerajaan Pakatan Harapan dan Perdana Menteri Langkawi, jangan keliru dengan Perdana Menteri lalu dan Kerajaan Barisan Nasional... *[Tepuk]* Kita janji dan kita tunaikan. Sebab itu... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Retoriklah Yang Berhormat Port Dickson. Janji lama pun tak buat. Alamak!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Sebab itu bila ditanya mengapa dilaksanakan segera, ia supaya kita beri mesej yang jelas. Kita janji kepada Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk menetapkan status yang sama, maka kita tunaikan hari ini.

Soal yang dibangkit oleh Yang Berhormat Keningau, apakah peruntukan-peruntukan lain dilaksanakan kemudian. Jawabnya, jawatankuasa yang melibatkan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan Perdana Menteri sekarang sedang teliti satu persatu. Kita mula beri sokongan kepada peruntukan pindaan fasal (2) Perkara 1 dulu dan ini adalah tindakan susulan.

Jadi ini kena jelas. Kalau soal, tanya, apakah kita akan tunaikan, saya nak jelaskan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa telah diadakan berkali-kali untuk memutuskan perkara-perkara yang dipersetujui bersama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat minta laluan. Silakan Yang Berhormat Tumpat ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Port Dickson.

Beberapa kali saya mendengar bahawa Yang Berhormat daripada Port Dickson menyebut pindaan ini adalah dalam kerangka untuk meletakkan kedudukan negeri-negeri yang perlu disamakan dan Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri juga menyebut bahawa satu Jawatankuasa Khas Kabinet telah dibentuk untuk membincang, menyemak Perjanjian Malaysia 1963 sehingga semua pihak berpuas hati.

Semua pihak di sini yang terlibat dalam perjanjian ini tentulah bukan sahaja Sabah dan Sarawak tetapi ia juga melibatkan negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu. Cuma, dalam jawatankuasa ini, yang ada hanyalah wakil Persekutuan dan juga wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, tidak melibatkan pemimpin-pemimpin ataupun wakil-wakil daripada Persekutuan Tanah Melayu. Jadi, macam mana untuk memuaskan hati semua pihak sedangkan perwakilannya tidak diwakili oleh semua pihak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Itu patut tanya Perdana Menteri, bukan tanya saya. Tapi tak apalah, saya jawab dulu. Perdana Menteri akan jelaskan kemudian. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Port Dickson pun sebut menjawab untuk semua. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Takkan tak yakin *kot?* *[Ketawa]*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Yang pertama, Yang Berhormat Tumpat, Tuan Yang di-Pertua, sabar. Yang pertama...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, Perdana Menteri bukan diktatorlah ya?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Bulan lima tahun depan jawab.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Pindaan ini melibatkan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Pindaan ini khusus kalau baca dan faham, fasal ini mengangkat kedudukan Sabah dan Sarawak seperti mana yang dijanjikan dalam Perjanjian Persekutuan 1963. Perkara-perkara yang lain, yang terkait dengan kedudukan Perlembagaan daripada segi semangat Persekutuan, kuasa Persekutuan dan negeri, itu sedang dirundingkan. Yang kita bincang hari ini soal Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ambiguiti, kesamaran. Perlembagaan itu jelas, tidak harus dipertikaikan.

Oleh yang demikian, saya mohon supaya bukan sahaja dari Pakatan Harapan tetapi semua rakan beri sokongan yang jelas dan mesej yang jelas kepada rakyat termasuk Sabah dan Sarawak... [Tepuk] Hal ini bukan hal yang harus dipertikaikan. Hal ini adalah khilaf sejarah dan khilaf sejarah itu hanya mahu dibetulkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sekarang [Tepuk] dan Perdana Menteri telah mengambil inisiatif ini. Kita bertanggungjawab membetulkan satu kekhilafan sejarah daripada segi apa yang dijanjikan kedudukan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Saya mohon menyokong... [Tepuk]

■1550

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beluran minta laluan Yang Berhormat. [Tepuk] Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Semporna. Silakan Yang Berhormat. [Tepuk]

3.50 ptg.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia 1963 adalah satu-satunya warisan peninggalan bapa-bapa kemerdekaan yang mahukan kesejahteraan Malaysia berterusan. Perjanjian Malaysia 1963 adalah dokumen rasmi yang memberi legitimasi kepada kewujudan Sabah dan sekali gus pembentukan Malaysia itu sendiri.

Perjanjian ini berbeza berbanding dengan kontrak sosial yang kerap diuar-uarkan di seluruh negara. Perbezaan antara kedua-dua dokumen ini adalah satu merupakan surat cara yang bertulis, manakala satu lagi adalah perjanjian antara kerajaan merupakan dokumen antarabangsa. Perjanjian Malaysia 1963 juga bukan hanya satu persefahaman antara parti-parti politik seperti kontrak sosial yang tidak mempunyai kuasa undang-undang.

Perjanjian Malaysia 1963 adalah satu-satu perjanjian yang bukan saja memberi hak Sabah hak istimewa, malah ia melambangkan maruah rakyat Sabah. Oleh itu, sebarang pelanggaran atau perubahan ke atas apa jua ayat di dalam perjanjian itu bermakna, ia sudah pasti akan memberi kesan dan menyentuh hak rakyat Sabah. Apabila sebarang perubahan

dilakukan, maka sudah tentu ia akan menimbulkan rasa keresahan, ketidakpuasan hati dalam kalangan rakyat Sabah terhadap layanan Persekutuan Malaysia kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia 1963 adalah bersabit dengan hak-hak rakyat Sabah. Ia bukan bahan politik yang boleh dipercaturkan untuk mendapatkan kuasa. Perjanjian Malaysia 1963 adalah hak-hak rakyat Sabah dan jangan sekali-kali di permain-mainkan. Janganlah pula kerana ia ingin meraih pengaruh politik, Perjanjian Malaysia 1963 dipolitikkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Ada juga pihak yang cuba menggunakan Perjanjian Malaysia untuk terus berkuasa. Mereka mewujudkan jawatankuasa selepas jawatankuasa, bermesyuarat selepas bermesyuarat, namun setelah beberapa tahun tidak menampakkan hasilnya. Mereka telah menerima padah kerana pembohongan mereka kepada rakyat Sabah pada menimpa mereka dengan lebih teruk, mereka hilang kuasa. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, nama-nama seperti Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Tan Siew Sin, Tun V.T. Sambanthan, Tun Ong Yoke Lin, daripada Persekutuan Tanah Melayu. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Tun Donald A. Stephens, Khoo Siak Chiew, G.S Sundang dari *North Borneo*. Temenggung Jugah, Abang Haji Mustapha, Tun Abang Haji Openg, Ling Beng Siew daripada Sarawak adalah nama-nama yang akan diingati sepanjang zaman. Merekalah yang telah mempersetujui dan menandatangani Perjanjian Malaysia 1963 di London, pada 9 Julai 1963. Satu perjanjian antarabangsa yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, *United Nations recognized this agreement*, yang membentuk Malaysia pada 16 September 1963.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia 1963 adalah satu warisan, bukan Parti Warisan, yang menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak di bawah payung Malaysia. Dalam hal ini, kita dapat melihat pembahagian kuasa di dalam Perlembagaan Persekutuan daripada bentuk *unitary* kepada bentuk persekutuan negeri-negeri. Perubahan ini juga tidak memberikan kuasa mutlak kepada Persekutuan. Memberi kuasa ini adalah bersyarat. Ini telah diterima oleh wakil-wakil Persekutuan yang bersetuju dan menandatangani Perjanjian Malaysia 1963.

Apa jua perubahan atau pindaan yang hendak dilakukan ke atas Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibincangkan terlebih dahulu di antara Persekutuan, Sabah dan Sarawak dan mendapat persetujuan mereka. Kuasa membuat pindaan Perlembagaan bukan kuasa mutlak Kerajaan Persekutuan semata-mata. Ini yang telah dipersetujui oleh bapa-bapa pembentukan Malaysia. Apa juga yang telah dipersetujui seharusnya dihormati, dipertahankan oleh pemimpin-pemimpin yang ada pada masa ini, bukannya sebab mahukan kuasa, mereka sanggup membuat perubahan...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Minta jalan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Atau pindaan yang menggugat kedudukan legitimasi Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Keningau.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Semporna, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Adakah Yang Berhormat Semporna bersetuju bahawa Sabah dan Sarawak semasa menandatangani Perjanjian Malaysia, masih berstatus koloni dan tidak mempunyai status untuk menandatangani perjanjian antarabangsa? Apa komen Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, Sabah bukannya berstatus koloni. Waktu itu sememangnya kita semuanya faham sejarahnya. Ia di bawah naungan British bila mana kita menandatangani waktu itu kita belum mencapai kemerdekaan.

Saya masih ingat masa kecil saya pada tahun 1962. Saya ikut dengan ibu saya di padang Semporna. Waktu itu *Cobbold Commission*, Tun Ghazali Shafie hadir untuk bertanya kepada rakyat Malaysia di Semporna sama ada kita setuju ataupun tidak setuju waktu itu. Pengertiannya waktu itu kita di bawah naungan British, *North Borneo* yang ada pada zaman itu. Setelah kita meterai, maka kita persetujuan untuk membentuk Malaysia dan ini yang kita harapkan. *We love our country Malaysia*. Tidak ada persoalan bila kita membangkitkan tentang perkara ini bahawa kita tidak cinta dan sayang kepada negara kita. Kita sayang kepada negara kita. [*Tepuk*]

Saya sedar dan tahu *building a nation is not easy*, dengan izin. Bukannya satu perkara yang mudah. Ia memerlukan komitmen, ia memerlukan pengorbanan tetapi *we must touch the heart of the people in this country. Their differences is enlarge* tetapi perjanjian ini kita sedar dan tahu ada *fundamentalnya*. Ada yang saya sebutkan tadi iaitu berhubung kait dengan legitimasi Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin Sabah, saya mahu membawa perubahan baru sebagai langkah pertama hak Sabah yang telah dipusakakan oleh Persekutuan hendaklah dikembalikan dengan cara yang baik. Ini yang kita lakukan hari ini. Kita akan berusaha untuk menuntut hak ini untuk *direinstat*, dengan izin.

Sebagai pemimpin Sabah, kita memerlukan kewangan yang kukuh dan mencukupi untuk menjaga, memberikan kebajikan kepada rakyat Sabah. Kita tidak mahu setelah pembentukan Malaysia lebih dari 55 tahun, masih ada rakyat Sabah yang menggunakan kemudahan jalan raya yang usang untuk membawa pesakit dari kampung mereka ke jalan raya yang berdekatan. Kita juga tidak mahu melihat wujudnya sekolah-sekolah daif di luar bandar Sabah berbanding dengan sekolah-sekolah yang selesa dinikmati para pelajar di Semenanjung. Ini telah dijanjikan oleh bapa-bapa kemerdekaan. Namun setelah 55 tahun membentuk Malaysia, kami di Sabah masih menggunakan prasarana yang sangat usang dan daif.

Kita bersimpati dengan jururawat-jururawat yang berkhidmat di pedalaman Sabah, yang perlu mengharungi bukit-bukau seluas 20 kilometer persegi seorang untuk memberi perkhidmatan rawatan berbanding dengan jururawat-jururawat di Wilayah Persekutuan Tanah Melayu yang hanya perlu menjaga kurang daripada 10 kilometer persegi seorang untuk memberi perkhidmatan dan ada pula tempat di mana jururawat yang hanya menjaga kawasan kurang daripada satu kilometer persegi walhal kedua-duanya dibayar gaji yang sama. Kita tidak mahu...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Semporna. Sebagai pemimpin ataupun ketua di negeri Sabah, Yang Berhormat tadi ada menyebut bahawasanya sebagai *stakeholder*, apa-apa perbincangan yang menyentuh negeri, mestilah mendengar suara daripada rakyat Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, adakah Yang Berhormat boleh bersetuju kalau saya katakan pindaan Perlembagaan ini yang hendak memulakan kepada suatu perubahan yang akan menyentuh masa depan rakyat Sabah, yang sekarang ini menjadi sedikit keresahan kepada kawan-kawan daripada Sabah dan Sarawak sendiri, tidakkah lebih baik dan lebih elok diberi peluang selain daripada *Select Committee* untuk terlebih dahulu dibincangkan di peringkat kerajaan negeri dan Dewan Undangan Negeri Sabah dan Dewan Undangan Negeri Sarawak, kemudian barulah kita bawa ke sini? Itu yang pertama.

■1600

Kedua Yang Berhormat, oleh kerana dalam masa tidak sampai setahun, kerajaan kita sekarang ini ada terdapat rekod-rekod *flip-flop* dalam membuat keputusan kerana menyegerakan berbuat sesuatu tanpa fikiran yang masak. ICERD sebagai contoh, terbaharu Statut Rom dan sekarang ini pindaan Perlembagaan.

Kesemuanya niat yang baik tetapi separuh jalan terpaksa tarik atas apa juga sebab. Perkara itu patut dielakkan supaya menggambarkan kerajaan ini adalah sebuah kerajaan yang lebih teliti dan lebih cermat. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau pindaan ini dibawa dulu ke Dewan Undangan Negeri Sabah.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Yang Berhormat dari Ketereh. Seperti yang saya sebutkan pada soalan yang pertama menyebutkan tentang adakah perkara ini tidak harus, *what is your question just now? First.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Apakah ianya dibawa dulu ke Dewan Undangan Negeri Sabah, mendengar suara rakyat-rakyat...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *No. The first question. The first question.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ya?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang soalan pertama tadi. *Select Committee.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Soalan pertama. Saya anggapkan itu sebagai hak kepada rakyat Sabah untuk membincangkan terlebih dahulu dan di sini ada suara-suara kawan-kawan dari Sabah dan Sarawak sendiri yang tidak berpuas hati dengan proses, supaya tidak berlaku *flip-flop* kemudiannya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat, persoalan pertama berhubung kait dengan *Select Committee*. Secara peribadi bagi pandangan

saya tidak perlu untuk adakan *Select Committee* untuk membolehkan kerana kita dah tunggu agak begitu lama.

Keduanya, dari segi *fundamental* dia. *Fundamental* yang kita pertikaikan ialah cuma kandungan tafsiran iaitu berhubung kait dengan kedudukan status Sabah, bukan sebagai seakan dalam bacaan yang pertama. Disamakan dengan Perlis. Bukan sebagai satu *territory, it's not the state, a state within* Persekutuan. Itu perbezaan dia. *It's a simple kind of—* ini dari segi kalau dilihat dari kerangka dia. Saya akan jelaskan sepanjang nanti perjuangan dia.

Kedua, berhubung kait dengan sama ada soalan tadi itu yang kedua, *what was your question?* Bawa ke Dewan Undangan Negeri. Saya ingat saya yakin seperti yang saya sebutkan, cuma kita hendak *reinstate* pindaan ini kerana ianya merupakan salah satu yang kita telah perakui. Saya akan jelaskan. Dalam Perjanjian Malaysia 1963, *it is all contain there. Our four fathers, Tunku Abdul Rahman signed it, Tun Razak signed it* dan juga Allahyarham Tun Mustapha. So, dari segi *Select Committee this is only one fundamental issue* iaitu Perkara 1 Perlembagaan 2(1) itu yang kita hendak kan.

Manakala perkara-perkara berhubung kait dengan isu-isu, 40 peratus cukai, royalti minyak, hak-hak setem duti yang ada, itu kita akan perhalusi. Kita tahu ia akan mengambil masa tetapi apa yang kita hendak kan seperti dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mana yang kita hendak selesaikan berhubung kait dengan perkara yang kita bincangkan di jawatankuasa kita luluskan. Tidak akan kita hendak tunggu selepas 55 tahun lagi sehingga perbincangan contohnya saya harap tidak akan dilewatkan terhadap contohnya 20 peratus royalti minyak yang kita juga menuntut. Begitu juga dengan *stamp duty*. Begitu juga dengan perkara-perkara berhubung kait dengan ekonomi negara kita. Pengagihan dari segi taburan peruntukan yang ada.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Kita dalam berunding. Seperti mana Yang Berhormat sendiri tahu, dan sewaktu itu Yang Berhormat sendiri masih berada dalam kerajaan. Bahawa kerajaan yang terdahulu telah mengambil keputusan untuk mewujudkan *committee* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Batang Sadong dan juga Yang Berhormat Kimanis. Ertinya di sini kita semua ini dalam situasi bersependapat. Cuma tinggal lagi kaedah dan cara. Kaedah dan cara sama pentingnya dengan soal matlamat sebab matlamat akan hanya tercapai kalau kaedah dan caranya betul.

Apa yang kita berhempas pulas pada hari ini belum lagi soal MA63. Banyak perkara yang terkandung dalam MA63 itu yang merupakan perkara-perkara yang sangat substantif yang sedang dilihat oleh *committee* yang Kerajaan Pakatan Harapan bentuk. Tidakkah lebih arif, lebih bijak kalau sekiranya kesemuanya itu dilihat sebagai satu pakej supaya kita tidak *ding-dong* atau pun *flip-flop* kemudiannya. Sebab yang dipinda ini pada saya hanyalah merupakan perkara tafsiran, belum lagi isu MA63 yang dituntut oleh kawan-kawan di Sabah dan Sarawak.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat dari Ketereh sebenarnya kalau dilihat...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Ini bukan hanya...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Merupakan berhubung kait dengan tafsiran.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Akan tetapi ia merupakan salah satu daripada *to reinstate* dengan izin, kedudukan Sabah dan Sarawak dalam perundangan Perlembagaan negara kita. *It may look simple, but* legitimasi Sabah dan Sarawak itu berbeza setelah ianya digubal pindaan tahun 1976. Maka, ini yang kita hendak kan supaya...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Mohon laluan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...*To reinstate that* yang kita katakan. *It's not just by definition.*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kita boleh panggil referendum...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Mohon laluan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kita boleh panggil referendum, kita boleh panggil *committee* yang ada.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat. *Precisely.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Akan tetapi kita faham bahawa perkara ini juga membabitkan dengan di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri seperti juga daripada awalnya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat *precisely* itu yang saya maksudkan. Kalau perkaranya begitu kompleks, kita bincang pada bacaan kali kedua ini dalam hanya tempoh dua tiga jam. Kalau kita adakan *Select Committee*, wakil-wakil rakyat daripada *both divide* boleh duduk dan bincang dengan penuh keharmonian, masa yang lebih panjang, kerana *Select Committee* bukan datang daripada sebelah pihak. Saya fikir adalah lebih baik untuk Sabah dan Sarawak dalam melalui proses *Select Committee*.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat dari Ketereh, *let me* dengan izin, *allow me to complete.*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Nanti saya akan jawab bersekali dengan apa yang telah saya bincangkan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Semporna boleh bagi peluang sikit Yang Berhormat Semporna?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan terlebih dahulu.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Semporna.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiawangsa hendak bertanya kepada Yang Berhormat Semporna kerana dibangkitkan tentang isu jawatankuasa yang dibentuk di bawah kerajaan lama yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Batang Sadong dan juga Yang Berhormat Kimanis. Akan tetapi ada kenyataan daripada Ketua Menteri Sarawak ketika itu sendiri Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari yang mengatakan jawatankuasa tersebut *powerless*. Jadi, bukankah apa yang kita hendak buat sebagai Kerajaan Pakatan Harapan ini lebih substantif untuk memelihara hak Sabah dan Sarawak.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Setiawangsa kalau berbanding dengan apa yang kita lihat pada hari ini, tentang perkara yang berhubung kait tentang hak-hak Sabah ianya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli Parlimen Langkawi dengan Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak. Walaupun kita sedar dan tahu kita bukan semuanya mutlak. Bukan seperti yang saya nyatakan suara Kerajaan Negeri Sabah merangkumi 100 peratus kehendak penduduk negeri Sabah. Akan tetapi sekurang-kurangnya asas yang kita gunakan ialah asas daripada tahun 1963. *[Tepuk]*

Perundingannya pembentukan Malaysia ia membabitkan bukan *Select Committee* tetapi Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri dan kita halusi bukan kita tidak halusi di peringkat Jawatankuasa Teknikalnya, Jawatankuasa Ekonomi yang ada kita bentuk. Saya tahu bahawa ia akan sedikit sebanyak mengambil masa. Akan tetapi kita tidak punya masa, dah tunggu 55 tahun. *This is the time for us to at least execute the fundamental*. Kedudukan legitimasi negeri Sabah dan Sarawak. Ini yang kita hendak kan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batang Sadong minta laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Semporna, boleh?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Ya. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat semporna. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Ketereh tadi. Sebab itu saya hendak membawa Yang Berhormat dan rakan-rakan dalam Dewan ini kepada rekomendasi daripada Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston di dalam laporan *Cobbold Commission*. Di mana mereka mengambil langkah untuk me-*interview* dengan izin, ramai *witnesses* yang di-*interview* dari *territories* dari Borneo.

Mereka juga mengambil, *they're taking to consideration* dengan izin, perasaan ataupun aspirasi rakyat dari Sarawak dan juga Sabah sebelum mereka bersama-sama menyetujui dari segi untuk membawa bersama rakyat Sabah ini dan juga Sarawak untuk bersama menubuhkan Malaysia. Ini kerana mereka memahami bahawa aspirasi orang Sabah dan Sarawak amat penting. Jadi, apakah kita ini, kita sudah maju, ada Dewan Undangan Negeri, apakah tidak salah kalau kita membawa perkara ini dulu ke peringkat Dewan Undangan Negeri untuk mendengar apa yang menjadi aspirasi orang kita di negeri masing-masing. Terima kasih.

■1610

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa agak singkat. Saya tidak mempunyai masa sangat kerana banyak benda yang kita hendak bangkitkan. Cuma saya setuju dan saya yakin Kerajaan Negeri Sarawak memang tertib dan teliti dalam penelitian ini, saya tahu. Ini kerana suara-suara yang diwakili oleh Kerajaan Negeri Sarawak begitu terperinci bukan hanya mendengar ahli-ahli politik ataupun wakil-wakil rakyat. Begitu juga kita di peringkat negeri Sabah. Apa yang menjadi harapan kita seperti yang saya bangkitkan tadi, setelah 55 tahun membentuk Malaysia, Sabah masih ingin merasa apa juga dinikmati oleh Persekutuan dan memohon kekayaan ini diagihkan sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan yang dibuat ke atas Perlembagaan Tanah Melayu pada tahun 1963 harus diterima baik oleh semua pihak disebabkan pindaan tersebut terhadap Perlembagaan Tanah Melayu dilakukan tanpa kehadiran wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak. Perdebatan menyokong pindaan itu telah dilakukan dan di antaranya ialah Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr Ismail Dato' Abdul Rahman dan Tan Siew Sin adalah mustahil. Mereka tidak tahu apa yang mereka telah lakukan di antara 12 Ogos 1963 hingga Ogos 1993.

Sekiranya perjanjian telah dipersetujui, ditandatangani dan diubah Perlembagaan Persekutuan tahun 1993, adakah pemimpin-pemimpin Persekutuan pada masa sekarang tidak lagi berpegang kepada perjanjian yang mereka warisi ini? Banyak perkara yang telah dibincangkan oleh Parlimen daripada 12 Ogos 1963 kepada 20 Ogos 1963 bahawa pimpinan pada masa itu berpegang bahawa apa juga hak Sabah adalah dimiliki oleh rakyat Sabah. Saya berpendapat, wakil-wakil Dewan Rakyat pada masa ini tidak seharusnya mengubah asas pembentukan Malaysia seperti yang telah diasaskan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan pembentangan pertama, ia merupakan satu perkara yang saya agak bimbang. Pada mulanya bila saya melihat pindaan yang pertama bacaannya iaitu "*Short title and commencement. This Act may be cited as the Constitution (Amendment) Act 2019*" di mana ia juga merangkumi "*Amendment of Article 1. The Federal Constitution is amended in Article 1 substituting for Clause (2) the following Clause:*

"(2) *The States of the Federation shall be —*

- (a) *Johore, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Selangor and Terengganu; and*
- (b) *Sabah and Sarawak.*"

Maka dengan itu, bila perkara ini dibentangkan pertama, saya agak bimbang. Saya sendiri tidak akan menyokong kalau sekiranya perkara ini berlaku. Akan tetapi setelah melihat pembentangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bacaan kali kedua di mana ia selaras dengan apa yang termaktub dengan Perjanjian 63. Apa yang kita hendakkan *just reinstate what has been signed by our four fathers. [Tepuk] What does our four fathers said? The Federation shall be known in Malay and English by the name of Malaysia.*

Second, the states of Federation shall be the states of Tanah Melayu namely Johore, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perlis, Selangor, Terengganu, Perak and the Borneo States namely Sabah dan Sarawak. Ini yang kita hendakkan, *reinstate* dalam Perlembagaan untuk menjadi ikutan dan kefahaman kepada cucu kita bahawa sebenarnya kedudukan Sabah dan Sarawak waktu itu sebagai sebuah wilayah *territory by itself to formation of Malaysia*, bukan sama dengan Perlis. Kita faham dan tahu kedudukan kita. Kita ada kuasa dari segi imigrasi, kita ada kuasa tanah dan lain-lain. Ini yang kita hendakkan.

Jadi saya berharap sungguh Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan perkara ini oleh sebab masa tidak mengizinkan...

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta *verification*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Secara ringkas. Masa hendak sudah habis.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Ringkas iaitu dalam. Saya menghantar surat kepada Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini berada di atas meja. Apa yang kita cadangkan kalau kita mendengar daripada perbahasan, malahan pada pembentangan Yang Amat Berhormat Tun tadi, Perdana Menteri mengatakan bahawa asasnya adalah berteraskan MA63, perjanjian MA63. Oleh sebab itu kita cadangkan sebab kalau kita kaji dalam Perlembagaan, tiada satu pun peruntukan merujuk kepada MA63, melainkan cadangan hendak dipinda ini ada dalam huraian. Bagi kita ia tidak memadai melainkan kita masukkan *pursuant to Malaysia Agreement 63*, barulah ia menyempurnakan kedudukan bahawa MA63 diletakkan pada asas pembentukan Malaysia. Kalau tidak, Malaysia tidak ada asas kepada pembentukan itu sendiri.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya itu perkara yang juga sudah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana aspirasi semangat Perjanjian 63 itu merupakan kerangka yang sehingga pindaan Perlembagaan ini pada hari ini kita lakukan. Saya amat setuju sekiranya perkara itu juga dirangkumkan sebagai *pursuant* MA63 kerana ini semangat. Bukan hanya pindaan Perlembagaan itu, tetapi kita yakin satu perkara lagi oleh sebab masa...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Masa tidak mengizinkan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: 30 saat sahaja.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Cuma saya hendak nyatakan Tuan Yang di-Pertua,...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sedikit sahaja. Kita baru mendengar huraian daripada Yang Berhormat Menteri yang berbeza dengan pembentangan bacaan kali pertama. Adakah wakil daripada Yang Berhormat Batu Sapi yang membentangkan itu tidak merujuk kepada cadangan asal "principal". Itu pertanyaan kita.

Oleh sebab itu hari itu kita keluar minta diteliti balik. Itulah yang dikatakan hendak bawa usul buat *Parliamentary Select Committee*. Yang Berhormat, kalau itulah hasratnya, nampaknya jangan tergesa-gesa. Dalam bacaan kali pertama itu berlainan dengan apa yang hendak kita sampaikan hari ini. Alangkah baik kita rujuk balik, buat semakan dengan baik-baik, selepas itulah secara *comprehensive* kita buat pindaan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, selaras dengan apa yang termaktub dalam Perjanjian 63 ini dan juga saya melihat bahawa rang undang-undang yang telah diutarakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kedudukan definisi dalam perenggan memasukkan sebelum perkataan "Johor", perkataan "Negeri-negeri Tanah Melayu" itu, (b) dengan perkataan...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Dengan memasukkan sebelum perkataan "Sabah", perkataan iaitu "*Borneo State*" dan itu satu perkara yang selari dengan apa yang kita perjuangkan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Yang Berhormat Semporna.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Suara rakyat negeri Sabah, saya ingin menyokong.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Yang Berhormat Semporna.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Semporna. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Petrajaya, 20 minit.

4.17 ptg

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam pindaan kepada Artikel 1(2) Perlembagaan Malaysia. Saya terlebih dahulu hendak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri itu sendiri yang akhirnya memanggil kita untuk berbincang dan sehinggakan perkara awal pindaan ini akhirnya ditukar

kepada apa yang telah dibentangkan dalam pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh sebab itu kita mengucapkan terima kasih kerana mendengar apa yang telah disuarakan oleh rakyat Sarawak melalui Kerajaan Negeri Sarawak dan melalui GPS.

Oleh sebab pada kita, tafsiran awal apa yang dicadangkan adalah tidak menepati aspirasi rakyat Sarawak, malahan ia bercanggah dengan semangat MA63, Perjanjian Malaysia 63. Oleh sebab itu yang kita katakan tadi malahan kita berterima kasih sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri merujuk MA63 sebagai asas ataupun teras kepada pembentukan Malaysia. Oleh sebab itu Artikel 1(2) itu dikembalikan kepada kedudukan asal.

Cuma pada kita, apa yang berlaku bila pembentangan awal dibentangkan, sebab itu kita membuat *preliminary objection* dengan izin, bantahan awal untuk menyatakan bahawa ada satu yang tidak kena dengan pindaan tersebut. Oleh sebab itu kita kemukakan cadangan untuk dibawa kepada *Select Committee* ataupun kerajaan mempertimbangkan untuk dikeluarkan balik, tarik balik pindaan tersebut dan sesuaikan dengan apa yang maksudkan dalam MA63. Itu matlamat kita pada waktu itu. Akhirnya bacaan kedua, ia telah diambil pindaan oleh kerajaan itu sendiri.

Cuma bagi saya adalah amat penting untuk kita masukkan bahawa kalau kita pinda pada peruntukan awal, ia tidak memadai melainkan peruntukan Perjanjian Malaysia 63 dimasukkan dalam pindaan itu sendiri. Oleh sebab itu kita mencadangkan bahawa apa yang telah saya kemukakan dengan izin, "*The States and Federation shall be pursuant to the Malaysia Agreement 1963*" untuk meletakkan asas pembentukan Malaysia ialah *Malaysia Agreement 1963* adalah:

- (a) *the Federal states of Malaya*, semua negeri-negeri di Semenanjung; dan
- (b) *the Borneo states of Sabah dan Sarawak*.

Oleh sebab bagi kita, perkataan *Borneo states of Sabah and Sarawak* penting. Oleh sebab itu kita ada Mahkamah Borneo yang merangkumi Sabah dan Sarawak yang kedudukannya sama taraf dengan Mahkamah Malaya. Oleh sebab itu, kita meletakkan asas 63 itu amat penting sekali. Oleh sebab itulah...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan.

■1620

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya kira ia amat disambut baik dengan pindaan ini dan kalau dimasukkan lagi *pursuant to* MA63, ia akan meletakkan MA63 pada kedudukan yang sebenar kepada asas pembentukan Malaysia. Kalau tidak, Malaysia tidak akan wujud pada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beluran minta laluan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan, Yang Berhormat Petrajaya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya melihat bahawa *your insistence on the wording pursuant to Malaysia Agreement must be there in the Federal Constitution*. Akan tetapi, *how do you reconcile?* Pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1963 sebenarnya

berasaskan kepada Perjanjian 63 yang memasukkan Sabah dan Sarawak dalam Perjanjian Persekutuan. *The spirit of the MA63 is already there. The fact that "Federation shall be known, in Malay and English, by the name of Malaysia", "The State of the Federation shall be states of Malaya..." dan seterusnya, "The Borneo states namely Sabah and Sarawak". It was there because of the spirit of the MA63. You don't have to put the word MA63 there to reflect the spirit. That is how did they reconcile that.*

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Kalau ia datang daripada rakan saya daripada Sabah, mungkin tidak memenuhi atau sebenarnya memahami semangat MA63 itu sendiri. Sebab, pada saya, kalau MA63 tidak dimasukkan semua apa persetujuan pembentukan Malaysia adalah termaktub dalam MA63, bukan sekadar untuk meletakkan pembentukan Malaysia. Tetapi kalau kita bentuk Malaysia dan persetujuan kita sebagai *equal partners* yang membentuk Malaysia itu sendiri, maka kita tidak akan dapat segala hak yang berada dalam MA63.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *This is what we want to do today. To make Sabah, Sarawak and Semenanjung equal partners based on the spirit of MA63.*

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Tuan Yang di-Pertua, biar. *It is my floor.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beluran ada dalam senarai.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Sebab MA63, bagi saya, meletakkan semua syarat-syarat perjanjian itu sendiri, sebab MA63 tidak dirujuk sekalipun dalam Perlembagaan. Oleh sebab itulah kita melihat bahawa pada masa ini bagaimana kita hendak menuntut hak Sabah dan Sarawak itu sendiri kalau MA63 tidak dijadikan sebahagian daripada Perlembagaan. Itu persoalan yang kita hendak bangkitkan. Sebab itu saya melihat bahawa ia amat penting untuk dimasukkan. Kalau tidak...

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Mohon mencelah.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: ...Kedudukan kita sendiri tidak akan dapat kita perjelaskan.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Yang Berhormat Petrajaya.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak akan dapat memberi laluan kepada yang lain, bukannya disebabkan saya tidak mahu berbincang, tetapi disebabkan masa diberikan hanya 20 minit. Malahan 20 minit ini saya hendak bagi...

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Sedikit sahaja.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: ...Sebahagian daripada masa saya kepada Yang Berhormat Santubong yang akan menghuraikan lebih *on the technical side* dari segi perundangan dan semangat, bukan sahaja MA63 tetapi juga IDC.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ranau pun ada dalam senarai. Kena tunggu giliran. Silakan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Oleh sebab itu dalam konteks Sarawak, kita melihat bahawa salah satu unsur utama dalam pindaan Perlembagaan, sepertimana yang

dikatakan oleh Yang Berhormat Semporna tadi, ialah *consultation*. *Consultation* amat penting. Walaupun pindaan Perkara 1(2) ini *consultation* itu bukan diwajibkan di bawah Perlembagaan. Hanya Perlembagaan mewajibkan kalau ia melibatkan hak bersama ataupun *concurrent list*, tetapi bagi saya sebab kepentingan untuk meletakkan kembali kepada semangat kesaksamaan iaitu sebagai rakan kongsi yang sebenarnya membentuk Malaysia, sebab itulah penting untuk ia dirujuk kembali kepada negeri Sarawak yang mana negeri Sarawak sebenarnya telah menubuhkan *consultative committee* yang diwakili oleh semua parti di Sarawak. Mereka inilah yang akan membincangkan dan akhirnya untuk meletakkan apa pandangan dan pandangan ini akan dikembalikan kepada Kerajaan Pusat untuk dipertimbangkan. Perkara ini saya kira sepatutnya dilaksanakan.

Sebab itu lebih baik untuk kita rujuk lain kali apa-apa pindaan untuk dibincangkan di peringkat *consultative committee* di peringkat Dewan Undangan Negeri Sarawak supaya ia dapat memberi pandangan yang lebih baik dan akhirnya kerjasama erat kita ini, antara Persekutuan dan negeri, dapat kita perkukuhkan lagi.

Oleh sebab dalam Perlembagaan kita kena bekerjasama, sebab itu dalam konteks ini kita tidak main politik. Ada kawan-kawan kita di sebelah sana mengatakan bahawa GPS hendak bermain politik, hendak *score point*. Bukan. Kita bercakap berhubung kait dengan kedudukan, hak rakyat Sabah dan hak Sarawak, begitu juga negeri dan hak orang Sabah dan orang Sarawak.

Akan tetapi, pada masa yang sama, kita jangan lupa bahawa Semenanjung pun ada hak dia sendiri. Sebab itu kita kena berbincang dengan baik perkara ini. Sebab itu kita melihat bahawa *consultation* ini adalah satu perkara yang patut dijadikan sebagai semangat apatah lagi di bawah semangat Malaysia Baharu ini.

Perkara seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada, ada beberapa perkara lain yang untuk GPS itu sendiri, mengapa pada awalnya kita tidak menyokong peruntukan awal, tetapi setelah dipinda ini, kita melihat bahawa melainkan dimasukkan tujuan iaitu *pursuant to MA63*, mungkin kita kena pertimbangkan sama ada kita akan menyokong ataupun tidak. Ini kerana bagi kita, MA63 tadi amat penting sekali.

Asasnya ialah, pertama sekali, ia kena *reflect* apakah aspirasi rakyat Sarawak itu sendiri. MA63 akan menggariskan sepenuhnya apakah hak yang dah dipersetujui dalam kita membentuk Malaysia. Sebab kita kena ingat, apabila kita membentuk Malaysia dahulu, Sarawak, Sabah adalah sebuah negara. Mereka melepaskan hak kenegaraan itu untuk menjadi sebuah negeri dengan persetujuan dan jaminan bahawa kita akan diberi keistimewaan dan hak-hak tertentu. Sebab itu, ia amat penting pada kita untuk dimasukkan. Kalau tidak dimasukkan, ia menjadi satu kegusaran kepada rakyat Sarawak itu sendiri.

Saya ada 10 minit sahaja lagi. Jadi 10 minit ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak serahkan kepada Yang Berhormat Santubong untuk huraikan lebih terperinci supaya dia akan ada 10 minit campur 10 minit iaitu 20 minit untuk huraikan kalau diizinkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh, boleh. Silakan Yang Berhormat Santubong.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Sebelum Yang Berhormat Santubong menyatakan apa-apa, satu lagi saya hendak katakan bahawa kita akan menyokong pindaan yang kita maksudkan dengan syarat kerajaan sekarang ini, Kabinet memberi aku janji bahawa apa yang dilaksanakan nanti mereka akan meminda Perlembagaan seterusnya apabila jawatankuasa pemandu telah pun bersetuju dengan apa sahaja perbincangan dalam perkara-perkara yang telah dirundingkan antara Sabah, Sarawak dan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Santubong.

4.27 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Petrajaya bagi saya 10 minit lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bagi pihak Sarawak ingin mengucapkan terima kasihlah kepada kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pertama, membawa isu pindaan Perlembagaan ini ke Dewan. Itu yang pertama. Walaupun pada awalnya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Petrajaya tadi kita tidak bersetuju, memang kita dipandang, bahkan apabila saya balik ke Sarawak, banyak orang bagi tahu *we are not been placed in an equal basis* dengan Semenanjung, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tetapi bahkan kita *been drop down into '(b) group'*. Jadi itulah kenapa pandangan orang biasa, bukan pandangan orang yang bijak pandai mengatakan Sarawak sudah jadi *group* yang kedua.

Jadi dengan keadaan sedemikian, kita mendengar risikan dan pandangan pihak-pihak ini. Maka kita berbincang balik. Saya juga berterima kasih dengan Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang rela berjumpa dengan kita dan akhirnya kita buat cadangan berhubung dengan pindaan yang kita mahu sebagaimana Sarawak mahu. Dibincangkan oleh pihak Sarawak dalam *consultative committee* dia. Jadi dengan keadaan sedemikian, maka itulah dua pindaan yang ada di hadapan kita ini sekarang. Kedua-dua pindaan ini dibentangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua. Kedua-duanya berada di sini.

Satu daripada kerajaan mengatakan *to restore the* Perlembagaan kepada yang digubal pada tahun 1963 dan bukan memberi status *equal partnership*, Tuan Yang di-Pertua. Kalau baca Perlembagaan kita tahun 1963, tolong beritahu saya di mana letaknya *equal partnership*, beritahu saya. *Interpretation* yang sebenar undang-undang. Tahun 1963. *Interpretation* undang-undang kita *look at the four corners of the law and interpret it yourself. Where is the partnership?* Tidak ada. Jadi dengan sendirinya, *restoration* dalam sudut mengembalikan kepada tahun 1963 tidak ada *restoration equal partnership* tetapi mengembalikan Perlembagaan itu dalam bentuk asal tahun 1963. Itu sahaja. Dalam bentuk asal kalau kita baca pun tidak beza...

■1630

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Santubong minta jalan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...Tak ada beza-belum habis saya punya sedikit sahaja. Tidak ada beza, seluruh negeri di Semenanjung dan di Sarawak hanya mengatakan ini *states* di Borneo kerana perbezaan kita ada *privilege, safeguard* yang kita sendiri sudah dimasukkan dalam Perlembagaan. Daripada sudut *equal partnership* itu, tidak wujud.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah kenapa makanya kita amat perlu memikirkan supaya semangat *Agreement 1963* itu dimasukkan bersama dan disebut dalam inti pati Perlembagaan dalam pindaan. Itulah sebabnya kita hantar juga, walaupun kita tahu berterima kasih juga dengan Yang Berhormat Menteri yang bertungkus-lumus untuk mendatangkan *consensus* di antara mereka dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, AG dan Yang Berhormat Menteri sendiri untuk membawa pindaan ini *halfway house*, setengah jalan yang kita setuju. Bukan sepenuhnya sebagaimana yang kita mahu supaya di masuk *Agreement 1963* itu di dalam Perlembagaan. Nanti saya ulaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi saya tertarik kepada komen tentang *equal partnership* yang mana kita sekarang ini sedang menuntut. Saya ingin membaca kenyataan Pengerusi *Cobbold Commission* iaitu Lord Cobbold. Dia mengatakan semasa *commission* itu menjalankan tugas dan *I quote*;

"It is a necessary condition that, from the outset, Malaysia should be regarded by all concerned as an association of partners, combining in the common interests to create a new nation but retaining their own individualities.

"If any idea were to take root that Malaysia would involve a 'take-over' of the Borneo territories by the Federation of Malaya and the submersion of the individualities of North Borneo and Sarawak, Malaysia would not, in my judgment, be generally acceptable or successful".

Apa komen Yang Berhormat?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, itulah saya sebut, apa *Cobbold Commission* kata. Akan tetapi, apabila Perlembagaan dipinda, Perlembagaan kita ini dipinda, Perlembagaan yang 1957 itu dipinda, apabila *Cobbold Commission Report* sudah dibuat dan pindaan itu diattach kepada *Cobbold Commission Report* dan itulah yang dibawa sebagai apa yang dikatakan *Act of Malaysia 1963*, Tanah Melayu pada ketika itu sebab dia ada dua *Act of Malaysia*, satu *Act of Malaysia United Kingdom* dan satu *Act of Malaysia* di Tanah Melayu. Di United Kingdom itu untuk membenarkan *the session of Sarawak, Sabah and Singapore to form a federated Malaysia* menjadi satu *federation*, undang-undang itu, satu.

Kedua, untuk menamatkan kuat kuasa undang-undang Britain yang dikuatkuasakan di Sarawak, *Singapore* dan di Sabah pada ketika itu apabila *on the appointed date. Appointed date*

itu dalam *Act of Malaysia*, Tanah Melayu pada ketika itu ialah 31st August 1963. Akan tetapi, malangnya, oleh sebab protes dibuat oleh pihak *Philippines dan Indonesia*, maka diadakan *Manila Summit*.

Manila Summit came up with apa yang dikatakan *Malaysia Accords* ataupun *Malaysia Declaration*. *The Declaration of Manila, sorry, Declaration Manila. Declaration Manila* itu among other things ialah meminta tidak cukup Laporan Cobbold tetapi berkehendakkan United Nations hantar representative ke Sarawak dan Sabah to verify sama ada betul atau tidak Sarawak dan Sabah bersetuju bersama dengan Tanah Melayu ataupun Malaya untuk menubuhkan satu federation dipanggil Malaysia. Itulah makanya U Thant, *the Secretary General Of United Nations* datang ke Sarawak to verify cerita *Cobbold Commission*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sebenar semangatnya. Akan tetapi, Yang Berhormat apa yang dikatakan oleh dalam *agreement* ini, apa dia kata—

[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]

Saya baca ya dengan izin Tuan Yang di-Pertua dalam bahasa Inggeris.

“The Government of the Federation of Malaya will take such steps as may be appropriate and available to them to secure the enactment by the Parliament of the Federation of Malaya of an Act...”. Ha! Itu, *Act of Nation of Malaya* itu. *In the form and set out in Annex A*, sudah dia bagi sample sudah. *This agreement and that it is brought into operation on 31 August 1963 (and the date on which the said act is brought into operation hereinafter referred to as Act of Malaysia”*.

Jadi, dia kata dalam satu sudut dia kata, okey Perlembagaan sudah dicadang tetapi anything which is not included in the Perlembagaan, dia kata;

“The Governments of Federation of Malaya, North Borneo and Sarawak will take such legislative, executive and other action as may be required to implement the assurances, undertakings and recommendations containing in three of the Annex A and B to this report, 27 February 1963 so far as they are not implemented of expressed provision of the Constitution of Malaysia”.

Jadi, Yang Berhormat, itulah kelemahan Perlembagaan itu dalam sudut *agreement* ini. Itulah kenapa Petrajaya mahu *agreement* ini dimasukkan dalam itu supaya apa dikata oleh undang-undang daripada England itu boleh kita guna pakai bersama, baca bersama supaya yang belum dimasukkan dalam Perlembagaan dilaksanakan menerusi undang-undang executive atau any action to realize the dream of Sarawak in Sabah sebagai equal partner.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sedemikian, masih ada dalam Perlembagaan kita yang belum ditunai walaupun dalam Perlembagaan itu sendiri sudah disebut beberapa perkara, tetapi itu perkara pun banyak dicerobohi dan tidak dipakai semenjak 1963.

Contoh yang pertama saya hendak bagi, saya bagi contoh, ini bukan soalan bidang hal Perlembagaan ini tetapi contoh dia. Apabila *Truman, President Truman declare continental shelf*

untuk Amerika, berduyun negara seluruh dunia ikut. *Then, the United Nations Convention on the Law of the Sea the adopted.* Benda yang pertama di putus oleh *conference* itu ialah untuk menyatakan *continental shelf* seluruh dunia.

Tiap-tiap negara sama ada negara yang satu sahaja atau dia ada *colony* di sana sini, dia *establish* dia punya *right* kepada itu. Malaysia juga ikut sama. *Act Continental Shelf Malaysia 1963* digubal dan diluluskan. *Act* ini untuk Semenanjung Malaysia sahaja dan selepas itu *Oil Mining Act 1966* juga diluluskan untuk *Peninsular* juga. Bila dia dengar banyak minyak di Sarawak, *emergency* datang, gunakan *emergency law*, *extend* undang-undang ini ke Sarawak dan Sabah.

■1640

Padahal ketika itu Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai undang-undang *continental shelf* kita sendiri. *This* undang-undang *is in breach of* kita punya itu tadi, yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Iaitu ada tiga *jurisdiction*, penggubalan kuasa dan undang-undang dalam Perlembagaan iaitu *Federal jurisdiction*, *state jurisdiction* dan *concurrent jurisdiction*. Jadi dalam keadaan sedemikian, yang sumber asli ini memang hak negeri. *[Tepuk]* Bukan hak orang lain. Tidak boleh buat undang-undang, Perlembagaan sebut tetapi saya soalkan. Adakah kita hormat dengan undang-undang, Perlembagaan? Kalau berlandaskan ini, kita tidak ada hormat. Saya menghormati undang-undang, Perlembagaan.

Jadi dengan sendirinya, maka hak Sarawak walaupun di bawah undang-undang itu, *Emergency Ordinance 1969* selepas rusuhan 13 Mei. *Emergency* berlaku di *extent* ke Sarawak, *extent* ke Sabah, minyak Sarawak, minyak Sabah yang di *offshore* di luar *continental shelf*, semua kepulauan *Federal* walaupun ada undang-undang Sarawak mengatakan. Akan tetapi malang sekali Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Perlembagaan, Artikel 2, kalau kita hendak ubah *boundary*, *continental shelf* itu *boundary*, negeri Sarawak 12 *nautical miles*, Sabah 12 *nautical miles*, *Chief Minister* Sabah tidak sebut. Diubah jadi tiga batu nautika kerana kita *signatory* kepada *United Nations Convention on the Law of the Sea*. Akan tetapi bukan bermakna *you abandon your* Perlembagaan walaupun *you* memateraikan.

Saya sudah semak ada undang-undang penyelarasan mengatakan bahawa *Federal can make law* kalau untuk merealisasikan kehendak triti konvensyen dan sebagainya. Akan tetapi *the procedure* di bawah Perlembagaan mesti dipatuhi iaitu *you must have the concern of the State Assembly of Sarawak and Sabah* sebelum hendak buat undang-undang ini, dilaksanakan di Sarawak dan Sabah. Ini tidak buat. *[Tepuk]* Jadi akhirnya, minyak Sarawak dan Sabah habis masuk ke bidang kuasa *Federal* di bawah dua undang-undang ini.

Akan tetapi Perlembagaan Artikel 150 mengatakan *emergency* ini selepas di-*proclaimed* oleh Yang di-Pertuan Agong, enam bulan habis tetapi undang-undang ini masih *carry on*lah, boleh dilaksanakan. Apabila Parlimen *disuspended* pada 14 Mei 1969 dan ia mula bersidang pada bulan Februari 1971, Perlembagaan disatukan semula, digunakan semula. Parlimen bersidang semula tetapi undang-undang *emergency* masih berterusan. Di sanalah beberapa

undang-undang telah digubal pada ketika itu *in crouching into the state right* dengan *ignore* Perlembagaan oleh kerana alasan *emergency* Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara-perkara ini kita lihat dahulu. Itulah kerana saya berterima kasih sangat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempengerusikan *Standing Committee* ini untuk menyambungkan tugas yang dibuat oleh *committee* yang di tubuh oleh kerajaan lama dahulu. Kerajaan dahulu bukan tidak ada buat, 13 isu perkara-perkara sudah dilaksanakan. Jadi saya tidak tahu apa *detail* itu, nanti Yang Berhormat Batang Sadong beritahu apa benda yang telah dibuat dan dilaksanakan. Akan tetapi yang ini, pindaan ini ialah benda-benda yang terakhir untuk kita laksanakan apabila isinya sudah kita masuk, barulah kerangka kita pasang di situ. Ini pasang kerangka, tidak ada isi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah kenapa kita hendak...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya mohon mencelah.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, sila.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Yang Berhormat Santubong, kita sedang bercakap fasal pindaan Perkara 1 untuk mengganti fasal 2 ini sebagaimana yang kita sedang bahaskan. Dalam artikel yang ada dalam Perlembagaan kita 183 artikel, 141 daripadanya memberikan pengecualian kepada Sabah dan Sarawak. Kemudian kalau kita lihat dalam Jadual 9 Perlembagaan, di sana ada beberapa *list*. Ada *Federal list* dengan izin, *state list*, ada *concurrent list* tetapi pada waktu yang sama kita ada *State List for Sabah and Sarawak* dan juga kita ada *Concurrent List for Sabah and Sarawak* yang jarang diterokai perkara ini. Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini akan menyelusur perkara-perkara ini demi kepentingan Sabah dan Sarawak dan kita hendak mulakan langkah ini dengan pindaan perkara ini. Apa pandangan Yang Berhormat Santubong dalam soalan saya ini?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta celah, sedikit sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Biar saya dahulu ini satu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Santubong.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebenarnya Yang Berhormat datang 8 Mei 2018. Kita sudah rancang perkara ini 2015. Penubuhan jawatankuasa sudah kita buat 2016. Banyak perkara sudah kita hendak buat. Ini salah satu daripada kerangka yang kita hendak buat tetapi oleh kerana terlibat Yang Berhormat, oleh kerana ia melibatkan pindaan Perlembagaan, makanya Barisan Nasional pada ketika itu berhati-hati kerana pembangkang tidak pernah sokong walaupun baik macam mana isu kita bawa. *[Tepuk]* Jadi, kita berjaga-jaga tetapi kita lebih rasional Yang Berhormat. Apa yang baik untuk masyarakat, apa yang baik untuk rakyat...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saratok minta pencelahan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...Kita sokong.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya cuma hendak pencelahan.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saratok *first one*.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *Never mind, me first.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya meneliti jawapan anda. Sebelum saya tanya soalan saya, saya cuma hendak membetulkan apa Yang Berhormat Santubong tadi bercakap. Kalau di Dewan Undangan Negeri, kalau ada satu dasar atau polisi kerajaan yang membawa kebaikan kepada rakyat Sarawak kita pernah menyokong, bukan sekali tetapi banyak kali. Ini menunjukkan dan membuktikan bahawa kita boleh, *we can care for the interest of Sabah and Sarawak*.

Akan tetapi soalan yang saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat, tadi saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Petrajaya, beliau telah berkata bahawa pihak GPS akan menyokong pindaan ini sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberikan jaminan jika semua *discussion*, pindaan yang akan dilakukan selanjutnya dalam *Cabinet Committee* tersebut. Akan tetapi kalau kita meneliti ucapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, beliau telah memberi jaminan bahawa semua itu akan dilakukan. Jadi saya sebagai seorang anak Sarawak, saya ingin, *I want to encourage* makna kita *push aside our political difference. This is for Sarawakian, this is Sabahan, this is for Malaysian as a hope*. Mari kita mengambil langkah pertama. Terima kasih.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Helo, satu sahaja. *Very short one*.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Satu yang pendek sangat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tidak, tidak...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya tidak pernah mencelah. Saya tidak pernah mencelah. Bagi peluang sekali sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Saratok. Kemudian saya minta Yang Berhormat Santubong untuk merumuskan. Sila.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Okey. Semasa pemerintahan Barisan Nasional dahulu, Yang Berhormat Batang Sadong adalah seorang pengerusi *devolution power*. Kenapa masa itu tidak pernah pun Barisan Nasional mengendahkan cadangan untuk menubuhkan *all party consultative committee*? Kenapa sekarang hendak minta Pakatan Harapan menubuhkan *Select Committee*? Padahal dahulu tidak pernah minta pun. *[Ketawa]*

Poin kedua ialah di Dewan Undangan Negeri Sarawak, saya setuju dengan...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: ...Cadangan MA63.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Kita tidak pernah membangkang secara membuta tuli.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Kita setuju dengan apa yang baik untuk Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Saratok.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Ini adalah fakta, tidak boleh diputarbelitkan.
[Tepuk][Disampuk]

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya kata minta duduk, minta duduk Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Saratok terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi, saya beri jawapan kepada Yang Berhormat daripada Bandar Kuching bahawanya saya ucap terima kasihlah Yang Berhormat kalau sokong di Kuching itu. Akan tetapi saya Ahli Parlimen Yang Berhormat. Saya kata apa yang berlaku di Dewan ini. Saya tidak boleh cerita apa berlaku di Kuching ataupun Dewan Undangan Negeri Sarawak. Yang Berhormat, kalau saya lapor benda yang salah, Peraturan Mesyuarat 36(12) kena saya Yang Berhormat.

■1650.

Saya ini bukan sahaja sudah 29 tahun dalam Dewan ini, tetapi saya mengetahui peraturan. Jadi saya tidak boleh jamin benda yang *you* buat di tempat lain. Jadi Yang Berhormat, saya berterima kasihlah *you* sokong apa benda kebaikan kepada rakyat itu. Jangan main politik. Saya tidak pernah, jarang-jarang saya main politik. Masa saya jadi Menteri, tidak pernah saya jawab politik. Tanya dengan orang ramai dalam Dewan ini. Saya sentiasa jawab *to the point, the question raised* yang tidak ada politik. [Tepuk] Jadi...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Santubong, masa telah habis. Minta rumuskan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Memang masa telah habis. *Your time's up. So*, minta rumuskan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya ingatkan 10 minit lagi. Baik-baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi perkara *territorial act* yang memang saya tidak boleh terima Tuan Yang di-Pertua. *Territorial 2012*, dia sebut semua perundangan-perundangan *emergency* ini diguna pakai untuk melaksanakan *territorial act* dengan mengetepikan Perlembagaan Artikel 2. *Provision* mengatakan undang-undang sebegini rupa yang menguncupkan mana-mana *territory* Sarawak ataupun mana-mana negeri mestilah

mendapatkan kebenaran kerajaan negeri. Akan tetapi tidak pernah dibuat menggunakan perundangan yang digubal pada 1979 di bawah *Emergency Act* untuk memanjangkan kuasa.

Jadi Yang Amat Berhormat, saya bermohon bagi pihak semua kawan dalam Dewan ini, undang-undang macam ini bubarkanlah, mansuhkanlah, tidak guna. Macam mana *emergency* sudah lama menghilang, tetapi kesannya boleh dilaksanakan di bawah Artikel 150(7). Malang sekali negara kita, undang-undang *emergency* yang dimansuhkan 2009 masih ada kesan-kesan yang belum dilaksanakan kononnya di bawah 150(7) masih boleh dilaksanakan. Sampai bila pun tidak habis cerita macam itu. Jadi, interpretasinya pun saya tidak setuju. Saya boleh cabar dekat mahkamah pun undang-undang macam ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi, masih kita belum boleh amat bersetuju dengan pindaan ini. Ini kerana kenapa *agreement* 1957 itu mesti tidak boleh dipinda daripada Perlembagaan, tetapi kenapa pula *agreement* 1963 tidak boleh dimasukkan dalam Perlembagaan. Kenapa? [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi, itu dua perkara yang sama penting. Akan tetapi kenapa satu boleh masuk oleh kerana ada semangat-semangat yang tertentu, kenapa semangat 63 tidak boleh masuk oleh kerana mungkin *partnership* tetapi tidak ada apa-apalah. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Sarawak Sabah dahulu minta *rotational* jadi Yang di-Pertuan Agong itu kita mahu, tetapi *concession* kita bagi itulah *concession* yang disebut itu tadi.

Yang Berhormat, jadi apa yang kita dapat lebih itu oleh ada *concession* yang lain kita minta dia kena *give way*. Kita hendak jadi Yang di-Pertuan Agong juga itu. Akan tetapi oleh kerana *give way* itu, tidak payahlah kita jadi Yang di-Pertuan Agong, jadi kita dapat yang ini. Yang Berhormat orang Sarawak tolonglah sokong apa yang saya sebut ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi Yang Berhormat, baca *Agreement* 1963, baca *Cobbold Commission*, baca *Act of Malaysia* 1963 di England, *Act of Malaysia* 1963 di Malaya dan *Solidarity Committee Report*. Kalau sudah baca semua itu, Yang Berhormat baru boleh cakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya ingin sekarang menjemput Yang Berhormat Kota Bharu, 20 minit.

4.54 ptg.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas peluang yang diberikan dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang

di-Pertua, saya ingin menyatakan dengan lebih awal bahawa walaupun saya tidak daripada Sabah dan Sarawak, tetapi dalam konteks kita membincangkan rang undang-undang bagi meminda Perkara 1(2) ini, *Article 1 (2)* ini, kita perlu memikirkan kepentingan seluruh *federation*.

Sebagaimana yang kita semua maklum, bahawa asas kepada niat kerajaan untuk membuat pindaan Perkara 1(2) ini adalah berteraskan kepada satu *legal document*, satu dokumen undang-undang iaitu *Malaysia Agreement 1963* yang telah ditandatangani oleh *three parties*, tiga pihak. Pertamanya, *United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, Federation of Malaya, North Borneo* iaitu Sabah, *Sarawak and Singapore*. Itu pihak-pihak yang terlibat dalam *Malaysia Agreement* yang ditandatangani di London pada 9 Julai 1963 dan juga telah sekali lagi *amending the above mentioned agreement* pada 28 Ogos 1963 di Singapore. Inilah asas kepada perbincangan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa apabila Parlimen ini diberikan tugas untuk membuat sesuatu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan *which is the supreme law of the country*. Perlembagaan ini adalah undang-undang tertinggi dalam negara ini, kita tidak boleh elak daripada membawa masuk di dalam Dewan Parlimen ini. Apabila ia dibawa masuk di dalam Dewan Parlimen ini sebagai satu badan legislatif, maka perkara yang saya kira perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan ataupun oleh pihak Ahli-ahli Dewan yang membahaskan ini ialah yang pertamanya, *content of the proposed amendment*, kandungan cadangan pindaan itu. Keduanya, kerajaan tidak boleh lari daripada mematuhi prosedur ataupun tatacara yang telah ditetapkan oleh undang-undang itu sendiri.

Saya Tuan Yang di-Pertua, ingin melihat bahawa kalau kita melihat cadangan pindaan di dalam *blue bill* ini sama ada yang asal ataupun cadangan dipinda di peringkat jawatankuasa nanti, saya melihat bahawa saya tidak nampak apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai tujuannya untuk memastikan *equal partnership* ataupun hak perkongsian yang sama di antara Sabah, Sarawak dan juga negeri-negeri di bawah *Federation*, di bawah Persekutuan.

Jika kita melihat Perkara 1(2) yang asal, ia ditulis dalam satu paragraf, satu rangkap yang menunjukkan bahawa - Bagi pandangan saya, ia menunjukkan persamaan di dalam perkongsian di antara seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Kalau *Federation* ini dianggap sebagai satu *partnership*, satu syarikat perkongsian, maka *the partners of this partnership consist of all 13 states in the Federation, in the Tanah Melayu, in the Malaya* pada masa itu dan juga dua daripada Borneo iaitu Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Santubong bahawa kalau - Walaupun beliau tidak bersetuju sepenuhnya, jika melihat cadangan pindaan yang dibuat ini, seolah-olahnya - Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan penjelasan. Saya melihat seolah-olah terdapatnya tidak ada *equal partnership* di dalam dua komponen negeri-negeri ini iaitu disebut "(a) - negeri-negeri di Semenanjung" dan "(b) - Sabah dan Sarawak ataupun Borneo". Pada pandangan saya, saya melihat itu tidak ada satu yang refleks kepada *equal partnership* di dalam *Federation of Malaya*. Itu yang pertama.

Keduanya yang penting sekali saya hendak mencadangkan supaya saya bersetuju dengan rakan-rakan daripada UMNO dan juga daripada GPS bahawa meminda suatu peruntukan di bawah Perlembagaan, Perlembagaan kita ini mempunyai 183 perkara, artikel, banyak. Akan tetapi untuk meminda salah satu daripada artikel ini, ia mestilah dibuat secara yang paling berhemah. Sebagaimana saya sebut tadi, *this Constitution is the supreme law of the country*, undang-undang tertinggi. Oleh sebab itu, perundingan ataupun *consultation* perlulah dibuat oleh pihak kerajaan sama ada melalui Jawatankuasa Kabinet yang saya kira Jawatankuasa Kabinet hanya melibatkan *Members of the Cabinet* sahaja, tidak melibatkan *non-Cabinet Members*. Jadi, alasan...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh saya minta mencelah sedikit?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sekejap, saya habiskan ayat. Jadi, saya ingin menekankan, kenapa tidak ataupun apalah salahnya sebelum satu pindaan yang saya kira tidak memberi satu implikasi yang besar ini dibuat oleh pihak kerajaan, ditubuhkan suatu *Special Select Committee of the Parliament* yang diwakili oleh semua pihak. Ini kerana memandangkan negeri-negeri lain juga selain daripada Sabah dan Sarawak *with due respect*, kita juga mempunyai kepentingan secara langsung ataupun tidak langsung di dalam *Federation of Malaya* ini.

■1700

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak beri sedikit penjelasan. *Special Cabinet Committee* itu...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Any explanation from me. Not...*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, *ask explanation*. Sedikit penjelasan dan tanya pendapat. Dalam *Special Cabinet Committee* tersebut, ia tidak hanya terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Kabinet sahaja. Akan tetapi wakil daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah. Ketua Menteri dari Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga termasuk dalam *Cabinet Committee* tersebut. Malah ada juga AG, *academician*, *activist*. Jadi ini satu representasi yang baik.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ya. Terima kasih, terima kasih. Saya bersetuju.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Lebih baik berbanding dengan *Select Committee*, cuma ada terdiri daripada ahli politik.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ya. Cukuplah. Saya faham soalan Yang Berhormat Bandar Kuching. Memang benar kita tahu dalam Jawatankuasa Kabinet ini diwakili oleh pihak-pihak yang berkepentingan, *interested parties* daripada Sarawak, daripada Sabah tetapi AG bukan *interested party*. Saya hendak menegaskan bahawa apa yang saya sebutkan tadi, *among the interested parties* di dalam negara kita ini, Persekutuan Malaysia ini juga negeri-negeri yang terletak di bawah Semenanjung sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Perkara 160, *the Meaning of Federation*. Jadi bagi saya, *Special Select Committee of the Parliament is*

more appropriate kalau sekiranya kerajaan ingin mendapatkan pandangan daripada semua Ahli Parlimen. Itu yang pertama.

Keduanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi telah memberikan alasan-alasan kenapa pada pandangan kerajaan, Perkara 160(2) yang mentafsirkan perkataan "*Federation*" ataupun "Persekutuan" itu tidak perlu dipinda. Saya agak kehairanan kerana apalah salahnya kalau sekiranya di dalam Perkara 160 ini, apabila mentafsirkan perkataan "Persekutuan".

Dikatakan di sini ertinya, Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. Jadi, apabila kita hendak memasukkan ataupun telah memasukkan Sabah dan Sarawak, kenapa tidak tafsiran Persekutuan ini dimasukkan sama negeri-negeri sebagaimana di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Itu sahaja. Kalau masuk begitu, saya rasa *proper*. Mungkin Perkara 1(2) tidak perlu dipinda kerana dia telah *covers*. Akan tetapi sekarang ini seolah-olahnya *there are two definition of Federation*. Satunya Perkara 1(2), satu lagi Perkara 160(2). Jadi ini saya minta penjelasan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan Perkara 8. Ini Perkara 8 dalam Perlembagaan iaitu di bawah tajuk hak sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Sekali lagi saya hendak menekankan bahawa kenapa tidak kepentingan-kepentingan di negeri-negeri rakan kita Sabah dan Sarawak ini, dirundingkan sama dengan negeri-negeri ini, dengan cara antaranya membawa perkara ini di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri. Inilah saya kira Yang Berhormat Santubong mungkin boleh sahkan ataupun rakan-rakan di Sabah dan Sarawak, kerajaan satu masa dahulu, mungkin zaman Barisan Nasional, telah meluluskan satu akta yang bernama Akta Laut Wilayah yang ditentang habis-habisan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada satu masa itu. Saya kalau tidak silap kerana ia tidak dirunding atau tidak *diconsult* dengan Sabah yang menjadi *stakeholder* ataupun pihak yang ada kepentingan di dalam perkara ini.

Oleh sebab itu, saya ingin menyarankan kepada Dewan yang mulia ini bahawa untuk membincangkan soal pindaan Perlembagaan yang dikatakan oleh Perdana Menteri dimulai dengan Perkara 1(2) dan akan diikuti oleh perkara-perkara lain yang terdapat di dalam *Malaysia Agreement 1963* ini, apalah salahnya kalau sekiranya ditubuhkan apa yang disebut tadi *Select Committee* yang diwakili bukan sahaja oleh Kerajaan Persekutuan dan Sabah dan Sarawak tetapi juga mesti diwakili oleh negeri-negeri yang menjadi *stakeholder* kepada *Federation of Malaya* ini. Kita harap dengan adanya *Select Committee* yang seumpama ini, banyak perkara yang mempunyai *common interest* ataupun kepentingan bersama di antara negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, boleh dirungkaikan.

Saya percaya itu akan berlaku, berbanding dengan kalau sekiranya perundingan hanya dengan pihak Sabah dan Sarawak sahaja, yang akhirnya apabila timbul masalah, ia perlu dirundingkan sekali lagi dan juga beberapa kali lagi. Jadi bagi saya, saya menganggap bahawa cadangan untuk meminda Perkara 1(2) ini adalah suatu yang hanya berbentuk kosmetik semata-mata. Mungkin berbentuk *half-cooked* ataupun belum lagi masak sepenuhnya.

Oleh itu saya ingin menegaskan pandangan kami bahawa *once for all* ataupun sekali gus kita perlu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak, dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan *stakeholder* yang lain yang berada di peringkat negeri-negeri. Saya tidak menghabiskan masa kerana itu sahaja pandangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya rujuk kepada senarai yang telah diberikan oleh semua pihak. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Mas Gading, 10 minit. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bera. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Saratok. Sila Yang Berhormat Mas Gading.

5.06 ptg.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang pindaan Perkara 1 fasal 2 Perlembagaan Malaysia. Pindaan yang bakal mengubah nasib Sabah dan Sarawak, juga pindaan yang akan memperbetulkan kesilapan yang pernah dilakukan oleh pemimpin kita 43 tahun yang lepas iaitu pindaan yang saya percaya sebagai langkah pertama untuk mengembalikan hak Sabah dan Sarawak. Pindaan ini merupakan satu langkah awal walaupun ada pihak yang memperkecilkan pindaan ini atau menganggap pindaan ini sebagai kosmetik. Kononnya hanya cantik di luaran. Akan tetapi maknanya cukup besar dalam usaha kerajaan baharu hari ini untuk mengembalikan hak kami di Sabah dan Sarawak.

Pindaan ini bakal mengembalikan status rakan sekutu pada Sabah dan Sarawak, sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia 1963. Selaras dengan prinsip dan semangat yang terkandung di dalam Perjanjian Malaysia 1963 atau lebih dikenali sebagai MA63. Pindaan Perkara 1 fasal 2 pada tahun 1976 telah menurunkan taraf Sabah dan Sarawak daripada salah sebuah wilayah yang membentuk Malaysia kepada salah satu negeri dalam Malaysia. Dalam Perlembagaan Malaysia pada 16 September 1963, kita dapat lihat bahawa Sabah dan Sarawak bersama Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura adalah wilayah-wilayah yang membentuk Malaysia.

Dalam erti kata lainnya, taraf negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah setara dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura dan bukanlah salah sebuah negeri seperti mana negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1965, bila Singapura keluar meninggalkan Malaysia, maka tinggalah Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, melalui Akta A354 yang berkuat kuasa pada 27 Ogos 1976, fasal 2 di dalam Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan ini telah dipinda sepertimana yang terdapat hingga ke hari ini. Di mana semuanya dimasukkan ke dalam satu perenggan.

Malaysia pada 1976 dilihat telah menjadi satu wilayah di mana Sabah dan Sarawak telah diletakkan sebaris dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu yang asal. Dalam erti kata lain, Sabah dan Sarawak seolah-olah diletakkan sama seperti negeri lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu 1957, bukan Persekutuan Malaysia 1963. Inilah yang dikatakan status atau taraf Sabah dan Sarawak telah diturunkan, yang banyak di uar-uarkan di kalangan

masyarakat Sabah dan Sarawak. Kalaulah layanan yang kami terima di Sabah dan Sarawak sama rata, pembangunan yang diberikan sama rata, jalan raya berturap nun sampai ke Hulu Rajang, keperluan dan infrastruktur asas cukup nun sampai ke pedalaman Tenom di Sabah.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh? Saya mencelah sedikit.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Saya rasa rakyat Sabah dan Sarawak mungkin tidak terasa dengan istilah yang digunakan dalam Perlembagaan ini. Masalahnya kami di Sabah dan Sarawak selama ini dianaktirikan. Semangat Perjanjian Malaysia 1963 seolah-olah dicabul apabila pindaan 1976 dibuat. Sebab itulah kebangkitan rakyat Sabah dan Sarawak memuncak dalam 8 ke 10 tahun yang lepas seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Port Dickson tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan *Hansard*, keputusan pindaan 1976 disokong penuh oleh Ahli-ahli Parlimen Sarawak pada 1976. Ramai kita pada hari ini melihat kejadian pada tahun 1976 itu sebagai sebuah kesilapan yang besar, yang dilakukan oleh Barisan Nasional. 43 tahun berlalu dan belum ada penyelesaian terhadap masalah itu. *Negotiation by negotiation but no action*, dengan izin. Dalam Bacaan Pertama pada minggu lepas, ramai masyarakat di Sabah dan Sarawak kecewa, seolah-olah rakyat Sabah dan Sarawak sekali lagi dipermainkan seperti mana Barisan Nasional dahulu. Ketidakpuasan hati mereka kami sampaikan kepada pihak Menteri dan kami bincang lagi.

■1710

Bezanya Kerajaan Pakatan Harapan hari ini mendengar. Bezanya suara Ahli Parlimen hari ini diberi perhatian. Keputusan pindaan pada 1976 dahulu bukanlah tindakan individu. Setiap keputusan ahli kabinet tertakluk kepada persetujuan kolektif ahli kabinet. Pada tahun 1976, ketika pindaan Perlembagaan Perkara 1(2) ia telah didebatkan selama dua hari iaitu pada 12 Julai dan 13 Julai. Pada ketika itu, hanya Yang Berhormat Lim Kit Siang, Yang Berhormat Dr. Tan Chee Khoo, Yang Berhormat Farn Seong Than dan Yang Berhormat Lee Lam Thye. Kesemuanya dari parti pembangkang DAP yang membantah dan tidak bersetuju pindaan tersebut dilakukan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Mencelah sedikit, kerana fakta-fakta.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Saya rasa nanti Yang Berhormat Sibuti ada ruangnya sendiri untuk berbicara, okey. Saya tidak izinkan Tuan Yang di-Pertua. Selebihnya seramai 130 Ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada ketika itu...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tidak menyentuh Artikel 1(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Sibuti duduklah.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: ...Menyokong penuh agar pindaan ini diluluskan dengan jayanya. Berdasarkan *Hansard* didapati tidak ada rekod Ahli Parlimen Sarawak dan Sabah yang menentang usul ini. Jadi salah siapa? Selama 43 tahun usaha ke arah memperbetulkan keadaan itu seperti sesuatu yang mustahil. Tunggu punya tunggu 43 tahun itu jugalah Sabah dan Sarawak ketinggalan berbanding dengan Tanah Melayu. Apa yang kami mahu adalah semangat MA63 dikembalikan. Semangat bila masa Sabah dan Sarawak bergabung membentuk Malaysia pada 1963 itu dihidupkan semula.

Tujuan pindaan ini adalah demi masa depan Sabah dan Sarawak serta Malaysia secara amnya. Langkah pertama yang sangat penting sebelum kita melangkah lebih jauh. Berbeza dengan pentadbiran dahulu, suara rakyat hari ini didengari. Buktinya seperti yang diumumkan oleh Menteri kepada media semalam. Pindaan untuk bacaan kedua akan dibuat dan sudah pun dibuat seperti yang kita dengar tadi. Kita pinda balik seperti asal seperti pada 1963. Ini adalah demi kepentingan rakyat. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana hari ini akhirnya penantian 43 tahun itu bakal menyaksikan perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perkara 1(2) pada hari ini hanyalah langkah pertama. Pindaan hari ini adalah untuk meminda semula pindaan 1976 kepada ayat asal seperti mana yang tertulis dalam dokumen asal Perjanjian Malaysia 1963. *Straight to the point* dengan izin, tanpa ada tokok tambah atau muslihat. Kita balik semula kepada keadaan asal dan dari situ kita akan bergerak. Bergerak semula memperbetulkan kesilapan Barisan Nasional terdahulu satu per satu. Allahyarham Tok Nan, mantan Ketua Menteri Sarawak juga pernah menyebut dalam ucapannya dahulu untuk cuba membalikkan semula pindaan 1976 walaupun ia membawa maksud pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu menukarkan semula Perkara 1 kepada bentuk asalnya.

Itulah yang kita lakukan hari ini yang kita cuba pinda pada hari ini kembali kepada bentuk asal. Saya percaya GPS dengan harapan akan turut serta menyokong pindaan ini demi Sabah dan Sarawak. [*Tepuk*] Seperti yang kita sedia maklum, dalam Perjanjian Malaysia 1963 terdapat 11 perkara lain. Semua perkara ini masih dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa Khas Kabinet di mana Ketua Menteri Sarawak juga adalah salah seorang daripada mereka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada menyebut tadi bahawa pindaan lain akan kita lihat kelak sebab di situ lah perbincangan sedang giat dijalankan dan dilakukan bagi memastikan hak kami di Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi akan dimartabatkan semula.

Jadi segala persoalan lain seperti cadangan untuk mengembalikan semula hak autonomi Kerajaan Sabah dan Sarawak dalam perkara-perkara seperti kewangan, eksplorasi minyak, perlombongan dan gas, perundangan, tanah dan hasil tanah, kerja raya Persekutuan dan sebagainya akan dibincangkan dan mendapat kata putus yang sebaiknya. Malah Ketua Menteri Sabah dan Sarawak juga meluahkan rasa puas hati terhadap perkembangan yang ada dalam perbincangan tersebut. Jadi, pindaan Perkara 1(2) memang tidak menyentuh perkara-perkara lain tetapi sebagai langkah permulaan bagi menghidupkan semula semangat Perjanjian 1963 di mana kesilapan pada 1976 itu perlu diperbetulkan.

Seterusnya kami orang Sabah dan Sarawak juga mengharapkan selepas pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sebagai rakan kongsi dapat direalisasikan. Maksudnya hak kami di Sabah nanti dan Sarawak juga akan dikembalikan melalui pindaan-pindaan lain selaras dengan persetujuan dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa Khas Kabinet. Dengan ini besar harapan kami agar perbincangan di peringkat Jawatankuasa Khas Kabinet akan menjadi lebih lancar dan

membuahkan hasil demi masyarakat kami di Sabah dan Sarawak dan Malaysia secara amnya. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Mas Gading. [*Tepuk*] Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Bera dia memberi laluan kepada Yang Berhormat Pengerang kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Saratok, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Batang Sadong, kemudian Yang Berhormat Kimanis dan Yang Berhormat Beluran. Sila Yang Berhormat Pengerang.

5.14 ptg.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya masa untuk membahaskan tentang pindaan Perlembagaan ini. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan begitu mendalam ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi yang mana bagi saya ucapan menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat begitu ikhlas dalam pindaan ini terutama sekali untuk memberikan kesetarafan kepada Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil beberapa isu undang-undang yang saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Langkawi.

Pertama sekali kalau kita rujuk kepada pindaan ya, pindaan ini boleh dilihat dua dalam satu ataupun satu dalam dua. Bererti, jikalau pindaan ini diluluskan daripada yang didrafkan dalam senarai dalam pindaan yang dicadangkan, ia menyatakan kedudukan Sabah dan Sarawak dikeluarkan dan dikategorikan sebagai negeri-negeri Borneo.

Maka, adakah ini bererti bahawa Sabah dan Sarawak adalah setaraf dengan negeri-negeri Tanah Malaya? Atau adakah Sabah dan Sarawak sama setaraf dengan negeri-negeri yang disenaraikan? Dengan izin dalam bahasa *English*. *In English, I would submit* dengan izin, *does that mean of the amendment, the meaning of Borneo States setaraf in equality to all the states* dalam Semenanjung ataupun *does it mean that the Borneo State is over and above* negeri-negeri di Semenanjung. Maknanya setarafan Borneo dengan Semenanjung.

Kalau itulah menjadi jawapan ya, Yang Amat Berhormat Langkawi bererti bahawa pindaan ini saya lihat sebenarnya tidak akan membawa kepada apa-apa perubahan. Kalau kita tengok pindaan Perlembagaan sebelum ini, setarafan Sabah dan Sarawak itu masih mencabar kerana dari segi praktiknya contohnya kita mempunyai tiga jenis *Bar Council* ya Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung. *Three Bar Council*. Keduanya contoh yang kita selalu lihat ialah kemasukan Sabah, Sarawak melalui sistem *chopping passport* ataupun *IC*. Bererti bahawa mengatakan bahawa di segi realitinya, walaupun senarainya satu baris, tetapi dari segi pelaksanaannya masih berbeza-beza.

Jadi soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Langkawi ialah adakah pindaan ini bererti Sabah dan Sarawak setaraf dengan Tanah-tanah Melayu, Malaya ataupun negeri-negeri dalam Malaya. Sebab kalau dia setaraf bererti apa yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak itu memberikan gambaran bahawa pindaan ini akan memberi lebih banyak kuasa kepada Sabah dan Sarawak lebih daripada negeri-negeri.

Maknanya Sabah dan Sarawak itu *instead of Malaya, states of Malaya* dan Sabah, Sarawak daripada yang disebut berlainan. Itu soalan pertama saya kepada Yang Amat Berhormat Langkawi.

Keduanya, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Langkawi. Yang Amat Berhormat menyebut tentang *this is the first step* sebagai langkah pertama. Jadi soalan saya kepada Yang Amat Berhormat, adakah ini memberikan erti bahawa kerajaan memberi komitmen dari segi *time frame* dengan izin. Adakah kerajaan akan menyatakan kepada Dewan ini, perkara ini akan dilaksanakan dalam masa tiga bulan? Dalam masa tahun ini? Sebab komitmen dari segi *time frame*, izin saya membawa adalah memberikan lebih banyak kepada komitmen keikhlasan daripada kerajaan terhadap pindaan ini.

Kalau tidak rata-rata orang berkata pindaan ini berbentuk kosmetik dengan izin. Kosmetik bererti aturan ayat-ayat itu dipinda. Bukan dari segi substantif maknanya dalaman itu tidak ada. Jadi, saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Langkawi yang begitu berpengalaman sebagai Ahli Parlimen, untuk menerima cadangan yang disebut oleh parti-parti pembangkang iaitu mewujudkan *Select Committee in tandem*, selari dengan Jawatankuasa Kabinet. Sebab saya melihat bahawa *Select Committee* akan membawa isu-isu yang dilihat di segi undang-undang merangkumi semua undang-undang untuk dipinda bersama berbanding dengan Jawatankuasa Kabinet yang akan membincang dari segi dasar.

Jadi saya berharap bahawa Yang Amat Berhormat Langkawi boleh menerima cadangan untuk membantu Ahli-ahli Parlimen membawa perbincangan yang lebih mendalam dalam isu pindaan ini.

Poin yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ingin saya rujuk kepada pindaan Perlembagaan, bukan satu perkara yang dilihat sebagai pindaan biasa, ia bukan pindaan rang undang-undang.

■1720

Itu sebab Perlembagaan berkata, pindaan Perlembagaan adalah dua pertiga. Dia bukan *simple majority*. Maknanya, kerajaan mesti mendapat jumlah daripada jumlah kerusi menyeluruh 222 buah kerusi iaitu 148 buah kerusi. Bererti Yang Amat Berhormat Langkawi untuk menjamin mendapat dua pertiga, perbincangan, penerangan dan memberikan makna kepada semua Ahli Parlimen dengan izin, *from the both side of the bench*, memahami komitmen kerajaan kepada pindaan ini. Oleh sebab kalau undang-undang biasa Tuan Yang di-Pertua, *simple majority*. Akan tetapi, pindaan Perlembagaan memberikan makna bahawa ini bukan pindaan yang begitu mudah.

Saya menerima hakikat daripada ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi, roh dan niat itu cukup sempurna. Akan tetapi kita berhadapan dengan undang-undang dan kita tidak mahu bila pindaan ini berlaku akan berlaku *substantive law* yang lain yang akan diganggu-gugat disebabkan oleh pindaan ini.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bukan mempersoalkan Yang Amat Berhormat Langkawi dan Menteri-menteri Kabinet tetapi saya hendak mempersoalkan pegawai-pegawai kerajaan dan juga Peguam Negara supaya memahami sebenarnya bila memberi nasihat kepada

kerajaan. *It's not a simple matter* Tuan Yang di-Pertua. Jadi, seperti yang dikata sahabat di sini bahawa kita tidak mahu nanti Yang Amat Berhormat Langkawi, kerajaan *U-turn* dalam perkara ini sebab ini sesuatu yang serius. Oleh sebab rakyat Sabah dan Sarawak mahu melihat kesamaan kepada mereka sebagai rakyat Malaysia.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, poin yang saya bawa di sini itu lebih kepada undang-undang kerana saya percaya bahawa undang-undang membenarkan pindaan dan memahami perlunya pindaan tetapi kita mesti menerima hakikat bahawa pindaan ini akan boleh dilihat sebagai pindaan yang tergesa-gesa. Jadi soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Langkawi, kenapa tergesa-gesa? Oleh sebab saya melihat semua perkara dalam Perlembagaan ini boleh dibuat pindaan Perlembagaan tanpa memerlukan pindaan kepada Perkara 1(2). Maknanya Perkara 1(2) tidak perlu dilihat sebagai wajib dipinda sebelum undang-undang lain dipinda. *It does not nullify* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua undang-undang yang lain. Bererti undang-undang masih boleh dibawa untuk dipinda untuk memberikan hak yang dituntut oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

Jadi itu sekali lagi saya menyokong tetapi bersyarat, memohon kalau boleh Yang Amat Berhormat Langkawi membawa pindaan ini kepada *Select Committee*. Dengan itu Yang Berhormat Pengerang menyokong bersyarat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Saratok, 10 minit.

5.23 ptg.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa bangga kerana diberi peluang untuk berdiri di Dewan yang mulia ini, menyertai perbahasan yang bersejarah di hari yang istimewa dalam hidup saya iaitu mengembalikan kedudukan Sarawak sebagai rakan kongsi atau *equal partner* semasa pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 dulu.

Kita telah melakukan kesilapan semenjak 34 tahun di mana semasa— 43 tahun di masa pemerintahan dahulu tahun 1976, meminda Akta Perlembagaan Persekutuan 1(2), menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai dua negeri dalam Malaysia sekali gus memusnahkan perkara penting dalam kelahiran Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak adalah rakan kongsi (*equal partner*) dalam Malaysia. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir, Menteri Undang-undang, Kabinet dan semua rakan seperjuangan dalam Pakatan Harapan kerana telah memberikan keprihatinan terhadap kehendak warga Sarawak dan Sabah iaitu membentangkan bil yang sangat penting ini yang akan meletakkan Sabah Sarawak di tempat yang sepatutnya.

Pindaan ini juga adalah bertepatan dengan manifesto Parti Keadilan Rakyat sejak Pilihan Raya Negeri 2011 dahulu dan selari dengan Deklarasi Kuching 2012 yang dipersetujui oleh Pakatan Rakyat ketika itu terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat, DAP dan PAS. Janji untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak juga di dalam manifesto Pakatan Rakyat Pilihan

Raya Umum 2013, Pilihan Raya Negeri 2016 dan Pilihan Raya Umum 2018. Ini membuktikan Pakatan Harapan yang dahulunya Pakatan Rakyat secara konsisten dengan izin, memperjuangkan status Sabah Sarawak sejak sekian lama.

Maka pindaan ini adalah titik permulaan memenuhi aspirasi warga Sabah dan Sarawak yang telah sekian lama diabaikan. Justeru itu saya menyeru agar semua Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak bersama rakan dari Semenanjung bekerjasama tanpa mengira fahaman politik memberikan sokongan yang sepenuhnya terhadap usul pindaan Akta 1(2) Perlembagaan Persekutuan 2019 ini yang akan mengembalikan status Sabah Sarawak sebagai *equal partner* sebagaimana semasa pembentukan Malaysia 1963.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin Pakatan Harapan kerana menyetujui permintaan daripada Ahli Parlimen Pakatan Harapan kelmarin mengguna pakai balik perkataan dan perenggan yang asal sama seperti 1963, kecuali sebutan *Singapore*. Ini membuktikan Pakatan Harapan sentiasa mendengar pandangan dan cadangan Ahli Parlimen. Sehubungan itu, penggunaan perkataan asal ini juga mengekalkan sejarah asal yang sangat bermakna, di mana harapan dan aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak telah diletakkan.

Pindaan ini juga akan mengembalikan semangat asal pembentukan Malaysia di mana Sabah Sarawak bersetuju membentuk negara yang dinamakan Malaysia. Sekiranya semangat bersama dalam Malaysia ini mengalami kelunturan, pindaan Akta 1(2) 2019 ini akan menggilapnya kembali sekali gus mengeratkan hubungan di antara negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah Sarawak. Saling hormat-menghormati akan semangat asal Perjanjian Malaysia adalah kunci keharmonian hubungan antara Sabah, Sarawak dan negeri-negeri Tanah Melayu.

Aspirasi warga Sarawak terhadap negara Malaysia...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Saratok, minta laluan.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Okey. Sekejap. Seminit ya. Aspirasi warga Sarawak terhadap negara Malaysia ini perlu diambil perhatian kerana kita tidak mahu keadaan di mana segelintir rakyat merasa terpinggir. Kerajaan Pakatan Harapan perlu menyelami hati naluri semua kaum di Sarawak supaya orang Iban, Orang Melayu, Cina, Bidayuh, Kedayan, Kayan, Kenyah, Melanau, Lun Bawang, Bisaya, Penan, Punan, semua suku kaum berasakan diri mereka sebahagian daripada Malaysia ini. Saya beri laluan sekejap kepada Yang Berhormat Puncak Borneo.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Puncak Borneo, sila.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Okey terima kasih Yang Berhormat Saratok kerana sudi memberi laluan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Saratok bahawa adakah Yang Berhormat Saratok bersetuju dengan saya bahawa meskipun tidak ada keberatan terhadap agama Islam sebagai agama Persekutuan namun proviso ini tidak terpakai di Sabah Sarawak.

Kedua, proses Borneonisasi untuk meletak semua ketua-ketua agensi dan jabatan Persekutuan hendaklah disandang oleh anak Sabah dan Sarawak yang proses Borneonisasi ini haruslah disegerakan. Begitu juga kepada perwakilan di Parlimen Persekutuan, hendaklah disetarakan di antara Malaya, Sabah dan Sarawak dan juga tidak harus dipersoalkan oleh mana-mana pihak kerana ini bukanlah *social contract* tetapi termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Saratok, adakah kita perlu mempunyai satu suara dan satu nada sebagai rakyat Malaysia supaya kita sering menjaga kepentingan-kepentingan masing-masing. Kita tidak kisah yang di Malaya hendak *social contract* mereka dihormati, kita hormat. Akan tetapi kita juga Sabah Sarawak ini hendak mereka hormati kita punya perjanjian Malaysia ini. Jangan ada pihak yang ingin sebelah pihak, kepentingan mereka dinoda. Jadi ini yang saya mahu. Kita harus bersuara, satu hati dan satu nada. Apa pendapat Yang Berhormat Saratok?

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Puncak Borneo. Saya ingin meletakkan kenyataan tersebut di dalam ucapan saya. Menyentuh kebimbangan yang diutarakan oleh beberapa pihak berkenaan dengan pindaan yang terhad, hanya pada Akta 1(2) Perlembagaan Persekutuan dan tidak menyeluruh ataupun tidak 100 peratus seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Perlu diingatkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan melalui kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membuat banyak lagi pindaan yang berpatutan pada akta-akta yang bersangkutan.

■1730

Ini adalah titik permulaan untuk pindaan yang akan datang, bukan tamat di sini sahaja. Pindaan ini adalah kerangka asas. *Steering Committee* dan *Technical Committee* masih memperhalusi isu-isu melibatkan hak-hak Sabah dan Sarawak. Kerajaan Pakatan Harapan adalah serius mengembalikan hak Sabah dan Sarawak yang telah sekian lamanya diabaikan. Pindaan ini akan meletakkan Sabah dan Sarawak di landasan yang betul, kedudukan yang lebih kukuh untuk berbincang seterusnya di peringkat *Steering Committee* dan *Technical Committee*.

Saya juga ingin mengetengahkan pengakuan seorang bekas Ahli Parlimen Saratok yang terlibat menandatangani pindaan Perkara 1(2) ini pada 1976 yang lalu, yang menurunkan status Sabah dan Sarawak sebagai salah satu negeri di Malaysia. Beliau ialah Dato' Sri Edmund Langgu Anak Saga, Timbalan Menteri pada tahun 1976, seorang yang amat dihormati dalam kalangan masyarakat Dayak di Sarawak. Beliau berumur 83 tahun, memberitahu saya bahawa dia menunggu selama 43 tahun akan peluang untuk membetulkan kesilapan yang dilakukan pada tahun 1976.

Dato' Sri Edmund Langgu Anak Saga berasa sangat gembira apabila saya memberitahu beliau akan pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan ini akan mengembalikan status Sabah dan Sarawak selaras dengan Perjanjian Malaysia yang dimanterai pada tahun 1963. [Tepuk] Beliau seorang Timbalan Menteri pada ketika itu adalah dengan hati terbuka dan mengaku bertanggungjawab sebagai *collective responsibility*. Akan tetapi, merasa tersentuh akan kesilapan yang telah dilakukan. Beliau bersyukur kerana masih dapat melihat pembetulan

dibuat melalui pindaan ini dan berpesan kepada kita semua supaya bekerja kuat demi masa hadapan Malaysia yang cemerlang. [*Tepuk*]

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan menyokong usul pindaan Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2019 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Saratok. Saya menjemput Yang Berhormat Batang Sadong.

5.32 ptg.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya hanya diberi 10 minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selama 10 minit.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hanya akan memberikan tumpuan kepada topik mengenai *devolution of power* dengan izin, di mana ini menjadi satu isu yang selalu dikatakan kerajaan di bawah pemerintahan yang sebelum ini tidak melakukan apa-apa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengucapkan terima kasih atas pembentangan Artikel 1(2) ini, Perlembagaan Persekutuan di mana kita amat mengalu-alukan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk meminda Artikel 1(2) Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab ia merupakan Manifesto PH untuk mengembalikan status Sarawak dan Sabah kepada status semasa 1963, sudah tentu kerajaan mahu pindaan Perlembagaan Persekutuan ini diluluskan. Ada yang mengatakan kami dari GPS tidak bersetuju dengan pindaan ini. Saya hendak memperbetulkan Tuan Yang di-Pertua, kami dari GPS bukan kami tidak bersetuju tetapi kami amat teliti. Oleh sebab itu, apabila pada 4 hari bulan kami baru saja menerimanya, kami merasakan kami perlu diberikan peluang untuk berbincang...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sikit.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Bukan berbincang di tempat makan, tetapi ia memerlukan...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh sikit?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kemahiran-kemahiran yang tertentu untuk memberikan pandangan mereka mengenai undang-undang.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ya, sikit saja. Yang Berhormat Batang Sadong, saya rasa terpanggil. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kami oleh bersetuju. Cuma kami lebih teliti dan bertanggungjawab sebab ini memikirkan masalah dan memikirkan kepentingan Sarawak dan *Sarawakians*. Maka oleh sebab itu, kami tertanya-tanya sebab belum lagi dibentangkan macam yang telah dibentangkan pada hari ini, ia berlainan. Oleh sebab itu, kami menyatakan mungkin kami tidak akan menyokong kalau tidak memuaskan hati kami. Kita lebih prihatin, bukan apa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Batang Sadong, teruskan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Saya masukkan di dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak ulang di sini, ia tidak betul dikatakan kami tidak menyokong pembentangan pada awal ini. Akan tetapi, kami minta pembentangan ditunda sehingga selesai perundingan Jawatankuasa Kabinet MA63 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Untuk rekod dalam Dewan yang mulia ini, kami memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat berdasarkan MA63. Mungkin ada yang mengatakan kami terlalu memikirkan perkara yang kecil-kecil. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar apa yang Yang Berhormat Santubong telah nyatakan apabila beliau berucap tadi. Beliau telah menyentuh mengenai *Territorial Sea Act 2012*. Jadi sebab itu, saya percaya itu bukan sahaja satu undang-undangnya.

Oleh sebab itu, kami amat berhati-hati supaya apabila kita menyentuh mengenai pindaan undang-undang, apatah lagi ini satu pindaan bukannya undang-undang biasa. Ini adalah undang-undang di peringkat yang tertinggi sekali. Ia perlu diteliti, dihalusi dan maka perlu juga melalui proses-proses yang tertentu. Jadi, sebab itu tugas kita sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat menuntut keadilan bagi Sabah dan Sarawak seperti mana diaspirasikan di dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Tadi saya ada menyentuh mengenai *Cobbold Commission*. Saya hendak merujuk lagi kepada rekomendasi daripada *Sir Anthony Abell* dan *Sir David Watherston*, para 156 di dalam Laporan *Cobbold Commission* yang menjelaskan dengan izin, "*Many witnesses have insisted that the Borneo territories should not join just as two states of the new Federation, but in some way which would give more recognition to their identities and to their comparative size*" and he continued dengan izin, "*One of the few step to acknowledge the afore set wishes of the people of Sarawak for more recognition to their identities and to their comparative size, the component of Federation as stipulated in the Intergovernmental Committee Report which is part of MA63 and also abided in the Federal Constitution was the Article 1(2) of the Federal Constitution*".

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini hendaklah mewakili hasrat rakyat. Untuk meminda undang-undang yang saya nyatakan tertinggi di negara ini, ia perlu diteliti, dihalusi dan haruslah melalui proses perundingan dengan pemegang taruh. Kalau merujuk kepada Laporan IGC, pindaan ini hendaklah mewakili hasrat Sarawak ketika menubuhkan Malaysia iaitu untuk mempercepatkan pembangunan untuk Sarawak.

Pada masa itu, Sarawak masih lagi mundur, masih lagi kehijauan. Jadi, kita amat tertarik dengan keadaan di Kuala Lumpur di mana ia lebih maju. Jadi oleh sebab itu, ia menarik minat kita dari Sarawak untuk turut serta menubuhkan Malaysia. Juga, melindungi posisi istimewa Sarawak seperti mana termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan serta melindungi hak-hak orang Sarawak dan orang Sabah.

Ingin saya nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, ini melambangkan bagaimana keadaan British pada masa itu, mereka mempunyai rasa begitu sensitif sekali terhadap orang-orang

Sarawak dan Sabah. Mereka takut dan kluatir bahawa kita tidak akan dilindungi, tidak mendapat layanan yang baik apabila kita menubuhkan Malaysia. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang dipinda adalah undang-undang yang begitu penting sekali. Masakan kita hendak menyokong tanpa mengetahui isi kandungannya dan tanpa melibatkan pemegang taruh seperti yang saya nyatakan tadi seperti Sarawak dan Sabah sendiri. Oleh sebab itulah, kami memohon supaya pindaan ini diteliti dengan lebih lanjut ataupun dirujuk kepada *select committees* khas.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya sedar bahawa ada yang mengkritik, menyoalkan kenapa baru sekarang Ahli Parlimen dari Sarawak hendak bersuara. Saya hendak sarankan kepada kerajaan terutamanya sekali mereka yang tidak tahu mengenai apa yang kita lakukan, saya hendak sarankan kepada kerajaan supaya merujuk kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet *Devolution of Power* yang ditubuhkan pada tahun 2015.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Lanang yang banyak menyatakan kami tidak membuat apa-apa. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Lanang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Lanang.

■1740

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Saya faham dulu memang ada Jawatankuasa Teknikal untuk *devolution of authority*. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang dikatakan oleh Ketua Menteri Sarawak iaitu yang dikenali Abang Jo bahawa Jawatankuasa Teknikal itu adalah Jawatankuasa yang tidak berkuasa dan apakah yang telah dilakukan oleh kerajaan dahulu tentang pindaan Perlembagaan Persekutuan dan tidak apa-apa yang telah dipinda selama 43 tahun dan apakah yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Batang Sadong semasa Yang Berhormat Batang Sadong adalah Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri? Minta penjelasan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, Yang Berhormat Batang Sadong boleh sedikit? Kita kawan baik, sedikit. Okey, saya cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat sekarang kita ada *Special Cabinet Committee* yang kita terdiri daripada *academician, legal minds*, semua. Bukankah itu *Committee* lebih baik berbanding dengan *Committee* yang ada yang cuma *on part of political divide*, sekarang kita lebih *class* dan *serious*.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hanya ada satu setengah minit. Okey, pertama saya hendak menjawab Yang Berhormat Lanang tadi mengatakan tiada kuasa. Memang pada masa itu Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Bandar Kuching pada masa itu pada mula-mulanya kita menubuhkan, kita dilantik oleh Kabinet. Jadi ahli-ahlinya adalah

bukan terdiri dari orang politik dahulu. Ia bukan Teknikal sahaja, saya dengan Yang Berhormat Kimanis kami mempengerusikan bersama Jawatankuasa Pemandu, *Steering Committee is not Technical Committee* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong, Puncak Borneo minta laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tidak, kejap saya tidak ada masa sudah ni sebab *you have to respect the time*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah hendak habis sudah, sila rumuskan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Selepas itu tadi Yang Berhormat Bandar Kuching juga mengatakan ia lebih baik yang tidak ada orang politik, ada orang berkemahiran. Sebenarnya Yang Berhormat, Yang Berhormat buat apalah cara Yang Berhormat yang penting kita telah memulakannya yang menjadi ahli-ahli kita ialah mereka yang memegang jawatan-jawatan yang menjalankan tugas-tugas dari segi kewangannya, dari segi undang-undangnya, dari segi segala serba-serbi yang terdiri daripada Sarawak, Sabah dan juga Semenanjung.

Jadi tidak payahlah oleh sebab sekarang jadi kerajaan, tidak payah hendak mengatakan kerajaan dahulu tidak baik. *[Tepuk]* Saya hendak ingatkan di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ramai di dalam Dewan ini pergi ke sekolah daripada sekolah daripada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Betul, betul Yang Berhormat Batang Sadong betul.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...sekolah yang dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya betul, sokong.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batang Sadong. Yang Berhormat Batang Sadong, saya juga hendak membetulkan fakta. Saya hendak membetulkan fakta, saya juga berada di dalam Kabinet tersebut dan saya menjaga Perkara 13 iaitu Urusan Kebajikan untuk Sabah dan Sarawak. Jangan kata kita tidak buat apa-apa, kita buat banyak.

Akan tetapi, kita masih di dalam proses. Tadi sudah dicakapkan kalau kita bawa terus di dalam Parlimen, jumlah di dalam Dewan ini mungkin tidak memungkinkan kita dapat meluluskan rang undang-undang tersebut. Jadi kita buat secara *administrative*, terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sedikit Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong mengikut peraturan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Batang Sadong, buat pembetulan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak nyatakan di sini, kita hendak membuat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Wang rakyat, bukan dibina oleh Barisan Nasional. Wang rakyat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Jelutong, *is not you floor.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Jelutong, minta Yang Berhormat Bandar Kuching duduk. Saya minta Yang Berhormat Batang Sadong sila rumuskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya awal tidak mahu panggil bangun, tetapi Yang Berhormat Batang Sadong kena perbetulkan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Hei!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sabar sedikit, saya kawal, saya kawal, saya kawal. Baik, sila Yang Berhormat Batang Sadong minta rumuskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia Yang Berhormat Jelutong tidak faham undang-undang. Perlu perbetulkan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak merumuskan Yang Berhormat, saya hendak merumuskan. Cuma saya hendak jelaskan di sini, pada masa itu untuk mendapatkan *two-third majority* agak sukar. Jadi kami lakukan yang terbaik dari segi pentadbiran. Kita telah memohon 13 perkara untuk Sarawak khususnya, kalau dikatakan kami tidak buat apa-apa, kita ada buktinya Yang Berhormat. Cuma Yang Berhormat bila sudah jadi kerajaan, janganlah lupa, kacang jangan lupakan kulit. Jangan lupa itu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta sedikit, sedikit sahaja.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *You go on, you carry on with your good work if you are doing a good job. Okay, so do your good job.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *So right now, sekarang, now, now we have carried on* dan sekarang kita telah...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak akhiri di sini. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bandar Kuching, sila duduk.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan di sini. *Don't change, unless you have something advantages.* Okey, saya ingin hendak bercakap lebih tetapi saya menghormati masa. Bukan macam mereka ini, terima kasih.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Kimanis, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Beluran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Batang Sadong terbaikkah.

5.45 ptg

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: *Bismillahir Rahmani Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan permohonan Pindaan Rang Undang-undang kepada Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan.

Seperti yang kita sedia maklum, satu permohonan Pindaan RUU kepada Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Sapi di mana cadangan pindaan akan dibuat pada klausa (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan. Jika Pindaan RUU ini lulus maka menurut klausa (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan; Negeri-negeri Persekutuan adalah terdiri daripada Negeri-negeri tanah Melayu iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu dan Negeri-negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak.

Dewan yang mulia ini juga diberi penjelasan bahawa pindaan ini dibuat memperincikan kesemua negeri Persekutuan dengan memulihkan bersama dengan pengubahsuaian kedudukan klausa (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan seperti mana semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Tuan Yang di-Pertua, ayat kedua dalam penjelasan Pindaan RUU ini menyebut bahawa tujuan pindaan ini adalah bagi memperincikan kesemua negeri Persekutuan dengan memulihkan bersama pengubahsuaian kedudukan klausa (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan semasa pembentukan Malaysia pada 1963 dan ia dibuat selari dengan semangat Perjanjian Malaysia yang telah dimeterai pada tahun 1963.

Selaras dengan itu, kita harus membuat rujukan terhadap Perkara 1 dalam perjanjian yang dimeterai ataupun yang termaktub di antara dengan izin, *the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, The Federation in Malaya, North Borneo, Sarawak dan Singapura* pada Julai 1963 yang menyatakan bahawa dengan izin;

The Agreement relating to Malaysia the United Kingdom of Great Britain And Northern Ireland, The Federation of Malaya, North Borneo, Sarawak and Singapore desiring to conclude an agreement relating to Malaysia agree as follows;

Article 1. The Colonies of North Borneo and Sarawak and the State of Singapore shall be federated with the existing states of the Federation of Malaya as the states of Sabah, Sarawak and Singapore in accordance with the constitutional instruments annexed to this Agreement and the Federation shall thereafter be called Malaysia.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Akta Malaysia 1963 turut menegaskan kedudukan Perjanjian Malaysia 1963 seperti berikut;

Akta untuk Malaysia maka bagi pihak persekutuan telah dipersetujui antara lain bahawa koloni-koloni British iaitu Borneo Utara, Sarawak dan juga Singapura hendaklah dipersekutukan bersama dengan negeri-negeri Persekutuan sedia ada sebagai negeri Sabah, Sarawak dan Singapura dan nama Persekutuan tersebut haruslah selepas ini dikenali sebagai Malaysia.

Jika kita bandingkan ayat asal di dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan dengan cadangan Pindaan RUU ini, cadangan Pindaan RUU ini hanya lah memperincikan senarai Negeri-negeri Persekutuan Malaysia dan tidak menjelaskan kedudukan bahawa Persekutuan Malaysia ditubuhkan hasil daripada penggabungan *or the coming together of* negeri-negeri wujud sedia ada Persekutuan Tanah Melayu bersama dengan Negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Singapura seperti mana yang telah dinyatakan di dalam Perkara 1 Perjanjian Malaysia dan diulangi dalam Akta Malaysia 1963.

Kita juga dapat melihat bahawa mengikut ayat terakhir penjelasan Pindaan RUU ini, pindaan ini tidak dalam apa cara sekali pun mengubah fungsi-fungsi Kerajaan Persekutuan dan negeri di bawah konsep *Federalism*. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan ini tidak sama sekali menjawab sebarang isu yang ditimbulkan daripada perspektif hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dari sudut pengoperasian.

Dalam hal ini dan jika niat kemasukan ayat terakhir ini tidak dijelaskan lanjut, ayat tersebut tidak akan membawa sebarang nilai dan tidak relevan dan boleh membawa kepada salah faham mengenai niat kepada tujuan cadangan pindaan RUU ini.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, jika pihak kerajaan benar-benar ingin mengikuti semangat Perjanjian Malaysia 1963, maka cadangan pindaan kepada klausa (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan harus dibuat seperti berikut. Persekutuan Malaysia adalah terdiri daripada negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak. Saya tidak mahu ulangi negeri-negeri Tanah Melayu Tuan Yang di-Pertua. Sebagai kesannya dan bagi tujuan untuk memastikan kejelasan kesempurnaan atau *completeness* dan konsistensi cadangan pindaan berikut kepada klausa (2) Perkara 1 hendaklah dilakukan bersama-sama dengan pindaan-pindaan berikut kepada Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

Cadangan pindaan klausa (2) Perkara 1 dan pindaan lanjutan kepada Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan di atas dengan jelas membezakan Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 terdiri daripada negeri Sabah dan Sarawak yang selari dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 yang menubuhkan Persekutuan Malaysia.

Cadangan pindaan klausa (2) Perkara 1 dan pindaan lanjutan kepada Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan juga akan menjawab beberapa kekeliruan ataupun *oversight* pindaan-pindaan Perlembagaan Persekutuan sebelum ini dan sejauh mana rujukan kepada negeri-negeri Persekutuan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan berdiri sama tinggi, duduk sama rendah tetapi kami di Sabah dan saya percaya juga Sarawak berdiri pun masih rendah. *[Ketawa]* Jadi, saya mintalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ada Ahli Parlimen dari Sarawak mengatakan, *“the journey of a thousand miles, begin the first step”* dan saya mintalah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa *the journey* apa yang telah diigaukan oleh Sabah bahawa 112C dan 112D itu yang termaktub dalam Perlembagaan haruslah dilaksanakan secepat mungkin. Kalau sekiranya ia berlaku, saya tidak mempunyai halangan untuk menyokong rang undang-undang ini. *[Tepuk]*

Sekiranya pihak kerajaan benar-benar hendak mengotai janji pengembalian status serta hak Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963, maka amatlah diharapkan cadangan-cadangan yang telah saya berikan dapat dipertimbangkan. Sememangnya cadangan-cadangan ini adalah demi memenuhi dan mendukung aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak. Sebelum saya akhiri, saya ingin menyentuh tentang *Steering Committee* yang telah pun disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa *Steering Committee* itu ditubuhkan dengan satu perkara yang penting untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah dan Sarawak. Ini bukanlah *question of powers*, kita tidak mempunyai kuasa dan Yang Berhormat dari Batang Sadong dan saya telah pun mempengerusikan bersama bahawa dalam *committee* itu terdiri daripada *State Attorney General* Sabah dan Sarawak dan juga *Federal AG* dan banyak lagi KSU termasuk KSP Perbendaharaan dan semua pegawai-pegawai atas kerajaan.

Kita sebenarnya dalam *Steering Committee* itu berbincang secara terperinci dan akhirnya akan mengumumkan kepada Kabinet dan Kabinet akan bertindak selanjutnya. Jadi memang kita tidak ada kuasa tetapi kita berbincang secara terperinci yang terdiri daripada ahli-ahli akademik dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang tertinggi dan juga melibatkan Menteri-menteri daripada Sabah dan Sarawak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang saya ucapkan dan saya berterima kasih atas peluang yang telah diberikan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beluran, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bera, kemudian Yang Berhormat Kota Kinabalu dan kemudian Yang Berhormat Hulu Rajang. Sila Yang Berhormat Beluran.

5.54 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari Khamis lalu kita dibekalkan dengan rang undang-undang untuk meminda Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan. Saya balik dan meneliti rang undang-undang asal cadangan itu. Saya benar-benar kecewa kerana saya melihat bahawa rang undang-undang itu tidak

membayangkan, menterjemahkan kehendak kerajaan untuk menyamaratakan kedudukan Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Saya berbincang dengan beberapa peguam di Sabah dan rata-rata mereka katakan, "*You must reject, you must oppose this bill*".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya datang hari ini untuk menentang rang undang-undang asal itu, yang asal itu. Bukan atas kerana saya duduk di sini sebagai parti kerajaan tetapi atas prinsip bahawa saya berasal dari Sabah dan *original Sabahan*. Saya ingin melihat bahawa perkara rang undang-undang 1963 itu dikembalikan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh sebab itu hari ini saya datang ke Parlimen ini menunggu dari pagi dan kebetulan masuk jam 2.30 petang tadi saya melihat satu pindaan kepada rang undang-undang ini dan pindaan ini adalah merupakan draf asal Perlembagaan Persekutuan yang telah dinyahkan pada tahun 1976 oleh kerajaan yang lalu. Oleh sebab itu saya bangun sebagai seorang daripada *original Sabahan*, berkata di sini walaupun saya berada di sana, saya akan katakan bahawa rang undang-undang ini mesti diluluskan dan disokong oleh Ahli-ahli Parlimen terutama daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, 43 tahun kedudukan Sabah dan Sarawak yang sama rata dengan Semenanjung Malaysia ini dinyahkan oleh kerajaan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Beluran, minta jalan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: ...Dan tiada usaha. Ada beberapa usaha dilaksanakan yang diinginkan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *Wait, you will have your chance.* Beberapa usaha yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan yang lalu dibentuk Jawatankuasa Khas Peringkat Kabinet untuk melihat perkara ini kerana ini perkara kesamarataan. Status Sabah dan Sarawak ini merupakan perkara inti, asas yang penting lebih dari sudut pandangan orang-orang Sabah. Jadi sebab itu saya melihat hari ini tetapi *the best, the closes they can do* kerajaan yang lalu adalah untuk membentuk, menurunkan kuasa, proses *devolution of power* dan diperkatakan ada autonomi yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak tetapi tidak sampai ke tahap untuk meminda Perkara 1(2) seperti yang dilakukan oleh kerajaan sekarang ini.

Jadi sebab itu saya kata, ini merupakan rang undang-undang yang diinginkan. *There is no reason for us from Sabah and Sarawak to reject this bill. [Tepuk]* Apatah lagi *over the word pursuance to MA63, just the word at the end of first sentence of the rang undang-undang. There is no reason for you to reject this bill.* Selama 43 tahun kita menunggu perkara ini dilakukan, kerajaan yang lalu tidak sampai ke tahap untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Sampai ke tahap memberi kita autonomi dan *devolution of power only* dan ini merupakan tindakan berani oleh kerajaan. Berapa bulan *they waited only*, lebih kurang enam bulan selepas satu majlis di Kota Kinabalu, Perdana Menteri berkata *we will give back your status. Only six months, now we are given back this status. [Tepuk]* Kerajaan yang lalu sudah nyahkan hak kesamarataan kita, *43 years.*

Tuan Willie Anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Beluran, Puncak Borneo.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: ...*And the closest they come, sekejap. The closest they come is only to give us the words autonomy and devolution of power. Now I understand, there are some of Ministers from our Ministers who lead this jawatankuasa, rupanya mereka penuh berhati-hati. [Ketawa] [Tepuk]* Begitu lambat mengambil tindakan, berhati-hati, tidak tergesa-gesa, *that is the reason why* pindaan ini tidak menjadi kenyataan *because they were too cautious, too* berhati-hati untuk membuat pindaan. *[Dewan riuh]*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Wah! Tahniah, tahniah.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Beluran, minta laluan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Beluran, minta celahan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, *my friend*.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat Beluran...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya Yang Berhormat Kimanis dapat laluan, sila.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Beluran. Sebenarnya isu yang begitu penting sekali kita harus berhati-hati.

■1800

Ini bukan perkara yang kita boleh bincang di bawah pokok atau di gerai-gerai. *[Dewan riuh]* Oleh kerana ia melibatkan kepentingan rakyat Sabah dan kepentingan rakyat Sarawak dan juga rakyat Malaysia, maka kita cermat dengan apa yang telah dibincangkan dan terma-terma yang dirujuk dan oleh itu perkara seumpama ini bukan perkara yang boleh dimainkan, bukan perkara yang boleh dipolitikkan. *[Tepuk]*

Saya juga berasal daripada negeri Sabah dan saya cuma mengatakan bahawa saya akan menyokong sekiranya ianya baik untuk Sabah, baik untuk Sarawak, baik untuk negara. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Beluran.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Beluran, minta sikit saja, sikit saja. Yang Berhormat Beluran. Okey, terima kasih Yang Berhormat Beluran kerana bagi ruang sedikit. Okey, kita sering mendengar daripada pihak sebelah Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak dan juga kepimpinan daripada Sarawak sering mengungkapkan *we want nothing more, nothing less, now we give you the exact thing! Why do you still want to reject? [Tepuk]* *There's no reason why you so reject this because we give the exact term. If you reject this you are the traitor. Thank you.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan mesyuarat**]*

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tarik balik!

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Cuma 1 minit Yang Berhormat Beluran.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita tidak cakap *reject*. *Traitor* tarik balik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya, terima kasih...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Bukan pengkhianat!

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Beluran, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Beluran, tadi Yang Berhormat Kimanis ada sebut bukan perkara yang dibincangkan bawah pokok. Adakah Yang Berhormat Beluran berpandangan bahawa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dewan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order*. Perkataan *traitor* itu minta tarik balik. Tarik balik, 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya baru masuk Dewan tadi. Siapa kata *traitor*?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu, belah sana. Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya kata kalau mereka tidak menyokong apa yang dikata itu, saya kata...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Hei! Jangan gaduh. Saya ada dua minit lagi.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana boleh hak kita untuk cakap macam itu.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya tidak tujukan kepada Yang Berhormat pun.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jangan paksa orang sokong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya juga orang yang menyokong.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kalau dia tidak sokong, hak dia. Jangan suka menuduh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi takkan menuduh orang *traitor*.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Jadi saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tak nak tarik balik, kita anggap perkataan tersebut, banganglah, bodoh ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Beluran, sila teruskan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, pernah juga Tuan Yang di-Pertua dulu tidak menyokong.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Kimanis. Rang undang-undang ini merupakan sesuatu yang penting.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Rang undang-undang kerajaan bukan sesuatu yang *traitor*. Ini apa kata *traitor*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: 36(6), 36(4). Apa yang disebut tentang Yang Berhormat Tanjong Manis itu adalah *unparliamentary* dan saya harap tarik balik. Di dalam Parlimen, setiap orang berhak bersuara, di dalam Parlimen setiap orang berhak memberi pandangan dan kalau mengundi pun berhak mengundi. Jadi jangan tuduh Yang Berhormat Kimanis sebagai *traitor* atau pembelot.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Siapa tuduh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Beluran, sila teruskan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Puncak Borneo duduk.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Siapa yang tuduh? Kita tidak sebut nama. Saya kata seandainya mereka tidak menyokong. Sebab itu yang mereka mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya sekarang saya hendak dengar Yang Berhormat Beluran, yang lain semua duduk. Sila.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua sekejap saja. Saya maafkan pada oleh kerana dia orang yang baru, peribahasa dia kurang begitu mantap sekali. Jadi tidak payahlah untuk tarik balik. Cuma pelajarilah pada hari ini bahawa walaupun ingin berdebat, berdebatlah dengan berhemah. *[Tepuk] There's no substitute for experience. Do you realize there's no substitute for experience? Most of us has been here for more than 15 years. I know you are new, I'll forgive you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Beluran sila.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau duduk. Tidak ada kena mengena. Sila Yang Berhormat Beluran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa ni? *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, tidak payah jaga tepi kain. Sekarang Yang Berhormat Beluran, sila teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tidak boleh jaga tepi kain, buat Parlimen sendiri. Ini Parlimen bersama. Tepi kain apa pula. Ini dewan bersama. Saya juga berhak

bercakap. Macam ini Yang Berhormat Puncak Borneo sebut hendak tubuh negara Sabah, Sarawak... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau boleh tunggu giliran. Sekarang adalah giliran Yang Berhormat Beluran. Ya sila.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Bahawa perkara ini bukan perkara main-main tetapi mengembalikan status Sabah seperti yang tertera pada tahun 1963 dalam Perlembagaan merupakan suatu perkara yang bukan dimainkan oleh kerajaan. Ini perkara serius. Sebab itu menyokong, mengembalikan balik kuasa kita adalah merupakan satu tindakan serius yang diambil oleh kerajaan. Saya setuju dengan rakan-rakan daripada sana bahawa banyak perkara dalam Perjanjian 63 seperti yang tertera dalam *Cobbold Commission* soal beberapa perkara, soal Perkara 112C dan D, soal minyak 20 peratus, soal persisiran pantai, hak dan kuasa persisiran pantai di bawah Perjanjian 63 perlu dilihat oleh kerajaan.

Saya setuju dengan cadangan, jika perkara-perkara ini dengan dilihat secara terperinci oleh kerajaan, saya menyokong bahawa *Select Committee* dibentuk untuk melihat hak-hak dan *right of the Sabahan under Malaysian Agreement 63*. Tetapi bukan merujuk rang undang-undang untuk mengembalikan kedudukan sempadan Sarawak seperti pada Perlembagaan Malaysia tahun 1963. *We can discuss those rights under whatever Select Committee we want to form, by partition, letter*. Tetapi hari ini satu *exercise* yang besar untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sama tara dengan Semenanjung Malaysia. *You must not reject this*. [*Tepuk*]

Saya katakan kepada saudara-saudara, rakan-rakan saya UMNO di sebelah sana, *make today* sebagai satu tindakan untuk membetulkan kekhilafan tahun 1986. [*Tepuk*]

Our government last time, I was there before 1976, now is the time, the day, the moment we make correct what we did in 1976. This is the Sabahan want, this is what Sarawakian want. Support this. Not because you are that side, we are this side. Support this. Lepas itu kita buat Jawatankuasa *whatever name you want to call* untuk melihat perkara-perkara lain dalam perjanjian supaya dituai oleh kerajaan. [*Tepuk*] Saya mohon rakan-rakan saya, ramai rakan-rakan baik saya di sana.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ramai untuk terus menyokong rang undang-undang ini.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Jangan batalkan, jangan patahkan, jangan kalahkan rang undang-undang ini.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: PAS, *we need your support. This nothing to do with you. You Semenanjung only. Sabah ini Sarawak place, support this bill!* [*Tepuk*]

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya sila.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Sudah habis.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Boleh, satu sekejap, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya boleh, sila.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Okey, saya cuma bertanya pada Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya hormat ini bekas Timbalan Speaker.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Ya Timbalan Speaker, saya menghormati Timbalan Speaker dan adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa isu yang dibangkitkan pada hari ini terutama sekali daripada MA63 dan lain-lainnya adalah dimulakan waktu kerajaan yang sebelum ini. Apa pendapat saudara?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *That exactly.* Tetapi tiada penghuju. *That's why I said just now, we're only given the word devolution and autonomy. But this one is to bring back the status.* Inilah perkara pertama yang mesti kita buat, *our right the basic right* yang mesti dikembalikan. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong sebagai *original* Sabahan. Rang undang-undang ini mesti diluluskan.

Seorang Ahli: Hidup Yang Berhormat Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Beluran.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Hidup Yang Berhormat Beluran!

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya perkara satu ini tidak begitu yang diperlukan sangat. Tapi yang kita perlukan *the implementation of the MA63* yang akan mengubah dalam 112C, 112D di mana rakan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ikut Yang Berhormatlah. Masing-masing ada pendirian.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Bahawa akan membawa perubahan kepada rakyat Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kami mengamalkan kebebasan bersuara. Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bera. Sila.

6.08 ptg.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak terus kepada Perlembagaan Persekutuan yang sebelum dipinda Perkara 1(2) iaitu Negeri-negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Saya hendak baca pindaan yang dicadangkan iaitu, Perkara 122, "*Negeri-negeri Persekutuan terdiri daripada -*

- (a) *Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu; dan*
- (b) *Sabah dan Sarawak. "*

Ianya menyebut negeri-negeri. Di bawah Perkara 160, definisi negeri ialah satu negeri di dalam Persekutuan. Tidak ada beza, tidak ada keistimewaan yang sepatutnya diperolehi oleh Sabah dan Sarawak melalui cadangan pindaan ini. Tidak ada kerana ianya menggambarkan negeri-negeri yang saya lihat apabila diletak (a) dan (b), Tanah Melayu satu kumpulan dan (b) Borneo, ianya hanya menjelaskan dari segi kedudukan geografi semata-mata.

■1810

Kosmetik. Tidak menggambarkan keistimewaan pun kerana definisi negeri ini jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sepatutnya, inilah peluang pihak kerajaan untuk memasukkan perkara-perkara di bawah MA63 di dalam pindaan Perlembagaan.

Saya dengar pandangan daripada ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi. Dia kata *spirit*, cadangan yang akan dilaksanakan selepas ini. Perlembagaan adalah undang-undang tertulis yang tertinggi di dalam negara kita. Apa yang termaktub di dalam Perlembagaan, yang tertulis sahaja yang boleh dilaksanakan. Bukan soal *spirit*. *Spirit* tidak boleh membawa apa-apa makna di dalam undang-undang bertulis. [*Tepuk*] Cadangan. Berbagai-bagai cadangan hendak dibuat. Itu juga tidak termasuk di dalam Perlembagaan yang perlu dipatuhi oleh Perlembagaan. Ia merupakan cadangan.

Oleh sebab itulah saya berpendapat bahawa *Select Committee* perlu diwujudkan supaya kita masukkan segala pandangan daripada semua Ahli Parlimen termasuk di sebelah kerajaan dan sebagainya. Saya bersetuju ada Jawatankuasa Kabinet ini kerana dahulu pun kita ada Jawatankuasa Kabinet mengenai MA63. Kenapa perlu terburu-buru? Sudah ada Jawatankuasa Kabinet, kita tunggu rumusan keputusan Jawatankuasa Kabinet yang telah pun diwujudkan. Selepas itu, perkara-perkara yang hendak dimasukkan di dalam Perlembagaan, kita buat pindaan secara menyeluruh supaya masukkan segala keputusan daripada Jawatankuasa Kabinet ini di dalam pindaan Perlembagaan. Akan tetapi, pindaan Perlembagaan ini dibuat secara terburu-buru.

Saya mencadangkan supaya kita lihat secara keseluruhan pindaan Perlembagaan yang dibuat ini. Ini kerana ada perkara-perkara yang perlu dipinda, yang kita pun selama ini mungkin tidak perasan iaitu definisi "Persekutuan". Saya rujuk kepada definisi "Persekutuan" di bawah Perkara 160 iaitu Persekutuan merupakan "*Persekutuan yang ditubuhkan sewaktu perjanjian kemerdekaan 1957*", sedangkan ini menyebutkan bahawa negeri-negeri Persekutuan di bawah 1963.

Cadangan ini berbalik kepada Perlembagaan Persekutuan yang dibentuk tahun 1963, tetapi definisi "Persekutuan" menunjukkan bahawa ia tidak selari dengan pembentukan Malaysia

kerana masih lagi di bawah 1957 iaitu kemerdekaan negeri-negeri Tanah Melayu. Jadi sebab itulah saya kata, perlu kita lihat secara menyeluruh. Definisi-definisi yang perlu dipinda, kita pinda. Kita hendak masukkan MA63 secara bertulis di dalam Perlembagaan ini, boleh kita buat apabila pindaan yang menyeluruh ini dilaksanakan.

Saya hendak merujuk kepada Perkara 161E iaitu 161E(2) - "*Tiada pindaan boleh dibuat pada Perlembagaan ini tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak*". Apa-apa keistimewaan tentang Sabah dan Sarawak kalau kita hendak pinda dan sebagainya, perlu mendapat persetujuan daripada Yang di-Pertua Negeri. Maknanya Dewan Undangan Negeri. Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya kita tangguh dahulu, masuk di bawah *Select Committee* dan kita bincang. Ini membincangkan soal Sabah dan Sarawak. Kenapa suara rakyat di Sabah dan Sarawak tidak didengar, melainkan Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak di dalam Parlimen ini? Kenapa Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak diberi ruang untuk membincangkan pindaan-pindaan ini? [*Tepuk*] Kenapa Dewan Undangan Negeri Sabah tidak diberi peluang untuk membincangkan pindaan-pindaan yang hendak dibawa ini?

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya tidak perlu terburu-buru. Kita bawa...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Bera, minta laluan sedikit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh tidak saya teruskan? Saya ada tiga minit lagi. Biar saya, ada tiga minit lagi. Jadi perlu rujuk kepada Dewan Undangan Negeri dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dan saya bersetuju bahawa MA63 mesti disebut dengan jelas di dalam Perlembagaan. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Petrajaya tadi, walau apa pun *spirit*, walau apa pun janji, tetapi kalau MA63 tidak disebut dalam Perlembagaan, maka jadilah seperti dahulu. Dahulu pun kita kata pada tahun 1963, Perlembagaan ini sudah ada sebut (a) dan (b). Akan tetapi kerana tidak ada secara detil dan secara jelas disebut MA63, akhirnya kita terpaksa membuat interpretasi dan sebagainya yang berbagai-bagai.

Selagi tidak ada tertulis, maka apa *spirit* pun akan diinterpret secara pelbagai oleh semua pihak. Apa yang tertulis pun masih boleh diinterpretasikan berbagai-bagai oleh semua pihak termasuk *lawyers* dan sebagainya. Saya tahu sebagai *lawyer*, apa yang tertulis pun ada perbezaan pandangan. Ini disebabkan mereka kata kalau terlalu tepat, *lawyer* tidak boleh hendak cari makan sebab tidak ada lagi perbezaan pandangan untuk dibawa ke mahkamah. Jadi, sudah bertulis pun masih boleh ada interpretasi yang berbeza, kalau belum tertulis, hanya semangat, hanya ucapan dalam Parlimen, hanya berdasarkan *spirit*, berbagai-bagailah interpretasi yang dibuat oleh sesiapa sahaja. Dengan itu, semangat ataupun tuntutan MA63 yang dibangkitkan oleh rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak, tentu sahaja tidak akan berubah walaupun pindaan ini diterima dan sebagainya.

Oleh sebab itulah saya mencadangkan yang pertamanya, bawa ke Dewan Undangan Negeri Sarawak. Ini secara rumusnya, bawa ke Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Sabah. Kedua, setuju dengan pandangan daripada rakan-rakan Sarawak iaitu masukkan secara jelas MA63 di dalam Perlembagaan di mana-mana yang sesuai. Ketiga, rujuk kepada *Special Select*

Committee. Bukan kita tidak bersetuju dengan pindaan ini, tetapi tidak perlu terburu-buru. Saya sebutkan tadi, definisi “Persekutuan” pun salah dan sebagainya. Kenapa tidak kita bawa ke *Select Committee*, bincang secara detil dan sebagainya, bawa kembali ke Dewan yang mulia ini dan kita akan luluskan bersama-sama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah setuju bersyarat atau tidak, tetapi itulah cadangan saya untuk dibawa ketiga-tiga syarat yang saya sebutkan tadi. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Setuju bersyarat.

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Setuju bersyarat? Ya, setuju bersyarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Bera, ada masa sedikit. Boleh? Yang Berhormat Bera bagi laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas ini Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bera belum habis, dia bagi laluan.

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada 25 saat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan sudah habis? Boleh, boleh. Masa ada 20 saat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Port Dickson kata ia tidak perlu dibawa ke Majlis Raja-Raja, tetapi perkara yang sepenting ini - Kita bukan setiap kali sesi meminda Perlembagaan, apa salahnya jika dibawa sembah perkenan kepada Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu? Saya rasa perkara ini belum dibuat. Apa pandangan Yang Berhormat Bera?

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Oleh kerana Yang Amat Berhormat Langkawi yang akan menjawab, saya masukkan cadangan tersebut di dalam ucapan saya supaya dijawab oleh Yang Amat Berhormat Langkawi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas ini Yang Berhormat Hulu Rajang. Sila.

6.18 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Ucapan saya, saya rasa tidak panjang sangat kerana ramai Yang Berhormat sudah *repeat*, sudah berulang dengan *points* yang sama. Cuma saya ingin melihat daripada perspektif sejarah kenapa pindaan Perlembagaan kali ini diutarakan. Pindaan Perlembagaan 2019 ini sebenarnya adalah untuk kembali kepada Artikel 1(2) bersama dengan tahun 1963. So maksudnya, daripada tahun 2019, kita balik kepada tahun 1963 dengan meminda versi 1976.

So, yang pertama sekali, macam mana motif, apakah konteks di belakang pindaan Perlembagaan pada 1976? So, ini kena cerita sedikit sejarah ini. Pada tahun 1976, masa itu ada 154 orang MP, 24 orang dari Sarawak, 16 orang dari Sabah. Hasil undi untuk Bacaan Kedua,

130 lawan dengan sembilan. Cuma sembilan yang bangkang. Bacaan Ketiga, 130 lawan dengan empat.

■1820

Di antara ahli-ahli politik yang masih aktif sekarang yang pada masa itu setuju dengan pindaan Perlembagaan, ada seorang yang sekarang di kawasan Pekan dan antara seorang yang bangkang pindaan Perlembagaan 1976 itu yang masih aktif sekarang adalah Yang Berhormat Iskandar Puteri. So maksudnya, yang pinda Perlembagaan ini daripada dulu-dulu, DAP pun sudah konsisten dengan pendirian ini bukan sekarang seperti GPS, seperti mana-mana sekarang baru sedar.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin ya.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, cerita tentang sejarah di belakang pindaan ini. Betul, mengikut fahaman saya, pindaan ini adalah mengembalikan taraf kepada *positionnya* atau kedudukannya pada tahun 1963 sebelum pindaan dibuat dalam tahun 1976 tapi faktanya adalah mengikut pengetahuan saya juga bahawa di dalam *debate* semasa pindaan dibuat dalam tahun 1976, terdapat 40 Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak yang di dalam Dewan 154.

Daripada 40 Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak tersebut, tujuh tidak hadir. Jadi bakinya, 33 Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak. Yang menghairankan adalah ini, kesemua 33, *all of the 33 said Sabah and Sarawak MP's* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kesemua mereka bersetuju dengan pindaan 1976 tersebut dan selepas itu, ada rasa amat tak puas hati. Jadi hari ini, kita mempunyai peluang untuk mengembalikan keadaannya kepada keadaan asal 1963.

Saya nak tanya Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Kinabalu seorang Sabah, *East Malaysia*. Saya nak tanya, sekiranya pindaan hari ini ditolak ataupun dibantah oleh pihak di sana, pihak GPS dan sebagainya, adakah ini akan serupa dengan 33 Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak dalam tahun 1976 yang membuat kesilapan yang sama? Bukankah hari ini kita mempunyai peluang untuk memperbetulkan kesilapan tersebut? Sekiranya mereka masih membuat kesilapan yang sama, apa pandangan Yang Berhormat Kota Kinabalu? Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: [Bangun]

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: *Sorry*, saya cuma...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya ingin mencelah sedikit.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: *Sorry, sorry* saya tidak benarkan kerana masa saya kurang. Saya cuma benarkan seorang yang mengganggu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sibuti, sila duduk. Dia tidak beri peluang.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua. Sila duduk, sila duduk.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Berkaitan dengan apa? Ini kerana dalam perbahasan ini...*[Dewan riuh]* GPS tidak menyokong. Kita belum menyatakan lagi.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sila duduk! Nanti giliran ... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sibuti, sila duduk. Baca Perintah Tetap.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, teruskan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sila duduk, sila duduk.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tahun 1976, Yang Berhormat Kota Melaka tidak membincangkan ... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sibuti, baca peraturan mesyuarat sekiranya nak minta kebenaran. Dia tak bagi kebenaran, jangan degil. Sila. Saya adil kepada dua-dua belah pihak. Sama juga.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: So, sekarang saya cuma tinggal empat minit. Saya harap tiada lagi celahan. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya separuh setuju. Kenapa separuh setuju? Kalaupun Ahli Parlimen sekarang daripada *East Malaysia*, dari Sabah dan Sarawak jikalau hari ini mereka menolak pindaan Perlembagaan ini, mereka menolak dengan sengaja. Kalau berbanding dengan 1976, mereka setuju ditambah sengaja. Mereka tak tahu apa-apa yang berlaku. Masa itu, kesedaran kurang. So, saya tak salahkan *folk father* kita pada masa itu tetapi jikalau hari ini sesiapa dari Sabah dan Sarawak menolak pindaan Perlembagaan 2019, ini seolah-olah kamu menolak MA63 di sini. *[Tepuk]*

Kita cuma ada satu peluang keemasan yang sejak sekian lama. Saya rasa tak payah kita selalu berdebat untuk teknikal, untuk soal, ini teknikal untuk bawa ke *Select Committee* kah untuk macam mana kah. Yang penting hari ini, saya harap sekarang Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh sedikit?

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: ...Kita bersama-sama cipta sejarah supaya nama kamu tercatat dalam *Hansard* bahawa hari ini kamu menyokong kepada pindaan Perlembagaan...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: *[Bangun]*

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: ... yang balik kepada 1963.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Keningau, Yang Berhormat Keningau. *Sorry*, sila duduk. Saya rasa tiada masalah Yang Berhormat Keningau untuk bersetuju dengan pindaan Perlembagaan ini kerana beliau pun turut hadir menyambut Yang Amat Berhormat Tun di ITCC Penampang apabila *launching of PPBM* di Sabah.

Saya rasa tiada masalah untuk dia sokong untuk hari ini. So tak payah selalu berdiri dan menyoalkan bermacam-macam perkara untuk merumitkan, mengkomplikasikan apa yang kita nak bincang sekarang ini.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: *[Bangun]*

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Apa yang kita nak bincang sekarang ini amatlah jelas iaitu kembali kepada 1963 dan menolak 1976.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Jikalau hari ini kita tak buat, ini maksudnya kita sudi menjadi sama rata seperti Sabah seolah-olah sama dengan Perlis, Sabah seolah-olah sama dengan Kedah dan kita nak *maintain* status kami macam ini seperti termaktub dalam versi 1976. Apakah kita hari ini, kita nak buat satu lagi kesilapan secara sengaja? Jangan lagi, jangan lagi berulang kesilapan yang nenek moyang kita buat pada masa itu. *[Tepuk]* Jangan begitu, kerana masa itu kamu *check*, Ketua Menteri Sarawak pada masa itu pun menyokong dan saya rasa hari ini, tak ada seorang dari Sabah dan Sarawak sudi kita sama rata dengan negeri-negeri seperti Perlis, seperti Kedah, seperti apa-apa yang seperti di Semenanjung.

Sepatutnya kita adalah *region*, wilayah di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung dan ini sudah disebut secara begitu jelas sekali oleh Perdana Menteri semasa beliau menghadiri *celebration* ini, satu perayaan Hari Malaysia, 19 September pada tahun yang lalu dan saya rasa kita tiada lagi soalan untuk mengenai ini. Jikalau kamu hendak *maintain*, kamu hendak mengekalkan apa yang versi 1976 ini, sila bantah dengan apa alasan teknikal sahaja tetapi sejarah akan mencatat nama kamu di *Hansard* pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Rajang, lepas itu Yang Berhormat Jerlun.

6.28 ptg.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berbahas penggubalan undang-undang Artikel 1(2) Perlembagaan Persekutuan. Saya dengan rakan-rakan di negeri Sarawak sangat kurang bersenang hati dengan pindaan yang dibawa ke Dewan pada hari ini. Janganlah kata kami di sebelah sini *traitors*, Tuan Yang di-Pertua. Ini Dewan yang mulia. Kita mendengar suara berbagai Ahli Yang Berhormat, pandangan yang serius ini untuk masa depan negeri Sarawak dan Sabah, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita tidak menghormati Dewan, siapa lagi mahu menghormati kita di Dewan ini Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Semporna dengan petikan Bapa-bapa Kemerdekaan. Kita dari negeri Sarawak juga ada petikan dari Bapa Kemerdekaan Sarawak sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Apai Jugah yang nama sangat dikenali dalam kalangan rakyat Bumi Kenyalang pernah berkata;

Anang Malaysia baka tebu,

Manis ba pun tabar ba ujung.

Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, jangan Malaysia seperti tebu. Manis dipangkal, tawar di hujungnya. 56 tahun Apai Jugah sudah memberi peringatan tentang Gagasan Malaysia. Dengan nampaknya kata-kata beliau semakin menjadi kenyataan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak diambil dengan seriusnya oleh Dewan dan Ahli Parlimen dan kerajaan pada hari ini. Sedih saya melihat perkembangan nasib Sarawak ini. Maka dengan yang dibayangkan oleh Apai Jugah dan Tunku Abdul Rahman semakin kelam, masa depan semakin tidak kelihatan.

■1830

Adakah ini nasibnya jadi rakan kongsi Malaya Tuan Yang di-Pertua? Pada pandangan saya, pindaan ini adalah satu pindaan yang sangat tergesa-gesa dan hanya tangkap muat saja. Tidak menyeluruh. Apa sudah jadi? Di mana semangat asal Perjanjian Malaysia 1963. Kami di Sarawak ini merasakan kami di sisih walhal dalam Perjanjian Malaysia 1963 kami adalah rakan kongsi Tuan Yang di-Pertua.

Sarawak dan Sabah tidak pernah sekali-kali menjadi salah satu negeri di bawah Malaya, tidak Tuan Yang di-Pertua. Status Sarawak dan Sabah di bawah Perlembagaan bukanlah seperti di negeri-negeri di Semenanjung. Kami adalah rakan kongsi pertubuhan Malaysia ini. Tiada Sarawak dan tiada Sabah tidak akan ada Malaysia pada hari ini. Apai Jugah bersetuju menubuhkan Malaysia kerana beliau yakin dengan janji Tunku Abdul Rahman bahawa hak Sarawak akan dipelihara di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Akan tetapi apa yang berlaku sekarang sangat menyedihkan. Sudah sangat lama hak kami dinafikan, hak Sarawak diperkosa Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1963 itu juga sejurus balik dari London bersama Tunku Abdul Rahman, Tun Jugah terus balik ke Kapit, ke Sarawak untuk bertemu bersama-sama Ketua Masyarakat di negeri Sarawak Tuan Yang di-Pertua. Antara dengan beliau bertemu dengan beliau adalah ayah saya sendiri Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]* Penghulu Kumbong yang masih hidup hingga sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Ayah saya adalah seorang daripada wakil setiap kaum di negeri Sarawak yang menandatangani persetujuan penubuhan Gagasan Malaysia. Beliau begitu teruja membincangkan harapan dan masa depan Sarawak bersama-sama Malaysia ini. Akhirnya, kesemua ketua kaum tersebut bersetuju dengan mereka, kepercayaan kepimpinan dan visi penubuhan Malaysia ini. Alangkah malangnya 50 tahun kemudian apa yang dibayangkan tidak menjadi kenyataan.

Peruntukan dan keperluan asas seperti elektrik dan air tidak sempadan dengan keperluan rakyat di Sarawak dan Sabah. Yang Berhormat Kapit, saya sebut nama datuk beliau angkat berilah peluang untuk beliau.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Hulu Rajang, saya rasa terpanggilah kerana yang disebut-sebut oleh Yang Berhormat

Hulu Rajang adalah kaitan rapat dengan sendiri Yang Berhormat, ayah beliau dan saya, datuk sayalah yang seorang daripada yang menandatangani Perjanjian Malaysia. [Tepuk] Jadi, kebetulan pada hari ini saya berpeluang juga membahaskan satu rang undang-undang yang begitu penting.

Kita pada prinsipnya, saya tanya tapi sebelum itu mukadimah sikit. Secara prinsipnya kita mengalu-alukan undang-undang yang hendak kita pinda untuk mengembalikan ataupun hendak *restoration* kepada status Sarawak dari dalam konteks kita bersama pembentukan negara Malaysia ini. Cuma kita rakan-rakan ini telah berbahas tadi, cuma membangkitkan supaya isu-isu ataupun yang teguran itu adalah untuk lebih mengukuhkan lagi sepakat Malaysia kita ini. Oleh sebab itu banyak dirujuk kepada apa yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963. Apa yang ada terkandung dalam *Intergovernmental Committee (IGC)* dan juga di *Cobbold Commission* banyak dalam itu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Yang Berhormat Hulu Rajang, kita bukan seperti mana yang didakwa oleh kawan yang sebelah sana yang tidak menganggap kita sebagai kawan pun. Suka-suka [Ketawa] melontarkan dakwaan ataupun menyalahkan kita seolah-olah kita tidak akan menyokong yang terbaik untuk Sarawak. Oleh sebab kita yang hendak memastikan yang terbaiklah kita bersuara dengan lantang. Setuju atau tidak Yang Berhormat? [Tepuk]

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Jangan kata 100 peratus, 300 peratus saya bersetuju Yang Berhormat. [Ketawa] [Tepuk] Jika Yang Berhormat Semporna mengatakan sekolah di Sabah adalah sekolah daif, kami di Sarawak turut mengalami masalah yang sama malah boleh dikatakan lebih teruk Tuan Yang di-Pertua. Jika di Semenanjung sudah berkata tentang 5G, kami di pedalaman seperti di kawasan saya di pedalaman Hulu Rajang apa 'G' pun tidak ada. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua kami memerlukan geran khas pembangunan untuk Sarawak kerana kami perlu merapatkan jurang pembangunan yang sangat jauh dengan Semenanjung Tuan Yang di-Pertua.

Di mana janji yang telah diberi, di mana keadilan, di mana semangat Perjanjian Malaysia 1963. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the Malaysians must be told and no 'uncertain term'* ! *This is no longer acceptable to majority of the Sarawakian and Sabahan. Give us this day Tuan Yang di-Pertua, our daily bread, our petroleum resources, our territorial water and our continental shape back as soon as possible Tuan Yang di-Pertua. Only then can we call ourselves a nation once again.*

Tuan Yang di-Pertua, oleh Kerajaan Pusat menghormati perjanjian tersebut ini bukan perjanjian main-main. Ini melibatkan maruah kita, nasib rakyat kita, masa depan anak-anak Sarawak dan anak-anak Sabah kita. Cukuplah mengambil kekayaan dari negeri Sarawak bagi memajukan Semenanjung ini. Sudah tiba masanya kami memajukan negeri kami sendiri Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya katakan bila ada cadangan pada sesi Dewan kali ini hanyalah retorik semata-mata kalau tidak diperbetulkan dan tidak diperhalus dengan baik.

Tiada niat bagi perubahan kekal yang boleh mendatangkan manfaat perkara sebenarnya kepada rakyat Sarawak Tuan Yang di-Pertua. Padahal sambutan Hari Malaysia 2018, Yang Amat

Berhormat Langkawi telah menyatakan komitmen kerajaan untuk mengembalikan status rakan sekutu kepada Sarawak dan Sabah sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia 1963. Yang Amat Berhormat Langkawi, tolonglah realisasikan janji yang telah diberi kepada rakyat Sarawak. Saya akan pasti semua rakyat Sarawak akan terhutang budi dengan Yang Amat Berhormat Langkawi jika hak kami dikembalikan dan diperkasakan dengan secepat mungkin Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini keluar satu kenyataan daripada rakan-rakan sebelah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, masa sudah tamat.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang menyatakan semua usaha mengembalikan martabat Sarawak dan Sabah oleh GPS hanyalah satu helah politik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Ya, sekejap. Tuan Yang di-Pertua, ini soal masa depan, hak anak-anak Sarawak dan Sabah bukan satu isu remeh temeh yang dipolitikkan Tuan Yang di-Pertua. Komen saya kepada beliau, "*kami di GPS mempunyai kepentingan nasib anak negeri dalam agenda kami, bukan berpolitik*". Ini adalah maruah Sarawak dan beliau patutlah bersama-sama dengan kami kalau beliau seorang orang Sarawak. Dengan itu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerlun selepas itu Yang Berhormat Puncak Borneo. Sila.

6.38 ptg.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk turut membahaskan pindaan dalam Jawatankuasa ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang telah berjalan agak panjang sejak petang tadi. Saya berdiri mewakili negeri Kedah Darul Aman, negeri yang berpendapatan rendah yang tidak mempunyai minyak, tidak bolehlah hendak minta royalti 20 peratus, lima peratus pun kami tidak boleh minta sebab tidak ada minyak. Minyak gamat ada mungkin di Langkawi. *[Ketawa]*

Walaupun begitu kami tumpang gembira bersama dengan rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak di atas peluang di mana suara mereka akhirnya didengari oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan kali ini.

■1840

Saya berhasrat untuk memberi sedikit penjelasan mengenai rang undang-undang ini dari kaca mata negeri-negeri Semenanjung yang semuanya terangkum sebagai Wilayah Negeri-negeri Tanah Melayu selepas rang undang-undang ini diluluskan. Kalau kita menghayati apa yang telah disebut dalam perbahasan Yang Berhormat Batang Sadong sebentar tadi dan juga daripada Yang Berhormat Semporna bahawa hendak membangunkan sebuah negeri itu bukan

satu perkara mudah. Suatu ketika dahulu, lebih-lebih lagi ialah pada tahun 1963, waktu itu saya sendiri pun berumur negatif satu. *[Ketawa]* Umur saya negatif satu ketika itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Belum lahir.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Belum lahir lah maksudnya. *[Ketawa]* Kita dapati bahawa keadaan pembangunan di Semenanjung Tanah Melayu, malah pembangunan di Sabah dan Sarawak mungkin pada tahap yang sangat daif. Saya cuba hendak membayangkan tanpa menafikan keupayaan rakan-rakan kita daripada kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak untuk mengurus dan mentadbir negeri. Apa agaknya keadaan kedua-dua negeri itu kalau tidak memasuki atau pun menyertai penubuhan Malaysia pada tahun 1963.

Kalau kita lihat sekarang ini, walaupun saya akui bahawa seperti mana yang telah disebut oleh beberapa rakan-rakan daripada kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak. Pada hari ini masih lagi wujud rakyat di kedua-dua negeri itu yang hidup dalam keadaan dalam serba tertekan. Pendapatan sangat rendah, keadaan sekolah pun mungkin teruk. Seperti mana berlaku di banyak negeri yang lain sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Termasuk negeri Kedah.

Pada waktu yang sama, suka saya ambil kesempatan untuk melaporkan di sini apa yang telah pun diumumkan oleh kedua-dua kerajaan negeri. Daripada keadaan yang daif dulu, sekarang kita lihat bajet negeri Sabah bagi tahun 2019. Ini bajet negeri ya, bukan bajet Persekutuan. Bajet negeri Sabah bagi tahun 2019 berjumlah RM4.16 bilion berbanding kutipan hasil RM4.27 bilion. Maksudnya *budget surplus*.

Manakala bajet bagi negeri Sarawak tahun 2019 berjumlah RM 11.91 bilion. Dengan bajet pembangunan sahaja RM9.07 bilion dan operasi RM2.84 bilion. Sebagai perbandingan Tuan Yang di-Pertua, bajet Kedah RM768 juta dengan hasil RM710 juta. Maksudnya bajet kami bajet defisit. Peruntukan pembangunan dari Kerajaan Persekutuan untuk negeri Sabah bagi tahun 2019 berjumlah RM5 bilion. Kenaikan sebanyak RM876 juta berbanding tahun 2018. Manakala negeri Sarawak pula RM4.35 bilion bersamaan dengan 7.9 peratus jumlah bajet pembangunan seluruh negara Malaysia.

Jadi, saya bangkitkan perkara ini untuk letak dalam perspektif kedudukan kedua-dua negeri yang dikatakan negeri *Borneo* ini Sabah dan Sarawak. Di mana kami pun tumpang gembira. Bukan kami iri hati, bukan *jealous* dengan izin, tetapi sebagai perspektif bagi memahami keadaan di negeri-negeri lain yang sekarang ini selepas diluluskan usul ini akan menjadi negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu.

Satu lagi perkara yang hendak saya bangkitkan di sini ialah, apa juga susunan nama negeri-negeri di dalam Perlembagaan kita, yang menjadi asas pentingnya ialah bahawa setiap di antara kita adalah negeri-negeri di dalam negara Malaysia. Dari negeri mana sekali pun kita datang, kita tetap warga Malaysia yang sama. Namun sehingga kini, rakyat Malaysia dari Semenanjung masih perlu mengemukakan passport ataupun kad pengenalan untuk memasuki kedua-dua Sabah ataupun Sarawak yang mana kerenah birokrasi itu tidak diamalkan sekiranya warga Sabah dan Sarawak datang ke Semenanjung.

Saya merayu kepada rakan-rakan daripada kedua-dua Sabah dan Sarawak untuk pertimbangkan dengan izin, *have the cake and eat it*. Di mana, memohon macam-macam daripada Kerajaan Persekutuan dan saya yakin Kerajaan Persekutuan tetap akan memberi pertimbangan positif setiap permohonan daripada kedua-dua negeri ini. Akan tetapi pada waktu yang sama tidak berkompromi dalam hal-hal manifestasi kesatuan di antara kita sebagai negeri-negeri di dalam negara Malaysia ini.

Jadi, saya berharap bahawa dengan meletakkan perbincangan kita dalam konteks tidak hanya dari perspektif Sabah dan Sarawak tetapi juga dari kaca mata ataupun sudut negeri-negeri di bawah Semenanjung Tanah Melayu ini... *[Disampuk]*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: ...Maka, kita pun dapat memahami bahawa Kerajaan Persekutuan berusaha sedaya yang mungkin untuk bersikap adil bagi setiap negeri-negeri yang ada dalam negara ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Dalam keadaan kita memahami bahawa kedudukan Sabah dan Sarawak itu hendak disamakan dengan negeri-negeri Semenanjung.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jerlun, ada Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Kapit hendak mencelah.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Silakan Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Tadi saya dengar so, saya rasa terpanggil lah apabila Yang Berhormat menyentuh hal seolah-olah Sarawak dan Sabah ini tidak kompromi ya. Kita bukan tidak kompromi sebab disebut bab tadi apabila orang Malaya ataupun orang Tanah Melayu masuk ke Sarawak, hendak masuk ke Sabah perlu letakkan pasport ataupun MyKad. Jadi, itu bukan kita tidak kompromi, kita hendak mansuhkan itu. Sebab itu adalah hak kami. Itu adalah termaktub daripada yang kita dah janji. So, tidak boleh lah itu dipertikaikan. Kita kompromi dalam hal-hal yang lain. Kita semua tahu hasil daripada minyak dan gas kita berpuluh berdekad, berpuluh tahun pun kita sama-sama menikmati itu. Mungkin Sarawak agak kurang dan Sabah agak kurang. Mungkin di negeri-negeri lain termasuk - saya ingat. Saya bangga juga kalau Kedah ada dapat juga daripada hasil petroleum minyak.

Satu lagi, mengapa ini dipertikaikan sebab kita ada juga menyumbang kepada negara kita. Membantu kawan-kawan di negeri-negeri lain. Kita ada Petronas *Twin Towers*. Kita tidak puas dengan satu, kita hendak dua. Jadi, banyak kita gunakan duit yang dapat daripada hasil *oil and gas* dari bertahun-tahun dahulu, kita— kita tidak pernah mempertikaikan itu juga. Mungkin sekarang tepat masanya kalau saya menuntut Yang Berhormat, satu rumah *tower* itu dinamakan rumah Sabah, satu *tower* lagi dinamakan rumah Sarawak. *At least psychology* pun kita bangga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kapit boleh mencelah tetapi jangan ambil masa terlalu panjang. Saya tambah satu minit untuk Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih bagi saya peluang untuk menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti Yang Berhormat Kapit ada peluang juga.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya ucap terima kasih intervensi daripada Yang Berhormat Kapit sebentar tadi. Kami di negeri Kedah sangat memerlukan perhatian daripada Kerajaan Persekutuan dan sekiranya mendapat perhatian itu *insya-Allah* apabila kami keluar daripada kepompong kedaifan ini, bila kita dah ada pendapatan yang tinggi *insya-Allah* kami juga akan menyumbang kepada tabung Kerajaan Persekutuan untuk dibelanjakan di serata negara.

Kita yakin bahawa kita mampu lakukan sekiranya Kerajaan Pusat dapat memberi perhatian seperti mana yang kita harapkan. Seperti mana Sabah dan Sarawak mendapat perhatian daripada Kerajaan Persekutuan. Di awal-awal penubuhan negara Malaysia, tahun 1963. Di mana kedua-dua negeri itu tidak dapat berupaya untuk mengeksploitasi sumber minyak ataupun pembalakan di peringkat awal itu.

■1850

Jadi, perhatian yang diberikan oleh Kerajaan Pusat yang dimanifestasikan di dalam bentuk perbelanjaan berbilion-bilion ringgit yang sekarang ini meletakkan kedua-dua negeri itu dalam tahap yang begitu membanggakan. Sekarang ini, hasil minyak itulah yang menyumbang balik kepada Kerajaan Persekutuan yang diagih-agihkan kepada negeri-negeri yang agak tercorot seperti Kedah. Jadi saya memberi peluang kepada Yang Berhormat Kubang Kerian, silakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya, masa sudah habis sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sebenarnya masa sudah tamat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sedikit sahaja. Berdasarkan apa yang dibentangkan tadi, saya lihat isu kita ialah bukan isu kepada pindaan sangat. Akan tetapi, lebih kepada *delivery system* kepada MA63. Ini bermaksud bahawa apa yang penting bukan peruntukan yang diperoleh, tetapi sejauh mana peruntukan itu sampai kepada rakyat. Jadi saya lihat bahawa apakah Yang Berhormat Jerlun bersetuju bahawa pindaan yang dibuat pada hari ini sebenarnya tidak banyak sangat boleh mengubah situasi yang ada di Sabah dan Sarawak kalau tidak diberi perhatian kepada pelaksanaan tuntutan MA63.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya ingat bukan tempat saya sebagai warga Kedah untuk komen mengenai apa perasaan warga Sabah dan Sarawak mengenai pindaan yang dicadangkan ini. Akan tetapi daripada maklum balas yang saya terima, rakan-rakan daripada kedua-dua negeri itu, apa yang kita bahaskan pada hari ini adalah satu

perkara yang sangat-sangat bersejarah dan signifikan. Saya harap keputusan yang dapat mengambil kira semua kepentingan boleh dicapai. Saya rasa seperti mana yang disebut Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, rugilah kita kalau kita menolak atau melengah-lengahkan lagi usaha untuk menepati permintaan yang telah disampaikan oleh warga Sabah dan Sarawak pada Kerajaan Pusat selama ini. Jadi, saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Puncak Borneo tidak ada di dalam Dewan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ranau, sila. Selepas itu Yang Berhormat Tuaran.

6.52 ptg.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi ruang untuk membahaskan satu perbahasan yang sangat penting yang menyentuh tentang penubuhan Malaysia di mana Perlembagaan dibentuk setelah beberapa perbincangan daripada pengumuman Tunku Abdul Rahman di Hotel Adelphi pada tahun 1961 sehinggalah terbentuknya Malaysia ini pada 16 September 1963.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh bahawa oleh kerana perbincangan pada hari ini adalah perbincangan yang penting, menyentuh berkenaan dengan sejarah, mengembalikan status asal tahun 1963, sebelum tahun 1976, maka biarlah saya mahu menyentuh tentang sejarah lepas yang membawa kepada pembentukan negara ini sendiri. Ini kerana saya dapati daripada awal perbahasan sehinggalah pada saat ini, tidak ramai yang menyentuh secara dalam tentang apa yang berlaku sebenarnya sehingga membawa kepada pembentukan dalam tiga perenggan dalam frasa negeri-negeri Persekutuan.

Untuk fahami keadaan ini, kita harus lihat kepada cadangan daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman, di mana ketika beliau mencadangkan untuk menubuhkan Malaysia ini pada awalnya. Pada 28 Mei 1961, cadangan Tunku ialah mahu menjadikan supaya memasukkan Sabah, Sarawak ini dan juga Brunei pada masa itu untuk menjadi negeri kedua belas, ketiga belas dan keempat belas, kelima belas mungkin *Singapore* pada masa itu. Akan tetapi selepas pengumuman yang diberi oleh Tunku Abdul Rahman, maka ada satu jawapan yang keras yang dibuat oleh Tun Fuad Stephens yang mewakili pemimpin daripada masyarakat Sabah, khususnya dari golongan KDM yang memberi jawapan secara keras pada 7 Julai 1991.

Jawapan Tun Fuad Stephens di dalam surat terbukanya mengatakan di dalam *North Borneo News* dan *Sabah Times* adalah seperti berikut; *"Jika kami telah diminta untuk menyertai Malaysia pada masa Malaya mencapai kemerdekaan dan pihak Britain membuatnya mungkin untuk kami, ceritanya mungkin berbeda. Oleh kerana sekarang merdeka telah menjadi milik Malaya sejak beberapa tahun dan kami masih bergelut ke arahnya, sedangkan Malaya untuk kami sertai sebagai negeri yang kedua belas, ketiga belas dan keempat belas mempunyai cita rasa imperialisme iaitu satu langkah menjadikan kami koloni Malaya. Untuk menyertai Malaya sementara kami masih koloni, hanya bermaksud kami tidak lagi menjadi koloni British dan*

menjadi koloni Malaya. Implikasinya ialah menyerahkan kami kepada kawalan kamu". Itulah yang Tun Fuad katakan, satu pernyataan yang keras daripada pemimpin Borneo pada masa itu.

Pada 11 Julai 1991, di dalam *Sarawak Tribune*, Tun Fuad sekali lagi mengutarakan bahawa apa-apa cadangan Tunku berkaitan menjadikan Sabah adalah sebuah negeri-negeri di Malaya, ini tidak dipersetujui. Malah bukan setakat itu, pernyataan yang dibuat oleh Tun Fuad Stephens adalah pernyataan bersama yang dibuat dengan pemimpin daripada Brunei iaitu Azahari daripada Parti Rakyat dan juga Ong Kee Hui iaitu pemimpin *Sarawak United People Party* pada masa itu.

Tun Fuad Stephens pada 12 Julai 1991 sekali lagi menyatakan pendirian tersebut yang dilaporkan di dalam *New Straits Times* adalah seperti berikut; *"Kami menentang menyertai Malaysia secara individu sebagai negeri-negeri dan mahukan wilayah Borneo secara bersama supaya bila kami bercakap dengan Malaya, ia adalah sebagai sama rata dan bukan sebagai pengikut*". Itu adalah catatan sejarah, fakta kepada bagaimana perundingan-perundingan diadakan selanjutnya.

Apabila Tunku sendiri memberi jaminan kepada Tun Fuad Stephens di dalam pertemuan mereka di Kuala Lumpur pada tahun 1991, bahawa tiada niat dipihak Malaya untuk apa-apa bentuk kolonisme kepada negeri-negeri Borneo, maka barulah Tun Fuad bersetuju menyertai pembentukan Malaysia. Catatannya di dalam sejarah, Tun Fuad membuat kenyataan rasmi di dalam *Straits Times* seperti berikut; *"Tiada niat di pihak Malaya bagi apa-apa bentuk kolonisme ke atas wilayah Borneo. Rancangan Malaysia boleh berjalan dan kita mesti mengusahakannya untuk sesuatu yang konkrit*".

Oleh sebab itu pada draf Perlembagaan Malaysia dibuat, ia bukan secara kebetulan, ia bukan secara mainan, tetapi mempunyai sejarah latar belakang kenapa ia diberi secara ada *sequence*. Persekutuan Tanah Melayu sebagai satu blok, negeri-negeri Borneo sebagai satu blok dan blok yang ketiga itu ialah Singapura sendiri di mana ketiga-tiga blok ini menjadi tiga rakan dalam membentuk negara ini. Oleh sebab itu kalau sekiranya draf yang pertama itu dikemukakan, saya memang tidak bersetuju kerana ia menggambarkan bahawa kita disamatarafkan dengan negeri-negeri di Semenanjung. Bayangkan, Ranau sahaja besarnya sama dengan Kedah. Memang penduduk kami sedikit, tetapi kawasannya perlu dibangunkan terlalu luas sama dengan sebuah negeri Kedah.

Jadi sebab itu kita melihat bahawa bukan tanpa sebab kenapa ia disusun sedemikian. Oleh sebab itu bagi kita rakyat Sabah pada tahun 1976 apabila Perlembagaan ini dipinda untuk menyamaratakan semua negeri-negeri ini sebagai negeri kedua belas, negeri ketiga belas, tentunya mempunyai satu kesan yang sangat mendalam bagi rakyat Sabah dan Sarawak kerana jaminannya itu ialah kita berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, rakan kongsi di dalam pembentukan negara ini. *[Tepuk]*.

Berpeluang untuk membicarakannya pada kali ini, saya sekali lagi sebelum saya menyatakan sokongan dan akan mengundi dalam usul ini. Pertama, saya mahu memaafkan

kepada bapa leluhur kami pada tahun 1976 kerana tidak ramai yang tahu. Sabah dan Sarawak tidak ramai yang mempunyai...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Ranau.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Nanti, ada peluang. Yang Berhormat Keningau nanti ada peluang. Tidak ramai orang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam. Tidak ada yang tahu sebenarnya bagaimana implikasinya, bahkan kalau sekiranya sejarah harus ditulis semula pada masa sekarang, tidak mungkin kami rakyat Sabah dan Sarawak akan menyetujui banyak perkara. Akan tetapi kerana disebabkan sikap kompromi mahu menjaga negara ini, menjaga supaya kita tetap bersama, maka sehingga sekarang kami terus menyokong Malaysia walaupun begitu banyak kami merasakan tidak berpuas hati di dalam negara ini.

Namun, rakan-rakan Sabah dan Sarawak dan juga daripada pihak PAS, juga pihak UMNO, kita berharap marilah kita memulakan suatu langkah yang benar dengan mengembalikan kepada perkataan sebenar di dalam Perlembagaan pada tahun 1976.

■1900

Hal-hal lain masih sedang dibincangkan dan sedang serius dibincangkan. Dahulunya Barisan Nasional 40 lebih tahun sudah membincangkan komiti itu dan komiti ini tidak ada juga keputusan. Sekarang dalam tempoh enam bulan Pakatan Harapan sudah menunjukkan bahawa ada suatu langkah yang betul ke arah dalam pembentukan negara yang lebih baik yang lebih memikirkan apa yang adil.

Saya memuji kepada Tun Mahathir walaupun banyak dikritik walaupun banyak sindir sinis kepada beliau di dalam Dewan, namun saya puji beliau bukan puji kerana apa, orang yang tahu kesilapannya dan membuat perkara yang betul adalah pemimpin yang berjiwa besar untuk negara ini. *[Tepuk]* Akan tetapi orang yang sudah tahu terang-terang depan mata kesilapan yang masa lalu dan tidak membetulkan hal itu adalah orang bodoh selama-lamanya. Saya tidak mengatakan orang sini orang yang di luar sana. Itu adalah hal yang sebenarnya yang kita sedang hadapi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Ranau.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Kenapa harus kita lambat-lambatkan mengatakan harus pergi *select committee*, harus pergi kepada banyak jawatankuasa, harus kepada Dewan Undangan Negeri. Sejarahnya pada tahun 1963 tidak pernah dibincangkan di dalam legislatif konsil Sabah dan Sarawak, tidak pernah dibincang.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Ranau.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Oleh sebab masa sudah begitu mencemburui ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ranau, elakkan menggunakan perkataan bodoh, cadang guna kurang cerdik, lebih nampak *parliamentarian*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai di sini.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Ya, saya akan berusaha Tuan Yang di-Pertua. Maafkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lembah Pantai. Kenapa?

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Dengan itu, saya berharap – masa amat sedikit yang tinggal ada. Saya ingin memetik kata-kata daripada Theodore Roosevelt bahawa di dalam saat kita membuat keputusan perkara terbaik anda boleh lakukan ialah membuat perkara yang betul untuk dilakukan dan juga memetik kata-kata daripada negarawan negara ini tidak lain tidak bukan Tun Mahathir sendiri mengatakan tiada siapa yang patut mempunyai pengaruh yang *extra*, lebih di dalam satu organisasi. Kita harus selalu menganggap diri kita sebagai sama rata di dalam organisasi dan kita harus prihatin berkaitan dengan masalah di negara kita. Jadi saya melihat bahawa Malaysia ini juga boleh menjadi satu organisasi. Maka dengan ini saya menyokong penuh pindaan Perlembagaan Perkara 1 Fasal 2. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut senarai saya ada 36 Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dan setakat ini ada lagi 16 orang, maka untuk menepati masa, selepas Yang Berhormat Tuaran, Ahli Yang Berhormat akan diberikan masa lima minit. Sekarang 10 minit selepas ini lima minit setiap orang. Sila.

7.02 ptg.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah beri peluang bagi saya untuk membahaskan Rang undang-undang Perlembagaan Pindaan 2019 ini. Tuan Yang di-Pertua, kesemua ahli di Dewan yang mulia ini, saya fikir kita semua pun mahu mencapai satu negara Malaysia yang maju, sejahtera, aman damai, makmur dan sebagainya.

Bagi Sabah dan Sarawak, kunci utamanya ialah seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Langkawi dalam pembentangan bacaan kali kedua pagi tadi, tengah hari tadi bahawa kita hendaklah duduk sama rendah berdiri sama tinggi, kita *equal partner* dan sebagainya. Hari ini bersejarah kerana akhirnya satu kecuaihan di masa yang lalu di mana satu pencerobohan kepada pelaksanaan Perjanjian Malaysia tahun 1963 apabila dipinda Perlembagaan Artikel 1(2) tahun 1976 hari ini kita berpeluang mengembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ahli Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Kabinet dalam perkara ini. Di antara perkara yang dibincangkan pertamanya kita telah bersetuju dalam perkara ini. Kita bersetuju supaya ini kita meminda Fasal 1(2). Walau bagaimanapun, dalam perbincangan tersebut, kita telah – kita tidak bincang bila akan dibentangkan, juga tidak perincian dari segi perkataannya dan sebagainya, tiba-tiba dalam persidangan pada kali ini dibuat dan tidak ada perbincangan dari segi bagaimana perkataannya dan sebagainya.

Kerana bila dibentangkan bacaan kali pertama saya sendiri pun terkejut sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu tentang *sentence construction*-nya dan saya tidak dapat menyokong. Walau bagaimanapun, tidak perlu kita mempolitikkan perkara ini, tidak perlu kita berteriak-teriak dan sebagainya. Kita tenang menghadapi perkara ini dan berbincang apabila Yang Berhormat

Batu Sapi, Menteri Jabatan Perdana Menteri memberi taklimat kepada semua Ahli-ahli Parlimen, sama ada dipihak pembangkang atau pihak kerajaan dan sebagainya dengan tenang. Setelah mendengar pandangan-pandangan saya lihat bahawa pelbagai pandangan – bagaimana kita dapat mencapai satu keadaan di mana Sabah Sarawak dan Semenanjung ini *equal status* seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Apabila saya mendengar ini semua, saya merasakan bahawa dengan rang undang-undang yang telah dibaca pada bacaan kali pertama, tidak memadai untuk mencapai matlamat itu. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya sendiri telah menghantar satu usul meminta supaya kalau dalam keadaan yang sama hendaklah di rujuk dalam Jawatankuasa Pilihan Khas. Oleh sebab itu sebelum bacaan kali kedua bagi tengah hari tadi saya telah minta *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada ini akan dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas ataupun dibahas dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua telah membuat *ruling* bahawa akan dibuat selepas perbahasan ini sebelum penggulungan selepas penggulungan dan sebagainya.

Saya telah mendengar dengan teliti pembentangan bacaan kali kedua oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi dan saya sangat berpuas hati dengan apa yang telah dinyatakan bahawa rang undang-undang yang kita akan luluskan ini jauh berbeza daripada apa yang telah dibentangkan dalam bacaan kali pertama.

Ini adalah kerana apa yang akan dibentangkan ini yang kita akan luluskan ini adalah satu rang undang-undang yang mengembalikan kepada asal. Selain daripada itu jika sekiranya diterima cadangan seperti mana dicadangkan oleh Yang Berhormat Petrajaya supaya dimasukkan juga satu ayat iaitu *pursuant to the Malaysian Agreement 1963*. Saya berpendapat bahawa perkataan itu, ayat itu sangat-sangat penting. Kenapa sangat-sangat penting bahawa kerana ia apa yang kita akan luluskan ini adalah satu definisi apa itu Persekutuan Malaysia dan dari mana asalnya dan asalnya adalah daripada Perjanjian Malaysia.

Oleh sebab itu perlu disebut – saya berbeza sedikit pendapat dengan rakan saya Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Beluran menyatakan bahawa tidak perlulah ini *pursuant to the Malaysian Agreement 1963* bagi saya ini penting kerana ia telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Langkawi. Artikel 160(2) iaitu *definition of Federation* dan Yang Berhormat Langkawi menyatakan bahawa dia adalah merujuk kepada Artikel 162 iaitu berkenaan dengan *transition of power* di situ dinyatakan tentang Persekutuan Tanah Melayu. Saya bukan seorang peguam apatah lagi seorang *constitutional lawyer* tetapi saya lihat di sana ada logiknya, ada rasionalnya. Akan tetapi pada masa yang sama jika sekiranya Artikel 1(2) ini tidak dimasukkan *pursuant to the Malaysian Agreement 1963* seolah-olah kita mempunyai dua definisi Persekutuan itu.

Jadi kalau ini dibuat dimasukkan nanti di dalam Jawatankuasa, diterima di situ dan menerima segala perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya tidak perlu perkara ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas, saya boleh menyokong rang undang-undang ini dengan pindaan-pindaan seperti mana dicadangkan oleh Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Minta penjelasan ringkas Yang Berhormat Tuaran. Sedikit sahaja.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Nanti. Nanti terlalu pendek masa dia.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Hal undang-undang tadi.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tidak apa, tidak apa. Terlalu pendek masanya ya, kalau ada lebih masa saya boleh bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Gudang tunggu giliran. Sila Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Jadi dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, kita boleh teruskan dan saya tidak ada masalah menyokong malah saya mengajak rakan-rakan semua Ahli-ahli Parlimen apatah lagi daripada Sabah dan Sarawak untuk menyokong mengundi pindaan ini.

■1910

Pada masa yang sama, oleh kerana Jawatankuasa PEMANDU, Jawatankuasa Kabinet ini berterusan dan sebagainya dan perkara-perkara yang sedang dibincang akan diteruskan. Apa-apa juga *consequential amendment* kepada Perlembagaan Persekutuan jika perlu dan sebagainya hendaklah baru dilaksanakan, hendaklah dibuat dan saya mohon supaya Dewan ini membuat perakuan ini apatah lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, setelah menghantar usul untuk merujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas ini, saya berpeluang untuk berbincang dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan ke Sabah. Saya bersama-sama dengan rakan sejawat saya Yang Berhormat Tawau dan juga Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Sabah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya pindaan ini dibuat. Saya sangat gembira kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju supaya dapat pinda. Saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

Saya fikir rakyat Sabah pun bergembira kerana ini dapat dikembalikan. Apa yang penting ialah sudah sekian lama yang sama ada dari Sabah atau dari Sarawak dan juga di Semenanjung adalah untuk memahami ini, menghayati ini. Oleh sebab apabila kita dengar perbahasan-perbahasan tadi tentang hal-hal berkenaan dengan rakyat Semenanjung perlu ke Sabah pakai kad pengenalan, apatah lagi permohonan permit bekerja dan sebagainya. Kita bekerja di Sarawak perlu ada permit dan sebagainya. Inilah sebahagian daripada syarat-syarat kita membentuk Malaysia.

Apabila kita mendengar juga sebelah pihak, kedua-dua pihak sering kita dengar di Dewan yang mulia ini bahawa Sabah dan Sarawak ini adalah merupakan 60 peratus daripada tanah keseluruhan Malaysia. Semenanjung ini baru lebih kurang 38 peratus. Itu harus kita ingat. Oleh sebab itu apabila kita menyatakan tentang hal-hal berkaitan dengan memperimbangan lagi pembangunan di antara Sabah dan Sarawak, keluasan geografi ini perhubungan yang begitu jauh di antara Sabah dan Sarawak harus hendaklah diambil kira. Oleh sebab itu, kita hendaklah

sentiasa sensitif dan mahu mendengar tentang keluhan-keluhan. Saya sudah berada di Dewan ini mahu masuk keempat penggal dan kita sentiasa memberi keluhan, rintihan dan sebagainya. Akhirnya pada hari ini perubahan berlaku. Saya sangat bersyukur kerana akhirnya ada perubahan. Ada perubahan dari segi pemikiran dan sebagainya.

Hari ini mari kita sama-sama tunjukkan, saya pun bersama-sama rakan-rakan dari Sabah sokong pindaan ini, bersama-sama. *[Tepuk]* Pada masa yang sama...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, masa sudah tamat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pada masa yang sama, hal-hal berkenaan *consequential amendment* seterusnya dalam Perlembagaan ini setelah nanti selesai Jawatankuasa PEMANDU membuat kajiannya, hendaklah diambulkan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran *[Tepuk]*. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Baram. Masa lima minit, sila.

7.13 mlm.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini pada petang ini untuk mengatakan bahawa GPS bukan tidak menyokong. Bukan tidak menyokong pindaan ini tetapi dia menyokong pindaan ini dengan syarat-syarat yang telah dibentangkan oleh Ahli-ahli GPS yang terlibat tadi. Pada asasnya, kita menyokong. Oleh kerana pada prinsipnya apabila kita mengatakan kita sokong pindaan Perlembagaan 1(2), yang kita maksudkan itu, itulah yang kita maksud ini kita sokong. Akan tetapi kita tidak berapa menyokong oleh kerana dia hanya seperti kata Ahli-ahli yang lain tadi, dia hanya kosmetik sahaja ini. Dia kosmetik sahaja. Ini kita katakan dia macam ini sebab sebelum ini pada 1963 apabila Malaysia ditubuhkan, yang kita maksudkan itu ialah status Sarawak ataupun status Sabah seperti yang kita hendak pada masa itu. Akan tetapi dalam tahun 1976 dipinda.

Saya percaya walaupun pada masa itu berapa jumlah Ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah pada masa itu tidak sokong pun ataupun tidak sokong dengan pindaan ini. Saya percaya yang lain itu dia mungkin juga dapat lagi dua pertiga. Dia masih menang kot. Jadi ini yang kita tidak mahu. Kita mahu pinda lagi – saya tidak hendak ada sangkaan yang buruk tetapi sebagai manusia yang juga mudah lupa. Jadi kita ini juga mungkin – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang betul, Ahli-ahli Menteri yang lain pun memang betul tetapi mungkin kakitangan kerajaan yang terlibat untuk ataupun yang masuk duduk dalam *committee* yang ditubuhkan ini, mungkin lupa sikit ini.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Sibu dan Yang Berhormat Beruas hendak mencelah.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Ini yang saya rasa...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu, Sibu.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Tidak payah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dia tidak bagi. Sila duduk.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Oleh sebab kita hanya diberi lima minit. Jadi ini yang kita takutkan ini. Ayat saya, saya hendak menyentuh ini...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: 10 saat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain sila duduk. Hormat Yang Berhormat Baram.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Oleh sebab bagi saya ini adalah peluang yang bagus untuk mengingatkan kita masing-masing. Supaya apabila esok, lusa dengan terlulusnya mungkin pindaan ini akan menjadi ajaran kepada kita semua demi untuk negara kita ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Demi untuk Sarawak dan Sabah ini. Saya percaya...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Kita di Sarawak macam saya sebut semasa kita bahas Titah Duli Yang Maha Mulia tempoh hari, saya mengatakan bahawa kaum Orang Ulu ini dia tidak sampai setengah – 250,000 orang sahaja tetapi inilah keadaan kita hari ini. Keadaan yang ada di Sarawak pada hari ini semua kita tahu jalan pun masih lagi jalan balak. Sekolah pun masih lagi yang daif.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh...

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Klinik pun saya rasa kita semua tahu, tidak payah kita sebut. Itu sebab kita...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan tidak?

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Hendak, itu sebab kita tuntutan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Supaya pindaan ini mengambil berat berkenaan dengan MA63 ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Baram, boleh dapat penjelasan?

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Supaya apa yang terkandung dan yang ada dalam MA63 ini tetap dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Baram, tiga orang minta mencelah. Hendak bagi atau tidak?

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Ini yang kita mahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa pun sudah tamat. **Tuan Anyi Ngau [Baram]:** *[Sistem pembesar suara dimatikan]* Tentukan supaya jangan lagi berbuat pindaan sama pindaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih. Masa sudah tamat.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Tetapi tidak juga jadi apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli, sila.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Jadi saya – itu sahaja saya yang dapat saya katakan. Sekian, terima kasih.

7.18 mlm

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyah-Allah*, saya akan laju-lajukan tamat lima minit. Saya bangun untuk menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, meminda Perkara 1(2) Perlembagaan. Saya bukan pakar Perlembagaan, saya terpanggil untuk menyertainya kerana pindaan ini saya anggap bersejarah.

Sebelum saya teruskan ucapan, kita semua bersyukur Almarhum Tunku mencetuskan idea menubuhkan Malaysia pada Mei 1961 yang telah membawa kita bersama sebagai satu keluarga besar. Kita bersyukur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bentang, *insyiah-Allah* akan gulung perbincangan bagi mengotakan janji kerajaan pada rakyat Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bersyukur kerana ramai dalam Dewan ini dan di luar juga berjuang untuk kembalikan hak Sabah dan Sarawak dan termasuk juga sudah pasti Allahyarham Tan Sri Pehin Sri Haji Adenan Satem. Tuan Yang di-Pertua, mengenai usul ini saya ada beberapa pandangan. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, pertamanya pindaan ini adalah penting, merupakan satu dengan izin, *enabling clause* ataupun pemangkin untuk meyakinkan rakyat Sabah dan Sarawak bahawa kerajaan adalah serius untuk mengotakan janjinya. Itu yang pertama.

Kedua, pindaan ini akan mendorong dan akan tingkatkan lagi momentum Jawatankuasa Khas Kabinet untuk memperincikan hal-hal berkaitan kewangan, agihan semula kuasa, turunkan kuasa kepada Sabah dan Sarawak. Itu pada pandangan saya. Jadi selepas ini *insyiah-Allah* momentum akan bertambah ke arah mengembalikan hak yang dihasratkan oleh kerajaan.

■1920

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, pindaan-pindaan ini dan perakuan Jawatankuasa Khas Kabinet, mungkin ada kesan kepada negeri-negeri lain di Semenanjung. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Kota Bharu dalam hal ini. Saya cadangkan supaya ia diperhalusi juga oleh Jawatankuasa Khas Kabinet tentang implikasi pindaan Perkara 1(2) ini kepada negeri-negeri di Semenanjung. Saya setuju dengan Yang Berhormat Jerlun dan juga Yang Berhormat Kota Bharu dalam hal ini.

Keempatnya Tuan Yang di-Pertua, mungkin Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, ada jawatankuasa yang melihat kepada hubungan *Federal* dengan *state*, hubungan Persekutuan dengan negeri termasuk hal kewangan. Saya cadangkan supaya jawatankuasa ini, Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antara Negeri-negeri dan Persekutuan juga meneliti implikasi apabila cadangan ini diluluskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya berharap bahawa sementara itu, kita akan tingkatkan usaha untuk tingkatkan integrasi antara Sabah dan Sarawak dengan Persekutuan Tanah Melayu, integrasi perkhidmatan awam, tingkatkan perpaduan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa supaya perbincangan dalam jawatankuasa ini akan berjalan dengan baik, akan merapatkan perpaduan dalam kalangan kita. Tidak akan merenggangkan kita kerana dalam pertemuan-pertemuan mungkin ada hal-hal yang panas. Itulah doa saya, semoga berjalan dengan baik. Apa yang penting, kita hendak pastikan bahawa Malaysia yang kita cintai ini akan lebih dinamik, Malaysia lebih hebat, Malaysia bangun sebagai seekor harimau di rantau ini. Inilah harapan saya, doa saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapit. Selepas itu Yang Berhormat Pasir Mas.

7.22 mlm.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini pandangan saya tentang usul pindaan Akta Perlembagaan yang dibentangkan pada hari ini, di Dewan yang mulia ini. Pada saya, pindaan yang dicadangkan ini adalah tidak memadai, tidak memenuhi keinginan rakyat Sarawak. Dengan izin, *the amendment are not truly favourable to Sarawak dan Sabah to restore their equal rights*. Pindaan yang dicadangkan ini hanya bermain dengan kata-kata sahaja. *[Tepuk] Not substantive enough* bagi saya. Itu pandangan saya ya.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita terlalu tergesa-gesa hendak meluluskan pindaan yang tidak seberapa ini? Tadi kita telah pun mendengar kedua-dua pihak dalam Dewan ini. Memang jelas ramai yang menyatakan ini tidak berapa sempurna. Kita seharusnya mengambil langkah-langkah yang boleh membawa kita kepada pencapaian yang amat memberi faedah, yang adil dan bermakna kepada pemegang taruh atau *stakeholders* iaitu Malaya atau sekarang dalam rang undang-undang ini dikatakan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah sebagai betul-betul *equal partners*. Maka sehubungan itu, saya bersama dengan ramai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, juga dengan majoriti rakyat Sarawak, agar pindaan ini ditundalah bagi saya. *[Tepuk]* Janganlah kita terlalu tergesa-gesa dalam hal ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan, Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan sepatutnya tunggu sehingga selesai perbincangan dan rundingan *steering committee* dan *technical committee* atas hak-hak dan keistimewaan Sarawak yang termaktub dalam *Malaysia Agreement 1963*.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang perlu kita hayati di dalam dokumen-dokumen yang lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita secara ikhlas, biarlah kita secara jujur dengan perkara ini. Bukan sekadar hendak memenuhi manifesto pilihan raya sahaja. Tidak ada masalah kami di sini menyokong. Tadi pun saya telah menyebut. Kita boleh sokong kerana kita juga menunggu-nunggu peluang ini. Akan tetapi, kita tak nak sokong yang *half bake*. Pernah saya sebut dalam pembahasan saya menjunjung kasih Titah Diraja pada 25 April bulan ini juga.

Saya menyentuh hal ini sebagai yang saya sebut begini, "...yang lebih penting adalah bagaimana Kerajaan Persekutuan mengurus negara Malaysia ini, di mana fair and equal

treatment be accorded to Sarawak and Sabah at all time". Itu yang penting. Tadi saya telah mendengar hujah-hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Yang Berhormat Kota Kinabalu menyebut kalau hari ini, mereka maknanya kami sebelah sinilah, menolak ini serupa menolak MA63 juga. Ah! Ini memang betul-betul menuduh tidak berasas. Ini bukan MA63! Ini membuat satu perbahasan semata-mata untuk berpolitik sahaja. [Tepuk] Tidak bolehlah begitu. Kalau kamu jujur, biarlah jangan membuat dakwaan sebegitu.

Seorang Ahli: Dia tidak ada.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Dia tidak ada tetapi dalam *Hansard* ini akan tercatat. Yang Berhormat Kubang Kerian tadi menyebut, saya sokong pandangan Yang Berhormat. Dia kata, "*Tiada makna kepada pindaan ini, kalau apa yang terkandung dalam MA63 tidak dilaksanakan*". Kurang lebih sebegitulah. Ia bukan 100 peratus saya *qoute*. *The spirit of this sentence*, memang saya sokong. Itulah yang saya hendak. Bukan sekadar hendak membuat dua, tiga perkataan dalam cadangan rang undang-undang ini.

Jadi dengan itu, masa pun hampir habis, pendirian saya Yang Berhormat, prinsipnya saya boleh menyokong sebab kita memerlukan satu peningkatan. Akan tetapi saya memang tidak puas hatilah dengan hanya sekadar begitu. Jadi, bagaimana *you* hendak letak mana saya undi nanti. Saya pun tidak tahu. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat, boleh beri penjelasan?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tidak mengapa! Habis masa sudah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sekarang menjemput Yang Berhormat Pasir Mas. Selepas itu Yang Berhormat Tenom.

7.27 mlm.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS), kami walaupun tidak terbabit secara langsung dengan isu MA63 ini tetapi pada kami, kami melihat bahawa yang penting ialah isu keadilan itu hendaklah dilihat dengan *view* yang cukup luas, dengan izin. Keadilan itu adalah bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya.

Sabah dan Sarawak kalau dilihat pada perjanjian 1963 pembentukan Malaysia, saya merujuk kepada satu kes yang berlaku di mahkamah pada 14 September 1963. Pada waktu itu Kerajaan Negeri Kelantan telah pun menyaman ataupun cuba membawa ke mahkamah untuk menghalang pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963. Sejarah telah tercatat bagaimana penghakiman telah dibuat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 14 September 1963 di mana Kerajaan Negeri Kelantan pada masa itu telah gagal untuk menyekat pengisytiharan Malaysia pada tahun tersebut.

Apa yang pentingnya ialah hakim pada masa itu telah mentakrifkan apakah dia Malaysia. Katanya dengan izin, "*...wish I shall call the Malaysia Agreement list as follows; the colonies of the North Borneo and Sarawak and the state of Singapore shall be federated with the existing*

states of the Federation of the Malaya as the states of Sabah, Sarawak and Singapore". Dengan maksud lain, bahawa Sabah dan Sarawak serta Singapura ini hendaklah disatukan dengan negeri-negeri yang sedia ada, bukan disatukan dengan *Federation of Malaya*. Dengan erti kata lain, hakim yang memutuskan kes ini telah berpandangan bahawa Sabah dan Sarawak serta Singapura pada masa itu mempunyai kedudukan yang sama dengan negeri-negeri lain yang berada di Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu.

Dengan tidak menafikan hasrat kawan-kawan daripada Sabah dan Sarawak tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Santubong sebentar tadi bahawa konsep "*equal partners*" tidaklah disebut dengan jelas di dalam Perjanjian Malaysia 1963. Walaupun demikian, kita tidak mempunyai sebarang masalah sekiranya Sabah dan Sarawak ingin diberikan hak mereka. Akan tetapi, apabila kita menyatakan bahawa Perjanjian Malaysia 1963 itu betul-betul bermaksud pada *equal partner*, maka ia perlu dibuktikan dengan dokumen-dokumen dan kes yang saya bawa ini yang diputuskan di mahkamah pada 14 September 1963, tidak menyatakan demikian.

■1930

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengajak Dewan untuk melihat apakah pandangan Majlis Raja-Raja telah diambil dalam isu ini kerana kita faham bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan Ketua Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dan juga merupakan Ketua Agama di Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak di mana peruntukan ini telah dimasukkan pada tahun 1976.

Persoalan yang saya ingin kemukakan ialah sekiranya kita kembali kepada Perjanjian 63 adakah Ketua Agama itu masih kekal di tangan Yang di-Pertuan Agong ataupun telah kembali kepada status sebelumnya. Dalam erti kata lain sekiranya pindaan ini cuba untuk sedikit sebanyak mengubah kuasa yang ada pada Yang di-Pertuan Agong yang kita faham bahawa di dalam Perlembagaan hendaklah dirujuk kepada Majlis Raja-Raja..

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: [Bangun].

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Maka persoalannya adakah Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja telah dirujuk untuk menerima untuk kita melaksanakan pindaan seperti ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penjelasan, Yang Berhormat Pasir Mas, setengah minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Mas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa yang kita bincangkan pada hari ini hanyalah Perkara 1(2) bukan perkara-perkara lain dalam Perlembagaan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi itu tidak menyentuh perkara-perkara lain. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini, terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih, Yang Berhormat Lembah Pantai. Oleh sebab itu saya menyebut bahawa kita bimbang sekiranya ia membuka kepada pintu-

pintu perbincangan ke arah itu kerana apa yang telah disebut oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan khususnya Yang Amat Berhormat Langkawi bahawa ini adalah hanyalah suatu langkah mula kepada perbincangan dan juga pindaan-pindaan yang lain yang dibimbangi akan menyentuh kuasa-kuasa seperti ini.

Jadi saya cuma mengutarakan kebimbangan seperti ini kerana kita tahu bahawa kuasa yang telah termaktub kepada Majlis Raja-Raja Yang di-Pertuan Agong tidak boleh diusik. Kita bimbang takut berlakunya apa-apa hubungan yang tidak baik menyebabkan pelbagai isu hari ini pun seorang Menteri Besar telah letak jawatan dan sebagainya.

Berikutnya kita menyokong supaya Sabah dan Sarawak diberikan hak mereka dan kita tahu bahawa yang paling penting ialah memberikan hak kepada yang berhak dan ia tidak semestinya dilaksanakan melalui pindaan Perlembagaan tetapi menghormati konsep Federalisme yang telah termaktub sekian lama di dalam Perlembagaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tenom, sila.

7.34 mlm.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang dalam membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang saya anggap sangat penting dan bersejarah bagi rakyat Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat yang mulia ini.

Saya berterima kasih sekali lagi kerana akhirnya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini akan menjadi titik permulaan dan pastinya menyejajarkan hak-hak Sabah berteraskan Perjanjian Malaysia 1963. Apa yang pasti langkah-langkah pindaan ini adalah langkah yang seiring dengan manifesto Pakatan Harapan yang sebelum ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju dengan pembentukan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Perjanjian Malaysia 1963.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pindaan Perlembagaan Persekutuan 2019 bagi menggantikan Fasal 2 Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan kepada pindaan asal sebelum pindaan pada tahun 1976 adalah selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia yang dimeterai pada 1963 dan adalah Malaysia yang dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin kerajaan Sabah, Sarawak terdahulu semasa mula-mula pembentukan Malaysia.

Saya menyokong penuh komitmen Kerajaan Pakatan Harapan yang melihat pindaan berkenaan memenuhi aspirasi dan harapan Kerajaan Sabah dan Sarawak serta semua rakyat Sabah dan Sarawak. Saya cukup yakin kerajaan tidak akan membiarkan ekonomi dan keselamatan Sabah serta Sarawak begitu sahaja dan pastinya ada perkembangan yang lebih pesat demi kemakmuran hidup rakyat seluruhnya.

Apa yang pasti penggubalan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 bertujuan untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu yang membentuk Malaysia seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Boleh, Yang Berhormat Tenom. Ya.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Yang Berhormat Tenom. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat bukannya dengan langkah kita meminda Perlembagaan ini kita bukan sahaja akan dapat memastikan bahawa satu ketidakadilan yang telah diperlakukan kepada rakyat Sabah dan Sarawak 43 tahun yang lalu selama ini boleh kita perbaiki.

Kedua, bukannya ini peluang terbaik untuk kita maktubkan dalam buku-buku Sejarah kita yang akan datang yang akan dipelajari oleh anak-anak kita bahawa inilah peluang terbaik untuk kita memperbaiki kekhilafan yang telah berlaku selama ini dan bukannya Yang Berhormat percaya bahawa ini adalah satu-satunya pada waktu ini langkah terbaik, peluang terbaik untuk semua Ahli Parlimen untuk menyatakan persetujuan untuk memperbaiki kekhilafan ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat, sedikit boleh masuk sedikit, Yang Berhormat. Saya rasa terpanggil sedikit ini. Boleh?

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Saya tinggal dua minit lagi.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: dua minit?

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Saya tidak akan sempat lagi.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua yang budiman dia akan bagi *you* peluang lebih. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Boleh dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jika Yang Berhormat Tenom bagi.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Minta maaf saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terpulang kepada Yang Berhormat Tenom.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Saya sangat bersetuju dengan ...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *No, no* saya sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tenom hendak bagi laluan atau tidak?

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Okey, bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey. Cepat mencelah jangan bahas.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Tenom, terima kasih. Bukan, saya rasa terpanggil kerana tadi Yang Berhormat Lembah Pantai buat kenyataan dia kata yang tidak ada keadilan kepada Sarawak dan Sabah 43 tahun. Janganlah sebut kenyataan begitu selalu, tidak bolehlah, memalukan Yang Amat Berhormat orang tua di Langkawi. Oleh sebab Yang Amat Berhormat...

Seorang Ahli: *[Bangun]*.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tunggu dahulu, *the floor is mine*. *[Dewan riuh]*
Ya, betul tanya Tuan Yang di-Pertua. Tanya, Tuan Yang di-Pertua. Betul tidak, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *The floor belongs to* Yang Berhormat Tenom.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *The floor is* Yang Berhormat Tenomlah bukan *you* lah. *[Dewan riuh]*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tetapi saya, saya yang

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Apa soalnya tanya, jangan bahas.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Kalau tidak ada soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Baca Peraturan Mesyuarat 24(3).

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Baik, baik saya bertanya. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Tenom.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Kapit ini melampauah Yang Berhormat Kapit ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Betul tidak Yang Berhormat Tenom, dalam 43 tahun ini negara kita dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Langkawi. Saya banyak hormati Yang Amat Berhormat Langkawi ini, betul tetapi janganlah buat dakwaan seolah-olah ini semua kita tidak ada, 43 tahun, 45 tahun Sabah dan Sarawak ini mundur, terkenalah Yang Amat Berhormat, hormat Yang Amat Berhormat sendiri sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila teruskan Yang Berhormat Tenom.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi sila masukkan dalam perbahasan saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sayangkan Sabah kerana ia adalah negeri atau tempat kelahiran saya. Sejarah telah melihat akan kepentingan Sabah yang dijemput Tanah Melayu dalam membentuk negara Malaysia. Pindaan Artikel 1(2) tidak dilihat sebagai kosmetik atau kata-kata yang menyedapkan semua pihak atau adanya maksud yang tersirat. Ini satu pandangan yang sempit kerana apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan adalah satu tindakan yang berani dan luar biasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Majlis Mesyuarat**]*

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Port Dickson sebab apa yang kita lakukan hari ini adalah membetulkan kekhilafan sejarah. Saya terus gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung, ya.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar tentang persoalan yang dibangkitkan mengenai kenapa pindaan ini dilaksanakan secara tergesa-gesa dan tidak menunggu laporan penuh Jawatankuasa. Seperti yang kita sedia maklum Jawatankuasa Khas MA 63 yang telah dibentuk sedang berlangsung dan sedang dalam proses perbincangan di mana hasil rundingan dan dapatan dijangka akan siap menjelang Jun depan. Dalam hal ini saya percaya dokumen Perkara 20 di Sabah sebagai contohnya akan diperincikan dalam Jawatankuasa Khas yang sudah tentu mencakupi pembahagian royalti hasil minyak dan gas, kuasa Imigresen, perkhidmatan awam, kewarganegaraan, bahasa dan wakil di Persekutuan.

Jadi saya tidak nampak alasan yang kukuh untuk menidakkan pindaan dalam rang undang-undang Perlembagaan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Sabah kami tidak pernah lupa asal usul kami dan perjuangan rakyat Sabah untuk memastikan keadilan terus terbela menerusi Perjanjian MA 63 yang sudah tentunya tidak pernah lekang dan luntur dalam sanubari kami. Saya berharap pada tahun 2019 ini adanya sinar baru dan berita gembira kepada rakyat Sabah dan Sarawak mengenai Perjanjian 1963 dan saya mohon semua Yang Berhormat pada hari ini boleh menyokong pindaan Perlembagaan 2019.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Tenom. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Terap. Silakan.

7.39 mlm.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk bercakap sedikit walaupun sudah tinggal hanya lima minit sebagai yang berkepentingan juga dengan Sabah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1940

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, daripada tengah hari tadi kita telah mendengar daripada Yang Amat Berhormat Langkawi dan juga rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen yang telah menyatakan tentang betapa pentingnya pindaan ini. Pindaan ini telah mendapat sokongan daripada rakan-rakan daripada Sabah yang rata-ratanya telah melihat bahawa seolah-olah selama ini dalam tempoh 50 tahun hendak dibuat ataupun lebih kurang 50 tahun hendak dibuat kembali pindaan selepas satu pindaan dibuat pada tahun 1976. Saya sedar bahawa inilah sebenarnya tuntutan yang selama ini diperjuangkan oleh rakan-rakan di Sabah dan Sarawak. Perkara yang dikaitkan dengan perjuangan ini sudah tentulah yang melibatkan untuk kesejahteraan dan juga perpaduan rakyat.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Bera tadi bahawa dalam urusan yang berkaitan dengan pindaan perlembagaan ini untuk Sabah dan Sarawak dikira ianya menyentuh berkaitan dengan sebutan untuk wilayah Tanah Melayu yang ada negeri-negeri di dalamnya dan juga wilayah Sabah dan Sarawak. Akan tetapi pada masa yang sama sudah tentulah kita hendak melihat perkara yang *detail* yang berkaitan dengan

perjanjian MA63. Oleh sebab Perjanjian Malaysia ini telah didaftarkan di Bangsa-Bangsa Bersatu pada 21 September tahun 1977 dengan nombor siri 10760. Itu sijil Perjanjian Malaysia yang telah didaftarkan. Maknanya Perjanjian Malaysia ini penting.

Akan tetapi di dalam perjanjian itu ada MA63 dan ramai rakan di Sabah dan Sarawak telah menyenaraikan apakah yang dikatakan MA63 yang ada kaitan kesemua sekali dengan kebajikan rakyat negeri Sabah. Termasuklah berkaitan dengan ekonomi berkaitan dengan pendidikan, berkaitan dengan infrastruktur, berkaitan dengan kerakyatan. Kerakyatan ini menjadi satu perkara yang sangat serius dan telah diambil tindakan mengikut masa. Walaupun begitu, tidak cukup sebab ramai juga lagi rakan-rakan kita yang berada di kawasan pedalaman yang tidak dapat kerakyatan. Jadi, itu juga antara perkara yang dibincangkan dalam perkara yang menyentuh mengenai MA63. Itu lagi termasuklah royalti minyak dan sebagainya.

Jadi oleh yang demikian, seeloknyalah bila kita buat pindaan ini sebab hendak pinda sekali-skala Tuan Yang di-Pertua, elok kalau dibuat seperti yang disebut oleh rakan-rakan sebelah sini bahawa bincang *detail* apa yang hendak dimasukkan sebab dalam ini tiada. Dalam ini tidak disebut dengan jelas berkaitan dengan apa benda. Kalau kita hendak pinda boleh. Ramai kawan daripada Sabah dan juga Sarawak yang telah memberikan aspirasi yang begitu kuat dalam Dewan ini mengatakan inilah dalam bahawa Sabah disebut ini kalilah satu pindaan hendak dibuat. Pindaan itu sahaja tidak akan memberi apa-apa makna kalau tidak dimasukkan satu yang disebut tadi *detail* yang berkaitan dengan MA63. Betul, Yang Amat Berhormat Langkawi menyebut bahawa ianya akan dihalusi dan ianya akan diberi *detail out* oleh jawatankuasa Kabinet dan *select committee* tetapi seeloknya biarlah kita masukkan sekali kita pun turut di sini menyokong. Saya mempunyai anak empat orang yang IC anak saya adalah IC 12 dari Sabah. Jadi saya sebab isteri saya orang Sabah seorang sahaja. Yang Berhormat Kubang Pasu tahu. Jadi kita hendak juga perkara yang seumpama itu ada. Akan tetapi biarlah ada dalam *detail* yang dibawa dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puncak Borneo sudah berbahas belum? Tidak bahas. Okey. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu. Tidak ada? Yang Berhormat Bandar Kuching. Silakan.

7.45 mlm

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Keningau.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Lima minit cukup lah. Salam sejahtera, salam harapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang untuk turut serta dalam perbahasan bersejarah ini. Ini bukan sahaja penting bagi saya sebagai seorang anak Sarawak ataupun Sabah tetapi juga rakan saya di Semenanjung. Ini kerana melalui pindaan ini kita telah mengambil langkah pertama untuk kita kembali ke roh asal atau *initial spirit* dengan izin pembentukan Persekutuan Malaysia yang telah dibayangkan oleh pemimpin-pemimpin kita

terdahulu. Malah hasrat kerajaan Pakatan Harapan untuk melakukan pindaan ini sebagai pindaan perlembagaan pertama adalah antara semua pindaan yang diperlukan menunjukkan kepentingan dan keistimewaan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak dan juga keikhlasan kerajaan Pakatan Harapan untuk memperbetulkan apa yang telah dilakukan kepada Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Kerajaan Persekutuan dalam masa tidak sampai setahun telah berjaya melakukan apa yang Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat lakukan dalam masa beberapa dekad. Malah saya diberitahu bahawa peruntukan khas yang banyak disebut oleh rakan-rakan saya di sana di bawah perlembagaan yang merujuk kepada pemberian peruntukan khas kepada negeri Sarawak di bawah perkara 112D yang tidak pernah disemak sejak tahun 1969 akan disemak dan diselaraskan di dalam masa terdekat berdasarkan perbincangan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet MA63. Ini membuktikan sekali lagi kita berjaya melakukan apa yang kerajaan terdahulu tidak lakukan sejak 1969.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua. Saya tiada masa, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kita minum kopi nanti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak sokongan Barisan Nasional, jangan maki kami.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, ini *flow* saya. Saya gunakan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, masa tidak mengizinkan. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi kau hendak minta sokongan Barisan Nasional, capak elok-elok. Buat perbandingan maki, taubat tidak sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan. Tinggal dua minit 18 saat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sebenarnya saya mendengar dengan teliti semua perbahasan yang ada. Oleh sebab isu ini memang dekat pada hati saya. Banyak pihak yang membangkitkan bahawa pindaan ini sangat penting dan harus dibawa ke *select committee* untuk dibincangkan secara lebih mendalam. Namun begitu, sekarang kita sudah ada Jawatankuasa Khas MA63. Di mana ahlinya terdiri bukan sahaja daripada ahli Parlimen daripada kedua-dua pihak tetapi juga ahli akademik, peguam-peguam, AG dari setiap negeri, aktivis dan juga ketua menteri Sabah dan Sarawak.

Mereka semua ini bukan semua yang menyokong Pakatan Harapan. Akan tetapi ada yang juga menyokong Barisan Nasional. Ini satu representatif yang bagus. Ini satu komiti berperingkat yang tinggi dan telah ditubuhkan dan banyak sekali sudah bersidang dan perbincangan setiap tahap telah dilakukan. Maka saya tidak melihat apa-apa alasan lagi untuk menagguhkan pindaan ini atau menolak ke satu lagi *select committee* kecuali jika ada agenda politik masing-masing.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Betul, betul, betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Malah di bulan Januari ini, di MA63 *Technical Committee meeting*.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Bandar Kuching, minta laluan sedikit sahaja Puncak Borneo.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tidak ada masa lah. Tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak cukup masa jangan bagi dia.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bulan Januari ini *The State Attorney Journal Chambers*. Ini *State Attorney Journal Chambers* Sarawak telah menghantar cadangan untuk meminda Artikel 12 dengan memulihkan kata-kata *Malaysian state* dan *Borneo state*. Ini telah dihantar oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri pada tahun ini. Akan tetapi sekarang kita hendak melakukan pindaan ini. Jangan kita tangguhkan. Malah pada bulan September tahun lalu, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Anak Masing pun telah berkata kita haruslah balik pada kata-kata perkataan asal dalam Perlembagaan Persekutuan 1963. Hari ini kita melakukannya. Jangan buat alasan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu ungkapan yang sangat terkenal di Sarawak. Ungkapan ini diluahkan sebagai '*anang Malaysia baka tebu, manis dik pun taba di hujung*', yang dilontarkan oleh pemimpin ulung Iban yang saya amat hormati dan beliau seorang individu yang menyokong penubuhan Malaysia. Mendiang Tun Jugah Barian telah berkata ungkapan tersebut yang bermaksud, '*Jangan Malaysia seperti tebu manis dipangkal tawar di hujung*'.

■1950

Cukup signifikan bagi konteks Sarawak sebagai rakan kongsi di dalam pembentukan negara ini dan sedikit sebanyak kita melihat kebimbangan tersebut telah menjadi benar terutamanya di bawah pemerintahan terdahulu. Namun begitu, dalam Kerajaan Pakatan Harapan kita mempunyai peluang untuk melakarkan sejarah sendiri dan juga untuk membetulkan yang salah dan benar-benar menghormati hak-hak yang ada dalam *Malaysian Agreement*.

Oleh itu, saya ingin menyeru bukan sahaja sebagai seorang Ahli Parlimen Pakatan Harapan tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia di Sarawak agar kita semua di Dewan ini, mahupun dari pihak pembangkang, marilah kita bersama-sama mencipta sejarah hari ini, dengan meletakkan nama kita, rekodkan nama kita dan menyokong pindaan ini untuk mengembalikan roh asal pembentukan Malaysia yang telah dibayangkan oleh pemimpin-pemimpin dahulu.

'The journey of a thousand miles start with the first step and today, we can make that first step together'. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong dengan sepenuh hati pindaan ini terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua : Terima kasih Yang Berhormat Kuching, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau.

7.51 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat 'Tan Sri' Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk, saya Datuk ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang pertama sekali, saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong pindaan ini, tepuk! [*Dewan Riu*]

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak tepuk, [*Tepuk*]. Saya menyokong pindaan ini. Akan tetapi... [*Ketawa*] hendaklah..

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Ha, itu yang kita tak nak dengar tu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya lah, semua dalam Dewan ini tidak ada yang menentang, kita menyokong pindaan ini cuma sekarang ini antara ayam *dulu ka telur dulu?*

Sama ada *select committee* dahulu atau pindaan dahulu. Jadi, sekarang ini kita minta satu pindaan yang menyeluruh Yang Berhormat. Kita ini ada masalah. Kenapa kita buat pindaan 1976? Kita kena ambil tahu bahawa Sabah dituntut oleh *Philippines*. Kita kena ingat itu. Ini ada rentetan di mana, bila *British* menyerahkan Sabah, untuk bersama-sama dalam Malaysia kemudian berlaku tuntutan daripada *Philippines*. Kita kena ingat apa pun kita buat, kita kena kaji dahulu sebelum kita bercakap. Kita jangan seronok menyebut bahawa kita hendaklah berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Saya menyokong. Sekarang ini saya rasa saya cukup rendah. Sabah dan Sarawak cukup tinggi. Saya hendak pergi ke Sabah dan Sarawak, saya kena pakai passport. Sabah dan Sarawak datang ini tak payah pakai passport.

Jadi, perkataan sama tinggi sama rendah ini tidak betul. Menuduhkan kita buat salah pada masa yang lepas tidak betul. Sebenarnya, Sarawak dengan Sabah dapat lebih daripada kami tetapi kami diam. Sebab apa? Bagi kami apa dia hendak minta, dia minta tiada masalah. Apa yang telah janji kita tunaikan. Kita tahu bahawa Kerajaan PH ini adalah kerajaan yang menunaikan janji, betul *dak?* Jadi kita tidak takut sangat soal janji itu bahawa janji akan ditunaikan. Perkataan kesalahan yang lalu, salah apa? Sebut mari sini. Salah apa?

Saya hendak perjuangkan untuk Sabah dan Sarawak satu benda sekejap lagi penghabis sekali. Saya percaya orang Sabah dan Sarawak tidak tahu benda ini. Akan tetapi, saya akan perjuangkan supaya bila tuan-tuan dapat hak ini yang itu yang terbaik. Ini hendak buat pindaan ini untung apa? Saya hendak tanya. Sebab apa, pindaan ini masih lagi ada pindaan lain yang perlu dibuat dalam Perlembagaan terutamanya Perkara 160 iaitu berhubung dengan takrifan negeri-negeri dan juga Persekutuan. Kita kena buat pindaan. Kalau kita hanya membuat pindaan Perkara 1(2) tetapi benda-benda yang lain yang berkaitan kita buat pindaan, kita rugi.

Benda yang besar yang patut ada pada Sabah dan Sarawak ialah hak perairan. Kena lawan hak perairan ini. Hak perairan sekarang ini untuk negeri-negeri di Semenanjung ini ialah tiga batu nautika. Selepas tiga batu ialah hak *Federal*. Jadi Sarawak ini hendak menuntut apa? Apa dia yang patut Sabah dan Sarawak menuntut? Jadi, hak perairan ini sama ada sekarang ini kalau saya tidak silap mungkin 10 batu nautika. Selepas 10 batu ialah hak *Federal*. Akan tetapi kalau

Sarawak hendak menuntut supaya hak perairan ini ialah 200 batu nautika, sama seperti Semenanjung, itu yang terbaik. Yang Berhormat kena kaji dengan terperinci... [Disampuk]

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...supaya sebelum kita pinda yang ini, kita kena pinda bersekali supaya... [Disampuk]

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...ia mendatangkan keuntungan yang dahsyat kepada Sabah dan Sarawak. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Santubong. Beri laluan ya.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ringkas Yang Berhormat. Bukan 10 tetapi 12 batu nautika dan... [Disampuk]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lagi bagus.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] : ...undang-undang yang mengambil sehingga tiga batu nautika itu tidak diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Tak pa tetapi yang saya hendak kalau boleh dibuat pindaan, supaya kita dapat berapa? Hak Kerajaan Malaysia ialah 200 batu nautika daripada *shoreline*. Di situlah kawasan minyak. Itu sebab saya sebut Beting Patinggi Ali. Bila saya sebut Beting Patinggi Ali, bukan untuk saya. Untuk orang Sarawak. Jadi orang Sarawak kena faham kenapa saya sebut Beting Patinggi Ali walaupun jaraknya hanya 83 kilometer daripada *shoreline* dengan izin Sarawak. Saya kata minta itu hak itu di masuk sebagai hak Sarawak. Yakni yang itu orang Sarawak patut sokong saya.

Akan tetapi kalau hendak semua ini, bukan pinda Perkara1(2). Kita kena pinda secara menyeluruh untuk membina secara menyeluruh, sabarlah. Tunggu Jawatankuasa Kabinet untuk bagi pandangan mereka dan selepas itu kita buat pindaan. Kalau kita hanya pinda satu, tak pinda yang lain, untuk apa? Untuk wayang-wayang. Seperti saya terkejut— maaf minta seperti Yang Berhormat Port Dickson itu tadi garang bukan main. Saya terkejut saya. Kita tidak boleh garang-garang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang sana tadi hendak minta sokongan daripada kami Barisan Nasional. Minta elok-elok lah. Ini kerajaan dahulu tidak guna. Kalau *you all* kata tak guna, saya hendak bagi tahu kerajaan dahulu sebelum daripada Yang Berhormat Langkawi, semasa itu tak berapa ketara sangat. Daripada Tuanku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn tidak ketara sangat. Akan tetapi yang ketara pemerintahan kita adalah masa Yang Amat Berhormat Langkawi menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuk Yang Berhormat Port Dickson menjadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, masa sudah habis terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi yang terbaiknya Tuan Yang di-Pertua ialah jangan menyebut kesalahan yang lalu. Tidak bagus. Sebut bahawa kita ingin meminda

supaya apa yang kita tuntutan dalam perjanjian itu diketengahkan. Saya hendak bagi tahu sekarang ini Sabah dan Sarawak ialah negeri yang mendapat keistimewaan yang luar biasa. Kita jangan sebut ini. Kita sebut bahawa ini wilayah istimewa macam di Indonesia, Aceh.

Jadi, di sini Sabah dan Sarawak ialah wilayah yang cukup istimewa. Kalau hendak sebut sama tinggi sama rendah... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat pergi ke Indonesia, masa sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tahu lah hendak tutup, gulung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat tengah bergulung itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya menggulung, saya menyokong, kami semua menyokong tetapi sebelum itu, kita bawa kepada *Select Committee* untuk kita bincang dengan terperinci terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya memanggil Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan, jemput.

7.57 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya menyokong usaha Parlimen sekarang untuk membetulkan status Sabah dan Sarawak supaya selaras dengan Perjanjian Malaysia Tahun 1963. Rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan pada bacaan kali pertama yang tidak menyebut Negeri-negeri Tanah Melayu pada Fasal 2(a) Perkara 1 pada sebelum perkataan Johor dan seterusnya dan tidak menyebut perkataan Negeri-negeri *Borneo* sebelum perkataan Sabah dan Sarawak seperti yang dibentangkan oleh *de facto* Yang Berhormat Menteri undang-undang saya lihat telah merendahkan kedudukan 11 negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu menjadi negeri-negeri kelas kedua dalam Persekutuan Malaysia.

Jadi pada pandangan saya, kita perlu berhati-hati dalam usaha kita untuk menaikkan taraf Sabah dan Sarawak sama taraf dengan Persekutuan Tanah Melayu supaya kita tidak pula merendahkan 11 negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu yang sembilan daripadanya mempunyai raja-raja semacam negeri-negeri kelas kedua pula. Akan tetapi, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan rang undang-undang ini untuk bacaan kali kedua petang ini dengan mencadangkan pindaan kepada rang undang-undang asal, dengan memansuhkan sebelum perkataan "ohor", perkataan negeri-negeri Tanah Melayu iaitu Fasal 2(a) Perkara 1 dan kemudiannya memasukkan sebelum perkataan 'Sabah', perkataan 'negeri-negeri *Borneo*' bagi Fasal 2(b).

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Mohon mencelah. Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Saya berpendirian, ini pindaan yang betul dan... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat Julau minta laluan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: ...saya setuju dan ingin menyokongnya. Pada pandangan saya... *[Disampuk]*

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat Julau. Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat.

■2000

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: ...Memasukkan perkataan, "Negeri-negeri tanah "elayu" di awal Fasal 2(a), Perkara 1 adalah...

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Mohon mencelah?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: ...penting kerana ia bermakna mengembalikan status Negeri-negeri Melayu di Semenanjung yang mempunyai sembilan orang Raja Melayu yang membentuk Majlis Raja-Raja Melayu yang kemudiannya melahirkan institusi Yang di-Pertuan Agong yang menjadi asas kepada sistem negara kita; Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita ingin mengelakkan pindaan berbangkit bagi seluruh Perlembagaan Persekutuan, maka saya percaya perkataan istilah "negeri" atau "state" dalam versi bahasa Inggeris bagi Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Negeri-negeri Borneo, perkataan "negeri" atau "state" itu hendaklah dipakai.

Saya ingin memberi ulasan saya tentang cadangan supaya dalam pindaan Perlembagaan ini disebutkan, *Malaysia Agreement 1963* dimasukkan. Saya rasa ini tidak perlu. Sekiranya kita memasukkan *Malaysia Agreement 1963* dalam pindaan Perlembagaan ini, kita kena ingat *Malaysia Agreement 1963* itu melibatkan Singapura. Kalau kita masukkan klausa *Malaysia Agreement 1963*, kita kena masukkan juga Akta Pindaan Perlembagaan 1966 selepas Singapura terpisah daripada Malaysia. Jadi saya rasa tidak perlu.

Jadi saya rasa apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sudah cukup dan saya dengan sukacitanya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat. Silakan.

8.04 mlm.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

Dengan penuh keinsafan, kasih sayang kepada seluruh rakyat Malaysia, baik dari Sabah dan Sarawak mahupun dari Persekutuan tanah Melayu serta perasaan tanggungjawab terhadap

rakyat kita pada hari ini dan juga masa depan yang berbilang kaum dan berbagai-bagai agama ini, saya muatkan diri untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Hari ini selaku pembuat dasar, kita diamanahkan oleh Allah SWT untuk membuat satu keputusan yang cukup besar untuk masa depan negara kita, masa depan Sabah, masa depan Sarawak dan masa depan Persekutuan Tanah Melayu juga sebenarnya dan secara langsung atau tidak langsung masa depan negara kita yang bernama Malaysia ini.

Saya sebut satu keputusan yang cukup besar kerana yang hendak kita pinda ini ialah Perkara 1 dalam Perlembagaan Persekutuan, kita. Daripada 183 Perkara dalam Perlembagaan kita ini, yang hendak kita pinda kali ini ialah Perkara 1 Fasal 2 yang sebelum ini berbunyi, "*Negeri-negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu*", dipinda kepada Fasal 2 yang berbunyi "*Negeri-negeri persekutuan terdiri daripada, "negeri-negeri tanah Melayu iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis dan Pulau Pinang."*

Saya setuju dengan Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, letak Negeri-negeri tanah Melayu, dan "*negeri-negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak*".

Walaupun pindaan yang dibuat ini nampaknya terlalu kecil bahkan pihak yang menuntut pindaan ini pun mungkin masih tidak berpuas hati dengan pindaan yang terlalu kecil ini. Namun natijahnya, ia boleh jadi satu permulaan kepada rangkaian perjanjian yang termaktub sebelum ini.

Lebih membimbangkan sekiranya ada agenda yang lebih besar yang ingin dicapai oleh pihak-pihak tertentu lalu memainkan sentimen rakyat, melahirkan kecurigaan kebimbangan dan rasa tidak puas hati bahkan kebencian di kalangan rakyat. Keputusan atau perjanjian yang dibuat oleh para pimpinan yang mendahului kita tentunya telah dibuat dengan penuh tanggungjawab dan berhati-hati. Dengan semangat perpaduan dan semangat Persekutuan, maka merungkaikannya pula perlulah dibuat dengan ketelitian dan semangat yang serupa walaupun tidak lebih daripada itu.

Ia perlu dilihat bukan sahaja dari bait-bait kata perjanjian bahkan juga dari semangat perjanjian itu sendiri. Ia jangan dibuat hanya kerana janji Manifesto Pakatan Harapan dalam pilihan raya lalu sedangkan hari ini telah terbukti bahawa manifesto itu sendiri telah dibuat dengan terburu-buru tanpa kajian dan *very unrealistic at the very best*. Apatah lagi kiranya pindaan ini ada agenda-agenda lain yang lebih besar dan tersembunyi seperti mana yang saya sebutkan di awal tadi.

Kalau ia dituntut ialah untuk membawa keadilan kepada rakyat Sabah dan Sarawak, maka saya sangat menyokongnya. Keadilan mesti diberikan kepada rakyat Sabah dan rakyat Sarawak. Bahkan keadilan sama kita perlu panjangkan juga kepada rakyat di Persekutuan Tanah Melayu ini. Apa saja janji-janji dalam perjanjian sedia ada, baik terhadap Sabah dan Sarawak bahkan Persekutuan Tanah Melayu juga mesti ditunaikan. Sebagai contohnya, kalau Sabah dan Sarawak dapat menikmati hasil royalti, sebuah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu juga perlu ditunaikan bayaran royaltinya.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sangat budiman yang sedang berusaha untuk membayar royalti kepada Kerajaan Negeri Kelantan ini. Cuma jangan ada yang menyanggah. Demikian juga dengan pihak wakil-wakil rakyat daripada Sabah dan Sarawak menuntut ataupun pelaksanaan *Pan Borneo Highway* dan sebagainya, rakyat di negeri sebelah Timur dan Utara Persekutuan Tanah Melayu ini yang bernama Kelantan juga mendambakan *highway* ataupun lebuhraya pertama di negeri itu. Saya mengharapkan kerajaan tidak melengah-lengahkan pembinaan lebuhraya di negeri itu sebagaimana yang dijanjikan.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa pindaan Perlembagaan ini tiada kaitan dengan Wakil-wakil Rakyat dari tanah Melayu. Ini adalah satu kenyataan yang sangat tidak tepat kerana Perjanjian 1963 itu sendiri melibatkan dua pihak dan kepentingan dua pihak. Pindaan yang dicadangkan kali ini pun menyenaraikan Negeri-negeri Tanah Melayu pada Fasal 2(a) dan menyenaraikan Negeri-negeri Borneo pada Fasal 2(b). Jadi maknanya sama ada negeri-negeri di tanah Melayu juga terlibat di samping Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, takdir Allah SWT ada baiknya, mengingatkan kita dan rakyat Malaysia bahawa negara kita ini terbentuk dengan kerjasama negeri-negeri dari Borneo dan juga Negeri-negeri Tanah Melayu. Ini kerana kebelakangan ini banyak pihak yang mempersoalkan sejarah, bahawa tanah ini adalah Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu jangan ada lagi suara-suara sumbang terutamanya daripada pimpinan sendiri yang mempersoalkan sejarah dan persetujuan awal itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat, dalam peristiwa bersejarah pada hari ini yang menentukan masa depan negara, saya suka mengambil kesempatan untuk mengingatkan bahawa apa pun pindaan yang dibuat pada hari ini ataupun apa-apa tindakan susulannya selepas ini, tidak boleh mengganggu-gugat kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Kedudukan Raja-Raja Melayu, hak-hak istimewa orang Melayu dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, masa sudah habis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Sebarang ucapan, cadangan, tindakan kita yang menjurus kepada runtuhan persetujuan awal akan tercatat dalam sejarah dan akan dibaca, diketahui oleh anak cucu kita.

Sebagai kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, pindaan apa pun hari ini, jangan ia menjadi asas atau permulaan kepada keretakan, kerenggangan apatah lagi perpecahan kepada negara kita. Akan tetapi biarlah ia menjadi titik permulaan kepada penunaian tanggungjawab Persekutuan kepada negeri-negeri atau wilayah yang bernaung di bawahnya, dan pindaan apa pun sepatutnya memperkukuhkan negara kita untuk masa depan. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Labuan. Silakan Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan. Tahniah saya ucapkan kepada semua pejuang-pejuang MA63 iaitu *Malaysia Agreement 1963*. Sama ada yang berada di dalam sini ataupun yang di luar sana, di sebelah sini ataupun di sebelah sana. Dengan suara yang lantang selama ini, sekarang kita mempunyai *political will* yang cukup kuat.

■2010

Sehinggalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada sambutan Hari Malaysia 2018 di Kota Kinabalu menyatakan dengan secara terbuka dan terang, akan mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai *equal partners*, rakan kongsi, rakan sekutu, macam-macam terminologi. Akan tetapi, sebenarnya kita pun kurang pasti, faham, apakah ertinya rakan kongsi, *equal partners* ini semua.

Saya membayangkan bapa-bapa kemerdekaan kita yang menandatangani *Malaysian Agreement 1963* tersebut, bahawa mereka melihat konsep tiga entiti ini perlu ada sebab inilah yang diminta oleh Sabah dan Sarawak untuk Pembentukan Malaysia.

Pada masa yang sama, kita kena ada satu konsep federalisme yang mana salah satu tiga entiti tersebut sudah sebuah federalisme- Persekutuan Malaya pada waktu itu yang mempunyai 11 negeri. Jadi, ini membuatkan pelaksanaannya agak kompleks.

Oleh sebab itulah untuk menjadikan permintaan-permintaan daripada Sabah dan Sarawak ini dapat di-*integrate* di dalam sistem federalisme ini maka lahirlah usaha-usaha yang sehingga *result*-nya kita ada *IGC Report* dan seterusnya *Malaysian Agreement 1963*.

Jadi, visinya sebenarnya Malaysia yang patut terjadi yang mana arah tuju pembangunan Malaysia tersebut sebuah federalisme yang mana negeri-negeri di Semenanjung satu kumpulan negeri yang mana ia punya *governing power decentralized- centralization of governing power* untuk negeri-negeri ini tetapi untuk Sabah dan Sarawak dua entiti ataupun dua negeri yang *autonomous*. Sepatutnya selepas itu, semua penggubalan undang-undang dan dasar-dasar pentadbiran sepatutnya berpaksikan kepada konsep tersebut- *centralization* di Semenanjung tetapi *autonomous* untuk Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi, masa berjalan dan semangat MA13 mula terhakis sama ada disedari ataupun tidak. Sehinggalah tertanam di minda warga terutamanya yang baharu bahawa Sabah dan Sarawak ini adalah sebahagian, satu daripada 13. Sehinggalah juga sebenarnya ini apa yang saya dengar di luar sana, peta Malaysia, peta Malaysia dibuat dalam dua skala. Sabah dan Sarawak dikecilkan supaya ia nampak sepadan dengan konsep satu daripada 13, seperti ada usaha yang sengaja untuk menanam ke minda-minda warga Malaysia bahawa konsep asal itu tidak sesuai dan ia perlu diubah dan kemuncak kepada perubahan tersebut pemindaan kepada Fasal 2- kepada Artikel 1, *Federal Constitution* pada tahun 1976...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Ini adalah mercu tanda kepada penghakisan Semangat 46.

Jadi, apa yang kita buat sekarang ini, hari ini merobohkan mercu tanda ini. Ini penting, ini *very significant* walaupun ianya dikatakan cuma perubahan tetapi ianya sesuatu yang akan memulakan- *consequential amendment* seterusnya yang akan kita gunakan untuk menyelesaikan semua isu-isu yang terbangkit termasuklah isu hak-hak Sabah dan Sarawak seperti 40 peratus...

Tuan Yang di-Pertua: Sila tutup.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: ...*Tax revenue, share of the oil and gas* punya *reserve, territorial waters* dan juga *continental shelf* dan sebagainya.

Jadi saya mohon semua kita menyokong kepada perobohan kepada mercu tanda kepada penghakisan MA63 tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Labuan.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Kapar. Lima minit juga.

8.16 mlm.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya mengambil bahagian dalam pindaan Perlembagaan yang memberikan saya ruang sedikit perkongsian. Dengan mendengar hujah-hujah teman Ahli Yang Berhormat yang lain, pelbagai andaian dan sebagainya dilakukan. Namun saya hendak mengheret sedikit Dewan ini ke arah definisi sebenar bila pindaan 1976 itu dibuat pindaan. Apabila berlakunya demikian, setelah roh Perlembagaan- Perjanjian Malaysia tahun 1963 itu dilaksanakan, keadaan itu dicerminkan untuk mensaksamakan hak rakyat Sabah, Sarawak dan juga Tanah Melayu.

Apa yang berlaku pada tahun 1976, mengorak langkah atas berlakunya kekhilafan roh perlembagaan itu sendiri. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pekerja yang sinonim dengan hak pekerja ini. Apabila kita membicarakan soal hak kesaksamaan, bila gaji minimum Sabah dan Sarawak- RM920, dan juga Semenanjung berbeza- RM1000. Kenapa berbeza? Kerana pindaan 1976 diambil tempat. Kenapa berlaku begitu? Kerana penerimaan atas berlakunya, yang berlaku dalam sifat *Borneo States* itu tidak terwujud walaupun tidak berada dalam posisi tahun 1963. Ini tidak boleh berlaku. Maka pindaan ini dibuat atas sifat manusiawi yang dilihat setiap rakyat itu perlu diberikan hak kesaksamaan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua tengok puluhan ribu rakyat Sabah dan Sarawak berhijrah ke Semenanjung kerana apa? Ini kerana mereka terpaksa membuat demikian atas kos sara hidup dikiblatkan sebab ruang itu tersepit. Kos mereka melebihi 20 peratus kalau dibandingkan dengan Tanah Melayu. Maka, tidak ada jalan lain, pengiktirafan dan juga komitmen Kerajaan Pakatan Harapan membuka ruang seluas-luasnya membenarkan hak kesaksamaan ikut diijelmakan. Maka, tidak ada apa alasan sekalipun, kalau kita lihat daripada pindaan ini adalah bajunya, isi implementasi itu saya fikir jangan dikhuatiri, akan ada Jawatankuasa Teknikal yang akan membentuk penambahbaikan untuk memberikan hak kesaksamaan itu diijelmakan.

Maka, saya mengambil pendekatan pindaan ini begitu menggembirakan kerana apa? Ini kerana ruang untuk kita melebar luaskan hak terutama sekali kehidupan rakyat Sabah dan Sarawak akan dipertahankan dan memberi ruang kepada kerajaan negeri untuk melebar luaskan hak mereka seperti mana yang akan dibuat atas teknikal itu sendiri. Maka, tidak ada kekhuatiran, yang *dok* takut sangat kata akan berlaku pada Raja-Raja. Ini semua cuba jangan ada sifat *mala fide*. Niat positif, berhati mulia bersifat manusiawi. Ini kita takut sangat itu fasal apa?

Kita ini ya lah- dia kata macam-macam. Betul, Negeri Persekutuan Tanah Melayu dalam pakej Persekutuan Tanah Melayu. Wilayah Sabah dalam pakej Sabah dan juga Sarawak, kerana menghormati dan menghargai Perjanjian Malaysia tahun 1963. Jadi, hendak takutnya apa? Kata matlamat kita jujur. Kita Pakatan Harapan sejujur-jujurnya ingin memberikan kesaksamaan kepada seluruh rakyat Malaysia... [*Dewan riuh*] Saya menyokong atas pindaan ini...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ini klon Yang Berhormat Port Dickson ini. Klon PD, klon PD.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Kerana pindaan ini roh dalam pada kerangkanya dan masa depannya telah pun dibuka lebar luas. Maka apa yang kita tunggu hari ini ialah untuk implementasikan Tuan Yang di-Pertua, bila boleh lakukan implementasi itu? Tunggulah, bila baju dan kerangka itu telah terlaksana maka pengisian untuk membuat pindaan itu dijelmakan dengan implementasi daripada Persekutuan.

■2020

Saya juga ada melihat beberapa cadangan yang dibuat, yang dikhuatirkan ialah pelaksanaan itu tidak mencapai sasaran. Jangan dikhuatiri, perjanjian itu tetap perjanjian dan kita akan pegang kepada perjanjian sebab kita Pakatan Harapan menjiwai manusiawi yang adil dan saksama dan menuju kebenaran... [*Tepuk*] Saya mengakui, bahawa pindaan ini tidak ada kompromi untuk tidak diluluskan kerana ini kebajikan dan kebaikan, mengorak langkah awal untuk memastikan bahawa keadilan, kesaksamaan, kebenaran dapat dijelmakan. Dengan membuat pindaan ini, sesungguhnya saya menyokong sepenuh-penuhnya pindaan ini demi untuk rakyat Sabah dan Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Keningau. Silakan, lima minit.

8.21 mlm.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini mewakili suara Sabah dari Keningau.

Tujuan utama pindaan Perlembagaan ini memenuhi dua perkara. Satu, memulihkan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama rata dengan Malaya.

Kedua, memenuhi aspirasi Sabah dan Sarawak.

Penerangan saya, pindaan ini kalau mengikut kata-kata dan ayat yang digunakan dalam cadangan pindaan ini tidak boleh memenuhi dan tidak akan mencapai hasrat dua tujuan yang

saya sebutkan tadi. Sebab itu saya ingin mencadangkan kerana saya difahamkan kerajaan ini mendengar dan akan mengambil kira cadangan-cadangan untuk memperhalus pindaan ini.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya satu, dua perkara di gunakan untuk memperhalus supaya saya pun boleh menyokong pindaan ini.

Satu ialah perkataan, "Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Negeri-Negeri dalam Persekutuan (a), (b), and (c)- (a). Negeri-Negeri di Semenanjung; (b). Sabah; (c). Sarawak...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, waktu tidak jalan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: ...Ini menggambarkan- akan mencerminkan penanda tangani ataupun *partner* di dalam Perjanjian Malaysia, dan saya harap ini diambil kira untuk memperhalus supaya isu *partnership* ini diambil kira dan isu Perjanjian Malaysia juga diambil kira supaya Persekutuan yang dimaksudkan ini bukanlah Persekutuan yang dibentuk pada tahun 1957.

Ini kerana kalau tidak ada, perubahan dalam Artikel 160, Artikel (2) seolah-olah Malaya ini mengambil alih Sabah dan Sarawak dan menjajah Sabah dan Sarawak bertentangan dengan kenyataan Lord Cobbold di dalam *Cobbold Commission Report*. Maka itu, inilah cadangan saya untuk diambil kira dan saya harap cadangan saya ini diambil kira untuk memperhalus supaya kita boleh memenuhi kehendak dua perkara yang saya sebutkan tadi itu iaitu isu *equal partnership* dan yang kedua aspirasi Sabah dan Sarawak...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan tak Yang Berhormat Keningau?

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Kita ada dua minit sahaja.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Setengah minit, 20 saat sahaja.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Jadi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bolehkah?

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Saya tidak bagi, nantilah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bagi 20 saat sahaja, tanya satu penjelasan.

Adakah Yang Berhormat Keningau bersetuju bahawa pindaan yang dicadangkan ini lebih baik untuk Sabah dan Sarawak daripada peruntukan yang sedia ada? Kalau mereka dari Sabah dan Sarawak tidak menyokong cadangan ini, maksudnya kebaikan yang bakal menjadi ataupun diberikan kepada Sabah dan Sarawak- akan terlepas peluang kebaikan yang dicadangkan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Okey saya jawab. Alang-alang perubahan ini setengah-setengah, *half back*.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya dia lebih menyeluruh sebab Jawatankuasa Khas Kabinet untuk mengkaji Perjanjian Malaysia sedang berjalan. Kenapa tidak tunggu bersama-sama dengan *Steering Committee* dan tubuhkan satu *Select Committee* untuk membincangkan perkara ini dengan lebih meluas dan lebih mendalam lagi untuk memuaskan hati supaya perubahan ini boleh diterima oleh semua pihak. Jangan lupa Perkara 161E di dalam Perlembagaan Persekutuan memerlukan apa jua pindaan Perlembagaan yang membabitkan

Sabah dan Sarawak perlu mendapatkan kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri Sabah, dan Sarawak.

Jadi inilah sebab saya mencadangkan- saya masih berpendapat bahawa ini perlu dibuat secara menyeluruh dengan pindaan-pindaan yang lain supaya kita buat satu kali, bukan *piecemeal*.

Kalau kita buat satu demi satu, demi satu- alang-alang macam kena jahit sini, bocor sana. Ia tidak akan memberikan satu penyelesaian yang lebih menyeluruh dan lebih kukuh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan penambahbaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus, sila.

8.26 mlm.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Alhamdulillah*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya yang kita setuju ialah Sabah dan juga Sarawak saudara senegara bagi negara kita ini bersama-sama dengan negeri-negeri yang lain. Di samping itu, Sabah dan Sarawak diberikan kelebihan oleh Perlembagaan Persekutuan dengan beberapa perkara yang bersifat seperti autonomi yang melibatkan imigresen dan sebagainya. Itu kelebihan yang diberikan oleh Perlembagaan. Akan tetapi, apa yang dibangkitkan pada hari ini ialah tentang hak dan juga keistimewaan melibatkan ekonomi yang sepatutnya dinikmati oleh negeri Sabah dan juga negeri Sarawak. Itu adalah pokok asal perbincangan kita.

Saya melihat cadangan pindaan ini adalah bersifat kosmetik sahaja dan dibuat agak tergesa-gesa kerana Jawatankuasa Khas Kabinet yang telah ditubuhkan baru sahaja bermesyuarat dua kali dan kita masih menanti apakah hasil daripada laporan tersebut. Kita menuntut supaya jawatankuasa itu menyatakan- apakah pendirian Jawatankuasa itu mengenai status Perjanjian Malaysia 1963 dalam konteks perundangan pada hari ini.

Kedua, apakah bentuk pelaksanaan konsep federalisme untuk ketiga-tiga Wilayah Semenanjung dan juga Sabah dan juga Sarawak yang dicadangkan oleh Jawatankuasa tersebut.

Ketiga, apakah hak-hak Sabah dan Sarawak terhadap hasil menjadi negara, serta hasil minyak dan gas yang ditentukan oleh Jawatankuasa tersebut.

Keempat, apakah dia kuasa pentadbiran dan Jawatankuasa itu mahu supaya diperturunkan kepada Sabah dan juga Sarawak.

Terakhir, berapakah jumlah peruntukan yang seharusnya menjadi hak Sabah dan Sarawak pada perkiraan jawatankuasa tersebut.

Ertinya, banyak persoalan yang hari ini kita menuntut agar Jawatankuasa yang ditubuhkan itu jelaskan kepada kita. Akan tetapi, bila mana kerajaan mengambil sikap tergesa-gesa membawa perkara ini- dipinda Perlembagaan pada hari ini, saya merasakan ia hanya bersifat kosmetik dan tujuan politik semata-mata untuk menunjukkan bahawa Pakatan Harapan

berusaha untuk menunaikan janji dalam keadaan mereka gagal menunaikan sebegitu banyak janji yang diberikan dalam Buku Pakatan Harapan ketika pilihan raya yang lalu.

Kalau kita melihat kepada Buku Harapan yang dikeluarkan ketika pilihan raya dahulu, ada:

- (a) Janji 40: menubuhkan Jawatankuasa Khas yang dibuat sekarang;
- (b) Janji 41: memastikan ekonomi Sabah dan Sarawak berkembang dengan lebih pesat;
- (c) Janji 42: mencipta banyak peluang pekerjaan- beri jawatan yang tinggi untuk anak Sabah dan Sarawak;
- (d) Janji 43: Sabah dan Sarawak sebagai model masyarakat harmoni;
- (e) Janji 44: membaiki kualiti pendidikan dan khidmat kesihatan;
- (f) Janji 45: membela nasib penduduk luar bandar;
- (g) Janji 46: mempertahankan kedaulatan sempadan Sabah;
- (h) Janji 47: disentralisasikan kuasa kepada sempadan Sarawak; dan
- (i) Janji 48: memulangkan dan menjamin hak tanah adat Sabah dan Sarawak.

Persoalan kita ialah, semua janji ini apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk menunaikan semua hasrat yang mereka janjikan dalam Buku Harapan mereka. Ini kerana menyatakan itu bahawa yang perlu dijelaskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada inilah, apakah dia kadar pertumbuhan ekonomi Sabah dan Sarawak? Apa dia jumlah peluang pekerjaan yang telah diberikan atau dicipta untuk anak Sabah dan Sarawak? Apa dia tahap keharmonian antara kaum yang berlaku di Sabah dan juga Sarawak? Nisbah pendidik dan pegawai perubatan, bilangan fasiliti pendidikan...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Pembangunan ekonomi luar bandar. Ini soalan-soalan yang mesti dijawab oleh Pakatan Harapan.

■2030

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya ada soalan juga kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Jumlah isi rumah Sabah Sarawak, jumlah peruntukan untuk infrastruktur Sabah dan Sarawak, jaringan jalan raya dan lebuh raya ...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Jurang pendapatan. Ini semua adalah soalan-soalan yang mesti dijawab oleh Pakatan Harapan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya ada soalan kepada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sebelum kita bincang perkara-perkara melibatkan pindaan Perlembagaan pada hari ini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Oleh kerana itu saya melihat bahawa apa yang perlu kita dahulukan ialah pertama, rundingan bersama.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan Yang Berhormat. Hendak bagi kah atau tidak bagi?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kita merasakan bahawa Malaysia adalah milik bersama kita. Sabah, Sarawak, negeri Semenanjung adalah milik bersama.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Apa sahaja yang melibatkan negeri-negeri ini, perlu dirundingkan secara bersama.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Bagi kah atau tidak bagi ini?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sudah tentulah tempat bersama kita bermula dengan Majlis Raja-raja Melayu. Itu yang pertama sekali.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Cakaplah bagi kah atau tidak bagi.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kemudian, seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan kita yang lain sebelum ini, beri peluang kepada Sabah dan Sarawak ...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat Kuala Nerus, Setiawangsa hendak bertanya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ... negeri mereka untuk membuat keputusan bagi pihak negeri mereka. Kemudian, bawa ke Parlimen dengan cara kita bincang menerusi *Select Committee* terlebih dahulu, dibahas, dirunding, dibincang hingga akhirnya, semua kita 222 orang Ahli Parlimen boleh bersetuju dengan apa yang kita bincang bersama. Akan tetapi jika di bincang seumpama ini, yang sana mahu, yang sini menolak dengan pelbagai syarat dan sebagainya, maka ia tidak akan berakhir dengan cara yang baik. Akan tetapi jika dirundingkan dengan semangat persaudaraan, semua sekali negeri-negeri yang ada di Malaysia ini, saya yakin, kita boleh berikan yang terbaik untuk rakyat Sabah dan juga rakyat Sarawak. Oleh kerana itulah saya menyatakan bahawa saya tidak menyokong usul pindaan pada kali ini melainkan jika ditunaikan apa yang saya sebutkan di awal tadi.

Terima kasih atas peluang pada hari ini, dengan masa yang suntuk diberikan kepada saya. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Limbang.

8.31 mlm.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mengulangi apa yang saya sebutkan masa Titah Diraja. Kita menyokong,

semua kita menyokong dan semua menyatakan kita ini ikhlas. Sana kata ikhlas, sini kata ikhlas, semua ikhlas. Jadi ertinya bagi saya, kalau kita bercerita tentang keikhlasan ini, hanya Allah SWT sahaja yang tahu apa yang tersirat dalam dada kita masing-masinglah. Jadi apalah salahnya kalau di sana ingin hendak meminda dan di sini memberikan input-input –Contoh macam kita GPS, ada kita hendak tambah dua, tiga patah perkataan sahaja. Inilah bagi saya menunjukkan keikhlasan demi untuk melahirkan sesuatu yang baik untuk semua. Itu satu.

Keduanya, sebagaimana yang saya sebut pada hari itu iaitu kita dalam apa juga usaha yang kita buat, cerita fasal keikhlasan hendak meminda Perlembagaan, bukan untuk kebaikan kita tetapi untuk rakyat dan negara kita. Janganlah kita pula seperti ‘Telunjuk lurus, kelingking berkait’. Itulah peribahasa kita orang Melayu. Kita menyedari Malaysia ini bukannya dibangunkan setahun, 10 bulan, 11 bulan, kita telah pun dibangunkan daripada sejak 1963 lagi. Semua pihak pernah merasa di sini, kedua-dua *divide* pernah merasa. Tidak banyak tidak sikit, semuanya merasa membangunkan negara kita termasuk di Sabah, di Sarawak, di Semenanjung Malaysia. Semua, *everybody have a hand. All the government before and now, everybody have a hand in developing both side of the country.*

Jadi kita melihat di sini, tujuan kita tidak lain dan tidak bukan untuk mencari suatu penyelesaian yang terbaik untuk rakyat. Pada masa ini rakyat tengok kita. Selepas ini *everybody*, selepas ini rakyat nilai kita, siapa menang, siapa kalah, siapa sokong, siapa tidak. Semuanya hendak mengatakan ini kata kami, ini kami yang itu. Jadi saya melihat di sini, kalaulah di sebelah sana saya ulangi untuk menyatakan keikhlasan untuk meminda, di sini pun juga ada cadangan-cadangan, keikhlasan. Kita cari satu titik yang terbaik untuk rakyat dan negara kita Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

8.34 mlm.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih di atas peluang untuk membahaskan usul yang saya rasa sangat bersejarah untuk kita pada hari ini untuk generasi kita demi hari muka.

Saya tidak berniat untuk bercakap terlalu panjang. Cuma yang ada di hadapan kita pada hari ini adalah satu peluang keemasan untuk memperbaiki kekhilafan yang telah berlaku dalam sejarah negara kita. Saya percaya kita semua sedar, kita semua tahu, kita semua faham, dengan izin, *the momentous occasion that is before us today.* Saya juga tahu yang kita semua sedar, perbahasan kita pada hari ini bukanlah satu perbahasan di bawah pokok tetapi ini adalah perbahasan di peringkat yang amat tinggi dalam Dewan yang cukup mulia, yang mana kita semua mewakili kawasan dan rakyat dan pengundi-pengundi kita. Maka, saya menggunakan peluang yang ada ini untuk mengajak, menjemput, meminta rakan-rakan semua untuk meninggalkan pemahaman parti dan juga kenegerian dan memandang ke hadapan, yang mana peluang yang

ada di hadapan kita pada hari ini, saya tidak pasti bila lagi kita punyai peluang sebegini yang mana untuk kita memperbaiki keadaan.

Harapan saya adalah dalam beberapa minit yang tinggal ini, kita berfikir tentang masa depan, kita berfikir tentang sejarah negara kita yang kita cintai dan kita sayangi dan kita ingin lindungi. Saya harap, kita akan gunakan peluang untuk mengundi, membawa satu perubahan yang akan memperbaiki. Anggaphlah yang kita usahakan pada malam ini bagi menegakkan tiang seri, bagi dengan izin, *to set the right foundation again* seperti yang telah kita usahakan *our founding fathers*, dengan izin pada tahun 1963. Dari situ saya percaya dengan wujudnya *good will*, dengan izin ataupun mengurangkan kesenjangan ketidakpercayaan ataupun *trust deficit* yang mungkin telah terlalu lama terpahat di hati kita akibat daripada dengan izin, *the rancorous politics* yang telah kita saksikan selama ini.

Dengan usaha kita bersama-sama pada malam ini untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Langkawi, maka saya percaya kita ada peluang untuk membina sebuah kesepakatan, kemuafakatan yang baru untuk semua rakyat Malaysia. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua, harapan saya ini dapat masuk ke dalam kalbu rakan-rakan semua dan marilah kita menggunakan peluang ini untuk membawa satu perubahan yang paling signifikan dalam sejarah negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian.

8.37 mlm.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selama 32 tahun saya melihat perkembangan negeri Sarawak kerana saban malam saya bersama orang Sarawak. Jadi saya dapat melihat bagaimana Kuching dan Sarawak dibangunkan dalam zaman Barisan Nasional. Sebagai contoh *Pan Borneo Highway*, baru-baru ini kita tahu, 1,089 kilometer tanpa tol yang berjumlah RM27 bilion. RM14.2 bilion untuk bahagian Sarawak dan RM12.8 bilion untuk bahagian Sabah. Kita juga maklum bahawa untuk Rancangan Malaysia Ke-11 misalnya, untuk negeri Sarawak, 7 peratus hingga 10 peratus bajet tahunan setiap tahun diberi kepada negeri Sarawak.

Saya telah pergi hampir kesemua tempat di Sarawak, saya telah pergi hampir kesemua tempat di Sabah kerana Sabah ada UMNO, jadi saya telah pergi hampir kesemuanya. Walaupun demikian saya menyokong 40 peratus daripada hasil negeri hendaklah dikembalikan ke Sabah dan juga Sarawak untuk menambah pembangunan yang ada supaya untuk melengkapkan pembangunan yang masih lagi kurang lengkap. Saya juga menyokong agar 20 peratus daripada royalti minyak daripada pengeluaran Yang Berhormat Gombak ya, daripada pengeluaran, bukan daripada keuntungan, hendaklah diberi kepada Sabah dan juga Sarawak.

Mendiang Temenggong Datuk Kanang Anak Langkau menyebut, "*agi idup agi ngelaban*". Apakah maksudnya? "Selagi nyawa di badan, pasti akan melawan" tetapi dengan semangat setia kawan yang mendalam, dengan tali pengikat kukuh hubungan. Oleh kerana itu, pindaan ini pada

pandangan saya, dibuat secara terburu-buru. Apakah bukti pindaan ini dibuat secara terburu-buru?

•2040

Yang kertas ini diletak di atas meja kita dan dibaca Bacaan Pertama pada hari Khamis lepas dan pada hari ini sudah dibuat pindaan. Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Port Dickson dengar.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bakal Perdana Menteri, Mei tahun 2020 itu tarikh dua tahun yang dinanti-nantikan setelah 20 tahun menunggu. Daripada 20 tahun menunggu, 10 tahun dalam penjara ya. Bukan senang itu, satu perjuangan yang panjang. Yang Berhormat Port Dickson, ini Bacaan Kali Pertama. Bacaan Kali Kedua sudah dipinda. Ini bukti bahawa ia dibuat secara terburu-buru. Oleh kerana itu betul ya, GPS kawan-kawan. Ini bukti jelas di atas meja kita ia menunjukkan ia terburu-buru. Jadi saya ingin menyokong Gabungan...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Mohon pencerahan.

Seorang Ahli: Minta laluan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Gabungan Parti Sarawak (GPS)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjung Malim minta laluan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pontian, hendak tanya saja, hendak tanya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Gabungan Parti Sarawak (GPS) mencadangkan agar....

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tanjung Malim hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjung Malim, Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:diletakkan satu frasa..

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Minta laluan boleh tidak.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...*pursuant to the Malaysia Agreement 1963* dengan izin.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Pontian.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Pontian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jika ada diletakkan pindaan seumpama itu. Maka saya sokong. Perkara yang kedua, saya juga menyokong....

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:....agar dibawa ke *Special Select Committee* sebagaimana yang disebut oleh kawan-kawan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin mencadangkan agar salah seorang daripada GPS membuat usul apabila Yang Amat Berhormat Langkawi tiba supaya usul

di bawa ke *Select Committee*. Jadi tidak ada pengundian pada malam ini. Itu cadangan ya kerana ia perlu dibawa ke *Select Committee*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang sudah bercakap cukuplah. Tidak payah hendak....

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...menyibuk-menyibuk lagi ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...dan satu lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Satu lagi perkara yang ketiga ia perlu dibawa ke Sidang DUN sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya menyokong tentang perkara itu dan perkara utama dan pertama Tuan Yang di-Pertua, perkara yang utama dan pertama ia perlu disembah perkenan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *[Tepuk]*

Pertama dan utama dan ia perlu juga dibawa ke Majlis Raja-Raja sebab kita bukan meminda Perlembagaan ini dengan mudah-mudah begitu sahaja. Saya sudah berada di sini 11 tahun. Ini kali pertama dibuat pindaan Perlembagaan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:dan kita tidak sembah perkenan pun kepada Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya belum berucap lagi, minta laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya kira perkara ini amat tidak sesuai.....

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan, saya belum bahas lagi. Minta laluan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ..dan perlu mengikut syarat ini jika ingin dipersetujui. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan, saya belum bahas lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Pertanyaan saya ialah....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan laluan, bahas.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Oh bahas.

Tuan Yang di-Pertua: Bahas, bahas.

8.43 mlm.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih, terima kasih sebab tadi ingat Yang Berhormat Pontian bagi laluan. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan

untuk saya turut serta dalam perbahasan ini. Bagi saya, peluang yang kita ada pada hari ini sebagaimana banyak disebut sangat bermakna. Bukan hanya kepada warga Sabah dan Sarawak tetapi semua rakyat Malaysia yang mendukung semangat Federalisme yang menjadi asas kepada penubuhan negara kita. Kita negara Malaysia dibentuk pada 1963. Sebelum ini kita sering terlupa di Semenanjung bagaimana negara ini sebenarnya hanya terbentuk pada 1963. Jadi bila misalnya kita rayakan Hari Kemerdekaan hanya pada 31 Ogos dahulu itu sebenarnya tidak memberi makna kepada rakan-rakan di Sabah dan Sarawak kerana tarikh mereka berbeza dengan di sebelah Semenanjung Tanah Melayu.

Ketika Malaysia dibentuk rakyat Sabah dan Sarawak dijanjikan pembangunan menerusi kemerdekaan mereka dan dijanjikan kedudukan istimewa di dalam Perlembagaan. Bagi saya pindaan ini bukan hanya retorik semata-mata tetapi sangat bermakna untuk menghormati hasrat pengiktirafan Sabah dan Sarawak oleh bapa-bapa kemerdekaan kita. Sabah dan Sarawak mempunyai keunikan tersendiri termasuk nilai-nilai kemajmukan yang boleh dicontohi oleh kita di Semenanjung Malaysia. Saya tidak melihat pindaan ini melemahkan Persekutuan ataupun perpaduan rakyat tetapi mengukuhkannya lagi dan Setiawangsa juga kesal ada beberapa pihak membawa beberapa syor supaya ia dibawa ke Majlis Raja-Raja dan sebagainya sedangkan tidak menyebut pun di mana peruntukan Perlembagaan yang menuntut kita berbuat demikian untuk meminda ataupun memperbetulkan Perlembagaan kita dalam hal ini.

Kita patut tidak mengambil pendekatan menang semua ataupun *zero some game* dalam semua perkara. Negara Persekutuan berasaskan kebolehan untuk menerima kepelbagaian dan keyakinan bukan sahaja Kerajaan Pusat yang mampu untuk memajukan negara. Kita mesti mencorak bagaimana membawa Malaysia ke depan walaupun kita ada perbezaan politik antara kita. Kita mahukan kuasa yang lebih untuk Sabah dan Sarawak namun ia juga mesti disertai dengan akauntabiliti dan ketelusan di peringkat negeri dan Persekutuan agar rakyat kedua-dua negeri akan mendapat manfaat langsung daripada pindaan ini.

Setiawangsa berharap kita dapat mencapai hasrat Buku Harapan dengan kajian semula hak-hak istimewa, geran-geran tambahan dan sumber-sumber hasil yang patut diperoleh oleh Sabah dan Sarawak serta isu-isu selaras semangat Perjanjian Malaysia, Memorandum Perkara 20 dan Laporan Intergovernmental Committee Report. Kita mesti memandang ke depan dan pindaan ini bagi saya adalah satu permulaan ke arah mengukuhkan lagi prinsip federalisme bukan sahaja dengan Sabah dan Sarawak tetapi negeri-negeri lain. Ini kerana meskipun Malaysia diasaskan sebagai sebuah Persekutuan, namun dalam banyak perkara, kuasa kerajaan lebih banyak di pusat berbanding dengan banyak negara-negara termasuk negara-negara *unitary* atau kesatuan. Misalnya Indonesia. Indonesia adalah sebuah negara kesatuan tetapi selepas proses desentralisasi, provinsi-provinsi di Indonesia mempunyai kuasa yang lebih berbanding kebanyakan negeri di Malaysia.

Di Filipina, rakyat biasa memberi momokan imperial Manila kerana dominasi Manila ke atas seluruh negara tersebut. Kita tidak mahu Putrajaya menjadi imperial Manila. Namun kita juga harus menolak ketaksuban kenegerian atau wilayah sama seperti ketaksuban kaum. Usaha

kita mestilah ke arah mencapai bangsa Malaysia yang satu. Federalisme bukan mengenai meminggirkan satu negeri ataupun memuliakan negeri yang lain tetapi untuk mengangkat martabat seluruh negeri yang ada di dalam negara kita. Setiawangsa menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Samarahan.

8.47 mlm.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk sama berbahas dalam pindaan Perlembagaan Perkara 1(2). Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan Perlembagaan 1(2) adalah amat-amat dialu-alukan ataupun amat-amat diharapkan oleh rakyat Sarawak khususnya termasuk Kerajaan Negeri Sarawak, termasuk kepimpinan negeri Sarawak khususnya. Namun begitu harapan kita pindaan ini biarlah dibuat secara holistik, bukannya secara terburu-buru dan juga tidak menyeluruh. Kita mengharapkan bukan setakat pindaan dari sudut kedudukan negeri Sarawak di dalam Malaysia tetapi juga kita mengharapkan kepentingan rakyat Sarawak dan juga keistimewaan Kerajaan Negeri Sarawak dalam Malaysia juga diambil kira dalam pindaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya roh perjuangan MA 63 bagi rakyat Sarawak telah timbul sejak tahun 2015 lagi dan kita sebenarnya rakyat Sarawak amat-amat mengharapkan agar berlaku perubahan dalam kepimpinan negara Malaysia khususnya dari sudut pengendalian dan pelaksanaan Perlembagaan kita termasuk juga Perjanjian MA 63. Kita sebenarnya amat berterima kasih dan saya ingin hendak menyangkal tuduhan Yang Berhormat Bandar Kuching tadi yang memperlekehkan kerajaan lama yang tidak mengambil kira tentang keinginan ataupun perubahan yang diinginkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Sebenarnya untuk ini seperti yang dimaklumkan Ahli Parlimen Batang Sadong tadi, perkara ini telah kita mulakan pada tahun 2015 dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) di peringkat Kerajaan Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Batang Sadong dan juga Yang Berhormat Kimanis.

■2050

Kita amat berterima kasih, melalui jawatankuasa ini fasa pertama rundingan untuk kuasa-kuasa ataupun *privilege*, keistimewaan kepentingan rakyat Sarawak diambil kira apabila meluluskan 12 perkara yang telah dilaksanakan secara sepenuhnya dalam pentadbiran dan telah memberi kenikmatan ataupun memberi faedah kepada keseluruhan negeri Sarawak. Namun begitu, fasa dua tidak sempat dilaksanakan dan kita amat mengalu-alukan hasrat kerajaan ataupun tujuan Kerajaan Pakatan Harapan menerusi manifesto ini untuk meneruskan pindaan Perlembagaan secara perundangan. Kita amat mengalu-alukan.

Namun, harapan kita biarlah pindaan ini memberi keutamaan dari sudut keistimewaan, dari sudut kepentingan rakyat Sarawak dan salah satu perkara yang kita harapkan, janganlah pindaan ini hanya melibatkan satu elemen. Biarlah secara menyeluruh, yang mana perkara ini juga telah dipersetujui. Saya dimaklumkan dipersetujui dalam jawatankuasa teknikal yang mana

sebarang pindaan dalam Perlembagaan perlu dibuat secara holistik dan tidak secara kecil-kecil. Maksudnya berkali-kali.

Kita mengalu-alukan keputusan jawatankuasa ini dan kita mohon sebarang pindaan dirujuk dahulu kepada kedua-dua kerajaan. Kerajaan Sarawak begitu juga dengan kerajaan Sabah dan juga wakil daripada Persekutuan Tanah Melayu. Ini supaya pindaan ini betul-betul memberi manfaat kepada semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, namun begitu kita mengalu-alukan juga pindaan kali ini.

Namun begitu, harapan kita pindaan ini biarlah berdasarkan pindaan yang kita cadangkan, yang sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit kepuasan kepada kerajaan negeri dan juga rakyat Sarawak. Harapan kita juga supaya apa yang dinyatakan di dalam pindaan ini akan diteruskan, bukannya berhenti setakat ini. Malah diteruskan lagi pada masa akan datang khususnya selepas Jawatankuasa Kabinet bermesyuarat dan memutuskan perkara-perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kalau boleh pindaan ini kita rujuk kepada diperincikan lagi dirujuk kepada *select committee* bagi memberi kepuasan ataupun memberi manfaat yang lebih menyeluruh kepada semua pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Yang Berhormat batang Lupar.

8.53 mlm.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk sama-sama sekurang-kurangnya menyuarkan hasrat hati kami yang berada di Sarawak khususnya GPS. Rang undang-undang ini memang kami ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi bukan hanya melepaskan batuk di tangga atau secara kosmetik.

Oleh sebab itu kita mohon agar pindaan 1(2) ini dirujuk kepada *select committee* atau *select committee* khas untuk mendalami, memperhalusi lagi agar kebaikan yang boleh didapati daripada pindaan ini akan dirasakan secara menyeluruh iaitu holistik. Oleh sebab itu, asyik kami daripada GPS telah mengatakan pindaan ini harus ditambah dengan perkataan dengan izin "*pursuant*" kepada MA63 seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Petrajaya. Oleh sebab itu barulah dilihat sebagai satu yang holistik.

Oleh yang demikian, saya ingin juga supaya kita jangan tergesa-gesa pindaan ini. Oleh sebab sekarang ini kami difahamkan bahawa Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal sekarang ini dalam proses perundingan yang berjalan dengan lancar yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, elok kita sama-sama nantikan keputusan yang saya difahamkan akan dibawa mungkin melalui kerajaan negeri dibawa ke Parlimen untuk dibentangkan bersama. Jadi kita buat ini secara diselaraskan. Jadi biar kita buat yang sebaik mungkin, *we do it the correct way* dengan izin dan mendapat pandangan seramai mungkin *stakeholders*.

Oleh sebab ini adalah sesuatu yang sangat penting. Macam-macam sudah kita dengar dari tengah hari tadi mengatakan sudah berapa puluh tahun kita masa terlepas dan sebagainya. *So, we do it correctly now.* Semua kita yang ada di Dewan yang mulia ini akan terasa satu kepuasan sebab sedikit sebanyak kita menyumbang suara supaya pindaan kepada Perlembagaan ini memberi penuh manfaat, memberikan kita kembali kepada apa yang dibuat oleh tok nenek kita pada tahun 1963. Khususnya kami di GPS memang keturunan mereka yang sama-sama mengubah *agreement* pada tahun 1963.

Jadi kembalikanlah hak-hak yang diputuskan untuk Sarawak dan Sabah yang dikatakan *equal partner*. *Equal partner* itu kita hendak tahu hujahan. Oleh sebab itu pertama kali apabila kami membacakan rang undang-undang ini, bukan kami menolak membuta tuli, tidak. Akan tetapi kami tidak nampak apa sebenarnya yang harus kita persetujui di dalam pindaan kepada Perlembagaan tersebut.

Saya tadi membuka dengan mengucapkan jutaan terima kasih atas usaha yang baik ini. Namun kita jangan tergesa-gesa. Satu lagi tadi terasa juga terkilan apabila ada yang mengatakan bahawa dahulunya tidak pernah kah kerajaan dahulu membuat sesuatu. Saya tadi sudah mengatakan bahawa memang ada. Kita ada Jawatankuasa Kabinet, *devolution of power*.

Sebenarnya banyak sudah dibincangkan secara pentadbiran dan sebenarnya banyak perkara sudah diputuskan. Semasa itu arwah Tok Nan dia masih ada dan kita sama-sama mengatur langkah untuk mengadakan banyak secara pentadbiran. Ini kalaulah yang kami cadangkan hari ini dibawa ke *select committee* khas, cantik sangatlah secara perjalanan daripada *administrative* tadi, sekarang ini kita atur secara *select committee* khas, kita bawa balik ke Dewan Undangan Negeri dan kita bawa balik ke sini dengan persetujuan semua pihak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana memberi peluang kepada kami supaya dapat menyuarakan ini. Ini seperti dikatakan akan tertulis di dalam sejarah bahawa sedikit sebanyak kami telah menyumbangkan dari segi pandangan dan fikiran untuk kebaikan semua kita di Malaysia khususnya yang berada di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai. Ya silakan.

8.58 mlm.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Saya terpanggil juga untuk memberikan pandangan saya tentang pindaan Artikel 1(2) ini dan juga MA63 ini. Setelah mendengar begitu ramai orang yang berhujah hari ini.

Jadi Bagan Serai berpendapat ini juga satu perbahasan yang sangat bersejarah dan memberikan pendapat yang penting supaya pindaan ini dapat dilakukan. Setelah bertahun menunggu, berpuluh tahun menunggu dan selalu dibincangkan, selalu diceritakan, hari ini adalah hari penentuannya sebenarnya.

Hari ini kita akan membuat keputusan untuk pindaan ini. Untuk apa yang dikatakan untuk menyamaratakan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung, untuk membetulkan khilaf yang

dahulu. Jadi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari yang sebenarnya Allah SWT memakbulkan doa sebenarnya. Inilah doa yang diminta, inilah yang menjadi rungutan, yang menjadi permintaan, yang menjadi jenitan batin, jeritan orang-orang Sabah dan Sarawak.

■2100

Jadi hari ini sepatutnya kita bersyukur kepada Allah SWT...

Seorang Ahli: Jeritan batin.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jeritan batin itu. Bersyukur kerana kerajaan yang ada sekarang sudah bersedia untuk buat.

Seorang Ahli: Betul, betul, betul!

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ha! Manifesto yang dijanjikan, nak buat pada hari ini, nak dijanji, nak bagi kelulusan pada hari ini. Saya hairan juga setelah kerajaan ini, kerajaan baharu ini, bila kita tak dapat buat, bila kerajaan tak dapat buat atas sebab-sebab yang jelas, maka dikatakan janji dimungkiri, janji tak ditepati.

Beberapa Ahli: Betul, betul, betul [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Akan tetapi apabila janji yang kita kata kita nak buat, kita datang dan kita bahaskan, oh banyak songelnya. Banyak ceritanya, *committee* itu, *committee* ini. Ada lagi halus-halus ini, remeh temeh ini. Ini hendak ke tak nak ini? Kan? Cerita ini segala kami ikhlas, engkau ikhlas, siapa ikhlas, siapa yang ikhlas? Ini manifesto janji yang kita hendak buat hari ini. Patutnya kita sama-sama seikhlasnya supaya apa yang ketinggalan di Sabah dan Sarawak dapat dihajati oleh mereka ini. Maka lepas ini kita mengorak langkah ke depan!

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Jangan lompat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Untuk membetulkan kekhilafan. Ini yang patut kita buat sebenarnya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hebat, hebat. Tahniah, tahniah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju yang lompat parti yang ikhlas.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini yang bangun...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Waktu belum lompat lainnya nada, sekarang sudah lain.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:Yang bangun tanpa izin ini peraturan mana yang ikut ini? [*Ketawa*] Lama dah dalam Dewan ini tapi dok buat salah juga. Ha.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Puji pun salah? Puji pun salah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ha, yang baru ini kesal. Apa ini? Ha bangun, bangun, bangun. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, hari ini manifesto hendak diluluskan. Janji nak ditepati, kita nak buat. Patutnya sebelah sana puji dan sokong! Janganlah songeh-songeh lagi, kan? Kita tak tahu apa nak jadi lepas ini, kan? Masuk dalam *committee* nanti

[Ketawa] Ha, alang-alang menyeluk pekasam, alang-alang minta hari ini takut nanti apa yang dihajati tak terlepas nanti. Takkah satu kerugian kepada rakyat?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kalau *reshuffle*, saya tengok *confirm* jadi Menteri. [Dewan riuh]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Ketawa] Kita bukan cari jawatan, kita bukan cari habuan! Kita bukan curi! Kita datang untuk berjuang untuk rakyat, untuk negara kita sementara mandat diberikan oleh Allah SWT. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Bagan Serai nak bagi tahu bahawa ini adalah perbahasan yang bersejarah, bahawa hari ini Allah SWT memakbulkan doa rakyat Malaysia, rakyat di Sabah dan Sarawak hari ini. Sepatutnya semua orang menyokong *joint* ini. Bagan Serai menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Untuk memberi kesempatan yang penuh kepada GPS, saya ingin bertanya, adakah sesiapa lagi?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Kanowit, Kanowit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang belum berucap.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Ya, saya belum berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kanowit, silakan.

9.03 mlm.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyokong hujah-hujah yang telah disampaikan oleh rakan-rakan saya dari GPS yang telah menyenaraikan beberapa isu. Yang pertama tadi adalah untuk menyokong apabila pindaan ini *delivered back to the 1963* tetapi ada kepincangan, Tuan Yang di-Pertua apabila perkataan untuk memasukkan MA63 ke dalam pindaan ini tidak dimasukkan dan GPS memohon supaya *Malaysia Agreement 1963* ini *directly recognize* di dalam *Federal Constitution*.

Kedua, kita juga daripada hujah-hujah yang telah disebutkan oleh rakan-rakan tadi ingin pindaan kepada Artikel 160(2), definisi *federalism* di mana ianya perlu dipinda bukan mengikut pindaan '..... *federalism*' pada 1957 tetapi mengikut apa yang tercatat dalam 1963. Juga beberapa pindaan perlu bagi kita di sebelah sini untuk dipinda berkenaan dengan Artikel 112D *special grant*, 112E berkenaan dengan pindaan ataupun *review special grant* dan sebagainya. Dalam ini, kita melihat yang penting sekali apabila pindaan ini dibuat, yang pertama, bacaan pertama itu memang kita di sini tidak sokong tetapi saya pun hairan, saya pun keliru apabila bacaan kedua, pindaan bil ini terus dibuat oleh Yang Berhormat Langkawi dan seperti apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, kita pun berasa ada sesetengah daripada pindaan itu mungkin boleh diterima tetapi masih sebab dianya tidak komprehensif.

Sebab itu seperti yang telah dikatakan oleh rakan-rakan tadi, pindaan ini kita mohon supaya ianya lebih komprehensif untuk mengambil kira kesemua yang perlu diberi lebih-lebih lagi berkenaan dengan hak Sarawak dan Sabah di dalam MA63. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Yang Berhormat Papar, silakan.

9.06 mlm.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas mengenai MA63 yang akan kita buat sekarang. Hakikatnya, tanpa Sabah dan Sarawak, tidak akan wujud Malaysia seperti hari ini disebabkan di Sabah misalnya ada jawatan Yang di-Pertua Negara tetapi sekarang telah menjadi Yang di-Pertua Negeri. Dengan pindaan yang dibuat pada tahun 1976, Sabah dan Sarawak telah diletakkan sebaris dengan negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu yang asal sekali gus menampakkan seolah-olah berlakunya penurunan taraf daripada rakan sekutu.

Disebabkan yang demikian, adalah wajar kerajaan mengembalikan semula taraf atau status sebagai rakan kongsi kepada Sabah dan Sarawak di dalam Persekutuan Malaysia adalah penting dalam membentuk asas kukuh yang mengeratkan perhubungan ketiga-tiga buah wilayah ini. Selain daripada itu, rakan sekutu terdapat beberapa perkara lagi di dalam MA63 harus dihormati oleh semua pihak. Tidak dapat dinafikan sebaliknya semangat *federalism* yang membentuk Malaysia, hak-hak dan kuasa autonomi yang diperuntukkan kepada Wilayah Sabah dan Sarawak hendaklah sentiasa dipelihara malah ditambah baik selaras dengan perkara-perkara yang telah dipersetujui semasa pembentukan Malaysia suatu ketika dulu.

Sebelum Perjanjian Malaysia 1963, satu memorandum yang diutamakan oleh Borneo Utara kepada Jawatankuasa Antara Kerajaan yang telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1962, jawatankuasa ini telah ditubuhkan hasil daripada cadangan Suruhanjaya Cobbold dan fungsi utamanya adalah untuk menjamin hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak agar tidak tergugat apabila menyertai Malaysia. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Lansdowne dan ahlinya terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak.

Tugas jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji pengesyoran peruntukan Perlembagaan yang berkaitan dengan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia. Melalui jawatankuasa ini, satu memorandum yang diberi nama 20 perkara telah dihantar oleh Sabah antara lainnya bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan negara Malaysia. MA63 yang dikenali adalah satu perjanjian yang akan membawa Sabah dan Sarawak ke medan pembangunan yang ditunggu-tunggu kalau ia dilaksanakan dengan seberapa segera. Kegagalan kerajaan dahulu untuk menjamin melaksanakan MA63 ini telah menyebabkan Sabah ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia walaupun banyak pengorbanan Sabah dan Sarawak untuk menjadikan rakan yang setaraf dengan negeri-negeri lain.

Ini menyebabkan Sabah ketinggalan daripada arus pembangunan infra seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air yang bersih, kesihatan, ekonomi dan penghidupan rakyatnya serta kemudahan telekomunikasi termasuk *internet* di pedalaman Sabah.

■2110

Saya tidak mahu bercakap panjang lebar. Biarlah saya mellihatkan bahawa disebabkan oleh kelambatan kita mengimplementasikan MA63, Sabah dan juga Sarawak telah banyak menerima bermacam-macam kesusahan seperti apa yang kita lihat daripada gambar ini. *[Sambil menunjukkan sekeping gambar]* Tolong fokus. Inilah gambar sekolah di Sabah. Boleh fokus?

Beberapa Ahli: Okey, sudah fokus.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tolong fokus. Boleh fokus? Satu lagi biar kita fokus... *[Sambil menunjukkan sekeping gambar]* Inilah keadaan di Sabah, sekolah yang ada di Sabah. Ini semua. *[Sambil menunjukkan beberapa keping gambar]* *[Disampuk]* Terbalik kah? *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Nampak, nampak.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ini kita takut guru-gurunya yang duduk di sini dua orang ini, kalau tidak nasib baik, simen dari atas akan jatuh di kepala akan menyebabkan kecederaan.

Jadi saya dengan ini menyeru kepada rakan-rakan yang ada di Dewan ini supaya marilah kita menyokong pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) ini untuk kita sama-sama melaksanakannya kerana kita sebagai rakyat, seperti yang sebelah sana itu, haruslah membuat sesuatu yang baik untuk kita sendiri di dalam apa yang telah kita lihat seperti surah Al-Ma'idah, "*Bertolong-tolonglah kamu untuk mengerjakan kebaikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam membuat dosa dan pelanggaran*".

Dari itu, saya menyeru kepada semua kawan-kawan, marilah kita bersama-sama menyokong perpindahan... *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Pindaan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Pindaan Perlembagaan pada hari ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Papar.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah. Rasah.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Last. Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Igan, selepas itu Yang Berhormat Sungai Petani.

9.19 mlm.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umum tahu bahawa yang akan mendapat manfaat daripada pindaan Perlembagaan ini adalah Sarawak dan Sabah. Yang beria-ia inginkan pindaan Perlembagaan Perkara 1(2) ini adalah Sarawak dan Sabah dan yang gembira dengan pindaan ini adalah Sarawak dan Sabah. Jadi Sabah dan Sarawak adalah pihak yang berkepentingan di dalam pindaan yang kita bahas pada hari ini.

Oleh sebab itu, Sarawak tidak pernah membantah pindaan ini. Ini harus dijelaskan dan difahami oleh semua. Malah, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Gabungan Parti Sarawak yang berbahas di Dewan yang mulia pada hari ini pun tidak pernah mengeluarkan mengatakan bahawa menentang dan membantah pindaan Perlembagaan Perkara 1(2) ini.

Apa yang Sarawak mahu adalah pindaan ini biarlah dilakukan secara holistik dan menyeluruh dengan merujuk dulu kepada Jawatankuasa ataupun *Select Committee* yang secara khusus membincangkan pindaan Perkara 1(2) ini dan juga Perjanjian Malaysia 1963 secara terperinci dan menyeluruh. Ini adalah kerana kita harus menjunjung prinsip keluhuran Perlembagaan itu sendiri dan kedaulatan undang-undang. Kerana itu, kita tidak harus terburu-buru. Biarlah perkara-perkara yang berkaitan dengan Perlembagaan ini dan juga 18 perkara yang termaktub di dalam Perjanjian Malaysia 1963 diperincikan dan dipersetujui dan selepas itu barulah kita meminda Perkara 1(2) Perlembagaan Malaysia dan pindaan ini juga perlu dibawa ke Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk dibahaskan. Ini kerana pindaan ini nanti akan memberi impak yang besar kepada rakyat di Sabah dan Sarawak dan juga negeri-negeri di Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingat bahawa ini adalah pindaan Perlembagaan Malaysia yang melibatkan status Sarawak dan Sabah. Ini sudah tentu merupakan pindaan yang amat besar yang akan memberi impak yang besar kepada landskap politik dan pentadbiran negara kerana pindaan ini harus melibatkan pindaan kepada Artikel 160(2) mengenai definisi "Persekutuan" atau "*The Federation*", dengan izin. Sebab itu dengan hanya melakukan pindaan kepada Perkara 1(2) Perlembagaan Malaysia tidak memadai dan mencukupi kerana tidak memenuhi aspirasi rakyat Sarawak secara keseluruhannya. Perlembagaan Malaysia sekarang ini tidak merujuk kepada Perjanjian Malaysia 1963 secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan mengapa kami seolah-olah dipaksa untuk menerima pindaan Perkara 1(2) ini. Ia seperti ada sesuatu yang tersirat di sebaliknya. Harus difahami bahawa perkara pindaan ini bukanlah perkara yang remeh temeh tanpa memikirkan implikasi dan kesannya. Pindaan ini menentukan masa depan nasib rakyat Sarawak dan generasi yang akan datang. Oleh itu, kalau ia melibatkan nasib anak bangsa kita di Sarawak, sewajarnya pindaan ini dilakukan secara penuh berhemah dan teliti.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ditegaskan kami tidak membantah. Tidak membantah pindaan Perkara 1(2) ini tetapi sebaik-baiknya dibawa dulu ke Jawatankuasa ataupun *Select Committee* yang khusus membincangkan pindaan ini dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan artikel-artikel lain di dalam Perlembagaan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963. Sebagaimana kita tahu, bahawa jawatankuasa pemandu ataupun teknikal yang sedang dan masih berbincang berkenaan dengan MA63 ini. Adalah lebih baik perkara pindaan Perkara 1(2) ini diperhalusi bersama-sama supaya menghasilkan keputusan yang terbaik dan diterima oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita harus terburu-buru dan tergesa-gesa untuk meminda perkara ini, Perkara 1(2) Perlembagaan ini, kalau tujuannya baik dan murni khususnya bagi

rakyat Sarawak dan Sabah dan negara secara keseluruhannya? Harus difahami bahawa Perlembagaan berfungsi untuk mewujudkan satu bentuk pemerintahan dan pentadbiran negara yang adil dan mampu memenuhi kehendak dan tuntutan rakyat. Perlembagaan juga digubal berasaskan semangat dan prinsip kemanusiaan, setia kawan dan kesepakatan semua rakyat di negara ini merentasi fahaman ideologi kepartian, bangsa, agama dan budaya. Oleh itu, Perlembagaan adalah merupakan tunjang utama dan komponen penting di dalam sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana prinsip keadilan sosial, keselamatan dan hak-hak kesamarataan rakyat di negara ini termaktub dan terpelihara di dalam Perlembagaan Malaysia, adalah lebih elok dan murni jika pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Malaysia ini diperhalusi, dibincangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa, *Select Committee* seperti yang saya sebutkan sebelum ini.

Saya percaya bahawa pindaan Perkara 1(2) ini juga lebih baik dan lebih elok dilakukan selepas perkara-perkara yang tercatat di dalam Perjanjian Malaysia 1963 sudah mencapai persetujuan oleh semua pihak dengan semangat setia kawan dan keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan bahawa kami pemimpin-pemimpin GPS daripada Sarawak termasuk Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak tidak sekali-kali mencari alasan untuk menentang atau membantah pindaan Perkara 1(2) ini. Kami tahu dan secara konsisten mengatakan bahawa kami tidak menentang dan membantah pindaan ini tetapi harus lebih baik dan manis jika ia ditangguhkan dan diperhalusi dan dibincangkan seperti apa yang telah saya sebutkan tadi.

Kami juga ingin supaya pindaan Perkara 1(2) ini juga dirujuk dan dibahaskan di dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak dahulu supaya pemimpin-pemimpin yang mewakili semua agama, bangsa dan budaya di Sarawak dapat menyuarakan hasrat rakyat Sarawak secara keseluruhannya.

Kami bukan mencari alasan menentang Perkara 1(2) ini dan membangkitkan Perkara 160(2) Perlembagaan Malaysia. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak secara konsisten dan berkali-kali mengatakan bahawa agenda pindaan ini harus dilihat secara holistik dan terperinci sebab pindaan ini melibatkan artikel-artikel lain di dalam Perlembagaan Malaysia termasuk Perkara 160(2). Bukan itu saja. Perkara-perkara yang terdapat di dalam MA63 juga harus diambil kira, bukan sengaja mengungkit-ungkit isu-isu seperti *devolution of power*, dengan izin, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada hujah-hujah mengatakan bahawa pindaan ini adalah langkah pertama ataupun permulaan ke arah perbincangan yang selanjutnya bagi menjadikan Sarawak dan Sabah sama taraf dan setara dengan Semenanjung Malaysia. Akan tetapi, sejauh manakah jaminan hujah ini dalam memastikan bahawa Sarawak dan Sabah akan mencapai status wilayah yang setara dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa sudah tamat.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terakhir. Ini kerana tiada jaminan. Kalau semua pihak yang terbabit dengan pindaan ini ikhlas dan jujur, saya rasa tidak salah untuk menengguhkan pindaan ini agar perkara-perkara yang berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia dan juga MA63 dapat diselesaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tinggal dua orang pembahas yang terakhir. Saya ambil Yang Berhormat Kota Merudu dulu, kemudian Yang Berhormat Sungai Petani akan menggulung.

9.19 mlm.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masa begitu singkat sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Kita terus ke perkara-perkara pokok. Pertamanya, kita memang mengalu-alukan pihak kerajaan yang memerintah kerana telah membentangkan perkara ini untuk *do the finishing so to say* apa yang dimulakan oleh kerajaan sebelum ini juga.

■2120

Namun, saya ingin mengatakan di sini seperti mana kita telah menekankan bahawa kita boleh lihat bahawa ada keadaan tergopoh-gapah. *You know*. Untuk membentangkan perkara ini dan itu lah berapa kali kita telah pun menegur bahawa lebih banyak ruang masa harus diberi untuk perundingan, perbincangan bukan sahaja di peringkat Dewan Rakyat ini tetapi khususnya bagi *stakeholders* yang lain di peringkat negeri. Tidak cukup lah untuk runding kedua-dua Ketua Menteri kerana mereka untuk Sabah dan Sarawak, *just because* mereka ini berada dalam jawatankuasa Kabinet. Kita harus juga melibatkan rakyat Sabah dan Sarawak dengan satu cara yang boleh saya katakan rujuk kepada dewan undangan negeri.

Satu cara yang terbaik juga *nothing is wrong* untuk siapa hendak menjadi pengerusi dua *select committee* di Dewan ini untuk memberi ruang yang luas sama sekali kepada NGO, *stakeholders* yang lain, *academician* dan seterusnya, supaya kita mendapat input yang lebih luas. Oleh itu kami mencadangkan hal ini diambil kira oleh pihak kerajaan. Dalam ucapan pembentangan Yang Amat Berhormat Langkawi tadi pagi pun, kami melihat sebahagian setengah mengulas rang undang-undang yang dibentangkan yang *latest* ini dan yang setengah ucapan itu membentangkan pindaan yang perlu dibuat. Jadi, boleh kelihatan masalah tergopoh-gapah yang mana kita tidak perlu jadikan begitu.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, adalah kerana ini tujuan untuk mengembalikan status sama rata atau pun *equal status* di dalam Perlembagaan. Saya memang lah suka banyak teriak-teriak, semua bersorak-sorak tetapi *no way* dengan izin, di dalam pindaan ini atau cadangan pindaan untuk jawatankuasa yang mengatakan bahawa Sabah dan Sarawak *are equal partners*. *Silent*. Terpulang lagi nanti kepada pihak perundangan, pegawai-pegawai untuk interpretasi dan ini tidak harus dibenarkan.

Di dalam Artikel Perlembagaan 121, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum ini. Ini perkara berkaitan dengan Mahkamah Tinggi Persekutuan yang dikatakan *in the Federation this will be two High Court. High Court of Malaya and the High Court of Borneo*. Kurungan (c) di bawah dikatakan *both are of equal status*. Sama kuasanya dengan kedua-dua mahkamah. So apa masalah? Tarik itu dan bawa di bawah cadangan ini mengatakan bahawa bagi Artikel 1(2) – (a) dan (b) bahawa dua elemen ini adalah *equal status*. *They will stop all the speculation; they will stop all the arguments and they will not be led to the court to interpret or pegawai-pegawai untuk interpret*.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara berkaitan MA63. Kita buat perubahan ini kenapa? Kerana kita hendak mencerminkan Perjanjian Malaysia. Akan tetapi MA63 tidak sekali pun disebut dalam Perlembagaan Malaysia saat ini. Ia termasuk dalam 161, 160 adalah melalui definisi Persekutuan adalah Perjanjian Malaya, Federation of Malaya tahun 1957. Itu harus diubah untuk mengatakan— dan Perjanjian Malaysia 1963, bahawa ada *legal backing, constitutional backing* kepada Perjanjian Malaysia.

Satu cara seperti mana GPS Sarawak telah pun sediakan untuk pindaan adalah *pursuant* untuk Perjanjian Malaysia 1963 dan ini berkaitan dengan Artikel 1(2) yang sedang kita bahas ini. Maka, itu mencerminkan bahawa diambil kira dengan jelas perkara MA63. Kalau kita katakan, seperti ada yang banyak membahas mengatakan kalau kita buat itu dia orang kata *ultra vires* Perlembagaan. Oleh kerana *signatory to* MA63, Singapura sudah keluar. *You say MA63 tidak valid, null and void*. Oleh kerana Singapura sudah keluar 65, 66 dibentangkan di Dewan yang mulia ini *to ratify* yang keluarkan Singapura itu. So, dengan *ratify* sekali gus yang menandatangani Perjanjian Malaysia. Kalau kita katakan *now we goanna ultra vires the reflection is* hasil Perjanjian Malaysia *is null and void just because Singapore*, tidak. Telah di *ratify* di sini.

Jadi, saya mohon sekali lagi supaya pihak kerajaan ambil kira semuanya ini dan banyak lagi yang perlu dihalusi dan juga *Cabinet Committee* masih lagi bertemu. Yang Amat Berhormat Langkawi telah mengatakan banyak lagi rumusan-rumusan akan dibawa. *What I am saying do it holistically*, sekali gus sahaja dan buat perubahan-perubahan yang perlu. Sokongan nanti kita dengar dulu ulasan Yang Amat Berhormat Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kota Marudu dan pembahas yang terakhir Yang Berhormat Sungai Petani. Silakan.

9.25 mlm.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau merujuk kepada video dan juga ucapan-ucapan saya saban tahun sebelum ini, saya lah di antara orang yang mempertahankan hak Sabah dan Sarawak. *[Tepuk]* Saban tahun saya mengatakan bahawa hak Sabah dan Sarawak harus dikembalikan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, mana mungkin ini akan terjadi.

Oleh kerana, pada tahun 1976 sudah dibuat satu *amendment* kepada Perlembagaan yang *reduce* Sabah dan Sarawak seperti negeri-negeri lain. Maknanya suara Sabah dan Sarawak

sama seperti di Kedah, sama seperti di Johor, sama seperti di Perlis. Sebab itu suara-suara yang sepatutnya garang, hebat, yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah itu sudah hilang. Akibat daripada kesilapan atau pun khilaf yang kita katakan pada tahun 1976.

Maka sebab itu kalau kita pergi ke Sabah dan di Sarawak mendengar rintihan mereka, melihat sendiri apa terjadi di bawah, kita rasa sedih. Saya orang Kedah Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu saya akan merasakan ayuh kita punggung apa juga yang ada di Sabah dan Sarawak, gasnya, minyaknya, kita bawa ke negeri kita. Yang Berhormat Jerlun pun kata begitu. Kita juga miskin. Kita mahu ambil sebanyaknya.

Akan tetapi dalam pilihan raya yang lalu, Perdana Menteri telah berjanji kita semua berjanji dalam Pakatan Harapan, bila kita menang nanti *insya-Allah* kita akan kembalikan hak Sabah dan hak Sarawak kepada mereka. [*Tepuk*] Itu janji kita. Janji kita. Sebab itu kita kembalikan janji ini seperti asalnya. Apa dia asalnya? Pada tahun 1963.

Apabila orang-orang, hero-hero kita yang berpandangan jauh merasakan harus ada satu *federation* di antara Sabah, Sarawak dan Malaya. Sebab itu semua pelajar undang-undang akan mengatakan penubuhan Malaysia bermaksud Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura. Nah, sekarang Singapura sudah keluar. Tidak mengapa. Akan tetapi yang masih lagi ada ialah Malaya, Sabah dan Sarawak. Maknanya tiga entiti ini yang menjadikan kita kuat. Tiga entiti ini menjadikan kita negara hebat di kawasan Asia Tenggara ini. Tiga entiti ini lah yang menamakan kita Malaysia.

Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, 1976 dengan pindaan Perlembagaan yang disokong oleh teman-teman yang dahulu. Malangnya entiti ini telah *reduce* kepada Sabah dan Sarawak sebagai negeri-negeri. Sebab itu saya kira Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari bersejarah seperti kata Yang Berhormat Bagan Serai. Cukup bersejarah. Kita dengan sokongan Perdana Menteri berani membawa isu ini walaupun sepatutnya kita ada *advantage*, tidak buat apa-apa pun tidak apa. Kautlah, kaut sebanyak yang mungkin kita mahu. Tidak kisah lah biarlah apa jadi pada Sabah, biarlah apa jadi pada Sarawak. Tidak mungkin. Tidak mungkin kita dapat hidup begini. Saya sudah tentu akan melihat bergembira kalau kita dapat punggung harta mereka balik ke Malaya, tetapi itu bukan janji kita. Janji kita mesti di kota. Ini lah janji kita. [*Tepuk*]

Ada benda yang kita boleh buat segera, ada benda yang kita boleh tangguh-tangguhkan. Akan tetapi dalam kes ini tidak mungkin kita tangguh-tangguhkan. Sebab kita amat faham derita rakyat Sabah dan di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Untuk itu saya mengajak teman-teman sekalian, yang penting Tuan Yang di-Pertua bayangkan saya saban tahun membawa Perlembagaan. Bahagian 10 cukup lah. Bahagian 10 dalam Perlembagaan kita tidak boleh buat. Setiap tahun sepatutnya apa juga dua per lima daripada yang kita kutip cukai-cukai di Sabah harus kita kembalikan. Semporna ini, Semporna Ketua Menteri, ini hak Semporna.

■2130

Ini hak Sabah kita kembalikan, tetapi kalau kedudukan mereka sudah sama seperti Kedah, Perlis, Johor dan Pahang. Maknanya kedudukan, maknanya *voice* yang akan memberikan suara yang besar di kalangan *Sabahan* dan *Sarawakian* sudah menjadi kecil.

Betul kita setuju bahawa ada benda-benda yang kita harus buat sekarang, tetapi harus ingat yang paling pentingnya ialah di mana hero-hero kita yang dahulu yang berfikiran panjang menubuhkan Malaysia, sudah tentulah mereka mendapat bermacam-macam input. Termasuklah mana mungkin kita ada sebuah Perlembagaan yang Perlembagaan itu merujuk kepada dokumen yang lain. Hendak letak pula rujuk kepada dokumen lain, tidak mungkin.

Oleh sebab itu saya juga melihat dalam *polling* yang sedang berlaku sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, Borneo *online* mengatakan 73 *percent* mereka yang mengundi menyokong supaya Perlembagaan ini terjadi. [*Dewan tepuk*] Rakyat di bawah menunggu-nunggu supaya mengembalikan balik hak rakyat Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin teman-teman saya yang bijaksana dari sebelah, dari semua yang mahukan melihat negara kita kembali menjadi sebuah negara yang hebat, sebuah negara yang disegani oleh jiran-jiran kita tetapi lebih penting sekali persahabatan kita, di antara tiga entiti ini Malaya, Sabah dan Sarawak menjadi utuh dan kukuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. dalam tempoh yang agak singkat seramai 46 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. Sekarang saya ingin menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya ingin membawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2) supaya rang undang-undang ini diserahkan kepada *Special Select Committee*.

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar. Selepas sesi menjawab perkara ini akan kita bangkitkan. Sebab proses perbahasan belum selesai.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya boleh baca peraturannya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun sudah baca Yang Berhormat, saya mengikut amalan juga. Selepas sesi menjawab, silakan Yang Amat Berhormat.

9.32 mlm.

Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang telah saya bantangkan.

Saya telah mendengar dengan teliti sesi perbahasan yang berlangsung dan dapat menyimpulkan bahawa secara umumnya majoriti ahli Dewan menyokong pindaan yang dicadangkan ini, [*Dewan tepuk*] walaupun ada yang menyokong secara bersyarat.

Akan tetapi secara dasarnya pindaan ini diterima baik oleh semua, sebagaimana yang telah saya jelaskan. Pindaan ini ialah manifestasi langkah pertama Kerajaan Pakatan Harapan menterjemahkan hasrat rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang mahukan status Sabah dan Sarawak dikembalikan kepada kedudukan semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Ini selaras dengan semangat dan hasrat Perjanjian Malaysia 1963.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, saya dapati Ahli-ahli Yang Berhormat agak keliru dengan sejarah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya pembentukan Persekutuan Malaysia. Izinkan saya untuk memperjelaskan sedikit sejarah mengenai pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dan juga pembentukan Persekutuan Malaysia. Apa yang kerajaan bentangkan melalui Rang undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini, hendaklah difahami dan dihayati dengan mendalam. Kerajaan Persekutuan ingin menjelaskan bahawa Persekutuan Tanah Melayu yang telah dibentuk pada tahun 1957, merupakan satu daripada pihak yang memeterai Perjanjian Malaysia 1963.

Saya ingin mengingatkan kembali Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa negeri-negeri Tanah Melayu telah dibentuk hasil daripada persetujuan antara Negeri-negeri Melayu dengan Kerajaan *British* yang juga bersetuju untuk melepaskan kedaulatan *British* ke atas Negeri-negeri Selat. Persekutuan Tanah Melayu 1957 lahir daripada persetujuan yang telah dicapai antara Kerajaan *British* dengan Negeri-negeri Melayu yang lebih awal telah bersatu di bawah Perjanjian Persekutuan 1948. Perjanjian Persekutuan 1948 jika kita masih ingat lagi merupakan hasil daripada perjuangan rakyat di Negeri-negeri Melayu yang menentang Malayan Union.

Oleh itu, apabila Persekutuan Tanah Melayu 1957 bersetuju untuk bersatu dengan negeri Sabah dan Sarawak untuk membentuk Persekutuan Malaysia, pada tahun 1963 Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat telah pun mempunyai entiti dan identiti sendiri dan bersedia menerima Sabah dan Sarawak sebagai satu keluarga dalam sebuah Persekutuan. Persekutuan Tanah Melayu 1957 juga bersetuju untuk menjadi sebahagian daripada Malaysia tanpa melaungkan dan menekan nama dan identiti Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan bahawa selaras dengan Persekutuan Malaysia yang telah terbentuk dan berjalan mengikut landasan dan sistem *federalism* negara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan Ahli Parlimen iaitu suatu badan perundangan di peringkat Persekutuan yang sebenarnya mewakili kawasan masing-masing untuk kebaikan dan masa depan Persekutuan dan setiap kawasan atau *constituency* mempunyai hak yang sama untuk bersuara dan mewakili semua rakyat dalam *constituency* masing-masing di peringkat Persekutuan.

Sebagai perbandingan, kita lihat negara lain yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Amerika Syarikat, sistem *federalism* yang diamalkan di negara itu adalah berdasarkan Perlembagaan negara itu di mana negeri-negeri yang membentuk Amerika Syarikat mempunyai hak dan obligasi sebagai anggota dalam Persekutuan. Hak, kuasa dan obligasi negeri-negeri yang merupakan anggota dalam suatu Persekutuan United States of America diperuntukkan juga dalam Senarai Persekutuan Negeri dan Senarai Bersama sebagai makna yang diamalkan di Malaysia tetapi bersesuaian dengan sistem politik dan kompromi yang telah dicapai antara Persekutuan dan negeri.

Dalam satu *federalism*, kita perlulah menghormati hak dan obligasi setiap rakan kongsi yang membentuk Persekutuan. Oleh itu, dalam menghayati konsep *equal partnership* di negara ini sekiranya telah termaktub dalam Perlembagaan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa dalam sesuatu hal atau perkara, maka hak dan kuasa tersebut hendaklah terus dilaksanakan dan terus diberikan kebebasan dan kuasa untuk menjalankan tanggungjawab tersebut demi kemakmuran dan masa depan negara. Sekiranya, pihak Sabah dan Sarawak berhasrat untuk berkongsi kuasa tersebut, maka perkara ini haruslah dirundingkan bersama dalam jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengulas beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen semasa perbahasan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan bagi Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini untuk meminda Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan khususnya Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Petrajaya, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Kota Bharu dan banyak lagi dari Sabah dan Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia.

■2140

Seperti mana yang telah saya sebutkan di dalam ucapan pembentangan saya tadi pindaan ini dibuat sebagai langkah pertama dalam merealisasikan harapan dan aspirasi kerajaan... [Tepuk] Rakyat negeri Sabah dan Sarawak di mana pindaan ini adalah untuk menyatakan bahawa perjanjian yang dibuat antara tiga entiti iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Kedudukan Persekutuan Tanah Melayu tidak berubah sebaliknya ia menjadi sebahagian daripada Kerajaan Malaysia bersama dengan wakil Sabah dan Sarawak. Kerajaan yang ditubuhkan ini adalah kerajaan seluruh Malaysia, ia tidak sama dengan Kerajaan Persekutuan yang asal walaupun perjanjian antara negeri-negeri di Semenanjung masih kekal.

Select Committee seperti diutarakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Ketereh dan ramai lagi. Pindaan kepada Fasal 2 Perkara 1 ini telah dipersetujui dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Perjanjian Malaysia 1963 dan merupakan langkah pertama yang dibuat oleh

Kerajaan Pakatan Harapan untuk merealisasikan harapan dan aspirasi rakyat negeri Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Pakatan Harapan berpandangan bahawa rujukan kepada *Select Committee* mengenai rang undang-undang ini adalah tidak perlu memandangkan tujuan pindaan ini adalah amat jelas iaitu untuk memperuntukkan semula peruntukan mengenai negeri-negeri Persekutuan sebagai mana kedudukan peruntukkan tersebut semasa Persekutuan Malaysia dibentuk dengan ubah usai yang perlu. Seperti yang telah dijelaskan, kerajaan sedang menjalankan usaha merealisasikan tuntutan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak melalui semua perbincangan dan rundingan yang dijalankan dalam inisiatif Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Jika ada tuntutan khusus berkenaan hubungan antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, ketiga-tiga entiti ini boleh berunding menyelesaikan tuntutan dari mana-mana pihak.

Mengenai kebimbangan dan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Pengerang, sepertimana yang telah saya maklumkan pindaan yang dicadangkan Fasal 2 Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan tidak akan mengubah usaha rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang sedang diadakan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Perjanjian Malaysia 1963. Usaha rundingan tersebut masih akan diteruskan.

Yang Berhormat Pengerang juga membangkitkan isu implikasi pindaan ini sama ada ia akan mengubah taraf negeri Sabah dan Sarawak. Dalam hal Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya nyatakan tadi pindaan ini akan mengembalikan peruntukkan asal dan status negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana Perjanjian Malaysia 1963 dimeterai. [*Tepuk*]

Pindaan ini juga tidak akan menjejaskan apa-apa kedudukan sedia ada semua negeri di Malaysia sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkaitan. Pindaan ini merupakan langkah pertama oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk merealisasikan harapan dan aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak. Pindaan lain yang wajar akan menyusul daripada rundingan yang sedang giat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai konsep federalisme yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Kinabatangan, kerajaan telah bersetuju untuk memotong perkara ini dalam huraian sepertimana yang dipohon seperti yang telah saya nyatakan tadi. Dalam hal ini konsep federalisme memang telah termaktub dalam peruntukkan Perlembagaan Persekutuan. Walaupun apa pun yang dibahaskan peruntukan Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipatuhi memandangkan ia merupakan undang-undang utama negara yang mengamalkan sistem demokrasi dengan berteraskan keluhuran Perlembagaan.

Yang Berhormat Pontian juga ada membangkitkan isu mengenai rujukan kepada Majlis Raja-raja mengenai pindaan ini, dalam hal ini ingin saya jelaskan bahawa pindaan ini tidak secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja dan oleh itu tidak ada keperluan untuk pindaan ini dirujuk kepada Majlis Raja-raja. [*Tepuk*]

Selain daripada itu, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Keningau ada membangkitkan isu autonomi Sabah dan Sarawak khususnya berkenaan dengan royalti minyak. Seperti yang saya tegaskan tadi perkara ini merupakan perkara yang masih boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan diberi perhatian serius oleh Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan juga mengambil maklum bahawa Yang Berhormat Santubong dan Yang Berhormat Kota Bahru telah membangkitkan isu berkenaan had wilayah, untuk makluman Dewan yang mulia ini isu ini sememangnya merupakan isu yang sedang rundingkan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan akan di terus dirunding.

Selain itu, Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Petrajaya juga ada membangkitkan isu mengenai rujukan pindaan ini kepada Dewan Undang Negeri Sabah dan Sarawak atau *Consultative Committees* yang ditubuhkan di peringkat negeri terlebih dahulu sebelum dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan mengenai keperluan untuk mendapatkan restu Dewan Undangan Negeri Sarawak mengenai keputusan untuk membentangkan rang undang-undang yang melibatkan hal ehwal Sabah dan Sarawak di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil maklum permohonan Yang Berhormat Tumpat agar wakil-wakil negeri lain turut dijemput sebagai anggota perbincangan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963. Dalam hal ini, dalam perbincangan Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut Kerajaan Persekutuan sentiasa menjaga kepentingan dan hak-hak negeri lain yang sama-sama membentuk Malaysia secara keseluruhan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu Yang Berhormat Tumpat tidak perlulah risau kerana rundingan tersebut dibuat secara adil berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkuat kuasa. Jawatankuasa Kabinet tersebut akan terus membuat rundingan sehinggalah satu keputusan yang dapat memuaskan hati semua pihak dapat dicapai.

■2150

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga menerima baik usaha kerajaan terdahulu berunding dengan negeri Sabah dan Sarawak, *devolution of authority* seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Batang Sadong dan Yang Berhormat Kimanis. Malangnya jawatankuasa yang ditubuhkan bagi proses *devolution* tersebut tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri, pada masa itu. Dalam hal ini kerajaan juga mengambil maklum hasrat kebanyakan Ahli-ahli Dewan ini yang turut mahu mempunyai suara dalam Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang ditubuhkan.

Oleh yang demikian, kerajaan tiada halangan agar perkara ini dan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen boleh ditubuhkan untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963. Ini kerana kerajaan sedar bahawa tiada Ahli-ahli Parlimen yang menganggotai Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan ini

boleh memberikan peluang kepada Ahli Jawatankuasa Khas Parlimen untuk mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Dalam konteks ini, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen akan dijemput untuk menjadi salah seorang ahli dalam Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut. Keahlian Jawatankuasa Khas Parlimen ini akan melibatkan Ahli-ahli Parlimen dari pelbagai komposisi parti dalam Parlimen.

Pada masa yang sama, kerajaan mengambil maklum daripada Kerajaan Negeri Sarawak bahawa pembentukan Malaysia adalah lanjutan daripada Perjanjian Malaysia 1963 dengan izin, *pursuant to the Malaysia Agreement 1963*. Dengan itu, saya mohon sokongan penuh Ahli-ahli Berhormat sekalian untuk rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

[Dewan Tepuk]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Amat Berhormat, sebelum duduk, saya ada bangkitkan satu perkara iaitu pindaan ini bertentangan juga dengan Perlembagaan kerana dari segi Fasal (2) Perkara 1 mengatakan:

- “(2) *Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada-*
(a) Tanah Melayu dan negeri-negerinya serta;
(b) Negeri-negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak”.

Dari segi definisi Persekutuan di dalam Perlembagaan ini. Definisi Persekutuan ertinya Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Kalau itu makna Persekutuan, bermakna Sabah dan Sarawak tidak termasuk, tidak boleh termasuk di dalam ini kerana Sabah dan Sarawak belum lagi menjadi negeri-negeri ataupun belum menjadi sebahagian daripada negara Malaysia pada tahun 1957. Jadi, ia bertentangan. Maknanya, kalau kita kata negeri-negeri Persekutuan, maksud Persekutuan ini adalah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. Oleh sebab itulah, kita mencadangkan supaya perlu dilihat secara menyeluruh. Mungkin pindaan perlu dibuat kepada definisi Persekutuan dan selepas itu barulah kita membuat pindaan ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat dua Persekutuan. Pertama ialah Persekutuan Tanah Melayu, yang anggotanya telah saya jelaskan. Apabila kita bercadang untuk bersama dengan Sabah dan Sarawak, kita juga terima konsep Persekutuan tetapi, kali ini Persekutuan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, tiga entiti. Tujuan kita hari ini adalah supaya kita jelaskan bahawa yang merunding untuk menubuhkan Persekutuan yang baharu ini ialah tiga entiti dan bukan pihak yang lain. Pihak yang lama diwakili oleh Persekutuan Tanah Melayu.

Pada masa itu, merekalah yang merunding, tetapi yang ditubuhkan bukan Persekutuan yang mana negeri-negeri di Semenanjung ini juga mempunyai taraf yang sama dengan Sabah dan Sarawak. Oleh itu, kita harus faham bahawa apa yang kita ingin lakukan hari ini ialah mengembalikan kepada Perjanjian 1963 di waktu mana yang berunding bukan Kedah bukan

Perlis bukan Kelantan bukan Terengganu, yang berunding ialah Persekutuan Tanah Melayu sebagai satu entiti dengan Sabah dan Sarawak dan ketiga tiga ini bersetuju mengadakan sistem pemerintahan *federal* yang namanya serupa tetapi bukan yang pertama itu, ini yang lain.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Sri jawab?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya berpandukan kepada definisi. Saya bersetuju ada lagi Perjanjian 1963, bermakna kita tambahkan di dalam Perlembagaan Persekutuan ini definisinya, bukan setakat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 tetapi juga Perjanjian Malaysia 1963, kena masukan di dalam ini. Ini adalah undang-undang bertulis yang tidak boleh diubah kecuali dipinda. Sekarang ini kita *refers* kepada undang-undang bertulis yang ada di depan kita yang hanya menyebut tentang Persekutuan bermakna "*Negeri-Negeri Persekutuan Tanah Melayu berdasarkan Perjanjian tahun 1957*". Jadi, saya takut ia bertentangan dengan Perlembagaan dan kalau hendak tambah, itu saya kata tadi, kita tambah berdasarkan Perjanjian tahun 1963.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Persekutuan Malaysia dibuat antara tiga entiti. Akan tetapi, disalahtafsirkan oleh kerajaan dahulu supaya dianggap sebagai 13 buah entiti. Akan tetapi, yang tiga belas ini tidak runding sama sekali. Mereka diwakili oleh Persekutuan Tanah Melayu dan yang kita betulkan di sini, pindaan ini adalah untuk membetulkan supaya tidak ada lagi salah faham bahawa Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah Terengganu ada sama taraf. Sebaliknya kita ingin tentukan bahawa *federation*, Persekutuan Malaysia ini adalah antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah, rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Saya ada satu pemakluman yang akan saya baca sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin merujuk kepada usul daripada Yang Berhormat Tuaran yang telah diterima pada Isnin 8 April 2019 berkenaan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 untuk diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali kedua. Usul yang dikemukakan isu-isu yang berbangkit adalah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 54, Fasal (1) dan 54 Fasal (2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Saya telah meneliti dan mendapati bahawa usul Yang Berhormat Yang Berhormat Tuaran adalah menyerupai usul yang dikemukakan terlebih dahulu oleh Yang Berhormat Santubong yang telah diterima pada Khamis 4 April 2019 dan mempunyai maksud yang sama. Justeru saya hanya membenarkan usul Yang Berhormat Santubong untuk dikemukakan.

Jadi, saya menjemput Yang Berhormat Santubong untuk mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2).

USUL**MENYERAHKAN RANG UNDANG-UNDANG
KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN****9.59 mlm.**

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan supaya rang undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Khas Parlimen untuk dikaji dengan seluruhnya di bawah Peraturan 54(2) dan saya baca peraturan ini.

■2200

“Setelah dibacakan Rang Undang-undang kali yang kedua, maka Rang Undang-undang itu akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, kecuali jika Majlis mengeluarkan usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan. Usul ini tidak dikehendaki dikeluarkan pemberitahu tetapi mestilah dibuat sebaik-baik sahaja dibacakan rang undang-undang itu kali yang kedua, masih boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli; masalah atau usul itu hendaklah dikemukakan serta-merta kepada mesyuarat bagi diputuskan dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.”

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita memerlukan seorang penyokong. Ada sesiapa yang menyokong?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis Usul Yang Berhormat Santubong seperti yang dikemukakan tadi untuk diputus.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2), Usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan]

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, belah bahagi.

[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46 fasal (4), saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Saya ingatkan Senator tidak boleh mengundi ya.

■2210

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah diberi keputusan mengundi. Keputusan undi adalah seperti berikut.

Ahli-ahli yang bersetuju, 60 orang.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, 136 orang. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak mengundi, satu orang.

[Usul tidak disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan semula masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang dari dua per tiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46, Fasal 5 saya memerintahkan supaya satu belah-bahagian diadakan sekarang. Dua per tiga undi mesti diperolehi mengikut Perlembagaan. Bunyikan loceng selama 2 minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Seperti tadi, Ahli-ahli Yang terhormat yang jadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

■2220

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah diberi keputusan. Dua per tiga undi adalah bersamaan dengan 148 undi daripada 221 Ahli Dewan Rakyat yang ada. Jadi inilah keputusannya:

Ahli-ahli yang bersetuju, 138 undi. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, 0 undi. Tidak ada.

Ahli-ahli yang tidak mengundi, 59 ahli. *[Dewan riuh]*

Jadi keputusan, tidak didapati undi yang lebih daripada dua per tiga undi majoriti bersetuju.

[Bacaan kali yang kedua rang undang-undang tidak disetujui]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Rakyat akan hukum kamu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Rakyat akan tolak keluar daripada Sabah dan Sarawak.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: Jadi pasu bunga ramai ya hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi seterusnya rang undang-undang ini tidak boleh diteruskan untuk dibacakan kali yang kedua sekarang. Sebab undi tidak..

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Kesian rakyat Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada semua ahli-ahli yang jadi penghitung dan yang mengambil bahagian.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ignatius Dorell Leiking]: Gagallah. Sabah Sarawak rugi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 10 April 2019. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.27 malam]